

**TAKSIRAN DAN APLIKASI ZAKAT PADI
DI MALAYSIA**

NOR AINI BINTI ALI

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

**TAKSIRAN DAN APLIKASI ZAKAT PADI
DI MALAYSIA**

NOR AINI BINTI ALI

**TESIS DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2013

ABSTRAK

Zakat padi adalah satu-satunya sumber zakat tanaman di Malaysia. Berdasarkan garis panduan institusi zakat, zakat padi dikenakan pada kadar lima peratus atau sepuluh peratus daripada hasil kasar atau hasil bersih setelah cukup nisab iaitu lima *awsaq*. Kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar dikatakan tidak menjamin keadilan sosial dalam kalangan petani kerana kos yang tinggi diperlukan bagi penanaman padi secara moden termasuklah kos input seperti baja, benih dan racun serta kos buruh untuk membajak, menuai dan sebagainya. Secara umumnya, tujuan kajian adalah untuk meneliti taksiran zakat padi dari sudut teori dan praktis. Secara khususnya pula, kajian ini mempunyai empat objektif. Pertama ialah untuk membincangkan pemikiran sarjana Islam tentang zakat tanaman. Keduanya, adalah untuk menghuraikan undang-undang dan fatwa berkaitan zakat tanaman di Malaysia. Ketiga, untuk menganalisis amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Keempat, untuk mengemukakan model perakaunan zakat padi yang praktikal untuk diamalkan di Malaysia.

Bagi mencapai keempat-empat objektif tersebut, kajian perpustakaan dan kajian lapangan dilaksanakan. Kajian perpustakaan dijalankan bagi memperolehi data sekunder berkaitan zakat tanaman menerusi penelitian terhadap karya-karya terdahulu. Kajian lapangan pula dilakukan bagi memperolehi data primer berhubung amalan taksiran zakat padi di Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Zakat Kedah (JZK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) serta dalam kalangan petani di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Data sekunder dan primer yang diperolehi dianalisis secara kualitatif dan kuantitatif berdasarkan keperluan kajian.

Secara umum, amalan taksiran zakat padi merangkumi tiga langkah utama iaitu cukup nisab, pemilihan kadar zakat padi serta pengiraan zakat padi berdasarkan kaedah yang dipilih. Secara khusus, dalam aspek nisab zakat padi, kebanyakan responden tidak mengikut garis panduan institusi zakat kerana mereka tidak mengetahui jumlah nisab zakat padi. Manakala dalam aspek kadar zakat padi, kebanyakan responden membayar zakat padi pada kadar yang ditetapkan oleh institusi zakat. Selain itu, hasil kajian juga mendapati majoriti responden mengira zakat padi berdasarkan hasil kasar kecuali responden di Kelantan yang mengira zakat padi berdasarkan hasil bersih. Ini tidak selari dengan garis panduan di MAIK.

Secara keseluruhannya, amalan taksiran zakat padi dalam kalangan petani selari dengan garis panduan institusi zakat. Walau bagaimanapun, penetapan kadar zakat padi oleh institusi zakat tanpa mengambilkira jenis pengairan yang digunakan oleh petani dan penggunaan kaedah hasil kasar dalam taksiran zakat padi perlu dinilai semula supaya petani yang benar-benar mampu dan layak sahaja membayar zakat padi.

ABSTRACT

Zakah on paddy is the only source of agricultural zakah in Malaysia. Based on the guidelines of zakah institutions, zakah on paddy is levied at five or ten per cent of gross yield or net yield when it fulfils the *nisab* of five *awsaq*. The method of assessment based on the gross yield is not considered to ensure social justice among farmers because of the high costs required for modern methods which include the cost of inputs such as fertilizers, seeds and pesticides as well as labour costs for ploughing, harvesting, and so on. Generally, the purpose of the study is to examine the assessment of agricultural zakah, from both the theoretical as well as practical perspectives. Specifically, the study has four objectives. The first is to discuss the Islamic scholars thinking about agricultural zakah. Second, is to explain the law and rulings with respect to agricultural zakah in Malaysia. Third, to analyse the practice of the assessment of zakah on paddy in Selangor, Kelantan, Kedah and Perlis. Fourth, to produce an accounting model for zakah on paddy that is practical for implementation in Malaysia.

To achieve these four objectives, a literature review and field study were undertaken. The literature review was conducted to obtain secondary data relating to agricultural zakah by examining relevant past literature. The field research was carried out to obtain primary data on assessment practices in the zakah on paddy in Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Zakat Kedah (JZK) and Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) and among farmers in Selangor, Kelantan, Kedah and Perlis. Secondary and primary data were analysed qualitatively and quantitatively based on the requirements of the study.

In general, zakah on paddy assessment practices consist of three main steps: it fulfils the *nisab*, zakah rate selection and zakah calculation based on the method chosen. In respect of the *nisab* of zakah, most of the respondents do not follow the guideline of the zakah institutions because they do not know the amount of *nisab*. While in terms of zakah rate, most of the respondents pay zakah on paddy at the rate prescribed by the institution of zakah. In addition, the study also found that the majority of the respondents calculate zakah based on the gross yield except the respondents in Kelantan who calculate zakah based on the net yield which is not in line with the guidelines in MAIK.

Overall, the assessment practices for zakah on paddy among farmers are in line with the guidelines of the zakah institutions. However, the determination of the zakah rate by zakah institutions irrespective of the type of irrigation used by farmers and the use of the gross yield method of the zakah assessment should be re-evaluated so that only farmers who are truly able pay zakah on paddy.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan *'ināyah*-Nya tesis ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sekalung penghargaan ditujukan kepada Yang Berbahagia Dr Luqman Haji Abdullah dan Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Azhar Harun selaku penyelia utama dan penyelia bersama di atas bimbingan dan didikan yang diberikan sehingga terhasilnya tesis ini.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jabatan Zakat Kedah dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di atas kerjasama dan bantuan yang dihulurkan sepanjang kajian ini dijalankan. Begitu juga dengan para petani di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis yang menjadi responden bagi kajian ini serta pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Hanya Allah SWT yang mampu membalasnya.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pembantu-pembantu penyelidik yang telah memberikan kerjasama dan bantuan dalam mengedarkan soal selidik kepada petani. Tanpa bantuan kalian, tesis ini tidak mampu disiapkan dengan sempurna.

Selain itu, ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada ayahanda dan bonda, bonda mertua, adik-beradik, ipar serta seisi keluarga yang setia memberi dorongan dan sokongan sepanjang suka duka menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada suami, Muhammad Fadzlullah Haron yang sabar dan memberi sokongan sepenuhnya sepanjang tempoh kajian ini dilakukan. Juga

kepada anak kesayangan ummi, Nur Aqilah Muhammad Fadzlullah yang tidak banyak karenah dan menjadi penawar hati ummi di kala susah dan senang dalam menyiapkan tesis ini.

Buat sahabat-sahabat di Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya dan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, *syukran jazīlan*. Segala ilmu dan pengalaman yang dikutip akan tetap tersemat di hati. Semoga usaha kita semua akan diberkati dan diberi ganjaran yang selayaknya di sisi-Nya.

Salam,

Nor Aini Ali
Institut Pengajian Siswazah
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

KANDUNGAN

	HALAMAN
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI KEPENDEKAN	xx
PANDUAN TRANSLITERASI	xxi
SENARAI STATUT	xxii
SENARAI LAMPIRAN	xxii
 BAB SATU PENDAHULUAN	
1.0 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	2
1.1.1 Sifat dan Jenis Tanaman Yang Diwajibkan Zakat	2
1.1.2 Nisab Zakat Tanaman	3
1.1.3 Kadar Zakat Tanaman	6
1.1.4 Kaedah Taksiran Zakat Tanaman	7
1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN	13
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	17
1.4 PERSOALAN KAJIAN	17
1.5 SKOP DAN BATASAN KAJIAN	19
1.6 DEFINISI OPERASIONAL	21
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	23
1.8 SUMBANGAN KAJIAN	24
1.9 ORGANISASI TESIS	26
1.10 KESIMPULAN	27

BAB DUA KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.0	Pengenalan	28
2.1	Kajian-Kajian Lepas	28
2.1.1	Kajian Mengenai Zakat	29
2.1.2	Kajian Mengenai Zakat Tanaman	32
2.1.2.1	Kajian Teoretikal Mengenai Zakat Tanaman	32
2.1.2.2	Kajian Empirikal Mengenai Zakat Tanaman	36
2.1.3	Kajian Kemiskinan Petani	41
2.2	Analisis Kajian-Kajian Lepas	43
2.3	Sorotan Karya	46
2.3.1	Jenis Zakat Tanaman	46
2.3.2	Sifat Harta Yang dikenakan Zakat Tanaman	48
2.3.3	Penolakan Kos Tanaman dan Kos Sara Hidup	61
2.3.4	Kadar Zakat Tanaman	64
2.3.5	Pentaksiran	67
2.4	Ulasan Sorotan Karya	71
2.5	Kerangka Teoretis Kajian	72
2.6	Kesimpulan	75

BAB TIGA PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN ZAKAT TANAMAN DI MALAYSIA

3.0	Pengenalan	76
3.1	Institusi yang menguruskan Zakat	76
3.2	Undang-Undang Zakat Tanaman di Malaysia	79
3.2.1	Perundangan Zakat Secara Umum	80
3.2.2	Perundangan Zakat Tanaman Secara Khusus	82
3.3	Fatwa Mengenai Zakat Tanaman	95
3.4	Kesimpulan	106

BAB EMPAT METODOLOGI KAJIAN

4.0	Pengenalan	108
4.1	Reka Bentuk Kajian	108
	4.1.1 Kajian Perpustakaan	110
	4.1.2 Kajian Lapangan	110
4.2	Pengumpulan Data	112
	4.2.1 Pengumpulan Data Sekunder	112
	4.2.2 Pengumpulan Data Primer	113
	4.2.2.1 Soal Selidik	114
	4.2.2.2 Temu Bual	119
4.3	Persampelan	120
	4.3.1 Unit Analisis	120
	4.3.2 Saiz Sampel	120
	4.3.3 Teknik Persampelan	121
	4.3.4 Responden Soal Selidik	123
	4.3.5 Responden Temu Bual	124
4.4	Tatacara Kajian	125
	4.4.1 Kajian Rintis	126
	4.4.2 Ujian Rintis	126
	4.4.3 Kajian Lapangan Sebenar	127
	4.4.4 Hipotesis Kajian	129
4.5	Penganalisaan Data	129
	4.5.1 Penganalisaan Data Sekunder	129
	4.5.2 Penganalisaan Data Primer	130
4.6	Kesimpulan	132

**BAB LIMA AMALAN TAKSIRAN ZAKAT PADI DI
SELANGOR, KELANTAN, KEDAH DAN PERLIS**

5.0	Pengenalan	133
5.1	Taburan Demografi Responden	133
5.2	MAKLUMAT PENANAMAN PADI	136
5.2.1	Latar Belakang Penanaman Padi	137
5.2.2	Hasil Padi	140
5.2.3	Kos-kos Penanaman Padi	143
5.2.4	Pendapatan Bersih	147
5.3	KOS SARA HIDUP	149
5.4	PEMBAYARAN ZAKAT PADI	156
5.4.1	Saluran Pembayaran Zakat Padi	157
5.4.2	Kaedah Taksiran Zakat Padi	160
5.4.3	Kaedah Taksiran Zakat Subsidi Harga Padi	171
5.4.4	Jumlah Keseluruhan Zakat	176
5.5	PENERIMAAN BANTUAN	177
5.6	PENGETAHUAN TENTANG FATWA ZAKAT PADI	178
5.7	PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP PERNYATAAN BERKAITAN TAKSIRAN ZAKAT PADI	180
5.8	HUBUNG KAIT ANTARA PEMBOLEH UBAH-PEMBOLEH UBAH	184
5.8.1	Hubung Kait Faktor Demografi dengan Pemboleh Ubah Lain	185
5.8.2	Hubung Kait Pemboleh Ubah dengan Pemboleh Ubah-pemboleh Ubah Lain	202
5.9	KESIMPULAN	211

BAB ENAM MODEL PERAKAUNAN ZAKAT PADI DI MALAYSIA

6.0	PENGENALAN	213
6.1	MODEL PERAKAUNAN ZAKAT PADI SEDIA ADA	213
6.1.1	Hasil Kasar Padi	213
6.1.2	Hasil Bersih Padi (menolak kos tanaman sahaja)	215
6.1.3	Hasil Bersih Padi (menolak kos tanaman dan kos sara hidup)	219
6.2	MODEL PERAKAUNAN ZAKAT PADI YANG BARU	222
6.2.1	Pekerjaan Sampingan Petani adalah Bersawah Padi	226
6.2.2	Pekerjaan Utama Petani adalah Bersawah Padi atau Pekerjaan Petani Hanya Bersawah Padi	228
6.3	IMPLIKASI PENGGUNAAN MODEL PERAKAUNAN ZAKAT PADI BARU	232
6.3.1	Implikasi Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1	233
6.3.2	Implikasi Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2	235
6.4	KESIMPULAN	236

BAB TUJUH KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

7.0	PENGENALAN	237
7.1	HASIL PENEMUAN UTAMA KAJIAN	237
7.2	IMPLIKASI DASAR	248
7.2.1	Zakat Tanaman	248
7.2.2	Undang-undang dan Fatwa Berkenaan Zakat Tanaman	248
7.2.3	Model Perakaunan Zakat Padi	249
7.2.4	Bukti Empirikal Berkenaan Amalan Taksiran Zakat Padi	250
7.3	CADANGAN TERHADAP AMALAN INSTITUSI ZAKAT	250
7.3.1	Penggunaan Hasil Bersih dalam Taksiran Zakat Padi	250
7.3.2	Perluasan Hebahan Maklumat	252
7.4	CADANGAN KAJIAN MASA HADAPAN	253
7.4.1	Lokasi Kajian	253
7.4.2	Skop Kajian	254
7.4.3	Pengujian Model Perakaunan Zakat Padi Yang Baru	254
7.5	KESIMPULAN	255
	BIBLIOGRAFI	256
	SENARAI TEMU BUAL	269
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 1.1	Jumlah Nisab Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia	5
Jadual 1.2	Kadar Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia	6
Jadual 1.3	Kaedah Taksiran Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia	11
Jadual 1.4	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian	19
Jadual 3.1	Jenis Tanaman Yang Dikenakan Zakat Tanaman dalam Enakmen	88
Jadual 3.2	Nisab dan Kadar Zakat Tanaman dalam Enakmen	93
Jadual 3.3	Waktu Pembayaran Zakat Tanaman dalam Enakmen	94
Jadual 3.4	Fatwa Berkaitan Zakat Tanaman (Perseorangan)	98
Jadual 3.5	Fatwa Berkaitan Zakat Tanaman (Berkelompok)	103
Jadual 3.6	Fatwa Berkaitan Zakat Subsidi Harga Padi	105
Jadual 4.1	Kutipan Zakat Tanaman Tahun 2007-2009 di Kedah, Selangor, Perlis dan Kelantan	122
Jadual 4.2	Pembahagian Sampel Kawasan Kajian	123
Jadual 5.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina dan Negeri	134
Jadual 5.2	Taburan Responden Berdasarkan Taraf Perkahwinan dan Negeri	134
Jadual 5.3	Taburan Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Tertinggi dan Negeri	135
Jadual 5.4	Taburan Responden Berdasarkan Umur dan Negeri	135
Jadual 5.5	Taburan Responden Berdasarkan Bilangan Tanggungan dan Negeri	136
Jadual 5.6	Taburan Responden Berdasarkan Status Bersawah Padi dan Negeri	137
Jadual 5.7	Taburan Responden Berdasarkan Pemilikan Sawah dan Negeri	137
Jadual 5.8	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Keluasan Penanaman Padi dan Negeri	138
Jadual 5.9	Taburan Responden Berdasarkan Jenis Pengairan Utama dan Negeri	138

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 5.10	Taburan Responden Berdasarkan Keahlian Persatuan Peladang Kawasan (PPK) dan Negeri	139
Jadual 5.11	Taburan Responden Berdasarkan Status Penerimaan Bantuan dan Negeri	139
Jadual 5.12	Taburan Responden Berdasarkan Hasil Padi Semusim (Tan) dan Negeri	140
Jadual 5.13	Taburan Responden Berdasarkan Hasil Padi Semusim (RM) dan Negeri	141
Jadual 5.14	Taburan Responden Berdasarkan Subsidi Harga Padi Semusim (RM) dan Negeri	142
Jadual 5.15	Taburan Responden Berdasarkan Hasil Keseluruhan Padi Semusim (RM) Dan Negeri	142
Jadual 5.16	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Hasil Padi Semusim (RM) dan Status Pekerjaan Bersawah	143
Jadual 5.17	Taburan Responden Berdasarkan Kos Input (RM) dan Negeri	144
Jadual 5.18	Taburan Responden Berdasarkan Kos Buruh (RM) dan Negeri	144
Jadual 5.19	Taburan Responden Berdasarkan Kos Lain (RM) dan Negeri	145
Jadual 5.20	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Keseluruhan Kos (RM) dan Negeri	146
Jadual 5.21	Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Bersih Semusim (RM) dan Negeri	147
Jadual 5.22	Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Bersih Semusim (RM) dan Bilangan Tanggungan	148
Jadual 5.23	Taburan Responden Berdasarkan Kos Sara Hidup Sebulan (RM) dan Negeri	149
Jadual 5.24	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Hasil Padi Sebulan (RM) dan Negeri	150
Jadual 5.25	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Hasil Padi Sebulan (RM) dan Bilangan Tanggungan	151
Jadual 5.26	Taburan Responden Berdasarkan Kos Sara Hidup Sebulan (RM) dan Pendapatan Hasil Padi Sebulan (RM)	151
Jadual 5.27	Jumlah Had Kifayah Mengikut Kategori Tanggungan di Selangor	152

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 5.28	Taburan Responden Berdasarkan Status Pekerjaan Bersawah dan Status Pekerjaan Lain	153
Jadual 5.29	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan dari Sumber Selain Hasil Padi Sebulan (RM) dan Negeri	154
Jadual 5.30	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan dari Sumber Selain Hasil Padi Sebulan (RM) dan Status Pekerjaan Bersawah	154
Jadual 5.31	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Keseluruhan Sebulan (RM) dan Negeri	155
Jadual 5.32	Taburan Responden Berdasarkan Kos Sara Hidup Sebulan (RM) dan Jumlah Pendapatan Keseluruhan Sebulan (RM)	155
Jadual 5.33	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Keseluruhan Sebulan (RM) dan Bilangan Tanggungan	156
Jadual 5.34	Taburan Responden Berdasarkan Saluran Pembayaran Zakat Padi dan Negeri	157
Jadual 5.35	Alasan Responden Membayar Zakat Padi Hanya Kepada Asnaf	159
Jadual 5.36	Kadar Zakat Padi di Negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis	161
Jadual 5.37	Taburan Responden Yang Mengusahakan Sawah Sendiri Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Negeri	161
Jadual 5.38	Taburan Responden Yang Mengusahakan Sawah Sendiri Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi	162
Jadual 5.39	Taburan Responden Yang Menyewa Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Negeri	162
Jadual 5.40	Taburan Responden Yang Menyewa Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi	163
Jadual 5.41	Taburan Responden Yang Memawah Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Negeri	163
Jadual 5.42	Taburan Responden Yang Memawah Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi	164
Jadual 5.43	Taburan Responden Yang Diupah Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Negeri	164

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 5.44	Taburan Responden Yang Diupah Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi	164
Jadual 5.45	Taburan Responden Berdasarkan Jenis Pengairan Utama dan Negeri	165
Jadual 5.46	Taburan Responden Berdasarkan Kos Mengepam Air (RM) dan Negeri	165
Jadual 5.47	Taburan Responden Berdasarkan Kos Mengepam Air (RM) dan Jenis Pengairan Utama	166
Jadual 5.48	Taburan Responden Berdasarkan Kecukupan Nisab Zakat Padi dan Negeri	167
Jadual 5.49	Perbandingan Jumlah Nisab (Tan) dan Jumlah Nisab Semasa (RM) Bagi Negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis	168
Jadual 5.50	Kaedah Pengiraan Zakat Padi di Negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis	169
Jadual 5.51	Taburan Responden Berdasarkan Kaedah Pengiraan Zakat Padi dan Negeri	169
Jadual 5.52	Taburan Responden Berdasarkan Jenis Pengairan Utama dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi	170
Jadual 5.53	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Zakat Padi (RM) dan Negeri	171
Jadual 5.54	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Keluasan Penanaman Padi (Ekar) dan Negeri	171
Jadual 5.55	Kadar Zakat Subsidi Harga Padi di Negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis	172
Jadual 5.56	Taburan Responden Yang Mengusahakan Sawah Sendiri Berdasarkan Kadar Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri	173
Jadual 5.57	Taburan Responden Yang Menyewa Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri	174
Jadual 5.58	Taburan Responden Yang Memawah Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri	174
Jadual 5.59	Taburan Responden Yang Diupah Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri	175
Jadual 5.60	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Zakat Subsidi Harga Padi (RM) dan Negeri	176

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 5.61	Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Keseluruhan Zakat (RM) dan Negeri	176
Jadual 5.62	Taburan Responden Berdasarkan Bantuan Yang Diterima	177
Jadual 5.63	Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan Tentang Fatwa Zakat Padi di Negeri Kedah dan Negeri	178
Jadual 5.64	Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan Tentang Fatwa Zakat Padi di Negeri Perlis dan Negeri	178
Jadual 5.65	Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan Tentang Fatwa Zakat Padi di Negeri Selangor dan Negeri	179
Jadual 5.66	Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan Tentang Fatwa Zakat Padi di Negeri Kelantan dan Negeri	179
Jadual 5.67	Taburan Responden Berdasarkan Pandangan Responden Terhadap Pernyataan Berkaitan Zakat Padi, Min dan Sisihan Piawai	181
Jadual 5.68	Taburan Responden Berdasarkan Pandangan Berkenaan Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri	184
Jadual 5.69	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Status Pekerjaan Bersawah dengan Jantina, Taraf Perkahwinan dan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden	185
Jadual 5.70	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Negeri dengan Jantina, Taraf Perkahwinan dan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden	186
Jadual 5.71	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Saluran Pembayaran Zakat dengan Jantina, Taraf Perkahwinan dan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden	186
Jadual 5.72	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Kaedah Pengiraan Zakat Padi dengan Jantina, Taraf Perkahwinan dan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden	187
Jadual 5.73	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pandangan Tentang Pernyataan Berkaitan Taksiran Zakat Padi dengan Jantina Responden	188
Jadual 5.74	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pandangan Tentang Pernyataan Berkaitan Taksiran Zakat Padi dengan Taraf Perkahwinan Responden	190
Jadual 5.75	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pandangan Tentang Pernyataan Berkaitan Taksiran Zakat Padi dengan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden	192
Jadual 5.76	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pengetahuan Berkenaan Fatwa Zakat Padi dengan Jantina Responden	193

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 5.77	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pengetahuan Berkenaan Fatwa Zakat Padi dengan Taraf Perkahwinan Responden	194
Jadual 5.78	Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pengetahuan Berkenaan Fatwa Zakat Padi dengan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden	195
Jadual 5.79	Hasil Ujian Korelasi <i>Spearman Rho</i> Pemboleh Ubah Hasil Padi (Tan) dengan Umur dan Bilangan Tanggungan	197
Jadual 5.80	Taburan Responden Berdasarkan Hasil Padi Semusim (Tan) dan Umur Responden	197
Jadual 5.81	Taburan Responden Berdasarkan Hasil Padi Semusim (Tan) dan Bilangan Tanggungan	198
Jadual 5.82	Hasil Ujian Korelasi <i>Spearman Rho</i> Pemboleh Ubah Hasil Padi (RM) dengan Umur dan Bilangan Tanggungan	199
Jadual 5.83	Hasil Ujian Korelasi <i>Spearman Rho</i> Pemboleh Ubah Jumlah Zakat Padi (RM) dengan Umur dan Bilangan Tanggungan	200
Jadual 5.84	Hasil Ujian Korelasi Antara Pemboleh Ubah	201
Jadual 6.1	Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Kasar pada Kadar Zakat Sebanyak 5 Peratus	214
Jadual 6.2	Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Kasar pada Kadar Zakat Sebanyak 10 Peratus	215
Jadual 6.3	Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1 pada Kadar Zakat Sebanyak 10 Peratus (Kes di Kedah)	217
Jadual 6.4	Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1 pada Kadar Zakat Sebanyak 10 Peratus (Kes di Perlis)	218
Jadual 6.5	Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2	220
Jadual 6.6	Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1 (Petani Tidak Berhutang)	227
Jadual 6.7	Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1 (Petani Berhutang)	228
Jadual 6.8	Jadual Silang Jumlah Kos Sara Hidup Setahun dan Negeri	229
Jadual 6.9	Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2 (Kes di Selangor)	231
Jadual 6.10	Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2 (Kes di Kelantan)	232

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 6.11	Taburan Responden Berdasarkan Kecukupan Nisab Zakat Padi dengan Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1 dan Negeri	233
Jadual 6.12	Kos Sara Hidup Sebulan (RM) Dan Jumlah Pendapatan Keseluruhan Bersih Sebulan (RM) Responden Yang Layak Zakat dengan Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1	234
Jadual 6.13	Taburan Responden Berdasarkan Kecukupan Nisab Zakat Padi dengan Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2 dan Negeri	235

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 2.1	Model Konseptual Kajian	73
Rajah 4.1	Tatacara Kajian	125
Rajah 5.1	Taburan Responden Berdasarkan Negeri	134

SENARAI KEPENDEKAN

%	peratus
&	dan
@	<i>alias</i>
Cet.	Cetakan
Ed.	Editor
et al.	3 orang penyunting atau lebih
H	Hijrah
h.	Halaman
hh.	Lebih daripada satu halaman
IADA	Projek Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu
IADP BLS	Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor
<i>Ibid</i>	<i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
Jil.	Jilid
JZK	Jabatan Zakat Kedah
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KETARA	Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara
Kg.	Kilogram
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LZS	Lembaga Zakat Selangor
M	Masihi
MADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MAIPs	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis
MARDI	Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia
No.	Nombor
<i>Op. cit.</i>	<i>opera citato</i> (karya yang sudah dipetik)
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
PUZ	Pusat Urus Zakat
PZK	Pusat Kutipan Zakat
RM	Ringgit Malaysia
SAW	Ṣalla Allāhu ‘Alaihi Wasalam
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
SSL	tahap sara diri
SWT	Subḥānahu Wata‘ālā
T. P.	Tanpa pengarang
T. T. T.	Tanpa tempat terbitan
t.t.	Tanpa tarikh
Ter.	Terjemahan
Vol.	Volume

PANDUAN TRANSLITERASI

(1) KONSONAN

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	a	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sy	ء	’
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ	ة	h

(2) VOKAL

VOKAL PENDEK		VOKAL PANJANG	
اَ	a	آ	ā
اُ	u	و	ū
اِ	i	ي	ī

DIFTONG			
اَوْ	aw	اُو	uww
اَي	ay	اِي	iy / ī

Sumber: Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu (1992). *Pedoman transliterasi huruf Arab ke huruf Rumi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; T.P. (2001). *Buku panduan penulisan tesis/ disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

SENARAI STATUT

Administration of Islamic Law (Negeri Sembilan) (1960)
Enakmen Majlis Ugama Islam (Sabah) (2004)
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) (2003)
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka) (2002)
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (2003) (Pindaan 7/2005)
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) (2003)
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) (2004)
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) (2003)
Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (2001)
Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) (1989) (Pindaan 9/2001)
Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang) (1991)
Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) (1970)
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994)
Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) (1960)
Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) (1962)
Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) (1975)
Peraturan-peraturan Zakat Kedah (1982)
Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) (1966)
Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Sabah) (1977)
Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam (Negeri Pulau Pinang) (1959)
Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) (1955) (Pindaan 6/1983)
Undang-undang Zakat dan Fitrah (Sarawak) (1966)
Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang) (1979)

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 Soal Selidik
Lampiran 2 Soalan Temu Bual

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

Zakat tanaman merupakan salah satu daripada jenis harta yang diwajibkan zakat apabila memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syarak. Dari segi amalannya di Malaysia, hanya padi sahaja dikenakan zakat tanaman berdasarkan pandangan mazhab Syāfi'ī. Manakala tanaman-tanaman lain seperti kelapa sawit, koko dan getah tidak dikenakan zakat tanaman tetapi, dikenakan zakat perniagaan jika diniagakan dan memenuhi syarat yang telah ditentukan oleh syarak. Justeru, kajian ini ingin meneliti amalan taksiran zakat padi di Malaysia dengan melakukan kajian tinjauan di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Pemilihan negeri-negeri ini dilakukan berdasarkan kepada kaedah pengiraan zakat padi sama ada dikira berdasarkan hasil kasar atau hasil bersih yang menolak kos tanaman sahaja atau hasil bersih yang menolak kos tanaman dan kos sara hidup.

Menerusi bab ini, latar belakang, pernyataan masalah, objektif, persoalan dan skop kajian dibincangkan. Turut dimuatkan definisi operasional bagi istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini. Kepentingan dan sumbangan yang diperolehi daripada kajian serta susun atur penghasilan keseluruhan tesis juga dibincangkan dalam bab ini.

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sebagai salah satu rukun Islam yang lima, zakat mempunyai latar belakang yang kuat dalam pembinaan Islam sebagai tonggak kewangan dan sosial. Zakat mempunyai hikmahnya tersendiri yang bukan sahaja meliputi aspek kerohanian, tetapi juga kebendaan. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994) menyenaraikan hikmah kewajipan zakat iaitu mempertingkatkan nilai hidup pemberi, membersihkan dan menyuburkan harta, membantu pihak yang memerlukan dan memperkukuhkan jaminan sosial. Sifat-sifat harta yang dikenakan zakat pula adalah harta tersebut dimiliki sepenuhnya oleh pemilik, harta yang subur, cukup nisab, melebihi keperluan asasi, bebas dari hutang dan cukup haul (al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1: 146–185).

1.1.1 Sifat dan Jenis Tanaman Yang Diwajibkan Zakat

Harta-harta yang diwajibkan zakat termasuklah hasil tanaman. Ulama berselisih pendapat tentang jenis tanaman yang dikenakan zakat. Abū Ḥanīfah mewajibkan zakat kepada semua hasil tanaman yang mengeluarkan hasil termasuk buah-buahan dan sayur-sayuran kecuali kayu api, buluh dan rumput (al-Kāsānī, 1986, jil. 2: 109). Manakala *ulamā'* Ḥanbalī pula mengenakan zakat pada makanan yang kering, tahan lama dan boleh disukat. Zakat tidak dikenakan pada sayur-sayuran dan buah-buahan (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 547; al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1; al-Zuhaylī, 1989: 805–808). Aḥmad bin Ḥanbal tidak mensyaratkan adanya unsur “ditanam dengan sengaja”. Mālik dan Syāfi'ī pula berpendapat bahawa zakat wajib ke atas segala makanan yang dimakan, disimpan, bijian dan buah-buahan kering seperti gandum, bijian, jagung, padi dan sejenisnya (al-Syāfi'ī, 1993, jil. 2; Mālik bin Anas, 1989). Menurut pandangan mazhab Syāfi'ī lagi, jenis tanaman yang diwajibkan zakat ialah tanaman yang mempunyai tiga

ciri iaitu tanaman makanan asasi sesuatu tempat, boleh dikeringkan dan tahan disimpan lama (al-Syāfi‘ī, 1993, jil. 2: 46; Khaṭīb al-Syarbīnī, 1997: 565). Takrif makanan asasi adalah makanan utama yang dimakan oleh penduduk sesuatu tempat pada masa biasa dan bukan semasa peperangan, darurat dan sebagainya. Antara makanan utama yang dikenakan zakat ialah padi, gandum, jagung, kurma dan anggur. Oleh kerana di Malaysia padi adalah makanan asasi, maka padi sahaja yang dikenakan zakat tanaman kerana pentadbir zakat di Malaysia cenderung mengikut pandangan mazhab Syāfi‘ī.

1.1.2 Nisab Zakat Tanaman

Dalam menentukan kadar nisab zakat tanaman, ada dua pendapat iaitu pendapat yang tidak mensyaratkan nisab dan pendapat yang mensyaratkan perlunya memenuhi kadar nisab sebelum dikenakan zakat.

1. Golongan yang tidak mensyaratkan nisab pada zakat tanaman

Abu Hanifah (al-Kāsānī, 1986, jil. 2: 109) tidak mensyaratkan nisab pada tanaman. Ini kerana umumnya firman Allah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَنْفِقُوْا مِنْ طَيِّبٰتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا اَخْرَجْنَا لَكُمْ مِّنَ
الْاَرْضِ..... ط

“Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu....”

(Surah al-Baqarah, 2: 267)

Dalil ini tidak menjelaskan bahawa zakat dikenakan pada hasil tanaman yang banyak atau sedikit. Di samping itu, zakat tanaman diwajibkan kerana kesuburan tanah yang mengeluarkan hasil tanpa dibezakan antara hasil yang banyak atau sedikit.

2. Golongan yang mensyaratkan nisab pada zakat tanaman

Imam Mālik (1989), al-Syāfi‘ī (1993, jil. 2), Abū Yūsuf (t.t.), al-Bahūtī (1999: 271) bersepakat bahawa zakat tanaman diwajibkan apabila hasil tanaman mencukupi nisab iaitu lima *ausuq*. Hujah mereka adalah berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

لَيْسَ فِيمَا أَقَلُّ مِنْ خَمْسَةِ أَوْسُقٍ صَدَقَةٌ

“Tidak wajib zakat jika kadarnya kurang daripada lima *ausuq*”
(Riwayat al-Bukhārī)¹

Di Malaysia, zakat padi dikenakan apabila mencapai nisab iaitu lima *ausuq* itu ditakrifkan dengan jumlah yang berbeza oleh institusi zakat negeri-negeri antara 358 1/3 gantang hingga 600 gantang Baghdad dan 875 kilogram hingga 1306 kilogram. Penggunaan gantang adalah pelbagai iaitu gantang Malaysia, gantang Melaka dan gantang Baghdad. Jadual 1.1 di bawah ini adalah ringkasan penilaian lima *ausuq* berdasarkan enakmen dan amalan institusi zakat negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

¹ Al-‘Asqalanī, Ahmad bin ‘Alī bin Hajar (t.t.). *Fatḥ al-bārī bi syarḥ saḥīḥ al-Bukhārī*, jil. 3, kitāb al-zakāh, bāb laysa fī mā dūna khamsah awsuq sadaqah, no. hadis 1484.

Jadual 1.1: Jumlah Nisab Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia

Negeri	Jumlah Nisab Zakat Tanaman dalam Gantang/ Tan/ Kilogram
Selangor	363 gantang Malaysia
Perak	363 gantang Malaysia (padi, gandum, sekoi)/ 183 gantang Malaysia (jagung)
Melaka	400 gantang Melaka (padi)/ 200 gantang Melaka (beras, jagung, kacang hijau, kacang soya)
Negeri Sembilan	363 gantang/ 1.306 tan/ 1306 kg
Johor	358 1/3 gantang (padi, gandum) / 179 1/6 gantang (jagung, kacang hijau, kacang soya)
Kedah	1300.449 kg (padi)
Perlis	480 gantang (padi)
Pulau Pinang	363 gantang (padi, jagung)
Terengganu	600 gantang Baghdad (padi, jagung atau lain-lain makanan asas)
Kelantan	600 gantang Baghdad/ 375 gantang Malaysia/ 875 kg (padi)
Pahang	400 gantang (padi)

Sumber: Enakmen negeri² dan laman web institusi zakat³

Berdasarkan hasil kajian Abdul Aziz Muhamad (1986: 354 – 358), kebanyakan petani di Malaysia terutama di Kedah dan Kelantan sama ada penyewa atau pemilik tanah memiliki purata tanah sawah padi kurang daripada 1.3 hektar. Pemilikan yang kecil ini menyebabkan hasil padi yang kurang. Tambahan pula, kaedah pengiraan zakat padi menggunakan hasil kasar, sedangkan, kos-kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi adalah besar. Cadangan beliau adalah supaya dilakukan penilaian kadar nisab mengikut harga semasa. Dengan adanya penilaian kadar nisab dari masa ke semasa akan menjamin prinsip keadilan dan mengurangkan ketidaksamaan agihan pendapatan.

² Seksyen 4 (1) dan 4 (2), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) (1975); Seksyen 15, Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) (1960); Peraturan 6 (3), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) (1962); Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) (1955) (Pindaan 6/1983); Seksyen 5, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) (1966); Seksyen 10, Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang) (1979); Seksyen 74 (1), Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (2001); Kaedah 3, Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) (1970).

³ Untuk penjelasan lanjut, lihat Lembaga Zakat Selangor (t.t.a), Pusat Zakat Negeri Sembilan (t.t.), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t.a).

1.1.3 Kadar Zakat Tanaman

Zakat tanaman wajib dikeluarkan pada kadar 5 peratus atau 10 peratus bergantung kepada jenis pengairan yang digunakan oleh petani. Sabda Rasulullah SAW:

...فِيمَا سَقَتِ السَّمَاءُ وَالْعُيُونُ الْعُشْرُ وَفِيمَا سُقِيَ بِالنَّضْحِ نِصْفُ الْعُشْرِ

"Pada apa yang dijirus oleh langit atau air mata air atau takungan sepuluh peratus, dan apa yang dijirus dengan tenaga, lima peratus".

(Riwayat Ibn Majah)⁴

Menurut Al-Bahūti (1999: 274), kadar 10 peratus dikenakan jika pengairan yang sampai ke ladang tidak mengeluarkan modal yang banyak atau kerja yang berat kerana beban pengairan menyebabkan tinggi atau rendahnya kadar tersebut. Tanaman yang dikenakan zakat pada kadar 5 peratus ialah tanaman yang diairi dengan bantuan binatang, kincir air, jentera dan sebagainya. Di Malaysia, kadar zakat tanaman mengikut negeri adalah berbeza. Kadar tersebut boleh dilihat dalam Jadual 1.2 di bawah ini.

Jadual 1.2: Kadar Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia

Kadar Zakat Tanaman	Negeri
5 peratus	Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis ⁵
10 peratus	Kedah, Perlis, Perak, Johor, Melaka, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Kelantan, Negeri Sembilan

Sumber: Enakmen negeri⁶ dan laman web insitusi zakat⁷

⁴ Al-Qazwinī, Abū 'Abdillāh Muḥammad bin Yazīd (t.t.). *Sunan*, jil. 1, kitāb al-zakāh, bāb ṣadaqah al-zur' wa al-thimar, no. hadis 1806.

⁵ Kadar zakat tanaman sebanyak 5 peratus diperuntukkan dalam fatwa negeri Perlis. Untuk huraian lanjut, lihat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (2001: 17-22).

⁶ Seksyen 31 (1) dan 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) (1989) (Pindaan 9/2001); Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) (1955) (Pindaan 6/1983); Seksyen 5, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) (1966); Seksyen 4 (1) dan 4 (2), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) (1975); Peraturan 6 (3), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) (1962); Seksyen 15, Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) (1960); Kaedah 3, Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) (1970); Seksyen 74 (1), Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (2001); Seksyen 10, Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang) (1979).

⁷ Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (t.t.), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t.b), Pusat Urus Zakat Negeri Sembilan (t.t.)

Berdasarkan Jadual 1.2, penetapan kadar zakat tanaman di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tersebut adalah sama ada 5 peratus atau 10 peratus. Hanya Kelantan, Perlis dan Negeri Sembilan sahaja menetapkan dua kadar zakat tanaman iaitu 5 peratus dan 10 peratus. Kadar zakat tanaman ini boleh dikenakan pada kadar 7.5 peratus sekiranya nisbah kedua-dua jenis pengairan yang digunakan oleh petani untuk mengairi sawahnya sama banyak (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 558; al-Syāfi‘ī, 1993, jil. 2: 51; al-Nawāwī, 1995, jil. 5: 445; al-Qaradāwī, 1994, jil. 1: 406).

1.1.4 Kaedah Taksiran Zakat Tanaman

Dari segi pelaksanaan kaedah taksiran zakat tanaman, terdapat beberapa perkara yang menjadi perbincangan dalam kalangan sarjana Islam termasuklah kewajaran menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat tanaman.

1. Kos tanaman

Seandainya dilihat kembali proses penanaman padi dari zaman dahulu hinggalah ke hari ini, dapat dilihat jelas berlakunya kemajuan dan permodenan dalam pengurusan zakat padi. Secara tidak langsung, proses evolusi ini meningkatkan hasil tanaman padi terutamanya yang melibatkan penanaman padi secara perladangan. Proses evolusi ini membolehkan padi ditanam dua kali setahun terutamanya dengan adanya sistem pengairan yang baik yang disediakan oleh kerajaan. Contohnya projek Pengairan Muda dan Pengairan Kemubu. Kemajuan dan perkembangan dalam sektor pertanian memerlukan petani mengamalkan pertanian moden. Petani perlu membeli benih yang bermutu tinggi dan pelbagai jenis baja untuk mendapat hasil tanaman yang baik dan berkualiti. Pokok padi juga terdedah kepada pelbagai jenis penyakit seperti penyakit

karah, virus merah, hawar seludang, hawar bakteria, bintik perang dan pelbagai jenis penyakit lagi yang akan mengakibatkan kerugian kepada petani. Petani perlu membeli pelbagai jenis racun untuk mengawal dan merawat penyakit-penyakit tersebut. Pesawah padi juga menggunakan jentera untuk memudah dan mempercepatkan proses penanaman dan pengangkutan padi ke kilang pemprosesan padi. Semua aktiviti ini akan menambah kos penanaman padi berbanding penanaman padi yang dijalankan secara tradisional pada zaman dahulu yang menggunakan kos yang sangat minimum. Peruntukan perbelanjaan yang semakin meningkat ini kadang kala tidak mendatangkan keuntungan yang banyak kepada petani, bahkan kadang-kadang mereka terpaksa menanggung hutang apabila tanaman tidak menjadi. Hal ini berlaku terutama bagi petani yang mengusahakan tanaman padi secara kecil-kecilan. Situasi ini akan memberi impak kepada kewajipan zakat padi.

Para fuqaha berselisih pendapat tentang penolakan kos tanaman dalam taksiran zakat tanaman. Ini kerana tidak ada nas yang menjelaskan sama ada wang yang dikeluarkan oleh petani untuk dijadikan modal penanaman ditolak terlebih dahulu daripada hasil perolehan tanamannya dan baki bersih tanamannya barulah dikeluarkan zakat sekiranya cukup nisab. Majoriti fuqaha' berpendapat bahawa kos penanaman mestilah ditanggung oleh petani dan nisab zakat dikira apabila petani memperoleh hasil tanaman dan tidak perlu menolak kos penanaman apabila hendak mengeluarkan zakat (al-Zuhaylī, 1989: 812). Mereka berpandangan bahawa kos penanaman tidak perlu ditolak terlebih dahulu kerana tiada nas yang menyatakan perlu menolak kos penanaman. Nas yang ada hanyalah menerangkan kadar pengeluaran zakat sebanyak 5 peratus atau 10 peratus berdasarkan kaedah pengairan yang digunakan sama ada kaedah semulajadi atau menggunakan tenaga buruh. Berdasarkan hujah ini, maka kos penanaman perlu ditanggung oleh petani dan zakat diwajibkan ke atas semua hasil tanpa perlu menolak

terlebih dahulu kos penanaman. Oleh itu, kadar pengeluaran zakat pertanian ialah 10 peratus atau 5 peratus berdasarkan kepada bentuk pengairan tanaman tersebut (al-Bahūtī, 1999: 274; al-Kāsānī, 1986: 185).

Walaupun begitu, terdapat juga ulama yang membenarkan penolakan kos tanaman dalam taksiran zakat tanaman. Contohnya Abū ‘Ubayd (1988: 611) melaporkan bahawa Jābir bin Zaid telah diminta pandangan tentang seorang lelaki yang telah berhutang dan menggunakan wang tersebut untuk perbelanjaan keluarga dan ladangnya. Jabir menjelaskan bahawa:

عن جابر بن زيد. قال في الرجل يستدين فينفق على أهله وأرضه قال : قال ابن عباس : يقضي ما أنفق على أرضه. وقال ابن عمر : يقضي ما أنفق على أرضه وأهله

“Daripada Jabir Ibn Zaid, katanya: Dalam masalah seseorang yang berhutang dan kemudian membelanjakannya kepada keluarganya. Kata Ibn ‘Abbas, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan untuk kebunnya sahaja. Sedangkan kata Ibn ‘Umar, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan atas kebunnya dan juga keluarganya.”

(Riwayat Abū ‘Ubayd, 1988: 611)

Menurut Abū ‘Ubayd dalam hal ini, Ibn ‘Abbās dan Ibn ‘Umar sependapat bahawa zakat dikeluarkan setelah petani menolak hutang yang dijadikan modal untuk kos penanaman (Yaḥya Ibn Ādam, t.t.: 162). Pandangan ini juga dipersetujui oleh Aḥmad bin Ḥanbal (1984, jil. 2: 272), Abū Ubayd (1988: 510). Manakala ‘Athā’ (dalam nukilan Ibn Ḥazm, 1968, jil. 5: 384) dan Ibnu ‘Arabī (dalam nukilan al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1: 423) tidak membezakan antara penolakan hutang kos tanaman atau tidak dalam pengiraan zakat tanaman. Mereka berpendapat bahawa petani boleh menolak kos-kos tanaman sama ada berhutang atau tidak sebelum pengiraan zakat. Pandangan ini disokong oleh Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1995: 27–28), Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 396–397) dan Muhammad Akram Khan (2000: 103–120). Menurut Muhammad

Akram Khan (2000: 103–120) lagi, zakat hasil pertanian dibayar 10 peratus pada hasil kasar jika diairi dengan air hujan, 5 peratus jika diairi menggunakan air buatan yang melibatkan usaha yang banyak. Walaupun kadar zakat yang berbeza ditentukan kerana jenis pengairan yang digunakan, tetapi pertanian bukan hanya melibatkan biji benih dan air sahaja. Tanaman tidak boleh hidup hanya dengan biji benih dan air sahaja. Sejumlah input seperti baja, racun serangga dan mesin diperlukan untuk membesarkan tanaman sama ada ia diairi dengan air hujan atau air buatan. Menurut beliau lagi, perbelanjaan tambahan yang dilibatkan dalam pertanian perlu diambilkira. Muḥammad Kamāl ‘Aṭīyah (1995: 27–28) pula mencadangkan penolakan kos tanaman dalam pengiraan zakat tanaman, tetapi kos tersebut tidak termasuk kos saliran. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 396–397) pula mengemukakan tiga hujah mengapa kos penanaman perlu ditolak terlebih dahulu sebelum dikira zakat tanaman, iaitu:

- i. Bebanan dan kos merupakan faktor yang memberi kesan dalam hukum. Kadar pengeluaran zakat berbeza disebabkan adanya bebanan dan kos, contohnya bagi pengairan yang memerlukan peralatan atau tenaga manusia kadar pengeluaran zakat ialah 5 peratus sahaja;
- ii. Bagi zakat binatang ternakan pula, sekiranya penternak perlu mencari makanan untuk binatang ternakannya sepanjang tahun, maka binatang ternakan tersebut tidak dikenakan zakat ternakan.⁸ Oleh sebab itu, adalah wajar kos yang digunakan untuk mengusahakan tanaman itu tidak dikenakan zakat; dan

⁸ Dalam kes ini, penternak memang tidak dikenakan zakat ternakan kerana syarat pengenaaan zakat ternakan ke atas unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri ialah ternakan tersebut meragut rumput di padang terbuka dan ditenak dengan tujuan untuk pembiakan. Walaupun begitu, penternak boleh dikenakan zakat *mustaghallāt* apabila binatang ternakan dikandang dan diberi makan dengan tujuan untuk mendapatkan hasil daripadanya seperti lembu susu. Untuk huraian lanjut lihat ‘Aṭīyah (1993: 103-104).

iii. Zakat diwajibkan kerana adanya pertumbuhan. Apabila adanya pertumbuhan ini beerti wujud pertambahan. Dalam konteks ini, pertambahan tidak mewujudkan kekayaan kerana kos penanaman juga besar.

Dalam pengiraan zakat padi di Malaysia, majoriti institusi zakat negeri-negeri di Malaysia berpegang kepada pendapat mazhab Syāfi'ī iaitu zakat padi dikira berdasarkan hasil kasar padi kecuali Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Walaupun Kedah mengeluarkan fatwa yang membolehkan petani mengeluarkan zakat berdasarkan hasil bersih jika tanaman padi diusahakan secara perladangan⁹ (Jabatan Mufti Kedah, t.t.: 8-9), petani masih berpegang kepada mazhab Syāfi'ī. Ini kerana pengaruh budaya dan amalan yang diwarisi dari generasi ke generasi (Mohd Liki Hamid, 2006: 201-212). Perlis pula membolehkan petani menolak kos tanaman dan atau kos sara hidup terlebih dahulu dalam pengiraan zakat tanaman. Ini kerana Perlis tidak terikat kepada satu mazhab sahaja. Manakala negeri-negeri lain menggunakan kaedah hasil kasar kerana mereka berpegang kepada mazhab Syāfi'ī. Jadual 1.3 merupakan ringkasan kepada huraian di atas.

Jadual 1.3: Kaedah Taksiran Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia

Kaedah Taksiran Zakat Tanaman	Negeri
Hasil Kasar	Selangor, Kedah, Perlis, Perak, Johor, Melaka, Pahang, Terengganu, Kelantan, ¹⁰ Negeri Sembilan
Hasil Bersih 1 (tolak kos tanaman)	Kedah, Perlis, ¹¹ Pulau Pinang
Hasil Bersih 2 (tolak kos tanaman dan kos sara hidup)	Perlis ¹²
Hasil Bersih 3 (tolak kos pengurusan)	Kelantan

Sumber: Enakmen negeri,¹³ fatwa negeri¹⁴ dan laman web institusi zakat¹⁵

⁹ Perkara ini diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa pada 13 Oktober 1996.

¹⁰ Muhamad Syukri Muhamad (Ed.) (1993), jil. 2.

¹¹ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (2001: 17-22).

¹² *Ibid.*

¹³ Seksyen 31 (1) dan 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) (1989) (Pindaan 9/2001); Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) (1955) (Pindaan 6/1983); Seksyen 5, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) (1966); Seksyen 4 (1) dan 4 (2), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) (1975); Peraturan 6 (3), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) (1962); Seksyen 15, Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) (1960); Kaedah 3, Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) (1970); Seksyen 74 (1), Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (2001).

¹⁴ Kaedah taksiran zakat tanaman yang boleh menolak kos tanaman hanya digunapakai bagi tanaman padi secara perladangan, lihat Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (t.t.a), Jabatan Mufti Negeri Kelantan (t.t.).

¹⁵ Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (t.t.), Pusat Urus Zakat Negeri Sembilan (t.t.).

2. Kos sara hidup

Dalam konteks kos sara hidup, terdapat beberapa pandangan yang membolehkan penolakan kos sara hidup dalam taksiran zakat tanaman. Dalam hal ini, Rasulullah SAW sendiri amat bertimbang rasa kepada petani dan tidak terlalu menekan mereka sebagaimana yang dilaporkan oleh Sahal bin Abū Hathmah yang berbunyi (Abū ‘Ubayd, 1988: 585):

جَاءَ سَهْلُ بْنُ أَبِي حَنْمَةَ إِلَى مَجْلِسِنَا فَحَدَّثَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ إِذَا حَرَصْتُمْ فَخُذُوا وَدَعُوا الثُّلُثَ فَإِنْ لَمْ تَدَعُوا الثُّلُثَ فَدَعُوا الرَّبْعَ

“Sahl Ibn Abī Hathmah datang kepada majlis kami lalu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila kamu membuat taksiran, maka ambillah dan tinggalkan satu pertiga. Kalau tidak satu pertiga pun, satu perempat.”

(Riwayat al-Tirmidhī)¹⁶

Khalifah ‘Umar al-Khaṭṭāb (Abū ‘Ubayd, 1988: 586) mengingatkan para penaksir zakat supaya mengambilkira kebajikan petani dalam taksiran mereka. Al-Bahūṭī (1999, jil. 2: 282) pula menyarankan supaya meninggalkan 1/3 atau 1/4 sebelum menaksir zakat pertanian. Ibn ‘Umar pula membolehkan hutang kos sara hidup ditolak sebelum pengiraan zakat (Yaḥya Ibn Ādam, t.t.: 162). Oleh sebab itu, wajarlah kos sara hidup diambilkira sebelum pengiraan zakat bagi menjaga kebajikan petani terutama kepada petani yang bergantung sepenuhnya kepada hasil padi sebagai sumber pendapatan.

Di Malaysia, hanya Perlis sahaja yang membenarkan penolakan kos sara hidup dalam pengiraan zakat tanaman. Perlis adalah satu-satunya negeri yang tidak terikat kepada pandangan mazhab Syāfi‘ī dalam mengeluarkan fatwa tentang zakat pertanian terutama

¹⁶ Muḥammad bin ‘Īsa bin Sawrah (Taḥqīq: Muḥammad Fu‘ād ‘Abd. al-Bāqī) (1976). *al-Jamī‘ al-ṣaḥīḥ wahuwa al-sunan al-Tirmidhī*, jil. 3, cet. 3, kitāb al-zakāh, bāb mā jā’a fi al-khars, no. hadis 644.

berkaitan dengan penolakan kos sara hidup dalam pengiraan zakat. Ini kerana fatwa yang dikeluarkan berlandaskan keadaan semasa.

1.2 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Sektor pertanian merupakan penyumbang keempat tertinggi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu 7.7 peratus pada tahun 2011 selepas sektor perkhidmatan, pembuatan dan perlombongan (Laporan Ekonomi, 2012/2013: 58). Kepentingan sektor pertanian dalam membekalkan keperluan makanan kepada rakyat tidak dapat dipertikaikan lagi. Selain dari kelapa sawit, getah dan koko, padi merupakan tanaman yang penting untuk membekalkan beras yang merupakan makanan asasi kepada penduduk. Berdasarkan kepada pengeluaran padi semasa, Malaysia telah berjaya mencapai tahap sara diri (SSL) 72.2 peratus bagi beras pada tahun 2011 melebihi sasaran 70 peratus di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Bagi keseluruhan tahun 2012, pengeluaran padi dijangka meningkat 6.8 peratus kepada 2.8 juta tan metrik (2011: 4.5 peratus; 2.6 juta tan metrik). Ini adalah disebabkan oleh pengenalan jenis padi berhasil tinggi, pertanian berskala besar dan penggunaan amalan pertanian terbaik serta penambahbaikan sistem pengairan. Inisiatif kerajaan dalam memperkenalkan beras wangi dan organik jenis baharu untuk penanaman padi tanpa pengairan dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada beras import dan meningkatkan pendapatan petani. Sumbangan 6.8 peratus sektor padi kepada sektor pertanian merupakan petanda bahawa sektor ini perlu diberi perhatian yang lebih serius oleh kerajaan (*Ibid*: 78).

Tidak dinafikan, kerajaan telah menubuhkan pelbagai organisasi untuk mengembangkan sektor pertanian seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Lembaga

Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) serta menyediakan sistem pengairan yang baik.

Walaupun begitu, dari sudut sejarahnya, sektor pertanian padi adalah sektor yang termiskin. Oleh sebab itu, insentif kerajaan dalam bentuk pelaburan perlu disalurkan secara langsung bagi mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan pendapatan (Johnson, 2000: 196). Bagi memastikan sektor ini memberikan hasil yang lumayan, petani memerlukan peralatan dan bahan-bahan yang bermutu seperti biji benih, baja, racun dan traktor. Jadi, modal yang banyak diperlukan bagi mendapat hasil yang diinginkan. Tambahan pula, penanaman padi bukan lagi dilakukan secara tradisional tetapi, dibuat secara moden dan bersifat komersial. Di samping kos-kos tersebut, petani juga dikehendaki membayar zakat terhadap hasil padi jika mencukupi nisab. Oleh kerana kebanyakan institusi zakat negeri menaksir zakat padi berdasarkan hasil kasar, petani yang miskin juga diwajibkan membayar zakat padi. Kajian Abdul Aziz Muhamad (1986: 321–325) yang dilakukan ke atas petani padi di negeri Kedah dan Kelantan mendapati zakat yang dikira berdasarkan hasil kasar menyebabkan peningkatan ketidaksamaan agihan pendapatan di Malaysia dan tidak menjamin keadilan sosial secara menyeluruh. Tambahan beliau lagi, majoriti petani padi adalah dari golongan termiskin berbanding petani yang mengusahakan tanaman lain dan memiliki purata tanah kurang daripada 1.3 hektar (Abdul Aziz Muhamad, 1986: 354–358).

Manakala Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980: 81–153) yang melakukan kajian tinjauan di Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu menunjukkan berlaku peningkatan peratus petani yang tidak perlu membayar zakat daripada 17.15 peratus jika menggunakan kaedah hasil kasar kepada 40.9 peratus jika menggunakan kaedah hasil

bersih. Manakala penyewa yang tidak mencapai nisab meningkat daripada 16.78 peratus jika menggunakan kaedah hasil kasar kepada 44.47 peratus jika menggunakan kaedah hasil bersih. Kajian Asmak Ab.Rahman (2004) yang menjalankan soal selidik kepada 403 orang petani yang membayar zakat padi di Selangor mendapati 55 orang (13.6 peratus) memperolehi pendapatan kasar bulanan kurang daripada RM501 yang mana berada di garis kemiskinan. Hasil kajian-kajian ini menimbulkan isu dan tanda tanya kepada penyelidik kenapa boleh berlaku keadaan tersebut di mana petani yang membayar zakat tergolong dalam golongan miskin dan layak menerima zakat. Sedangkan Islam adalah agama yang tidak membebankan umatnya. Islam juga mementingkan kebaikan dan kemaslahatan kepada seluruh manusia. Objektif zakat itu sendiri adalah untuk membantu golongan fakir dan miskin. Tambahan pula, pengukuran kekayaan seorang petani padi adalah dengan memastikan bahawa dia memperolehi pendapatan yang mencukupi untuk menyara keluarganya dan mempunyai modal untuk mengusahakan tanaman padi bagi musim yang berikutnya.

Walaupun fatwa Kedah membolehkan petani menggunakan kaedah hasil bersih dalam mengira zakat padi bagi projek separa peladang¹⁷ (Jabatan Mufti Kedah, t.t.: 8-9; Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, t.t.a), hasil kajian Mohammad Azam Hussin (2000) mendapati petani masih lagi membayar zakat padi sebanyak 10 peratus daripada hasil kasar padi tanpa mengambilkira jenis pengairan yang digunakan dan tanpa menolak segala perbelanjaan pengurusan yang dikeluarkan semasa mengusahakan sawah. Kajian ini dilakukan kepada 40 orang petani di daerah Pendang, Kedah. Walaupun begitu, kajian Mahyuddin Abu Bakar (2000) ke atas 150 orang petani di daerah Kota Setar, Kedah mendapati ada petani yang telah mengamalkan kaedah pengiraan zakat padi

¹⁷ Perkara ini diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa pada 13 Oktober 1996.

berdasarkan hasil bersih. Namun, kajian ini tidak menjelaskan berapa jumlah petani yang menggunakan kaedah tersebut.

Fatwa negeri Selangor pula menetapkan kadar zakat tanaman kepada 5 peratus dengan mengambilkira kos yang tinggi yang ditanggung oleh petani termasuk kos pengairan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.a). Persolannya sekarang, adakah perbezaan kadar zakat tanaman sebanyak 5 peratus itu boleh menampung kos-kos selain pengairan yang terpaksa ditanggung oleh petani seperti kos baja, biji benih, menabur, membajak, menuai dan racun. Tambahan pula, kajian Asmak Ab.Rahman (2004: 235) yang menjalankan soal selidik kepada 403 orang petani yang membayar zakat padi di Selangor mendapati 55 orang (13.6 peratus) memperoleh pendapatan kasar bulanan kurang daripada RM501 yang mana berada di garis kemiskinan. Selain itu, seramai 64 orang (15.9 peratus) pembayar zakat padi berhutang untuk menanam padi sedangkan orang yang berhutang termasuk dalam kategori asnaf penerima zakat. Penolakan hutang adalah terbit daripada prinsip keadilan di mana sesiapa yang berhutang adalah miskin dan zakat tidak boleh dikenakan kepada orang miskin (Monzer Kahf, 1999: 24-44). Ini menunjukkan kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar yang digunakan oleh kebanyakan institusi zakat seolah-olah membebankan petani kerana kos yang terlibat dalam penanaman padi agak besar. Apabila kos-kos tersebut tidak ditolak dalam taksiran zakat padi, maka petani yang berhutang dan miskin juga membayar zakat. Ini tidak seiring dengan hadis riwayat Ahmad¹⁸ yang menyatakan bahawa “zakat hanya dikenakan kepada orang kaya sahaja”. Oleh itu, zakat padi perlu dikira berdasarkan hasil bersih bukannya hasil kasar.

¹⁸ Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (1995). *al-Musnad*, bāb musnad Abī Hurairah, no. hadis 7155.

Jika dilihat kepada petani yang hanya bergantung sepenuhnya kepada hasil pendapatan padi, petani yang sepatutnya layak membayar zakat adalah apabila hasil pertanian mereka melebihi keperluan asas untuk menampung keperluan hidup petani dan keluarganya. Jika kos sara hidup tidak ditolak, maka berkemungkinan petani yang memperolehi pendapatan kurang daripada perbelanjaan untuk keperluan asas juga membayar zakat padi. Ini dibuktikan oleh kajian Asmak Ab. Rahman (2004: 262) di mana daripada 403 orang responden, seramai 256 orang (63.5 peratus) tidak melakukan pekerjaan lain selain bertani padi. Ini bermakna, sumber pendapatan mereka diperolehi sepenuhnya dari hasil padi. Daripada keseluruhan responden, seramai 55 orang memperolehi pendapatan bulanan kurang daripada RM501 dan perbelanjaan bulanan mereka antara RM101 hingga RM1500. Seramai 11 orang membelanjakan sejumlah RM301 hingga RM400 untuk keperluan mereka. Hasil kajian ini menunjukkan lebih daripada separuh pendapatan mereka diperuntukkan untuk perbelanjaan dan mereka tergolong dalam golongan miskin. Dengan mengambilkira pandangan-pandangan dan kajian sebelum ini, wajarlah kos sara hidup diambilkira dalam taksiran zakat tanaman.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Membincangkan pemikiran sarjana Islam tentang zakat tanaman;
2. Menghuraikan undang-undang dan fatwa berkaitan zakat tanaman di Malaysia;
3. Menganalisis amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis;
dan
4. Mengemukakan model perakaunan zakat padi yang praktikal untuk diamalkan di Malaysia.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif tersebut, persoalan-persoalan berikut diberi perhatian:

- i. Apakah pandangan sarjana Islam tentang zakat tanaman?
- ii. Apakah pandangan sarjana Islam tentang penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat tanaman?
- iii. Apakah undang-undang berkaitan zakat tanaman di Malaysia?
- iv. Apakah fatwa berkaitan zakat tanaman di Malaysia?
- v. Apakah bentuk penanaman padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis?
- vi. Bagaimanakah amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis?
- vii. Apakah pandangan responden berkaitan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis?
- viii. Apakah wujud perbezaan antara amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis?
- ix. Apakah model perakaunan zakat padi yang sedia ada terpakai di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis?
- x. Apakah model perakaunan zakat padi yang sesuai dipraktikkan di Malaysia?

Kesemua objektif dan persoalan kajian digambarkan dalam Jadual 1.4.

Jadual 1.4: Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian

Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1. Membincangkan pemikiran sarjana Islam tentang zakat tanaman	i. Apakah pandangan sarjana Islam tentang zakat tanaman? ii. Apakah pandangan sarjana Islam tentang penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat tanaman?
2. Menghuraikan undang-undang dan fatwa berkaitan zakat tanaman di Malaysia	iii. Apakah undang-undang berkaitan zakat tanaman di Malaysia? iv. Apakah fatwa berkaitan zakat tanaman di Malaysia?
3. Menganalisis amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis	v. Apakah bentuk penanaman padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis? vi. Bagaimanakah amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis? vii. Apakah pandangan responden berkaitan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis? viii. Apakah wujud perbezaan antara amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis?
4. Mengemukakan model perakaunan zakat padi yang praktikal untuk diamalkan di Malaysia.	ix. Apakah model perakaunan zakat padi yang sedia ada terpakai di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis? x. Apakah model perakaunan zakat padi yang sesuai dipraktikkan di Malaysia?

1.5 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

1. Batasan Subjek Kajian

Subjek yang dikaji dalam kajian ini adalah tanaman padi dan zakat padi sahaja tanpa melihat kepada tanaman lain dan zakat harta yang lain. Aspek yang difokuskan dalam kajian ini meliputi pemikiran sarjana Islam mengenai penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat tanaman. Turut diberi perhatian juga adalah kadar zakat tanaman dan jumlah nisab yang menentukan nilai minimum kewajipan zakat tanaman kepada petani.

2. Batasan Lokasi

Dalam konteks perundangan dan fatwa zakat, penyelidik mengkaji undang-undang dan fatwa yang berkaitan zakat tanaman bagi semua negeri di Malaysia. Walaupun begitu, penyelidik hanya melihat amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Pemilihan keempat-empat negeri mewakili kaedah pengiraan zakat padi yang berbeza. Negeri Selangor dan Kelantan dipilih kerana menggunakan kaedah hasil kasar dalam pengiraan zakat padi. Tetapi, kadar zakat yang dikeluarkan adalah berbeza iaitu masing-masing 5 peratus dan 10 peratus. Negeri Kelantan juga dipilih kerana penyumbang kutipan zakat tertinggi di kawasan Timur. Perlis dipilih kerana kaedah pengiraan zakat padi yang berbeza dari negeri lain iaitu Perlis menggunakan kaedah hasil bersih dalam pengiraan zakat padi. Petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup daripada hasil kasar padi yang diperolehi sebelum dikira zakat padi. Kedah pula mewakili negeri yang menggunakan kaedah pengiraan zakat padi berdasarkan hasil bersih di mana petani menolak kos tanaman terlebih dahulu sebelum mengira zakat dan ia juga dipilih kerana merupakan Negeri Jelapang Padi. Walaupun kaedah taksiran zakat padi negeri-negeri yang dipilih adalah berbeza, namun penyelidik berpendapat kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil bersih lebih sesuai digunakan kerana ia mengambilkira kos tanaman yang digunakan oleh petani dan mengambilkira kos sara hidup yang dikeluarkan oleh petani untuk dirinya dan keluarganya seperti mana yang diamalkan di negeri Perlis.

3. Batasan Responden Kajian

Responden kajian adalah petani yang membayar zakat padi sama ada kepada institusi zakat atau terus kepada asnaf. Responden kajian yang dipilih adalah 400 orang iaitu di

Selangor dan Kedah masing-masing berjumlah 120 orang dan di Kelantan dan Perlis masing-masing seramai 80 orang.

1.6 DEFINISI OPERASIONAL

Kajian ini melibatkan beberapa kata kunci. Kata kunci tersebut adalah taksiran, aplikasi, zakat dan zakat harta. Taksiran berasal dari perkataan taksir yang membawa maksud kira, hitung dan nilai. Manakala taksiran pula ialah hasil daripada menaksir, anggaran dan nilai atau proses atau cara pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri atau pihak berkuasa tempatan menentukan jumlah cukai yang kena bayar oleh individu atau pemilik rumah, sama ada sebagai cukai pendapatan atau kadaran (Noresah Baharom et al., 2007: 1577 – 1578). Jadi, taksiran yang dimaksudkan dalam tajuk kajian adalah kaedah pembayaran zakat padi termasuk nisab zakat padi, kadar zakat padi dan kaedah pengiraan zakat padi yang digunakan di Malaysia.

Aplikasi pula ialah kegunaan (*Ibid*: 73). Kajian ini ingin melihat amalan pembayaran zakat padi yang digunakan di Malaysia.

Manakala definisi zakat dari sudut bahasa mempunyai beberapa makna. Antaranya digunakan untuk maksud berkembang dan bertambah (al-Syawkānī, jil. 1, 1994: 95). Selain itu, zakat juga membawa maksud suci dan bersih (Ibn Manzūr, jil. 14, 1990: 358). Menurut Afzāl al-Raḥman pula, perkataan zakat bererti menyuburkan, mensucikan dan memperbaiki. Ia merujuk kepada pembersihan diri yang diperolehi selepas melaksanakan tanggungjawab melaksanakan kewajipan zakat. Zakat disebut “zakat” kerana ia membantu manusia membersihkan jiwa dari sifat-sifat yang

mementingkan diri, bakhil dan sebagainya. Zakat juga bukan semata-mata sumbangan, tetapi ia juga merupakan langkah kepada pembangunan manusia berdasarkan amalan tolong menolong melalui pembayaran zakat dari kalangan orang kaya kepada orang-orang miskin (Afzāl al-Raḥman, 1980: 191). Zakat menurut istilah fiqh pula bermaksud “sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah dan diserahkan kepada orang-orang yang berhak” atau ia juga membawa maksud “mengeluarkan jumlah tertentu itu sendiri”. Jumlah yang dikeluarkan dari kekayaan itu disebut zakat kerana yang dikeluarkan itu menambah banyak serta melindungi kekayaan dari kebinasaan (al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1: 53). Justeru itu, zakat dari istilah syarak disimpulkan sebagai kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu yang wajib diberikan kepada golongan tertentu apabila cukup syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak.

Zakat harta pula ialah zakat yang diwajibkan ke atas harta benda iaitu emas, perak, wang simpanan, ternakan, tanaman dan perniagaan yang cukup nisab dan haul (Noresah Baharom et al., 2007: 1814). Menurut Ibn Manẓūr, apabila disebut zakat harta, ia akan membawa maksud membersihkan harta (1990, jil. 14: 358). Zakat padi pula adalah salah satu jenis harta yang dikenakan zakat dari jenis tanaman kerana menurut pandangan mazhab Syāfi‘ī, jenis tanaman yang diwajibkan zakat ialah tanaman yang mempunyai tiga ciri iaitu tanaman makanan asasi sesuatu tempat, boleh dikeringkan dan tahan disimpan lama (Khaṭīb al-Syarbīnī, 1997: 565). Takrif makanan asasi adalah makanan utama yang dimakan oleh penduduk sesuatu tempat pada masa biasa dan bukan semasa peperangan, darurat dan sebagainya. Antara makanan utama yang dikenakan zakat ialah padi, gandum, jagung, kurma dan anggur. Oleh kerana di Malaysia, padi adalah makanan asasi, maka padi sahaja yang dikenakan zakat tanaman.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Kebanyakan penulisan terdahulu hanya melihat aspek pentadbiran dan pengurusan zakat secara keseluruhannya tanpa memfokuskan secara terperinci tentang kaedah pengiraan zakat tanaman dan kesan kepada petani. Lagipun, banyak kajian yang membincangkan tentang pengurusan hasil zakat termasuk kajian keberkesanan agihan zakat kepada asnaf.
2. Kebanyakan kajian zakat tanaman hanya melihat kepada satu-satu negeri sahaja. Walaupun ada kajian yang mengkaji beberapa negeri, tetapi kajian mereka menggunakan kaedah temu bual kepada mufti, kadi dan pegawai agama di Majlis Agama Islam negeri. Maklumat kajian mereka hanya melihat kepada satu perspektif sahaja iaitu pembuat dasar tanpa mengkaji amalan pembayaran zakat padi dalam kalangan petani. Manakala kajian yang menggunakan kaedah soal selidik hanya mengedarkannya kepada sebahagian kecil responden atau kawasan tertentu sahaja dan tidak menyeluruh.
3. Kajian-kajian mengenai zakat tanaman sebelum ini digabungkan dengan kajian tentang zakat harta-harta lain. Oleh sebab itu, penghuraiannya tidak terperinci. Tambahan pula, kajian tentang zakat tanaman secara khusus tidak banyak. Jika ada sekalipun, kajian tersebut telah lama dilakukan dan memfokus kepada satu negeri sahaja tanpa membuat perbandingan antara negeri-negeri yang mewakili zon tertentu atau mewakili kaedah taksiran zakat tertentu di Malaysia.

1.8 SUMBANGAN KAJIAN

1. Kajian ini memberi maklumat kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Jabatan Zakat Kedah (JZK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) serta Jabatan Mufti negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis tentang amalan taksiran zakat padi. Dengan maklumat yang diperolehi dari kajian ini boleh membantu mereka mempertimbangkan semula kaedah taksiran zakat padi yang lebih sesuai digunakan bagi menepati keadaan semasa petani. Kajian ini bakal memberi maklumat dan input kepada LZS, MAIK dan JZK serta Jabatan Mufti negeri Selangor, Kelantan dan Kedah untuk menilai semula kaedah pengiraan zakat padi yang menggunakan hasil kasar. Manakala bagi negeri yang membolehkan kos tanaman ditolak dalam pengiraan zakat seperti Kedah dan Perlis berdasarkan fatwa yang dikeluarkan, maklumat kajian membolehkan mereka mengetahui amalan sebenar pembayaran zakat padi dalam kalangan petani, sama ada petani mengira zakat padi berdasarkan hasil bersih atau menggunakan hasil kasar. Dapatan kajian lepas menunjukkan fatwa ini kurang diamalkan kerana petani masih menggunakan kaedah hasil kasar. Jadi, yang menjadi persoalan kepada penyelidik adalah:

- i) Adakah fatwa itu diketahui oleh petani dan mereka mengamalkannya;
dan
- ii) Adakah fatwa itu diketahui oleh petani tetapi mereka tidak mengamalkannya;

Jadi, dapatan kajian boleh memberikan input kepada Jabatan Mufti di negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis serta LZS, MAIK, JZK dan MAIPs apakah

realiti sebenar yang berlaku. Mereka juga akan mengetahui betapa pentingnya pewartaan sesuatu fatwa yang boleh menjamin kepatuhan petani terhadap pembayaran zakat. Kajian Kamil Md. Idris (2002) membuktikan penguatkuasaan undang-undang akan mempengaruhi gelagat kepatuhan terhadap zakat pendapatan.

2. Kajian ini akan mengemukakan model perakaunan zakat padi yang sesuai dipraktikkan bukan hanya di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis, tetapi juga di negeri-negeri lain yang tidak dikaji. Model ini mengambilkira keadaan semasa petani yang mengusahakan sawah secara moden yang melibatkan kos tanaman yang tinggi. Bagi petani yang hanya bersumberkan pendapatan hasil padi semata-mata, kos sara hidup yang dibelanjakan untuk diri dan tanggungan juga diambilkira dalam model perakaunan zakat padi yang dicadangkan.
3. Kajian ini juga memberi input kepada institusi zakat dan Jabatan Mufti negeri lain yang tidak dikaji untuk mempertimbangkan kaedah yang sesuai dalam pengiraan zakat padi yang mengambilkira situasi semasa petani. Ini bagi mengelakkan petani yang membayar zakat padi merasa terbeban dengan kos tanaman yang meningkat dan mereka membayar zakat daripada hasil kasar padi.
4. Kajian ini memberi maklumat tentang keadaan penanaman padi kepada pihak yang berkaitan supaya mengambilkira aspek kepentingan tanaman padi sebagai makanan asasi yang perlu dititikberatkan dan diberi penekanan. Keadaan ekonomi petani juga perlu diambilkira supaya keadilan sosial petani terjaga.

1.9 ORGANISASI TESIS

Secara keseluruhannya, kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama membincangkan bab pendahuluan yang meliputi latar belakang, permasalahan, persoalan, skop, objektif, kepentingan dan sumbangan kajian. Bab ini akan memberikan gambaran keseluruhan kandungan tesis.

Bab kedua pula membincangkan kajian-kajian terdahulu dan sorotan karya yang menjadi asas kepada pembentukan kerangka teoretis kajian.

Bab ketiga menyentuh aspek pengurusan zakat tanaman di Malaysia serta menerangkan undang-undang dan fatwa yang berkaitan zakat tanaman di Malaysia.

Bab keempat memfokuskan kepada metodologi yang digunakan sepanjang menjalankan kajian. Ini meliputi kaedah pengumpulan data dan penganalisan data.

Bab kelima mengenengahkan hasil penemuan kajian tentang amalan taksiran zakat padi di negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Bab ini juga membandingkan amalan taskiran zakat padi di keempat-empat negeri tersebut.

Bab keenam merupakan bab yang mengemukakan model perakaunan zakat padi yang sedia ada terpakai di negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Bab ini juga mengemukakan model perakaunan zakat padi baru yang sesuai diamalkan di Malaysia dengan menganalisis pengalaman negeri-negeri yang dikaji.

Akhir sekali, bab ketujuh menjadi penutup bagi kajian ini. Rumusan dan implikasi dasar dimuatkan berdasarkan penemuan kajian.

1.10 KESIMPULAN

Isu yang diketengahkan dalam kajian ini adalah kewajaran penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi di negeri-negeri yang mengira zakat padi berdasarkan hasil kasar dengan pembuktian data empirikal ke atas petani. Manakala bagi negeri yang mempunyai fatwa yang membolehkan penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat pula, isu yang akan dibincangkan ialah apakah amalan sebenar petani mengikut garis panduan institusi zakat atau menggunakan kefahaman sendiri atau menurut amalan yang diperturunkan dari nenek moyang mereka. Di akhir kajian, model perakaunan zakat padi yang sesuai dipraktikkan di Malaysia dikemukakan. Hasil kajian ini bukan sahaja memberi sumbangan kepada LZS, MAIK, JZK dan MAIPs tetapi, turut menyumbang kepada institusi zakat negeri-negeri lain yang tidak dikaji.

BAB DUA

KAJIAN LEPAS DAN SOROTAN KARYA

2.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tentang zakat tanaman. Ia diteliti dari segi teori dan praktisnya. Sehubungan itu, bab ini meneliti kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Ia kemudian diikuti oleh sorotan karya-karya berhubung topik kajian meliputi pandangan mazhab Syāfi'ī, Ḥanafī, Ḥanbalī dan Mālikī berkenaan dengan zakat tanaman serta pandangan sarjana kontemporari berkenaan isu yang berkaitan zakat tanaman. Sorotan karya dan kajian lepas ini membawa kepada pembentukan kerangka teoretis yang digunakan dalam kajian ini.

2.1 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Banyak kajian yang dilakukan berkenaan dengan zakat. Kebanyakan kajian menjurus kepada pentadbiran dan pengurusan zakat meliputi pungutan dan agihan zakat, keberkesanan agihan zakat, institusi zakat dan kajian mengenai zakat harta tertentu. Bagi maksud tesis ini, pengkaji membahagikan kepada tiga kelompok utama iaitu kajian mengenai zakat, kajian mengenai zakat tanaman secara khusus dan kajian kemiskinan petani.

2.1.1 Kajian Mengenai Zakat

Kajian mengenai zakat cukup banyak dilakukan khususnya dalam konteks harta-harta yang dikenakan zakat serta pengurusan dan pentadbiran zakat. Kajian Ahmad Hidayat Buang (1998) dan Nor Aini Ali (2006), misalnya menganalisis harta-harta yang dikenakan zakat dari perspektif hukum dengan merujuk kepada dalil al-Quran dan hadis. Kajian lain dilakukan menumpukan kepada jenis harta zakat tertentu. Contohnya kajian Mamat Said (2001), Bitizela Mohd Bidin (2002), Nor Aini Ali (2003), Norazah Kosim (2004) dan Buniamin Ramli (2007). Masing-masing mengkaji zakat perniagaan di Lembaga Urusan dan Tabung Haji, zakat saham amanah di Malaysia, zakat saham di Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan, zakat petroleum di PETRONAS dan zakat pendapatan di Selangor. Kajian-kajian ini menjadikan institusi tertentu sebagai kajian kes.

Di samping itu, kajian-kajian lain juga menjurus kepada pengurusan zakat di institusi tertentu seperti kajian Mahayudin Ahmad (2001), Dziauddin Sharif (2003), Humam Daud (2004), Ahmad Fauzee Abdullah (2004) dan Muhammad Yamin Ismail (2007) masing-masing mengkaji pengurusan zakat di Kedah, Negeri Sembilan, awal Islam, Perak dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kajian-kajian ini hanya menumpukan kepada pengurusan kutipan dan agihan zakat di tempat-tempat tersebut. Kajian Hasan Bahrom dan Shawal Kaslam (2007) pula mendapati konsep 'corporate governance' telah dipraktikkan oleh institusi zakat di Malaysia terutamanya institusi zakat yang telah diperbadankan sebagai satu entiti korporat. Berlainan dengan Wahairi Mahmud (2002) yang mengkaji kesan penubuhan Pusat Kutipan Zakat (PKZ) ke atas pentadbiran zakat di Pahang. Hasil kajian beliau menunjukkan bahawa selepas penubuhan PKZ 1996, kutipan zakat Pahang mengalami peningkatan yang ketara.

Bagi memperkasakan institusi zakat, Abd Halim Mohd Noor, Rozman Md Yusof dan Ahmad Che Yaakob (2007) mencadangkan supaya institusi zakat meningkatkan kecekapan dan konsisten dalam menjalankan tugas. Ini bagi mengelakkan pembayar zakat membayar terus kepada asnaf disebabkan tidak percaya kepada institusi zakat. Dziauddin Sharif (2003) mencadangkan supaya model 'corporate governance' dalam pengurusan pungutan dan agihan zakat bagi mencapai profesionalisme. Kajian Nurul Nazuha Hazizan (2007) di Pusat Urus Zakat (PUZ), Pulau Pinang pula mendapati keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan dan pengagihan di PUZ akan menyumbang kepada lonjakan skala pungutan zakat di PUZ. Kunci utama dalam melaksanakan kerangka perakaunan kewangan Islam ialah integriti dan tanggungjawab individu itu sendiri termasuklah semua individu yang terlibat dalam pengurusan zakat (Maliah Sulaiman, 2003).

Bagi memastikan pengurusan zakat termasuk agihan zakat mencapai matlamatnya, kajian keberkesanan agihan zakat banyak dilakukan. Kajian Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid (2004), Fuadah Johari (2004), Adibah Abdul Wahab (2008) dan Armiadi Musa Basyah (2009) meneliti keberkesanan agihan zakat dalam membasmi kemiskinan. Masing-masing menjalankan kajian di Selangor, Melaka, Selangor dan Indonesia. Fuadah Johari (2004) mengedarkan soal selidik kepada 60 orang penerima zakat dalam kalangan fakir dan miskin mendapati bahawa agihan zakat telah mengubah 30 peratus fakir kepada miskin dan mengeluarkan 10 peratus fakir dan miskin daripada garis kemiskinan. Kesemua kajian ini membuktikan bahawa zakat mampu mengurangkan kadar kemiskinan dan ketidakseimbangan agihan pendapatan dalam kalangan penerima zakat. Manakala Mohd Zulkifli Ab Ghani (2003) pula mengkaji pengagihan zakat kepada asnaf *fi sabilillah* di Kelantan termasuk bentuk-bentuk agihan yang diberikan kepada asnaf ini. Patmawati Ibrahim (2008) pula menjelaskan bahawa agihan zakat

sekiranya dilaksanakan dengan berkesan bukan sahaja meningkatkan rohani masyarakat, malah meningkatkan tahap sosio-ekonomi ummah. Tambah beliau lagi, keberkesanannya bergantung kepada kerjasama dan tindakan bersepadu semua pihak termasuk institusi zakat, pihak kerajaan dan asnaf zakat itu sendiri.

Kajian berbentuk perbandingan juga dilakukan terutama isu berkaitan zakat dan cukai. Samsuri Jelani (1999), Mohd Zulkhairi Mustapha dan Noor Sharoja Sapiei (2005), Nur Barizah Abu Bakar dan Abdul Rahim Abdul Rahman (2007) dan Azizah Dolah dan Abd Halim Mohd Noor (2009) mengkaji perbezaan antara cukai dan zakat pendapatan. Secara umum, mereka menyimpulkan bahawa zakat berbeza dengan cukai pendapatan serta tuntutan terhadap zakat dan cukai pendapatan adalah tidak sama. Menurut Samsuri Jelani (1999), pemberian rebat zakat dalam pengiraan cukai pendapatan akan mengurangkan bebanan umat Islam dan merugikan kerajaan dari segi hasil. Nur Barizah Abu Bakar dan Abdul Rahim Abdul Rahman (2007) pula mencadangkan penilaian dibuat terhadap tahap pengetahuan tentang zakat dalam kalangan Muslim bagi mendapatkan input tentang keperluan pendidikan di masa depan dan strategi bagi mengembangkan pengetahuan tentang zakat dalam kalangan masyarakat. Kajian Ruziah Ghazali (2009) berbeza sedikit kerana beliau membandingkan antara zakat perniagaan dengan cukai korporat. Beliau mendapati zakat dan cukai saling melengkapi antara satu sama lain dalam sistem ekonomi negara. Walaupun pembayar cukai korporat tidak mendapat rebat sepertimana pembayar cukai pendapatan, tetapi kedua-dua alat dasar fiskal itu amat penting dalam membangunkan ekonomi negara.

2.1.2 Kajian Mengenai Zakat Tanaman

Kajian mengenai zakat tanaman secara keseluruhannya meliputi dua bentuk iaitu kajian teoretikal dan kajian empirikal.

2.1.2.1 Kajian Teoretikal Mengenai Zakat Tanaman

Bagi kajian berbentuk teoretikal, ia lebih cenderung untuk meneliti isu yang berbangkit daripada pengiraan zakat tanaman yang dipraktikkan oleh sebahagian besar institusi zakat di Malaysia. Isu yang diketengahkan termasuklah nisab, kadar pungutan serta penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat tanaman. Dalam konteks ini, Mujaini Tarimin (1987) mencadangkan ulama Malaysia (Jabatan Agama Islam) mengubah sikap dari hanya berpegang kepada satu mazhab kepada sikap yang lebih terbuka dalam menyelesaikan persoalan zakat pertanian. Kajian Mujaini Tarimin (1987), Muhammad Akram Khan (2000) dan Didin Hafidhuddin (2001) mencadangkan pengiraan zakat tanaman ke atas hasil bersih. Menurut Muhammad Akram Khan (2000), pertanian bukan hanya melibatkan biji benih dan air sahaja tetapi sejumlah input seperti baja, racun serangga dan mesin diperlukan untuk membesarkan tanaman sama ada ia diairi dengan air hujan atau air buatan. Menurut Didin Hafidhuddin (2001) pula, zakat pertanian di Indonesia perlu dikenakan apabila mencapai nisab senilai 653 kg beras/gandum dengan kadar 5 peratus setelah ditolak keperluan dan perbelanjaan dari usaha tersebut. Manakala kajian Hamdi Rahman Mohd Yaacob (2006) pula membuktikan petani di Perak merungut dengan kaedah pembayaran zakat padi sebanyak 10 peratus di negeri tersebut. Petani memang tidak menanggung kos pengairan yang besar, tetapi kos input seperti racun dan baja yang dikeluarkan oleh

mereka adalah sebanyak 28 hingga 49 peratus bagi sehektar tanah. Jadi, kos-kos tersebut perlu diambilkira dalam pengiraan zakat padi.

Asmak Ab Rahman et al. (2006) juga bersetuju dengan penolakan kos sara tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi. Ini kerana jika dibandingkan antara pengiraan zakat tanaman dan zakat pendapatan, zakat pendapatan dikira berdasarkan hasil bersih dengan tolakan yang agak banyak. Walaupun begitu, majoriti institusi zakat tidak menggunakan hasil bersih dalam pengiraan zakat tanaman. Tambahan lagi, kadar pungutan zakat pendapatan ialah 2.5 peratus sahaja jika dibandingkan dengan zakat tanaman iaitu 5 peratus atau 10 peratus. Hasil kajian ini bertepatan dengan kajian Mujaini Tarimin (2005: 177) yang mencadangkan ijtihad dalam zakat pertanian seperti pentaksiran yang boleh dilakukan awal oleh jurutaksir pertanian yang mempunyai kemahiran. Jurutaksir itu juga boleh diberi kuasa untuk meringankan beban petani sama ada $\frac{1}{4}$ atau $\frac{1}{3}$ berdasarkan kepada tanggungan mereka.

Dalam membahaskan isu pengiraan zakat tanaman, masalah hutang juga diketengahkan oleh pengkaji. Menurut Monzer Kahf (1999) hutang ditolak dalam pengiraan zakat tanaman kerana penolakan hutang adalah terbit daripada prinsip keadilan di mana sesiapa yang berhutang adalah miskin dan zakat tidak boleh dikenakan kepada orang miskin. Walaupun begitu, hutang yang dimiliki oleh seseorang untuk membayar stok kekayaan patut dikenakan zakat jika ia berada dalam keadaan baik. Oleh sebab itu, wajarlah kos tanaman dan kos sara hidup ditolak dalam taksiran zakat tanaman termasuk hutang yang dikeluarkan untuk penanaman.

Selain itu, kajian teoretikal mengenai zakat tanaman juga menyorot pemikiran tokoh-tokoh mazhab dan sarjana kontemporari berkaitan. Sebagai contoh, Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2004) mengkaji pengaruh pemikiran Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam pentadbiran zakat yang diamalkan di Selangor. Beliau mendapati Pusat Zakat Selangor menerima bentuk hasil pertanian untuk dizakatkan sebagaimana pendapat Imam Abū Ḥanīfah yang diterima oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī. Namun, dari sudut amalannya, hanya zakat padi sahaja dikategorikan dalam zakat pertanian. Tanaman-tanaman lain seperti koko, getah dan kelapa sawit adalah termasuk dalam kategori zakat perniagaan dan zakat pendapatan. Manakala nisab pula adalah tidak kurang daripada 363 gantang dan kadar zakat adalah 10 peratus atau 5 peratus. Namun begitu, dari sudut amalannya, kadar yang dikenakan adalah 5 peratus bersesuaian dengan kaedah pengairan yang digunakan di Selangor yang menggunakan sistem pengairan moden. Kesimpulannya, Pusat Zakat Selangor tidak sepenuhnya mempraktikkan pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam pentadbiran zakat di Selangor, khususnya dalam konteks zakat tanaman.

Kajian Mohammad Azam Hussain (2004) pula melihat pemakaian kaedah taqlid mazhab Ḥanafī di negeri Kedah dalam pengiraan zakat padi. Menurut beliau, taqlid kepada mazhab Ḥanafī membolehkan pengiraan zakat padi berdasarkan hasil bersih iaitu menolak kos pengurusan terlebih dahulu sebelum pengiraan zakat padi. Hasil kajian beliau mendapati amalan bertaqlid kepada mazhab lain yang diiktiraf oleh syarak adalah sesuatu yang harus selagi mana ianya tidak bertentangan dengan hukum Syarak. Di negeri Kedah, Fatwa Zakat negeri Kedah membolehkan zakat dikenakan di atas perolehan bersih setelah ditolak segala perbelanjaan pengurusan oleh petani yang mengusahakan sawah secara berkelompok (Jabatan Mufti Kedah, t.t.: 8-9; Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, t.t.a). Sekiranya zakat padi dikira berdasarkan perolehan kasar (mazhab Syāfi'ī), maka ia akan menjadi beban kepada petani. Kaedah pengiraan

zakat padi berdasarkan mazhab Ḥanafī bersesuaian dengan kos sara hidup masyarakat kini yang semakin tinggi dan mampu meringankan perbelanjaan yang ditanggung oleh petani. Dengan ini, secara tidak langsung taraf hidup umat Islam akan dapat ditingkatkan dan seterusnya menggalakkan para petani agar mengusahakan tanah mereka dengan lebih giat lagi. Seterusnya, falsafah kefardhuan zakat akan tercapai. Justeru, zakat akan berupaya bertindak sebagai instrumen yang mampu untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup umat Islam seluruhnya. Walaupun pembayar zakat padi dibolehkan membayar zakat padi berdasarkan jenis pengairan yang digunakan, tetapi terdapat juga petani yang membayar zakat padi pada kadar 10 peratus. Ini kerana amalan ini telah diwarisi daripada generasi pesawah terdahulu (Mohd Liki Hamid, 2006).

Di samping itu, kajian mengenai zakat tanaman juga dijalankan daripada aspek masalah pungutan zakat padi di institusi zakat. Kajian Jaafar Mohd Noh (1980) dan Khairul Azman Azizan (2004) masing-masing meneliti masalah kutipan zakat padi di Selangor dan Kedah. Jaafar Mohd Noh (1980) menyenaraikan masalah utama pembayaran zakat padi di Selangor iaitu pembayar zakat padi tidak membayar kepada amil tetapi membayar kepada orang perseorangan, saudara-mara, imam masjid, fakir miskin. Ini kerana tidak ada kesefahaman dalam menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh umat Islam, adanya golongan yang mengeluarkan fatwa secara sulit/berbisik-bisik yang kononnya tidak sah mengeluarkan zakat kepada amil/penolong amil yang dilantik oleh kerajaan, adanya golongan yang mengeluarkan fatwa kononnya negeri ini bukanlah negeri yang pemerintahannya secara Islam dan sengaja tidak mahu mengeluarkan zakat atas alasan sendiri. Dapatan ini berbeza daripada hasil kajian Khairul Azman Azizan (2004) di Jabatan Zakat Kedah (JZK) yang mana faktor kegagalan kutipan zakat adalah kebanyakannya disebabkan oleh JZK itu sendiri. Kegagalan kutipan zakat padi di JZK

dipengaruhi oleh kaedah agihan zakat di JZK yang kurang praktikal, kemudahan kaunter pembayaran terhad, kurangnya pendedahan mengenai aktiviti yang dijalankan oleh JZK, undang-undang zakat yang tidak kemas, pembayaran zakat mengambil tempat upah, hasil tanaman padi tidak memuaskan dan kurangnya kefahaman yang mendalam tentang kewajipan berzakat dan kepentingannya. Bagi menyelesaikan masalah ini, beliau mencadangkan menjalankan mini ested dan menggunakan konsep muzārah. Manakala faktor kegagalan kutipan zakat di Selangor lebih kepada faktor luaran iaitu terdapat pihak yang mempengaruhi pembayar zakat supaya tidak membayar zakat kepada institusi zakat kerana faktor-faktor yang telah disebutkan sebelum ini.

2.1.2.2 Kajian Empirikal Mengenai Zakat Tanaman

Kajian empirikal mengenai zakat tanaman ini lebih tertumpu kepada kajian tinjauan ke atas pembayar zakat padi di negeri-negeri tertentu. Kajian tinjauan dilakukan di negeri Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Selangor dan Perlis.

Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980) misalnya menjalankan kajian tinjauan di Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu di mana keempat-empat negeri itu menyumbang 74.64 peratus daripada jumlah hasil padi di Malaysia pada tahun 1977. Pengkaji menggunakan 600 orang petani sebagai responden dengan menggunakan kaedah persampelan rawak strata. Mereka mendapati bahawa nisab zakat padi di keempat-empat negeri adalah berbeza iaitu 480 gantang di Kedah, 363 gantang di Perak, 375 gantang di Kelantan dan Terengganu. Kadar zakat padi yang dibayar adalah 10 peratus berdasarkan hasil kasar padi. Hasil analisis kajian mereka menunjukkan peningkatan peratus petani yang tidak perlu membayar zakat padi daripada 17.15 peratus jika menggunakan kaedah hasil kasar kepada 40.9 peratus jika menggunakan

kaedah hasil bersih. Manakala penyewa yang tidak mencapai nisab meningkat daripada 16.78 peratus jika menggunakan kaedah hasil kasar kepada 44.47 peratus jika menggunakan kaedah hasil bersih. Persoalan yang ditimbulkan oleh pengkaji adalah:

1. Dalam Rancangan Malaysia ketiga dianggarkan pada tahun 1970, 88 peratus daripada 140000 isirumah yang terlibat dengan penanaman padi berada di bawah garis kemiskinan. Ia berlawanan dengan keadilan dalam Islam dan adat biasa untuk mengutip zakat daripada kumpulan ini di mana pada masa yang sama pengecualian zakat kepada sektor pertanian yang lain, keuntungan perniagaan, pendapatan penggajian dan pendapatan daripada harta-harta dan kekayaan lain. Ini memberikan persoalan tentang kesaksamaan;
2. Zakat padi dikira berdasarkan hasil kasar. Bagi peningkatan output padi, petani membeli input yang akan meningkatkan kos pengeluaran. Jadi perlu menggunakan hasil bersih dalam taksiran zakat padi;
3. Petani padi di Malaysia dibahagi kepada 3 kategori: pemilik-pengusaha, penyewa, pemilik-penyewa. Berdasarkan kepada kontrak perjanjian, zakat dibayar oleh penyewa; dan
4. Jumlah zakat yang dibayar daripada sampel petani ialah RM117000 dan hanya 32 peratus dibayar kepada kerajaan dan bakinya dibayar kepada individu dan penerima yang layak.

Jadi, pengkaji mencadangkan supaya menggunakan kaedah hasil bersih dalam pengiraan zakat padi.

Beberapa tahun selepas itu, Abdul Aziz Muhamad (1986) menjalankan kajian di Kedah dan Kelantan. Namun, beliau menggunakan metode yang berbeza daripada Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980). Beliau menemubual mufti, qadi dan majlis agama Islam. Hasil kajian beliau menunjukkan zakat menyebabkan peningkatan ketidaksamaan agihan pendapatan di Malaysia dan tidak menjamin keadilan sosial secara menyeluruh kerana:

1. Zakat dikenakan ke atas petani padi dan majoriti dari kalangan mereka adalah golongan termiskin berbanding petani yang mengusahakan tanaman lain. Malah, menurut beliau lagi, petani yang kaya tidak membayar zakat manakala petani yang miskin pula membayar zakat (321-325);
2. Paten kutipan zakat padi kepada petani yang berada di bawah garis kemiskinan disebabkan oleh nisab zakat pertanian yang tidak mengikut nilai semasa dan pembayar zakat adalah petani bukan pemilik tanah. Kebanyakan petani di Malaysia terutama di Kedah dan Kelantan sama ada penyewa atau pemilik memiliki purata tanah kurang daripada 1.3 hektar. Ini kerana nisab zakat boleh disamakan dengan garis kemiskinan dari sudut terminologi ekonomi semasa. Oleh itu, nisab perlu dinilai dari semasa ke semasa sebagaimana garis kemiskinan yang dinilai dari masa ke semasa. Dengan adanya penilaian kadar nisab dari masa ke semasa akan menjamin prinsip keadilan (354-358); dan
3. Zakat padi dikira berdasarkan hasil kasar. Sedangkan kos pengeluaran agak tinggi dan hasil bersih yang diperolehi amat sedikit untuk menampung keluarga (321-325).

Asmak Ab. Rahman (2004) pula membuat kajian ke atas 403 orang petani di Selangor merangkumi kawasan Kuala Selangor dan Sabak Bernam, Selangor. Hasil kajian beliau mendapati petani membayar zakat sebanyak 5 peratus daripada hasil kasar padi dicampur dengan subsidi. Hasil kajian beliau juga menunjukkan seramai 55 orang pembayar zakat padi memperoleh pendapatan bulanan daripada hasil jualan padi, subsidi dan juga hasil-hasil lain sekurang-kurangnya RM501 sebulan. Manakala 164 orang responden pula memperoleh pendapatan bulanan antara RM501-RM1000. Terdapat juga 64 responden meminjam wang untuk menampung kos penanaman padi. Perkara ini bertentangan dengan kriteria penerima zakat. Ini kerana penerima zakat akan dinilai berdasarkan pendapatan dan perbelanjaannya untuk keperluan asas. Sekiranya pendapatan mereka kurang separuh daripada perbelanjaannya, maka mereka layak untuk menerima zakat. Oleh itu, pendapatan petani juga perlu dinilai sama ada pendapatan mereka mencukupi untuk keperluan mereka sekeluarga sebelum dikenakan zakat.

Kajian Asmak Ab Rahman (2004) memberikan hasil yang lebih kurang sama dengan kajian Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980) serta Abdul Aziz Muhamad (1986) iaitu terdapat petani yang membayar zakat padi tergolong dalam golongan miskin. Jika zakat padi dikira berdasarkan hasil bersih, seramai 44 orang (10.9 peratus) tidak perlu membayar zakat dan seramai 285 orang responden tidak perlu mengeluarkan zakat sekiranya diberi pelepasan kos sara hidup kepada isi rumah. Menurut beliau, kos sara hidup wajar juga ditolak bagi anak dan isteri pesawah sebagaimana kos sara hidup diberi pelepasan kepada pembayar zakat penggajian.

Kajian Nuruul Hidayah Mansor (2012) mendapati majoriti responden di Selangor dan Perlis menggunakan hasil kasar dalam taksiran zakat tanaman. Kajian beliau juga mendapati petani di Selangor membayar zakat pada kadar 5 peratus manakala petani di

Perlis membayar zakat pada kadar 10 peratus. Perbezaan amalan pembayaran zakat tanaman di kedua-dua negeri adalah disebabkan oleh kurang kefahaman dan pendedahan maklumat, hak menunaikan tanggungjawab terlaksana serta amalan kebiasaan dan tradisi.

Kajian Mahyuddin Abu Bakar (2000) berbeza kerana beliau pula melihat persoalan amalan taklid kepada mazhab Syafi'i di dalam ibadat zakat padi di daerah Kota Setar, Kedah. Beliau menjalankan soal selidik kepada 150 orang responden untuk mendapatkan maklumat tentang amalan bertaklid pada mazhab Syāfi'ī secara umum dan juga khusus kepada zakat padi. Beliau mendapati ada petani yang telah melaksanakan fatwa yang boleh bertaklid kepada mazhab Ḥanafī dalam mengira zakat. Penentuan nisab hanya diambilkira daripada jumlah bersih hasil padi yang diperolehi setelah ditolak semua hutang-hutang dan perbelanjaan berkaitan sepanjang satu musim padi diusahakan. Walaupun begitu, kajian Mohammad Azam Hussin (2000) ke atas 40 orang responden di daerah Pendang, Kedah membuktikan petani membayar 10 peratus zakat padi daripada hasil kasar padi tanpa mengira segala perbelanjaan pengurusan yang digunakan semasa mengusahakan sawah. Hasil kajian ini juga menunjukkan hasil yang diperolehi daripada serelung tanah padi ialah RM1535.75 manakala kos yang dikeluarkan untuknya ialah RM363.00. Jadi, hasil bersih serelung padi adalah RM1172.75 untuk pemilikan sendiri. Manakala jika disewa tanah tersebut, maka hasil bersih serelung padi adalah RM822.75. Jadi, jika dilihat hasil bersih serelung sawah padi, petani yang menyewa sawah tidak perlu membayar zakat kerana tidak cukup nisab. Tambah beliau lagi, kos yang terlibat dalam mengerjakan serelung sawah padi ialah upah membajak dan membadai sawah dengan jentera, benih padi, upah menabur, meracun, menajak batas, racun rumpai, baja tambahan, jentuai padi dan upah lori menjual padi.

Dalam kajian yang lain, Mohammad Azam Hussain (2004) mendapati bahawa para petani di Kedah yang mengusahakan tanaman padi secara separa perladangan boleh bertaqlid kepada mazhab Ḥanafī dalam kes pengiraan zakat padi iaitu mengira zakat padi berdasarkan hasil bersih. Walaupun begitu, mereka boleh terus berpegang kepada pendapat mazhab Syāfi‘ī yang mengira zakat padi berdasarkan hasil kasar. Keharusan bertaqlid tertakluk kepada dua syarat iaitu: jangan taqlid itu sampai membawa kepada *talfiq*; dan tidak bertujuan mencari-cari yang *rukḥṣah* iaitu mengambil mudah dari setiap mazhab kerana boleh membawa kepada dosa dan setengah ulama berpendapat boleh menjadi *fāsiq*. Kaedah pengiraan zakat padi berdasarkan hasil bersih dilihat dapat mendatangkan kebaikan kepada petani dan menggalakkan para petani untuk mengeluarkan zakat apabila nisab padi dicapai. Ini secara tidak langsung akan menjadikan para petani tidak merasakan beban terhadap kefardhuan zakat ke atas mereka dan seterusnya falsafah kefardhuan zakat itu tercapai. Justeru, zakat berupaya bertindak sebagai instrumen yang mampu untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup umat Islam seluruhnya.

2.1.3 Kajian Kemiskinan Petani

Kajian berkenaan kemiskinan dalam kalangan petani dilakukan adalah berkaitan faktor yang menyebabkan kemiskinan dalam kalangan mereka. Misalnya kajian Fujimoto (1976) mendapati hasil kajiannya di Kelantan ke atas penanam padi dua kali setahun mendapati hasil padi per ekar lebih rendah daripada purata keseluruhan. Faktor yang menyumbang kepada hasil padi rendah adalah produktiviti yang rendah dan kos pengeluaran yang tinggi menyebabkan keuntungan bersih menjadi negatif.

Kajian yang dilakukan oleh Hamidah Abdul Rahman (1988) terhadap 282 orang responden di mukim Pahang Tua dan Penyor juga membuktikan penanam padi adalah golongan yang miskin. Sebanyak 119 orang (42.3 peratus) terlibat di dalam aktiviti penanaman padi, selain penoreh dan kerja-kerja lainnya. Kadar kemiskinan di kalangan penduduk ialah 40.42 peratus di mana penduduk yang miskin dalam kalangan pesawah lebih tinggi iaitu 47.9 peratus berbanding dengan penoreh getah yang hanya 39.2 peratus. Daya pengeluaran padi yang rendah dipengaruhi oleh banjir, ancaman musuh seperti tikus dan burung, pengairan, sistem pembajakan yang tidak teratur, kurang baja dan penggunaan tenaga manusia tanpa jentera. Petani yang tidak berwang tidak mampu menyewa jentera akan menggunakan tenaga sendiri di mana kos sewa jentera seekar ialah RM200-RM250 berbanding menggunakan tenaga manusia RM150-RM180. Pendapatan yang sedikit menyebabkan petani berhutang untuk memenuhi keperluan makanan dan persekolahan anak-anak mereka. Golongan pesawah lebih ramai terlibat dengan masalah hutang iaitu 43.4 peratus jika dibandingkan dengan penoreh iaitu 29.4 peratus.

Kajian yang hampir sama dijalankan oleh Abd. Malik Ismail (1996) ke atas 122 ketua isi rumah yang mengusahakan penanaman padi di Pekan, Pahang. Hasil analisis kajian mendapati petani mengalami masalah kemiskinan yang serius. Masalah ini disebabkan oleh kos pengeluaran yang tinggi, daya pengeluaran yang rendah dan kurang memperoleh pendapatan daripada aktiviti luar sektor pertanian. Masalah kos pengeluaran yang tinggi dan daya pengeluaran yang rendah dipengaruhi oleh faktor seperti saiz tanah sawah yang tidak ekonomis, kekurangan tenaga buruh berpendidikan dan produktif akibat penghijrahan belia ke sektor yang lebih menarik, perancangan dan teknik pengurusan ladang yang tidak tersusun dan kurang cekap serta tidak mempunyai modal yang cukup untuk menyerap teknologi baru yang sesuai. Daya pengeluaran yang

rendah dan kos purata yang tinggi menyebabkan pulangan bersih yang rendah. Kebanyakan petani padi miskin dan termiskin memperoleh pulangan bersih yang rendah daripada penanaman padi mereka, iaitu 69.7 peratus petani miskin memperoleh pulangan bersih kurang daripada RM100 sebulan, manakala keseluruhan petani padi termiskin memperoleh kurang daripada RM100 sebulan.

Kajian-kajian yang dijalankan membuktikan kebanyakan petani padi adalah miskin. Faktor yang menyumbang kepada kemiskinan adalah pemilikan tanah pertanian yang kecil, daya pengeluaran yang rendah, kos pengeluaran yang tinggi dan tiada sumber pendapatan lain.

2.2 ANALISIS KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian lepas mengenai zakat khususnya zakat tanaman memperlihatkan pelbagai kajian dilakukan. Namun demikian, banyak kajian menjurus kepada kajian yang berbentuk teoretikal. Kajian teoretikal ini tidak dinafikan cukup penting sebagai asas bagi pelaksanaan pembayaran zakat berlandaskan kefahaman dan keyakinan yang benar-benar mantap. Hanya dengan asas teori yang mantap dapat memastikan kejayaan pelaksanaannya. Contohnya kajian Ahmad Hidayat Buang (1998), Muhammad Akram Khan (2000) dan Didin Hafidhuddin (2001) dan Asmak Ab. Rahman et al. (2006).

Memang tidak dinafikan bahawa sebelum ini telah banyak kajian berbentuk empirikal dilakukan mengenai zakat tanaman. Namun begitu, ia tidak menyeluruh dan tidak mengemukakan model perakaunan zakat padi yang terperinci dan yang sesuai dilaksanakan untuk mengira zakat tanaman khasnya padi dengan mengambilkira aspek nisab, kadar pungutan dan kaedah pengiraan serta mencadangkan jenis-jenis kos

tanaman yang berkaitan. Sebagai contoh, kajian Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980) yang menjalankan kajian tinjauan di Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu mencadangkan pengiraan zakat padi berdasarkan hasil bersih, tetapi tidak dijelaskan jenis-jenis kos yang perlu ditolak dalam pengiraan zakat padi tersebut.

Kajian Mujaini Tarimin (1987) dan Asmak Ab Rahman (2004) pula mengkaji amalan pembayaran zakat di negeri Selangor sahaja tanpa melihat negeri-negeri lain. Manakala kajian Nuruul Hidayah Mansor (2012) pula hanya menumpukan kepada dua buah negeri sahaja iaitu Selangor dan Perlis. Kajian ini tidak mewakili tiga kaedah yang digunakan dalam taksiran zakat padi di Semenanjung Malaysia. Begitu juga kajian Mohammad Azam Hussin (2000), Mahyuddin Abu Bakar (2000), Mohammad Azam Hussin (2004) dan Mohd Liki (2006) yang mengkaji zakat padi di Kedah sahaja. Selain itu, sampel yang diambil juga kecil jika dibandingkan dengan jumlah populasi pembayar zakat padi sebanyak 1960 orang. Tambahan pula, kajian yang dilakukan memilih satu daerah sahaja. Misalnya kajian Mohammad Azam Hussin (2000) hanya mengkaji amalan pembayaran zakat padi di kalangan 40 orang petani di daerah Pendang, Kedah sahaja sedangkan daerah-daerah-daerah lain tidak diambilkira. Begitu juga kajian Mahyuddin Abu Bakar (2000) yang hanya menjalankan soal selidik kepada 150 orang petani di Kota Setar, Kedah. Tumpuan kajian beliau kepada amalan bertaklid kepada mazhab Syafi'i dalam ibadah zakat.

Kajian Asmak Ab Rahman et al. (2006) hanya mencadangkan pengiraan zakat padi berdasarkan hasil bersih dengan menolak kos tanaman dan kos sara hidup tetapi tiada kajian yang komprehensif dilakukan untuk memberi panduan kepada petani bagaimana kaedah pengiraan zakat padi yang sesuai dipraktikkan oleh petani. Kajian ini juga tidak

memberikan data empirikal mengapa kaedah hasil bersih perlu digunakan dalam pengiraan zakat padi.

Daripada kajian-kajian lepas tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa keperluan kajian lanjutan secara komprehensif perlu dilakukan dalam bidang zakat tanaman untuk menambahkan khazanah ilmu khususnya dalam kaedah pengiraan zakat tanaman supaya petani yang membayar zakat tanaman adalah dari kalangan mereka yang benar-benar layak dengan mengambilkira kos-kos yang dikeluarkan oleh mereka. Ini bagi memastikan tidak ada petani yang membayar zakat tanaman menerima zakat dalam masa yang sama. Bertepatan dengan syarat asas pengenaaan zakat adalah dari orang kaya kepada orang miskin.

Dengan terlaksananya kajian ini, diharap dapat mengisi lompong yang ada dalam bidang kajian berhubung zakat padi. Kajian ini menggabungkan aspek teori dan praktis serta menyalurkan bukti empirikal tentang amalan pembayaran zakat padi di Malaysia dengan mengambil sampel empat negeri di Malaysia yang mewakili tiga kaedah yang digunakan untuk menaksir zakat padi. Kajian ini juga bakal memberikan cadangan model perakaunan zakat padi yang sesuai dengan sosio-ekonomi dan keadaan masyarakat setempat dengan mengambil kira pandangan mazhab dan ulama.

2.3 SOROTAN KARYA

2.3.1 Jenis Zakat Tanaman

Terdapat pelbagai pandangan di kalangan fuqaha dalam menentukan jenis-jenis tanaman yang dikenakan zakat. Pandangan tersebut boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Zakat dikenakan ke atas empat jenis bijirin dan buah-buahan yang menjadi makanan utama sahaja

Pandangan ini dipegang oleh beberapa kalangan ulama salaf termasuklah Ibn ‘Umar. Hasil tanaman yang dimaksudkan adalah gandum, barli, kurma dan anggur kering. Mengikut Ibn Qudāmah (1984, jil. 2: 548), pandangan ini disokong juga oleh Mūsa bin Ṭalḥah, al-Ḥasan, Ibn Sīrīn, al-Syu‘abī, al-Ḥasan bin Ṣālih, Ibn Abī Laili, Ibn al-Mubārak dan Abū ‘Ubayd. Asas ini bersandarkan kepada hadis riwayat Mūsa bin Ṭalḥah daripada ‘Umar (Ibn Qudamah, 1984, jil. 2: 549)

إنما سن رسول الله صلى الله عليه و سلم في الحنطة والشعير والتمر والزبيب

“Sesungguhnya Rasulullah SAW mewajibkan zakat gandum, barli, kurma dan anggur kering”.

(Riwayat Dāraqutnī)¹⁹

2. Makanan utama yang boleh disimpan

Ini merupakan pendapat Imam Mālik (1989: 148) dan Imam al-Syāfi‘ī (1993, jil. 2: 46). Maksud “makanan utama” adalah apa yang dimakan oleh orang ramai sebagai makanan yang mengenyangkan dalam keadaan biasa. Contohnya gandum, barli, jagung dan padi.

¹⁹ Al-Dāraqutnī al-Ḥāfīz, ‘Alī bin ‘Umar (Taḥqīq: Majdī Maṣṣūr Sayyid al-Syūrī) (2003). *Sunan al-Dāraqutnī*, jil. 2, cet. 2, kitāb al-zakāh, bāb mā yajib fīhi al-zakāh min al-hub, no. hadis 1888.

Menurut al-Syāfi‘ī, sifat tanaman yang diwajibkan zakat ialah apabila ia menepati ciri-ciri pertanian yang mengenyangkan, tahan disimpan lama, kering dan makanan asasi (al-Syāfi‘ī, 1993, jil. 2: 46). Menurut Mālik dan al-Syāfi‘ī lagi, tidak dikenakan zakat terhadap buah-buahan kecuali kurma dan anggur kering (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 548).

3. Hasil tanaman yang boleh dikeringkan, disimpan lama dan disukat

Ini merupakan pandangan Aḥmad Ibn Ḥanbal. Menurut Ibn Qudāmah, zakat dikenakan ke atas hasil tanaman yang memenuhi semua sifat-sifat ini iaitu boleh dikeringkan, tahan lama dan boleh disukat sama ada bijirin atau buah-buahan yang terhasil daripada tanaman manusia. Berdasarkan pandangan ini, tidak ada perbezaan sama ada hasil tanaman berkenaan merupakan makanan utama, seperti gandum, barli, jagung dan padi, atau kekacang, seperti kacang peas, kacang putih, atau rempah, seperti jintan, cengkih atau sebagainya. Walau bagaimanapun, ia tidak dikenakan ke atas buah-buahan yang dimakan bukan untuk kenyang seperti peach, epal dan sayur-sayuran, seperti timun, terung dan sebagainya (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 548).

4. Semua tanaman dan tumbuhan

Abū Ḥanīfah pula berpendapat bahawa zakat dikenakan atas semua yang terhasil dari muka bumi sama ada yang sengaja diusahakan atau yang tumbuh sendiri kecuali kayu api, buluh dan ganja (al-Marghīnānī, t.t., jil. 1: 109). Hujah beliau adalah berdasarkan keumuman ayat 267 dari surah al-Baqarah.

Memandangkan Malaysia berpegang kepada mazhab Syāfi‘ī, maka hanya padi sahaja diwajibkan zakat tanaman. Walaupun begitu, dalam peruntukan undang-undang di Malaysia, bukan hanya tanaman padi sahaja yang dikenakan zakat tanaman, tetapi juga tanaman lain seperti jagung, kacang hijau, kacang soya dan sekoi.²⁰ Oleh itu, pengenaan zakat tanaman di Malaysia bukan hanya kepada tanaman padi sahaja tetapi boleh diperluaskan kepada tanaman-tanaman lain.

2.3.2 Sifat Harta Yang Dikenakan Zakat Tanaman

Fuqaha telah menyenaraikan sifat-sifat harta yang dikenakan zakat tanaman seperti di bawah ini iaitu:

1. Harta yang dimiliki secara sepenuhnya

Ia bermaksud harta yang dimiliki penuh secara yang dihalalkan oleh syarak sama ada melalui benda atau manfaat. Sebahagian ahli Fiqh pula berpendapat bahawa kekayaan itu harus berada di tangannya, tidak tersangkut di dalamnya hak orang lain, dapat dipergunakan, dan faedahnya dapat dinikmatinya (al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1: 134 – 137).

Dalam konteks pinjaman, majoriti ahli Fiqh berpendapat ada dua jenis pinjaman:

- i) Pinjaman yang diharapkan dibayar semula, iaitu pinjaman daripada orang yang mampu. Dalam hal ini, zakat dibayar bersama dengan kekayaan lain yang dimiliki

²⁰ Untuk huraian lanjut lihat Seksyen 74 (1), Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (2001); Seksyen 2, Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang) (1979); Fasal 4 (1), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) (1975); Peraturan 2, Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) (1962); Seksyen 10, Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) (1960).

oleh peminjam setiap tahun. Pendapat ini dipelopori oleh Abū ‘Ubayd dari ‘Umar, ‘Uthmān, Jābir, Ibnu ‘Umar dan tābi‘īn. Ia disokong oleh Ḥasan, Ibrāhim, Jābir bin Zaid dan Maimūn bin Mihrān (Abū ‘Ubayd, 1988: 531).

ii) Pinjaman yang tidak mampu dibayar, iaitu pinjaman dari orang yang tidak berkecukupan yang tidak mungkin membayarnya kembali atau pinjaman dari seseorang yang tidak mengakui hutangnya sedangkan pemiliknya tidak mempunyai bukti. Dalam hal ini, ada dua pendapat:

i. Orang itu mengeluarkan zakatnya untuk tahun-tahun kekayaan di tangannya. Ini merupakan pendapat ‘Alī dan Ibnu ‘Abbās (Abū ‘Ubayd, 1988: 531 – 532).

ii. Orang itu mengeluarkan zakat setahun sahaja, dan ini adalah pendapat Ḥasan, ‘Umar bin ‘Abdul ‘Azīz yang merupakan pendapat Imam Mālik tentang semua jenis hutang sama ada dibayar semula atau tidak (Abū ‘Ubayd, 1988: 532)

2. Harta yang subur

Menurut Ibn ‘Ābidīn, kesuburan terbahagi kepada dua iaitu hakiki dan tidak hakiki. Kesuburan hakiki berlaku dengan cara mengalami pertambahan seperti disebabkan oleh kelahiran anak binatang ternakan atau oleh keuntungan perniagaan. Manakala pertambahan tidak hakiki pula ialah kemampuan atau potensi yang ada pada harta itu sendiri untuk berkembang sama ada di tangan tuannya atau di tangan orang lain (Ibn ‘Ābidīn, 1966, jil. 2: 263). Ini beerti bukanlah menjadi syarat bahawa harta itu memang benar-benar telah mengalami kesuburan. Apa yang penting ia bersifat subur dan berpotensi untuk melahirkan pertumbuhan. Al-Kāsānī (1986, jil. 2: 11) pula berkata yang bermaksud:

“Bukanlah maksudnya kesuburan yang hakiki... Tetapi sebaliknya yang dimaksudkan ialah harta itu diletakkan pada kedudukan yang boleh berkembang subur seperti diniagakan atau dipelihara bagi tujuan memperolehi hasil...”

Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 158 – 159) pula menafsirkan harta yang subur adalah sifat harta itu yang mampu melahirkan keuntungan atau kekayaan itu berkembang dengan sendiri.

3. Cukup nisab

Nisab beerti kadar minimum tertentu yang menyebabkan sesuatu harta dikenakan zakat. Sebagaimana yang disebut dalam hadis Abū Sa‘īd al-Khudrī, nisab zakat tanaman ialah 5 *ausuq*. Dalam hadis yang lain, nilai satu *wasuq* menyamai 60 gantang. Sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abū Sa‘īd:

الْوَسُقُ سِتُّونَ صَاعًا

”Satu wasuq ialah enam puluh gantang”
(Riwayat Ibn Mājah)²¹

Mengikut pandangan para ulama, sukatan Madinah harus menjadi asas kepada nisab zakat tanamana kerana Rasulullah SAW sendiri menganjurkan umat Islam merujuk kepada sukatan Madinah dalam menyukat dan merujuk kepada timbangan Makkah dalam menimbang (Ibn Mājah, t.t.: 99). Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar, Rasulullah SAW bersabda:

²¹ Al-Qazwaynī al-Ma'rūf bi Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd (Taḥqīq: Maḥmūd Muḥammad Maḥmud Ḥasan Nassar) (1998), *Sunan Ibn Mājah*, kitāb al-zakāh, bāb al-wasq sittūna sa'an, no. hadis 1833.

المِكْيَالُ مِكْيَالُ أَهْلِ الْمَدِينَةِ وَالْوَزْنُ وَزْنُ أَهْلِ مَكَّةَ

”Sukatan ialah sukatan penduduk Madinah, sedangkan timbangan ialah timbangan penduduk Makkah”

(Riwayat al-Nasā’ī)²²

Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 393), penetapan asas rujukan ini berdasarkan kepada realiti penduduk Madinah yang terdiri daripada para petani dan mereka banyak menggunakan sukatan. Oleh itu, mereka lebih bijak dalam penggunaan metode tersebut. Manakala penduduk Makkah pula terdiri daripada ahli-ahli perniagaan dan sudah pasti mereka banyak menggunakan timbangan serta lebih pakar dalam bidang berkenaan. Oleh itu, dari segi teorinya, wajarlah sukatan Madinah digunakan dalam sukatan nisab zakat tanaman.

Walaupun begitu, dari segi aplikasinya, penggunaan sukatan Madinah ini berbeza di setiap tempat dan zaman. Oleh itu, setiap negara mempunyai kadar tersendiri berasaskan persamaan dengan lima *ausuq* atau 300 gantang Madinah. Di Mesir, ia dianggarkan sebanyak 400 gantang Mesir (al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1: 400). Di Malaysia, ia ditetapkan berbeza-beza mengikut negeri. Walaupun begitu, fatwa kebangsaan menetapkan nisab zakat padi ialah 363 gantang (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.h).

Dalam hal ini, wujud dua aliran pendapat berkenaan status syarat nisab dalam zakat tanaman iaitu:

²²Al-Nasā’ī, Aḥmad bin Syu’ayb bin `Alī (2002). *Sunan al-Nasā’ī*, kitāb al-zakāh, bāb kam al-sa’, no. hadis 2517.

i) Golongan yang tidak mensyaratkan nisab pada zakat tanaman

Imam Abū Ḥanīfah (al-Kāsānī, 1986, jil. 2: 59) tidak mensyaratkan nisab pada zakat tanaman. Beliau berpendapat bahawa banyak atau sedikitnya hasil yang tumbuh dari tanah harus dikeluarkan zakatnya sebanyak 10 peratus. Menurut Abū Ḥanīfah, zakat tanaman tidak disyaratkan nisab kerana umumnya firman Allah:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ
الْأَرْضِ.....^ط

“Wahai orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu....”

(Surah al-Baqarah, 2: 267)

Dalil ini tidak menjelaskan bahawa zakat dikenakan pada hasil tanaman yang banyak atau sedikit. Di samping itu, zakat tanaman diwajibkan kerana kesuburan tanah yang mengeluarkan hasil tanpa dibezakan antara hasil yang banyak atau sedikit.

ii) Golongan yang mensyaratkan nisab pada zakat tanaman

Imam Mālik (1989: 148), al-Syāfi‘ī (1993, jil. 2: 40 – 42), al-Bahūtī (1999: 271), Ibn ‘Umar, Jābir, Abū Imāmah bin Sahl, ‘Umar bin ‘Abd ‘Azīz, Jābir bin Zaid, al-Ḥasan, ‘Atā’, Makḥūl, al-Ḥukam, al-Nakha‘ī, ahli al-Madīnah, al-Thaurī, Auzā‘ī, Ibnu Abī Lailī, Abū Yūsuf dan Muḥamad (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 552 – 553) bersepakat bahawa zakat tanaman diwajibkan apabila hasil tanaman mencukupi nisab iaitu lima *ausuq*. Hujah mereka adalah berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

لَيْسَ فِيمَا أَقَلُّ مِنْ خَمْسَةِ أَوْسُقٍ صَدَقَةٌ

“Tidak wajib zakat jika kadarnya kurang daripada lima *ausuq*”
(Riwayat al-Bukhārī)²³

Tambahan pula Sabda Nabi SAW lagi:

لَا صَدَقَةَ إِلَّا عَنْ ظَهْرٍ غَنِيٍّ

“Zakat hanya dibebankan ke atas bahu orang kaya”
(Riwayat Aḥmad)²⁴

Berdasarkan hadis tersebut, pengenaan zakat kepada orang miskin akan menyebabkan bebanan kerana orang miskin perlu dibantu bukan membantu.

Al-Khaṭīb al-Syarbīnī (1997, jil. 1: 566) telah membandingkan nilai nisab zakat tanaman sebanyak 5 *ausuq* dengan nilai sukatan yang lain:

1 <i>wasq</i>	=	60 gantang
5 <i>ausuq</i>	=	300 gantang
1 gantang	=	4 cupak
5 <i>ausuq</i>	=	1200 cupak

Sarjana kontemporari seperti Muḥammad Kamāl ‘Atiyah (1995: 27) menjelaskan jumlah nisab zakat gandum ialah 50 kailah atau 650 kilogram iaitu selepas ia dikeringkan dan dibuang kulitnya. Menurut beliau lagi, jenis bijirin yang lain boleh diqiaskan dengan gandum.

²³ Al-‘Asqalanī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar (t.t.). *Fath̄ al-bāri bi syarḥi ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, jil. 3, kitāb al-zakāh, bāb laysa fī mā dūna khamsah *awsuq* sadaqah, no. hadis 1484.

²⁴ Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal (1995). *al-Musnad*, bāb musnad Abī Hurairah, no. hadis 7155.

Di Malaysia, zakat padi dikenakan apabila mencapai nisab iaitu lima *ausuq* itu ditakrifkan dengan jumlah yang berbeza oleh institusi zakat negeri-negeri antara 358 1/3 gantang hingga 600 gantang Baghdad.²⁵ Penggunaan gantang pula pelbagai iaitu gantang Malaysia, gantang Melaka dan gantang Baghdad. Manakala jumlah nisab bagi tanaman lain seperti gandum, sekoi, jagung, kacang hijau dan kacang soya adalah juga berbeza antara negeri-negeri di Malaysia. Sesetengah negeri menyamakan jumlah nisab tanaman-tanaman tersebut dengan padi dan sesetengah negeri lain meletakkan jumlah nisab yang berbeza. Ringkasannya adalah seperti dalam Jadual 1.1 yang telah disebutkan sebelum ini.

Jadual 1.1: Jumlah Nisab Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia

Negeri	Jumlah Nisab Zakat Tanaman dalam gantang/tan/kilogram (kg)
Selangor	363 gantang Malaysia
Perak	363 gantang Malaysia (padi, gandum, sekoi)/ 183 gantang Malaysia (jagung)
Melaka	400 gantang Melaka (padi)/ 200 gantang Melaka (beras, jagung, kacang hijau, kacang soya)
Negeri Sembilan	363 gantang/ 1.306 tan/ 1 306 kg
Johor	358 1/3 gantang (padi, gandum) / 179 1/6 gantang (jagung, kacang hijau, kacang soya)
Kedah	1 300.449 kg (padi)
Perlis	480 gantang (padi)
Pulau Pinang	363 gantang (padi, jagung)
Terengganu	600 gantang Baghdad (padi, jagung atau lain-lain makanan asas)
Kelantan	600 gantang Baghdad/ 375 gantang Malaysia/ 875 kg (padi)
Pahang	400 gantang (padi)

Sumber: Enakmen negeri²⁶ dan laman web institusi zakat²⁷

Menerusi Jadual 1.1, didapati bahawa institusi zakat menggunakan gantang yang berlainan dalam menentukan jumlah nisab zakat padi. Penggunaan gantang yang berbeza ini akan memberikan penilaian jumlah nisab yang berbeza jika ditukarkan

²⁵ Penetapan jumlah nisab zakat padi negeri-negeri di Malaysia adalah berdasarkan peruntukan enakmen dalam undang-undang atau fatwa negeri berkenaan. Walaupun fatwa kebangsaan telah mengeluarkan fatwa berkenaan nisab zakat padi sebanyak 363 gantang, tetapi institusi zakat negeri-negeri boleh menggunakan jumlah nisab tersebut atau menggunakan jumlah nisab yang lain.

²⁶ Seksyen 4 (1) dan 4 (2), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) (1975); Seksyen 15, Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) (1960); Peraturan 6 (3), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) (1962); Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) (1955) (Pindaan 6/1983); Seksyen 5, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) (1966); Seksyen 10, Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang) (1979); Seksyen 74 (1), Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (2001); Kaedah 3, Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) (1970).

²⁷ Lembaga Zakat Selangor (t.t.a), Pusat Zakat Negeri Sembilan (t.t.), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t.a).

kepada tan atau kilogram. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 403) mencadangkan supaya penentuan jumlah nisab sebenar dibuat dari semasa ke semasa berasaskan keadaan ekonomi setempat dan semasa. Manakala menurut hasil kajian Abdul Abdul Aziz Muhamad (1986: 354 – 358) kebanyakan petani di Malaysia terutama di Kedah dan Kelantan sama ada penyewa atau pemilik tanah memiliki purata tanah padi kurang daripada 1.3 hektar. Pemilikan yang kecil ini menyebabkan hasil padi yang kurang. Tambahan pula, kaedah pengiraan zakat padi dikira menggunakan hasil kasar. Padahal, kos-kos yang dikeluarkan untuk penanam padi adalah besar. Menurutnya lagi, penilaian kadar nisab mengikut harga semasa perlu bagi menjamin prinsip keadilan dan mengurangkan ketidaksamaan agihan pendapatan.

4. Melebihi keperluan asas

Salah satu syarat pengenaan zakat adalah zakat hanya dipungut daripada harta seseorang itu sekiranya dia memiliki sejumlah harta yang cukup bagi keperluan hidup asasi bagi dirinya sendiri dan bagi mereka yang di bawah tanggungannya. Rasulullah SAW menegaskan bahawa zakat itu dipungut daripada harta mereka yang berada untuk diberikan kepada mereka yang tidak berada.

Ulama Ḥanafī memberikan definisi keperluan asas iaitu sesuatu yang betul-betul diperlukan untuk kelestarian hidup seperti belanja sehari-hari, rumah kediaman, senjata untuk mempertahankan diri atau pakaian yang diperlukan untuk melindungi tubuh dari panas dan dingin atau keperluan utama seperti hutang (al-Kāsānī, 1986, jil. 2: 11; al-Marghīnānī, t.t., jil. 1: 97).

Landasan mereka adalah dari hadis Rasulullah SAW daripada riwayat Aḥmad yang berbunyi:

لَا صَدَقَةَ إِلَّا عَنِ ظَهْرِ غَنِيٍّ

“Zakat hanya dibebankan ke atas bahu orang kaya”
(Riwayat Aḥmad)²⁸

Begitu juga hadis lain riwayat Abū ‘Ubayd yang berbunyi:

أن رجلا قال : يا رسول الله, عندي دينار. قال : أنفقه على نفسك, قال : عندي آخر.
قال : أنفقه على أهلِكَ. قال : عندي آخر, قال : أنفقه على ولدك, قال : عندي آخر,
قال : أنفقه على خادمك. قال: عندي آخرز قال : أنت أبصر. أو قال : أنت أعلم

“Seorang lelaki berkata: “saya mempunyai wang satu dinar, Rasulullah,” Nabi menjawab: “Berikanlah kepada dirimu sendiri,” Dia bertanya lagi: “Saya mempunyai yang lain lagi,” Nabi menjawab: “Berikanlah kepada isterimu,” Dia bertanya lagi, “Saya mempunyai yang lain lagi,” Nabi menjawab: “Berikanlah kepada anakmu.” Dia bertanya lagi: “Saya mempunyai yang lain lagi.” Nabi menjawab: “Berikanlah kepada khadammu.” Dia bertanya lagi: “Saya mempunyai yang lain lagi.” Nabi menjawab: “kamu lebih melihat atau kata yang lain: “kamu lebih tahu.””
(Riwayat Abū ‘Ubayd, 1988: 609)

Daripada hadis-hadis tersebut dapatlah disimpulkan bahawa keperluan seseorang isteri dan anaknya didahulukan daripada keperluan orang lain serta zakat hanya dikenakan kepada orang kaya.

Keperluan asasi tersebut akan berubah dan berkembang sesuai dengan perubahan zaman, situasi dan keadaan setempat. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor (LZS) mentakrifkan keperluan asasi yang merangkumi enam aspek iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan. Bagi seorang ketua

²⁸Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal (1995). *al-Musnad*, bāb musnad Abī Hurairah, no. hadis 7155.

keluarga, LZS memperuntukkan RM680 sebulan untuk memenuhi keperluan asasi minimumnya yang meliputi perlindungan (RM260), makanan (RM140), pakaian (RM50), perubatan (RM50) dan pengangkutan (RM180) (Lembaga Zakat Selangor, t.t.b).

5. Bebas dari hutang

Aliran mazhab Syāfi‘ī tidak mensyaratkan harta yang dikenakan zakat bebas dari hutang. Tetapi, ia hanya dibangkitkan oleh fuqaha mazhab lain yang secara umumnya menerima syarat “bebas dari hutang” dalam mewajibkan zakat. Dalam konteks ini, para fuqaha membahagikan harta kepada dua jenis iaitu harta zahir dan harta batin. Harta batin ialah harta yang tidak mudah dilihat oleh orang ramai seperti wang ringgit, emas dan perak serta barang dagangan. Manakala harta zahir pula ialah harta yang senang dilihat oleh orang ramai seperti binatang ternakan, hasil tanaman dan galian (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 633; al-Nawāwī, 1995, jil. 5: 317).

i) Pandangan yang menyatakan hutang tidak dikenakan zakat

Jumhur fuqaha berpendapat, syarat “bebas daripada hutang” terpakai pada harta batin. Pandangan ini didokong oleh Ibn Qudāmah, ‘Aṭā’, Sulaimān bin Yasār, Maimūn bin Mihrān, al-Ḥasan, al-Nakha‘ī, al-Laith, Mālik, al-Thaurī, al-Auzā‘ī, Ishāq, Abū Thaur dan ashāb al-ra’y (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 633). Menurut Abū Ḥanīfah, zakat diwajibkan ke atas harta dan hutang itu bukan harta, maka tidak diwajibkan zakat ke atasnya (al-Kāsānī, 1986, jil. 2: 10). Pandangan mereka disokong oleh nas yang

diriwayatkan al-Sā‘ib bin Yazīd yang menyebut beliau mendengar ‘Uthmān bin ‘Affān berkata:

هَذَا شَهْرُ زَكَاةِكُمْ فَمَنْ كَانَ عَلَيْهِ دَيْنٌ فَلْيُؤَدِّ دَيْنَهُ حَتَّى تَحْصُلَ أَمْوَالُكُمْ فَتُؤَدُّونَ مِنْهُ الزَّكَاةَ

“Bulan ini adalah bulan zakat kamu. Maka sesiapa yang ada menanggung hutang hendaklah dia menunaikan hutang itu terlebih dahulu sebelum mengeluarkan zakat”

(Riwayat Mālik)²⁹

Kata-kata itu disebut oleh ‘Uthmān di hadapan ramai para sahabat dan tidak ada riwayat yang menyebut mana-mana orang membantah kata-katanya itu. Ini menunjukkan bahawa para sahabat secara ijmā‘ berpendapat seperti itu (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 633).

Selain itu, mereka juga berpegang dengan pengertian umum nas-nas yang mewajibkan zakat. Menurut Ibn ‘Umar, Rasulullah berkata: *“Baginda menyuruh aku memungut zakat daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang fakir”*. Maka, bagaimanakah zakat itu patut dipungut daripada orang yang berhutang sedangkan dia memerlukan sesuatu bagi menjelaskan hutangnya sama seperti orang fakir yang memerlukan sesuatu bagi memenuhi sara hidupnya (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 633).

Dalam masalah harta zahir sama dengan harta batin iaitu hutang menyebabkan tidak wajib zakat. Pendapat ini disokong oleh Aḥmad, ‘Aḫā’, al-Ḥasan, Sulaimān, Maimūn bin Mihrān, al-Nakha‘ī, al-Thaurī, al-Laith dan Ishāq kerana keumuman nas yang mewajibkan zakat tanaman. Mereka melihat perkaitan zakat dengan harta zahir itu amat

²⁹ Al-Kandahlawi, Muḥammad Zakariyya bin Muḥammad bin Yaḥyā (Taḥqiq: Ayman Ṣāliḥ Sya‘bān) (1999). *Awjāz al-masālik ilā Muwaṭṭa’ Mālik*, jil. 5, kītab al-zakāh, bāb al-zakāh fi al-dayn, no. ḥadis 844.

jelas sekali kerana harta seperti itu mudah dilihat oleh fakir miskin (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 634).

Bagi mereka yang menyokong penolakan hutang, isu berbangkit timbul iaitu apakah hutang yang ditolak itu ialah kesemua hutang yang ditanggung oleh pemilik berkenaan atau hutang yang dibelanjakan bagi mengeluarkan hasil berkenaan sahaja?

Abū ‘Ubayd (1988: 611) meriwayatkan dua pandangan yang berbeza dalam persoalan ini. Ibn ‘Abbās menentukan hanya hutang bagi tujuan pengeluaran sahaja. Manakala Ibn ‘Umar menyatakan bahawa semua hutang yang ditanggungnya, sama ada yang dibelanjakan untuk menghasilkan tanaman berkenaan atau untuk perbelanjaan keluarganya. Asas ini dibuktikan dengan riwayat Abū ‘Ubayd (1988: 611) dari Jābir bin Zaid yang berbunyi:

عن جابر بن زيد. قال في الرجل يستدين فينفق على أهله وأرضه قال : قال ابن عباس : يقضي ما أنفق على أرضه. وقال ابن عمر : يقضي ما أنفق على أرضه وأهله

“Daripada Jabir Ibn Zaid, katanya: Dalam masalah seseorang yang berhutang dan kemudian membelanjakannya kepada keluarganya. Kata Ibn ‘Abbas, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan untuk kebunnya sahaja. Sedangkan kata Ibn ‘Umar, dia perlu membayar apa yang dia belanjakan atas kebunnya dan juga keluarganya.

(Riwayat Abū ‘Ubayd, 1988: 611)

Abū ‘Ubayd, ‘Atā’, Ṭāwus, Makḥūl, Ibn Juraij dan sebahagian ulama Irāq sependapat dengan Ibn ‘Umar. Abu ‘Ubayd (1988: 612) berkata:

إذا كان الدين صحيحا قد علم أنه على رب الأرض فإنه لا صدقة عليه فيها, ولكنها تسقط عليه لدينه, كما قال ابن عمر, وطاوس, وعطاء ومكحول. ومع قولهم أيضا إنه موافق لاتباع السنة ألا ترى أن رسول الله صلى الله عليه وسلم إنما سن أن تؤخذ الصدق من الأغنياء فترد في الفقراء. وهذا الذي عليه دين يخيطة بماله ولا مال له وهو من أهل الصدقة, فكيف تؤخذ منه الصدقة, وهو من أهلها؟ أم كيف يجوز أن يكون غنيا فقيرا في حال واحدة؟ ومع هذا إنه من الغارمين, أحد الأصناف الثمانية فقد استوجبها من جهتين

“Kalau sekiranya hutang itu benar-benar sah diketahui ditanggung oleh pemilik tanah maka zakat gugur daripadanya kerana hutang itu sepertimana kata Ibn ‘Umar, Tāwus, ‘Atā’ dan Makhūl. Pendapat mereka ini sebenarnya berasaskan al-Sunnah. Sesungguhnya tidakkah Rasulullah SAW mewajibkan zakat dengan tujuan supaya ia diambil daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang fakir miskin? Orang ini menanggung hutang dan tidak punya harta, apakah dia masih merupakan pembayar zakat? Lalu bagaimana zakat itu harus diambil daripadanya? Apakah mungkin dia boleh menjadi kaya dan orang miskin dalam masa yang sama? Malah, sebagai seorang yang berhutang, dia juga termasuk dalam kategori salah satu daripada asnaf yang lapan kerana dia berhak daripada dua aspek”.

(Riwayat Abū ‘Ubayd, 1988: 612)

ii) Pandangan yang menyatakan hutang dikenakan zakat

Ulama yang menyokong pendapat ini dalam konteks harta batin ialah Rabī‘ah, Ḥammād (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 634) dan al-Syāfi‘ī (1993, jil. 2: 68-69). Manakala dalam masalah harta zahir, Mālik, al-Auzā‘ī, Ibn Abī Sulaimān dan al-Syāfi‘ī mendokong pandangan ini (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 634). Manakala Abū Ḥanīfah pula, walaupun menerima pada dasarnya hutang boleh menyebabkan tidak wajib zakat pada harta zahir tetapi mengecualikan hasil tanaman daripada syarat tersebut (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 634).

2.3.3 Penolakan Kos Tanaman dan Kos Sara Hidup

Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 446) dan Muḥammad Kamāl ‘Atiyah (1995: 28) membolehkan penolakan kos tanaman dalam pengiraan zakat tanaman. Menurut Muḥammad Kamāl ‘Atiyah lagi (1995: 28) dalam mengira zakat hasil tanaman, perkara berikut perlu diambilkira:

1. Semua perbelanjaan termasuk cukai adalah dianggap kos pengeluaran (kecuali belanja menyiram) bagi petani yang memiliki tanah sendiri. Tetapi, kalau tanah itu disewa, sewa itu juga dikira sebagai kos pengeluaran hasil pertanian tersebut;
2. Kos pengeluaran pertanian hendaklah ditolak daripada hasil pertanian sama ada secara tunai atau hutang tetapi hutang yang terjadi bukan kerana usaha pertanian seperti perbelanjaan nafkah peribadi tidak diambilkira sebagai kos pengeluaran keseluruhan hasil pertanian;
3. Kos pengairan (siraman) tidak boleh ditolak daripada keluaran dan tidak boleh dianggap sebagai kos pengeluaran kerana kadar yang berbeza antara tanaman yang disiram dengan menggunakan tenaga manusia dan tanaman yang disiram dengan menggunakan air hujan;
4. Petani yang menyewa membayar zakat tanaman dan pemilik tanah membayar zakat hasil sewa; dan
5. Belanja nafkah seharian tidak boleh dijadikan kos pengeluaran pertanian sebagaimana firman Allah:

وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرِ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا
 أَكْلُهُمُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ ۚ كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ
 إِذَا أَثْمَرَ وَءَاتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ ۗ وَلَا تُسْرِفُوا ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ
 الْمُسْرِفِينَ

“Dan Dialah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau”.

(Surah al-An‘ām, 6:141)

Fatwa di Mesir juga membenarkan penolakan hutang bagi perbelanjaan seperti benih, baja dan sebagainya sebelum zakat tanaman dikeluarkan. Fatwa ini juga membenarkan penolakan kos untuk mengangkut tanaman (al-Sālūs, 2006: 559).

Dalam kes cukai tanah pula, Ibn Qudāmah (1984, jil. 2: 577) menyebut al-Imam Aḥmad bin Ḥanbal berpendapat cukai ini perlu ditolak terlebih dahulu kerana ia dikira sebagai sebahagian daripada perbelanjaan tanah berkenaan. Nas yang menjadi asas ialah riwayat Sufyān bin Sa‘īd yang menyebut:

فيما أخرجت الأرض الخراج، فإني بلغ خمسة أوسق فزكها،
 واحسب ما أكلت من الزرع.

“Tolakkan hutang dan cukai awak. Kalau sesudah itu, ia masih mencapai jumlah lima *ausuq*, maka bayarlah zakatnya termasuk apa yang dimakan daripada tanaman tersebut”.

(Riwayat Yaḥyā Ibn Ādam, t.t.: 166)

Bagi petani yang menyewa tanah daripada orang lain, ada tiga pendapat iaitu zakat dikenakan kepada penyewa atau pemilik tanah atau kedua-duanya sekali.

Abū Ḥanīfah (al-Kāsānī, 1986, jil. 2: 56) berpendapat zakat dibayar ke atas pemilik tanah bukan penyewa.

Manakala Mālik, al-Thaurī, Syarīk, Ibnu al-Mubāarak, al-Syāfi‘ī dan Ibnu al-Manzur berpendapat bahawa zakat dibayar atas hasil tanaman iaitu penyewa (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 575). Begitu juga pandangan Abū Yūsuf dan Muḥamad (al-Kāsānī, 1986, jil. 2: 56) serta Yaḥyā Ibn Ādam (t.t.: 171). Yaḥyā Ibn Ādam berkata:

حدثنا ابن مبارك عن سفیان بن سعید في رجل استأجر أرضا بيضاء من أرض العشر من مسلم , قال : ليس على رب الأرض شيء, وعلى المستأجر العشر."

“Ibnu Mubāarak memberitahu kepada kami daripada Sufyān bin Sa‘īd: seorang lelaki menyewa tanah kosong daripada tanah yang dikenakan zakat daripada lelaki muslim, beliau berkata: “tidak dikenakan apa-apa kepada pemilik tanah, tetapi penyewa tanah dikenakan satu persepuluh”.

(Riwayat Yaḥyā Ibn Ādam, t.t.: 171)

Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 432) pula berpendapat kedua-dua pemilik tanah dan penyewa sama-sama dikenakan zakat atas hasil tanaman tersebut.

Daripada pandangan-pandangan tersebut, wajarlah kos tanaman termasuk cukai tanah dan sewa tanah perlu ditolak dalam taksiran zakat tanaman. Kos tanaman ini perlu ditolak dalam taksiran zakat tanaman sama ada kos tersebut dikeluarkan secara berhutang atau tidak. Penolakan kos tanaman adalah perlu kerana perbelanjaan yang dikeluarkan oleh petani agak besar seperti kos baja, kos benih, kos membajak, kos menuai, kos pengangkutan dan kos membaja kerana pertanian dijalankan secara moden

bukannya secara tradisional. Begitu juga kos sara hidup perlu ditolak dalam taksiran zakat tanaman. Walaupun begitu, kos sara hidup yang boleh ditolak dalam taksiran zakat tanaman adalah kepada petani yang bersumberkan pendapatan daripada hasil padi semata-mata dan juga kepada petani yang belum menolak kos sara hidup dalam taksiran zakat yang lain. Ini bagi mengelak berlaku penolakan dua kali dalam kos sara hidup kerana dalam taksiran zakat pendapatan, tolakan terhadap kos sara hidup telah berlaku.

2.3.4 Kadar Zakat Tanaman

Dalam menjelaskan tentang kadar zakat tanaman, para fuqaha (al-Nawāwī, 1995, jil. 5: 444-445) membahagikan usaha tanaman itu kepada dua kategori berasaskan jenis pengairan yang digunakan iaitu:

1. Sekiranya tanaman berkenaan diairi dengan menggunakan sumber alam seperti sungai, parit dan sebagainya, kadar zakatnya 10 peratus.
2. Sekiranya tanaman tersebut diairi dengan menggunakan tenaga manusia, binatang atau alat, maka zakat yang dipungut ialah 5 peratus.

Menurut Ibn Qudāmah (1984, jil. 2: 556-557), para fuqaha sependapat tentang pengkategorian dan penentuan kadar pungutan ini. Nas yang menjadi asas kepada penentuan ini adalah hadis Rasulullah SAW:

...فِيْمَا سَقَّتِ السَّمَاءُ وَالْعَيُونُ الْعُشْرُ وَفِيْمَا سُقِيَ بِالنَّضْحِ نَصْفُ الْعُشْرِ

"Pada apa yang dijirus oleh langit atau air mata air atau takungan sepuluh peratus, dan apa yang dijirus dengan tenaga, lima peratus".

(Riwayat Ibn Mājah)³⁰

³⁰ Al-Qazwinī, Abū 'Abdillāh Muḥammad bin Yazīd (t.t.). *Sunan*, kitāb al-zakāh, bāb ṣadaqah al-zurū' wa al-thimār, no. hadis 1806.

Persoalan pertama yang timbul adalah berkenaan berat atau ringannya sesuatu kerja itu. Contohnya kerja-kerja menggali parit dan tali air. Kerja-kerja tersebut tidak boleh mengurangkan kadar zakat yang wajib dibayar. Ini kerana menurut beliau, kerja seperti itu tidak memerlukan belanja yang banyak, malah merupakan sebahagian daripada kerja-kerja merawat tanah itu sendiri, sama seperti menggala, menurap dan sebagainya (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 556-557).

Persoalan kedua yang timbul ialah kadar yang dikenakan apabila tanaman berkenaan dijirus secara bercampur-campur iaitu setengah masa menggunakan sumber semulajadi, manakala setengah masa lagi menggunakan tenaga. Pendapat para fuqaha boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Sekiranya nisbah kedua-duanya sama banyak, zakat dikenakan sebanyak 7.5 peratus (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 558; al-Syāfi'ī, 1993, jil. 2: 51; al-Nawāwī, 1995, jil. 5: 445; al-Qaradāwī, 1994, jil. 1: 406). Walaupun begitu, al-Nawāwī menyebut bahawa dalam mazhab Syāfi'ī, jumhur berpendapat keputusan seperti ini tertakluk kepada perancangan pekebun berkenaan pada waktu menanam sama ada bercadang untuk menggunakan jenis pengairan yang mana. Tetapi, kalau dia sebenarnya bercadang untuk menggunakan jenis pengairan tertentu sahaja seperti pengairan yang menggunakan tenaga, maka zakat perlu dibayar mengikut kadar yang sesuai dengan jenis pengairan berkenaan iaitu 5 peratus, walaupun pada praktiknya dia juga menggunakan jenis pengairan lain seperti air hujan dalam keadaan tertentu (al-Nawāwī, 1995, jil. 5: 445);
2. Sekiranya salah satu metode berkenaan lebih banyak digunakan berbanding yang satu lagi, pada pandangan kebanyakan para fuqaha bayaran zakat hendaklah berdasarkan metode penjirusan yang lebih banyak (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 557;

al-Syāfi‘ī, 1993, jil. 2: 51; al-Nawāwī, 1995, jil. 5: 446; al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1: 407);

3. Sekiranya tidak diketahui nisbah penggunaan antara kedua-duanya, sebahagian fuqaha berpendapat zakat perlu dikenakan sepuluh peratus. Pada pendapat mereka, sepuluh peratus adalah kadar yang perlu dikeluarkan, sementara lima peratus adalah kadar yang diringankan kerana ada penggunaan tenaga yang berat (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 557; al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1: 407). Manakala dalam mazhab Syāfi‘ī, pandangan yang paling banyak adalah zakat wajib sebanyak 7.5 peratus. Selain itu, ada juga pandangan yang menyarankan zakat dikeluarkan sebanyak lima peratus atas dasar bahawa kadar yang banyak itulah yang pasti wajib (al-Nawāwī, 1995, jil. 5: 446-447); dan
4. Sekiranya terdapat dua kebun atau lebih secara berasingan, di mana satu atau lebih daripada kebun itu mendapat jirusan secara tabii, sementara yang bakinya dijirus dengan menggunakan tenaga dan tidak cukup nisab bagi satu kebun, para ulama memutuskan hasil bagi semua kebun itu hendaklah disatukan untuk mencukupkan nisab. Namun, kadar zakat perlu mengikut kepada jenis jirusan yang digunakan bagi setiap kebun, iaitu sepuluh peratus jika dijirus menggunakan sumber semulajadi dan lima peratus jika menggunakan tenaga (al-Nawāwī, 1995, jil. 5: 447; Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 558).

Di Malaysia, kadar zakat padi adalah berbeza antara negeri-negeri. Semua negeri di Semenanjung Malaysia kecuali Kelantan, Perlis dan Negeri Sembilan menetapkan satu kadar zakat padi atau tanaman iaitu pada kadar 5 peratus atau 10 peratus tanpa mengambilkira jenis pengairan yang digunakan oleh petani. Hanya institusi zakat di Kelantan, Perlis dan Negeri Sembilan sahaja menetapkan dua kadar sama ada 5 peratus

atau 10 peratus. Petani bebas memilih mana-mana kadar zakat padi yang sesuai bergantung kepada jenis pengairan yang digunakan oleh mereka. Jadual 1.2 di bawah menerangkan tentang kadar zakat tanaman di Semenanjung Malaysia.

Jadual 1.2: Kadar Zakat Tanaman di Semenanjung Malaysia

Kadar Zakat Tanaman	Negeri
5 peratus	Selangor, Kelantan, Negeri Sembilan, Perlis ³¹
10 peratus	Kedah, Perlis, Perak, Johor, Melaka, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Kelantan, Negeri Sembilan

Sumber: Enakmen negeri³² dan laman web insituti zakat³³

2.3.5 Pentaksiran

Al-Kharṣ ialah satu kaedah menaksir hasil tanaman dan dilakukan oleh seorang lelaki yang adil dan pakar dalam membuat anggaran itu. Majoriti sarjana Islam berpendapat disunatkan membuat anggaran ke atas kurma dan buah anggur, tetapi tidak disunatkan ke atas buah-buahan yang lain seperti zaitun. Pihak berkuasa perlu menghantar petugas untuk membuat anggaran kadar zakat apabila buah sudah sesuai dipetik. Al-Bahūī (1999, jil. 2: 280) mengatakan bahawa pemerintah sunat menghantar penaksir berdasarkan hadis ‘Aisyah:

انَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَبْعَثُ عَبْدَ اللهِ بْنَ رَوَاحَةَ إِلَى يَهُودَ فَيَخْرُصُ النَّخْلَ حِينَ يَطْبِيبُ قَبْلَ أَنْ يُؤْكَلَ مِنْهُ

“Nabi SAW telah menghantar ‘Abd Allāh bin Rawāḥah kepada orang Yahudi untuk mentaksir kurma mereka yang telah masak sebelum dimakan”
(Riwayat Abū Daūd)³⁴

³¹ Untuk huraian lanjut, lihat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (2001: 17-22).

³² Seksyen 31 (1) dan 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) (1989) (Pindaan 9/2001); Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) (1955) (Pindaan 6/1983); Seksyen 5, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) (1966); Seksyen 4 (1) dan 4 (2), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) (1975); Peraturan 6 (3), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor) (1962); Seksyen 15, Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka) (1960); Kaedah 3, Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang) (1970); Seksyen 74 (1), Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (2001); Seksyen 10, Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang) (1979).

³³ Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (t.t.), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t.b), Pusat Urus Zakat Negeri Sembilan (t.t.)

³⁴ Al-‘Azīm Abadī, Muḥammad Syams al-Haq (1990). *‘Awn al-ma’bud syarh sunan Abī Da’ūd*, jil.4, bāb matā yakhrusu al-tamar, no. hadis 1603.

Kebanyakan para fuqaha berpendapat penentuan zakat tanaman boleh dibuat sebelum hasil berkenaan mula hendak masak (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 565; Mālik, 1989: 166). Caranya ialah dengan membuat taksiran berasaskan kepakaran pentaksiran. Pihak pemerintah perlu mewujudkan para pegawai atau pekerja yang boleh melakukan kerja-kerja penaksiran (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 565). Antara objektif paling jelas daripada pentaksiran lebih awal ini ialah untuk memberi kebebasan kepada para pemilik untuk melakukan apa-apa urusan terhadap tanaman itu lebih awal. Pentaksiran seperti itu akan dapat menjelaskan berapa jumlah zakat yang perlu dikeluarkan daripada hasil itu dan pemilik boleh berbuat apa sahaja terhadap hasil tanamannya itu asalkan ada baki daripada jumlah zakat yang perlu dikeluarkan (Mahmood Zuhdi Abd. Majid, 2003).

Nas yang menyokong penaksiran perlu dilakukan ialah hadis nabi SAW yang berbunyi:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَبْعَثُ عَلَى النَّاسِ مَنْ يَخْرُصُ عَلَيْهِمْ كُرُومَهُمْ وَتَيْمَارَهُمْ

“Bahawa nabi SAW telah menghantar kepada orang ramai orang yang membuat taksiran anggur dan buah-buahan mereka”

(Riwayat Ibn Mājah)³⁵

Hadis lain yang berbunyi:

جَاءَ سَهْلُ بْنُ أَبِي حَتْمَةَ إِلَى مَجْلِسِنَا فَحَدَّثَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ إِذَا حَرَصْتُمْ فَحَدُّوا وَدَعُوا الثُّلُثَ فَإِنْ لَمْ تَدَعُوا الثُّلُثَ فَدَعُوا الرَّبْعَ

“Sahl Ibn Abī Hathmah datang kepada majlis kami lalu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila kamu membuat taksiran, maka ambillah dan tinggalkan satu pertiga. Kalau tidak satu pertiga pun, satu perempat.”

(Riwayat al-Tirmidhī)³⁶

³⁵ Al-Qazwaynī al-Ma'rūf bi Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd (Taḥqīq: Maḥmūd Muḥammad Maḥmūd Ḥasan Nassar) (1998). *Sunan Ibn Mājah*, kitāb al-zakāh, bāb khars al-nakhl wa al-inab, no. hadis 1819.

³⁶ Muḥammad bin 'Īsa bin Sawrah (Taḥqīq: Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī) (1976). *al-Jamī' al-ṣāḥih wahuwa al-sunan al-Tirmidhī*, jil. 3, cet. 3, kitāb al-zakāh, bāb ma jā'a fi al-khars, no. hadis 644.

Menurut Ibn Qudāmah (1984, jil. 2: 564 – 565) antara para fuqaha yang berpendapat harus dilakukan penilaian awal seperti ini ialah ‘Umar bin Khaṭṭāb, Sahl bin Abī Hathmah, Marawān al-Qāsim bin Muḥammad, al-Ḥasan. ‘Aṭā’, al-Zuhrī, ‘Amru bin Dīnār, ‘Abd Karīm bin Abī Mukhāriq, Mālik, al-Syāfi‘ī, Abū ‘Ubayd dan Abū Thaur. Walau bagaimanapun, pendapat mereka tidak dipersetujui oleh al-Syu‘abī dan ahli al-Ra’y.

Walaupun bagaimanapun, pandangan pihak yang membuat taksiran berkenaan bukanlah satu pandangan yang mengikat dalam semua hal. Pihak pemilik hasil tanaman berkenaan boleh menolaknya dengan mengatakan tidak tepat berbanding dengan jumlah sebenar sesudah disukat. Menurut Ibn Qudāmah, sekiranya pemilik berkenaan mendakwa bahawa pentaksir silap dalam membuat taksiran berkenaan dan dakwaannya itu munasabah, ia diterima tanpa memerlukan sumpah. Tetapi, kalau dakwaannya itu jelas tidak munasabah, ia perlu ditolak (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 566).

Sekiranya pemilik mendakwa pentaksir silap dalam tafsirannya, ia perlu diteliti. Kalau kesilapannya yang didakwakannya separuh dan sebagainya, dakwaannya itu mesti ditolak. Tetapi, sekiranya ia dalam kadar yang munasabah, dakwaannya itu perlu diterima dengan disertai sumpah (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 567 – 568). Pada pendapat jumhur fuqaha, pentaksiran dibuat pada kurma dan anggur sahaja. Begitulah juga pandangan Mālik (1989: 166), ‘Aṭā’ dan Ibn Syuhāb (Abū ‘Ubayd, 1988: 584).

Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 417 – 418) berpendapat keharusan penaksiran ini bergantung kepada keperluan dan kemungkinan ia dapat dilakukan. Oleh sebab itu, keputusannya hendaklah diserahkan kepada pakar dalam masalah-masalah yang

berkenaan. Kalau mereka berpendapat ia perlu dilakukan dan secara teknikalnya boleh, maka boleh dilakukan. Asas hukum ini ialah qiyas di atas penganggaran kurma dan anggur.

Dalam membuat penaksiran zakat, pihak penganggar perlu menolak satu pertiga atau satu perempat daripada jumlah besar hasil berkenaan daripada dizakatkan. Tujuannya ialah untuk memberi pertolongan kepada pihak pemilik menggunakannya untuk faedahnya sendiri, keluarga serta orang lain. Ia juga mengambilkira buah-buah yang mungkin gugur, dimakan oleh burung dan sebagainya ataupun oleh orang yang lalu di kebun itu. Menurut beliau lagi, terserahlah kepada budi bicara pegawai pentaksir untuk menentukan sama ada menolak satu pertiga atau satu perempat daripada jumlah asal hasil berkenaan. Kalau didapati ramai orang yang memerlukan buah-buahan berkenaan, dia perlu menolak satu pertiga, tetapi kalau sebaliknya, dia perlu menolak satu perempat sahaja (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 568; al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1: 417-418).

Menurut Ibn Qudāmah lagi, jika pentaksir tidak membuat apa-apa tolakan, maka para pemilik berhak memakan dalam kadar sebanyak itu dan tidak akan dikira atas mereka. Ini kerana kadar sebanyak itu adalah hak mereka. Menurut beliau lagi, kalau pemerintah tidak menghantar mana-mana pentaksir dan seterusnya pemilik melantik pentaksir sendiri kerana perlu menguruskan hasil tanamannya itu. Penaksir tersebut harus membuat tolakan dalam kadar seperti itu. Begitu juga, pemilik sendiri boleh menolak kadar tersebut jika menaksir sendiri. Tambahan beliau lagi, Imam Aḥmad ditanya tentang hasil tanaman yang dimakan sendiri oleh para petani dalam tempoh antara zakat diwajibkan dan pengeluarannya diwajibkan. Menurut beliau, tuannya boleh memakan hasil itu setakat keperluannya kerana demikian itu sudah menjadi adat. Tetapi, apabila

hasil itu sudah dikeringkan, dia hendaklah mengeluarkan zakat atas semua yang ada dan tidak boleh dibuat potongan lagi (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 569).

Walaupun begitu, amalan yang berlaku di Malaysia sekarang, penaksiran tidak lagi dilakukan. Tetapi, borang bancian pernah diberikan oleh amil sebelum memungut zakat padi. Contohnya, amalan di Perak dan Terengganu.

2.4 ULASAN SOROTAN KARYA

Sorotan terhadap karya-karya terdahulu menggambarkan pelbagai isu tentang zakat tanaman telah dibincangkan. Antaranya isu nisab zakat tanaman, kadar zakat tanaman dan kaedah pengiraan zakat tanaman. Isu-isu tersebut dibincangkan secara teori dan diakui cukup penting untuk membuat landasan dan kerangka teoretis kepada kajian ini. Untuk tujuan kajian ini, isu-isu tersebut diklasifikasikan kepada lima isu utama iaitu dalam konteks nisab zakat tanaman, kadar zakat tanaman, kos tanaman, kos sara hidup dan hutang. Kelima-lima isu tersebut seterusnya dijadikan sebagai lima kriteria asas bagi membentuk dan melaksanakan kaedah taksiran zakat padi.

Sungguhpun perbincangan tentang zakat tanaman secara teori diakui telah mencukupi untuk landasan kajian ini, namun sehingga kini masih belum terdapat kajian yang empirikal yang komprehensif dalam bidang ini. Ketiadaan kajian berbentuk empirikal yang menyeluruh menyebabkan sukar untuk membuktikan sejauh mana kaedah pengiraan zakat padi berdasarkan hasil bersih sesuai dilaksanakan di semua negeri kerana wujud fahaman yang pelbagai dalam hal ini. Sehubungan itu, kajian ini menyambung kesinambungan kajian-kajian lalu yang kebanyakannya hanya tertumpu kepada satu negeri sahaja.

2.5 KERANGKA TEORETIS KAJIAN


Berdasarkan sorotan karya dan kajian lepas, kerangka teoretis kajian adalah seperti berikut:

1. Taksiran zakat padi adalah berasaskan kepada sumber al-Quran, hadis dan pandangan sarjana Islam. Penyelidik memilih pandangan fatwa di negeri Perlis yang membolehkan penolakan kos tanaman dalam taksiran zakat padi. Dalam hal ini, Abū Ḥanīfah tidak mewajibkan zakat jika petani berhutang untuk membeli input-input tanaman (al-Kāsānī, 1986, jil. 2: 10). Manakala Ibn ‘Umar dan Ibn ‘Abbās membolehkan petani menolak hutang yang dibelanjakan untuk tanaman dalam taksiran zakat tanaman (Abū ‘Ubayd, 1988: 611). Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994) dan Muḥammad Kamāl ‘Atiyah (1995) pula berpendapat kos tanaman boleh ditolak dalam taksiran zakat tanaman.
2. Taksiran zakat padi juga mengambilkira penolakan kos sara hidup. Penyelidik memilih pandangan fatwa di negeri Perlis yang membolehkan penolakan kos sara hidup dalam taksiran zakat padi. Ia berasaskan pandangan Ibn ‘Umar yang menyatakan bahawa semua hutang yang ditanggung sama ada untuk perbelanjaan tanaman atau keluarga boleh ditolak dalam taksiran zakat tanaman (Abū ‘Ubayd, 1988: 611). Kewajaran penolakan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi juga berdasarkan kepada hadis yang mengharuskan pihak penganggar menolak satu pertiga atau satu perempat daripada jumlah besar hasil berkenaan daripada dizakatkan semasa penaksiran (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 568; al-Qaraḍāwī, 1994, jil. 1: 417 – 418). Sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang telah disebutkan sebelum ini yang bermaksud:

“Sahl Ibn Abī Hathmah datang kepada majlis kami lalu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Apabila kamu membuat taksiran, maka ambillah dan tinggalkan satu pertiga. Kalau tidak satu pertiga pun, satu perempat.”

(Riwayat al-Tirmidhī)³⁷

3. Di Malaysia, terdapat fatwa dan undang-undang berkaitan zakat tanaman. Mufti mengeluarkan fatwa berkenaan zakat tanaman dan institusi zakat membekalkan maklumat fatwa tersebut kepada petani. Penyelidik akan mengambilkira fatwa dan undang-undang bagi menganalisis amalan taksiran zakat padi dalam kalangan institusi zakat dan petani.
4. Amalan pengiraan zakat oleh petani adalah berdasarkan kefahaman, undang-undang, fatwa dan maklumat dari imam, amil atau kakitangan majlis agama atau institusi zakat. Amalan ini juga dipengaruhi oleh maklumat yang diturunkan oleh generasi terdahulu.



Rajah 2.1: Model Konseptual Kajian

³⁷ Muḥammad bin `Īsa bin Sawrah (Taḥqīq: Muḥammad Fu`ād `Abd al-Bāqī) (1976). *al-Jamī` al-ṣahīh wahuwa al-sunan al-Tirmidhī*, jil. 3, cet. 3, kitāb al-zakāh, bāb ma jā`a fi al-khars, no. hadis 644.

Model konseptual kajian digambarkan oleh rajah 2.1. Rajah ini mengandungi tiga kotak utama. Kotak pertama merupakan teori berkaitan zakat tanaman. Teori berkaitan zakat tanaman diperolehi melalui pemikiran sarjana Islam termasuk pandangan mazhab Syāfi‘ī, Ḥanafī, Ḥanbalī dan Mālikī serta pandangan sarjana Islam kontemporari seperti Yūsuf al-Qaraḏāwī dan Muḥammad Kamāl ‘Atiyah. Teori ini juga diperolehi daripada undang-undang dan fatwa yang dikeluarkan oleh mufti di Malaysia.

Manakala kotak kedua merupakan praktis amalan taksiran zakat padi di institusi zakat dan petani. Kedua-dua golongan ini diambilkira kerana berkemungkinan wujud perbezaan antara garis panduan institusi zakat tentang taksiran zakat padi dan amalan petani sendiri. Kemudian, penyelidik akan membuat analisis dan membandingkan antara teori dan praktis supaya boleh membentuk model perakaunan zakat padi yang sesuai diamalkan di Malaysia. Model ini akan mengemukakan garis panduan taksiran zakat padi yang merangkumi nisab zakat padi, kadar zakat padi dan kaedah pengiraan zakat padi meliputi jenis-jenis kos tanaman dan kos sara hidup yang boleh diambilkira dalam taksiran zakat padi. Model ini juga akan mencadangkan jumlah kos sara hidup yang boleh ditolak dalam taksiran tersebut.

2.6 KESIMPULAN

Kajian ini akan mengisi kekurangan kajian empirikal berkenaan zakat tanaman. Ia menjadikan kajian ini cukup mustahak dan bermakna. Bagi menjayakannya, teori zakat tanaman yang dikemukakan oleh empat mazhab dijadikan landasan kepada pelaksanaan kajian ini. Dengan adanya landasan yang kukuh, diharap kajian ini dapat menghasilkan suatu dapatan yang mantap dan memberi manfaat kepada semua pihak. Landasan yang kukuh tersebut dijadikan asas bagi membuat penilaian terhadap aplikasi sebenar taksiran zakat tanaman dalam kalangan institusi zakat dan petani. Hasil analisis teori dan praktis sebenar akan memberikan keputusan yang terbaik dan sesuai bagi mengemukakan model perakaunan zakat padi yang praktikal.

BAB TIGA

PENGURUSAN DAN PERUNDANGAN ZAKAT TANAMAN DI MALAYSIA

3.0 PENGENALAN

Dalam bab ini, penulis akan menerangkan pentadbiran zakat di Malaysia yang meliputi badan yang bertanggungjawab menguruskan zakat tanaman, undang-undang induk dan undang-undang subsidiari serta fatwa yang wujud berkaitan zakat tanaman.

3.1 INSTITUSI YANG MENGURUSKAN ZAKAT

Di Malaysia, semua urusan berkaitan agama adalah di bawah bidang kuasa negeri, termasuklah hal yang bersangkutan paut dengan zakat. Dengan ini, Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam ditubuhkan. Kedua-dua badan tersebut ditubuhkan oleh undang-undang negeri bagi menasihati raja mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan agama Islam. Bagi Pulau Pinang dan Melaka, kedua-dua badan ini menasihati Yang diPertuan Agong manakala bagi negeri-negeri lain, bagi menasihati kerajaan negeri.

Sebagai sebahagian daripada birokrasi kerajaan di setiap buah negeri di Malaysia, kewajipan zakat dan pentadbirannya adalah di bawah kuasa Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam. Sejarah zakat di Malaysia dapat dikenalpasti sejak enam hingga ketujuh puluh tahun yang lalu. Negeri yang pertama melaksanakan sistem zakat ialah Terengganu yang dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam atas arahan Menteri Besar. Kemudian diikuti oleh Kelantan (1915), Perlis (1930), Johor (1934) dan Kedah (1936).

Setelah itu diikuti oleh negeri-negeri lain hinggalah pada tahun 1957 di mana Negeri Sembilan direkodkan sebagai negeri yang terakhir melaksanakan sistem tersebut (Ahmad Ibrahim, 1975: 336). Sebelum tarikh-tarikh tersebut, negeri-negeri berkenaan belum pernah mewujudkan undang-undang mengenainya (*Ibid*) kecuali Pahang dan Kedah pada abad ke-16 M (Mujaini Tarimin, 1990: 54). Buktinya boleh dilihat semasa pemerintahan Sultan Mahyudin Shah di Pahang antara tahun 1592-1614 di mana baginda pernah menulis mengenai kewajipan zakat:

“Bermula mereka yang tidak mahu memberi zakat atau segala hak Allah Taala atasnya tidak diberinya, jika ia hendak berperang mengerasi diberinya, kita kerasi dengan perang, barang binasa dari hartanya atau mati padahal itu binasa tiada menyilih jika menurut kata padahal itu binasa hartanya hendaklah disisih” (Kampe, J.E. & Winstedt, R.Q., 1948: 53)

Di Kedah pula, mengikut bab kedua fasal tiga Undang-undang Kedah yang dikeluarkan kira-kira tahun 1667M/1078H, menyatakan tentang kewajipan zakat:

“Barang siapa membuat bendang atau huma maka hendaklah kerasi suruh keluarkan zakat seperti benar-benar hisabnya yang diperolehinya itu, suruh keluarkan sepuluh emas zakatnya itu. Apabila tiada mahu mereka itu seperti hisab itu, maka hendaklah kurang kerasi keluarkan zakat itu menurut hukum Allah Taala” (Winstedt, R.Q., 1928: 28)

Di Malaysia sekarang ini, pihak yang terlibat dalam kutipan zakat termasuk zakat tanaman terdiri daripada entiti korporat,³⁸ jabatan khusus yang berasingan daripada Majlis Agama Islam negeri³⁹ dan Pusat atau unit zakat di bawah Majlis Agama Islam negeri masing-masing.⁴⁰

³⁸ Negeri yang telah mengkorporatkan institusi zakat ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang dan Sabah. Di Selangor, urusan zakat diletakkan di bawah Lembaga Zakat Selangor, manakala negeri-lain diletakkan di bawah Pusat Zakat negeri masing-masing dengan nama yang berbeza. Jika dilihat aspek yang dikorporatkan, hanya Selangor sahaja yang mengkorporatkan urusan kutipan dan agihan zakat, manakala negeri lain hanya mengkorporatkan urusan kutipan sahaja dan urusan agihan masih di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam negeri masing-masing. Lihat Nor ‘Azzah Kamri dan Nor Aini Ali (2010); Pusat Zakat Sabah (t.t.).

³⁹ Urusan zakat termasuk zakat tanaman diuruskan oleh Jabatan Zakat Kedah.

⁴⁰ Negeri Johor, Terengganu, Kelantan dan Perak diuruskan oleh bahagian atau unit yang terdapat di Majlis Agama Islam negeri masing-masing. Manakala di Sarawak diuruskan oleh Tabung Baitulmal Sarawak, lihat Nor ‘Azzah Kamri dan Nor Aini Ali (2010). *op.cit.*; Tabung Baitulmal, Majlis Agama Islam Sarawak (t.t.).

Jika dikaji undang-undang berkaitan kuasa Majlis Agama Islam negeri untuk memungut zakat boleh dilihat misalnya di Perak, Selangor, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Terengganu.

Seksyen 75 menyebut:

“Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan” (Enakmen 4 Tahun 2004, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak), 2004).

Seksyen 86 menyebut:

“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Selangor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.” (Enakmen No.1, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor), 2003).

Seksyen 86 menyebut:

“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Johor mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.” (Enakmen 16, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor), 2003)

Seksyen 74 menyebut:

“Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam di dalam Negeri Melaka mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Agong” (Enakmen 7 Tahun 2002, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Melaka), 2002)

Seksyen 86 menyebut:

“Majlis berkuasa memungut zakat dan fitrah yang kena dibayar oleh tiap-tiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Sembilan mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Besar.” (Enakmen 10, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan), 2003)

Seksyen 70 menyebut:

“Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Terengganu mengikut Hukum Syarak bagi pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan.” (Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu), 2001)

3.2 UNDANG-UNDANG ZAKAT TANAMAN DI MALAYSIA

Undang-undang mengenai perkara zakat ini telah dikanunkan di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia dan di Wilayah-wilayah Persekutuan ianya dimasukkan di bawah Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993 di bawah akta 505 (Siti Mashitoh Mahamood, 2007: 4). Sebagai contoh, Undang-undang Zakat (Kedah), 1374 (1955) dan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994. Di samping itu, terdapat juga undang-undang subsidiari yang turut diperkenalkan di negeri-negeri di Malaysia bagi menyediakan peruntukan lanjutan bagi memantapkan lagi undang-undang zakat yang terdapat dalam statut induk masing-masing. Sebagai contoh, Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak), 1975, Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor), 1962 dan Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang), 1970. Undang-undang induk dan undang-undang subsidiari zakat ini memperuntukkan enakmen yang sama ada memperincikan jenis-jenis zakat yang wajib dikutip atau memperuntukkan enakmen khusus berkenaan zakat tanaman.

3.2.1 Perundangan Zakat Secara Umum

Dalam konteks undang-undang, ada negeri yang tidak memperincikan jenis zakat harta yang dikutip dalam undang-undang negeri tersebut sama ada undang-undang induk atau undang-undang subsidiari. Negeri-negeri yang tidak memperuntukkan seksyen khusus dalam enakmen untuk zakat tanaman adalah Sabah, Sarawak dan Negeri Sembilan.

1) Undang-undang Zakat di Sabah

Di negeri Sabah, tidak wujud undang-undang khusus kepada zakat tanaman. Undang-undang yang ada pada tahun 1977 hanya memberikan pengertian perkataan zakat di bawah seksyen 2 iaitu:

“Suatu bayaran yang dikenakan di atas harta-harta yang kena bayar tiap-tiap tahun oleh seseorang Islam mengikut hukum syarak dan peruntukan enakmen ini” (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Sabah), 1977).

Pada tahun 1993, enakmen zakat dan fitrah juga tidak menyebut tentang zakat tanaman.

Seksyen 50 menyebut:

“Tertakluk kepada peruntukan di bawah Enakmen Zakat dan Fitrah 1993, Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Sabah mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di-Pertua Negeri”(Enakmen 5, Enakmen Majlis U gama Islam (Sabah), 2004)

2) Undang-undang Zakat di Sarawak

Dalam undang-undang zakat di Sarawak, di bawah seksyen 2, perkataan zakat dimaksudkan sebagai:

“A religious tax imposed on the property dan income of Muslim in accordance with shariah law” (Undang-undang Zakat dan Fitrah (Sarawak), 1966).

Penyelidik tidak menemui undang-undang mengenai zakat tanaman sama ada dalam Majlis Islam (Penubuhan) (Pindaan) 1978 dan Undang-undang Zakat Fitrah 1966 yang dibuat di bawah fasal satu tambahan Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak *Chapter 51*. Ia diambilkira oleh Majlis Islam (Penubuhan) (Pindaan) 1978 dalam Seksyen 92 (3) menyebut:

“The Undang-undang Zakat and Fitrah, 1966 made under the provision of Undang-undang Mahkamah Melayu Sarawak, shall be deemed to have been made under this section” (Majlis Islam (Penubuhan) (Pindaan), 1978)

3) Undang-undang Zakat di Negeri Sembilan

Di Negeri Sembilan, undang-undang Islam sebelum merdeka dan pada awal kemerdekaan tidak menyebutkan peruntukan zakat harta atau fitrah, hinggalah pada tahun 1960 di mana Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan memperuntukkan beberapa seksyen mengenai zakat harta dan zakat fitrah. Di bawah seksyen 2 (1), zakat diberikan maksud sebagai:

“The title of certain property payable annually in accordance with Muslim Law” (Administration of Islamic Law (Negeri Sembilan), 1960).

Lanjutan dari peruntukan di atas, lahirlah dua peraturan zakat iaitu Peraturan Zakat Fitrah 1962 dan Peraturan Zakat 1962. Pada masa kini, Negeri Sembilan sama seperti Sabah yang tidak memperuntukkan undang-undang atau peraturan khusus untuk zakat tanaman. Enakmen yang ada hanya menjelaskan tentang zakat dan fitrah secara umum.

3.2.2 Perundangan Zakat Tanaman Secara Khusus

Undang-undang yang diperuntukkan di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Johor dan Melaka memperincikan sama ada jenis harta yang diwajibkan zakat, jenis tanaman yang dikenakan zakat, kadar zakat tanaman, nisab zakat tanaman, waktu kewajipan zakat tanaman, kaedah taksiran zakat tanaman dan status subsidi harga padi dalam kewajipan zakat.

1) Jenis Zakat Yang Dikutip

Jika diteliti undang-undang yang ada berkaitan zakat tanaman, ada sesetengah negeri yang memperuntukkan zakat tanaman atau zakat padi sebagai salah satu jenis harta yang dikenakan zakat di dalam enakmen negeri masing-masing.

Misalnya, undang-undang di negeri Johor memperuntukkan jenis harta yang diwajibkan zakat di dalam undang-undang subsidiari di bawah Peraturan 5 iaitu:

(1) "Zakat hendaklah dibayar oleh sekian orang yang wajib berzakat menurut Hukum Syarak mengenai-

- (a) Harta;*
- (b) Tumbuh2;*
- (c) Perniagaan;*
- (d) Hidupan2*

(e) Galian-galian Emas dan Perak. Mengenai zakat tumbuh-tumbuhan, hendaklah dibayar oleh penanamnya.

(2) Zakat mengenai butiran2 yang disebutkan dalam pecahan (a), (c), (d) dan (e) bagi jumlahkata (1) hendaklah dibayar oleh tuannya.

(3) Zakat mengenai butiran2 yang disebutkan dalam pecahan jumlahkata (b) bagi jumlahkata (1) hendaklah dibayar oleh penanamnya” (Seksyen 5(3), Peraturan 5 (1), (2), (3), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor), 1962)

Dalam undang-undang di Melaka, zakat dijeniskan kepada lima bahagian iaitu dalam Seksyen 8 menyebut:

“Bahagian-bahagian itu ialah: zakat harta simpanan (wang, emas dan perak, zakat tumbuh-tumbuhan, zakat perniagaan, zakat hidup-hidupan, zakat galian (emas dan perak) dan zakat fitrah (Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka), 1960).

Kedua-dua enakmen undang-undang di negeri Johor dan Melaka menyebut zakat tanaman merupakan salah satu jenis harta yang dikenakan zakat di samping zakat harta-harta yang lain.

Manakala undang-undang di negeri Kelantan dan Pahang memperuntukkan enakmen tertentu yang mengkhususkan padi sebagai salah satu jenis harta yang diwajibkan zakat. Kedua-dua negeri ini hanya mewajibkan zakat bagi tanaman padi sahaja. Ia boleh dilihat di bawah seksyen 2, enakmen negeri masing-masing.

Di dalam undang-undang di negeri Kelantan di bawah Seksyen 2 menyebut:

““Zakat” ertinya sebahagian daripada hartabenda termasuk padi, emas, perak, wang tunai, binatang ternakan, barang-barang perniagaan, harta galian, rikaz dan lain-lain yang wajib dibayar atau dikeluarkan oleh tiap-tiap orang Islam apabila cukup syaratnya mengikut Hukum syarak” (Enakmen 4, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994)

Manakala di negeri Pahang, Seksyen 2 menyebut:

““Zakat” ertinya sebahagian daripada hasil tahunan penanaman padi dan sebahagian daripada pendapatan perniagaan, ternakan dan termasuklah wang simpanan, emas dan perak menurut Hukum Syarak” (Enakmen 3, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pahang), 1991).

Kedua-dua enakmen di negeri Kelantan dan Pahang ini menyebut tanaman padi sebagai salah satu jenis harta yang dikenakan zakat di samping harta-harta yang lain.

2) Jenis Tanaman Yang Dikenakan Zakat

Terdapat enakmen di negeri Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Melaka menghuraikan jenis tanaman yang dikenakan zakat pertanian. Namun begitu, jenis tanaman yang disenaraikan itu berbeza antara negeri-negeri. Manakala di Pahang, Selangor, Kedah dan Perlis, peruntukan undang-undang tidak memperincikan tentang jenis zakat tanaman tetapi menyebut tanaman padi sahaja dan disertakan penjelasan tentang sama ada jumlah nisab zakat padi, kadar zakat padi atau kaedah taksiran zakat padi.

Misalnya di bawah seksyen 57 (1), enakmen di negeri Kelantan menyebut tentang zakat padi dan tanaman-tanaman lain wajib dikeluarkan zakat apabila selesai dituai. Namun begitu, enakmen ini tidak memperincikan jenis tanaman lain yang dikenakan zakat.

Seksyen 57 (1) menyebut:

“Zakat padi atau lain-lain tanaman yang wajib zakat, hendaklah dikeluarkan sebaik sahaja ia selesai dituai” (Enakmen 4, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994).

Di Terengganu, enakmen yang diperuntukkan di bawah seksyen 74 (1) menyebut:

“Zakat hendaklah dikeluarkan oleh setiap orang Islam yang menghasilkan padi, jagung, atau lain-lain makanan asas yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa mengikut Hukum Syara’, yang penghasilannya tidak kurang daripada 5 ausuq (600 gantang Baghdad) atau yang bersamaan dengannya dalam mana-mana satu tahun, pada kadar yang tidak lebih daripada sepuluh peratus jumlah penghasilannya itu.”(Enakmen 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu), 2001).

Enakmen di Terengganu memberikan definisi yang lebih luas mengenai pengenaan zakat tanaman yang menyenaraikan makanan asas seperti padi dan jagung dan membuka lebih ruang apabila menyebut “lain-lain makanan asas” yang boleh diterjemahkan mengikut keadaan semasa negeri tersebut. Perluasan penterjemahan zakat tanaman dalam enakmen di Terengganu sama seperti di Kelantan. Dalam enakmen berkenaan jenis tanaman yang dikenakan zakat tanaman di Kelantan, penterjemahan zakat tanaman lebih luas dari enakmen di Terengganu iaitu “lain-lain tanaman” yang boleh difahami sebagai semua tanaman seperti kelapa sawit, getah dan koko.

Di Pulau Pinang, zakat tanaman didefinisikan di bawah seksyen 2 sebagai:

“The title levied on any grain such as padi, maize and the like and fruits, that is dates and kismis payable during the season when the nisab is complete” (Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang), 1979)

Jika diteliti enakmen ini, zakat pertanian terdiri daripada padi, jagung, buah-buahan kurma dan kismis. Dalam undang-undang lain berkenaan zakat padi juga menyebut hal yang sama iaitu:

“Zakat Tanam-Tanaman’ ertinya zakat yang kena dibayar di atas biji-bijian seperti padi, jagung dan sebagainya dan buah-buahan, iaitu kurma dan kismis apabila cukup nisabnya pada tiap-tiap musimnya” (No. 3, Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam (Pulau Pinang), 1959).

Manakala peruntukan undang-undang di Perak, Johor dan Melaka menyenaraikan jenis-jenis tanaman yang dikenakan zakat termasuk padi. Fasal 4 (1) undang-undang di Perak menyebut:

“Seorang Islam yang menanam padi atau gandum atau sekoi dalam masa dua belas bulan Kamariah samada sekali tanam atau beberapa kali tanam dan mendapat sebanyak tiga ratus enam puluh tiga (363) gantang Malaysia” (Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak), 1975)

Dalam undang-undang di negeri Johor pula memberikan definisi tumbuh-tumbuhan sebagai:

“Tumbuhan2” adalah termasuk padi, gandum, kacang hijau dan kacang soya” (Peraturan 2, Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor), 1962)

Di Melaka, Seksyen 10 menyebut:

“Zakat tumbuh-tumbuhan pula diertikan sebagai hasil pertanian padi, gandum, jagung, kacang hijau dan kacang soya.” (Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka), 1960).

Berlainan dengan peruntukan undang-undang di Pahang, Selangor, Kedah dan Perlis yang hanya menyebut tanaman padi sahaja sebagai zakat tanaman. Misalnya undang-undang di Pahang, Kaedah 3 menyebut:

“Tiap-tiap orang Islam yang menanam padi dan hasil pendapatan dari pekerjaannya dalam sa-suatu musim ia-lah sa-banyak tidak kurang daripada empat ratus gantang, hendak-lah membayar zakat berjumlah sa-banyak sa-puluh peratus dari hasil pendapatan itu”. (Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang), 1970)

Di Selangor, Seksyen 47 (1) pula menyebut:

“Zakat padi wajib dikeluarkan mengikut kadar hasil yang diperolehi dengan kadar zakat sebanyak 5% tanpa menolak apa-apa kos yang ditanggung oleh pengusaha tanaman padi”(Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003, Pindaan 7/2005)

Di Kedah, Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat menyebut:

“Tiap-tiap penanam padi atau pemilik padi hendaklah membayar zakat atas kadar 10% daripada perolehan kasar padinya bagi satu musim kecuali jika perolehan kasar bagi sesuatu musim yang didapati oleh seorang itu kurang daripada 1300.449 kilogram @ 2 kunca.2 nalih.6 gantang.1 cupak.2 kepul” (Undang-undang Zakat (Kedah), 1374 (1955), Pindaan 6/1983)

Di Perlis, Seksyen 5 menyebut:

“Barang siapa yang membuat bendang atau huma padi satu musim tidak kurang daripada empat ratus lapan puluh gantang hendaklah membayar zakatnya sebanyak sepuluh peratus daripada jumlah padi yang diperolehi” (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan), 1966)

Menurut penelitian penyelidik, peruntukan undang-undang di bawah enakmen di negeri Perak, Johor dan Melaka ini memberi kuasa tafsiran yang lebih luas lagi mengenai hasil tumbuh-tumbuhan yang dikenakan zakat tanaman sama seperti enakmen di Pulau Pinang. Namun, yang berbeza antara enakmen di negeri-negeri tersebut adalah senarai jenis tanaman lain yang dikenakan zakat selain padi. Manakala enakmen di Kelantan dan Terengganu memberikan definisi yang lebih luas terhadap jenis tanaman yang dikenakan zakat dengan memberikan ruang yang sangat luas apabila menyebut dalam

enakmen “tanaman-tanaman lain” dan “makanan asas lain”. Jadual 3.1 meringkaskan perbincangan di atas.

Jadual 3.1: Jenis Tanaman Yang Dikenakan Zakat Tanaman dalam Enakmen

Negeri	Jenis Tanaman yang dikenakan Zakat Tanaman
Kelantan	Padi dan tanaman-tanaman lain
Terengganu	Padi, jagung dan makanan asas lain
Pulau Pinang	Biji-bijian seperti padi dan jagung serta buah-buahan iaitu kurma dan kismis
Perak	Padi, gandum dan sekoi
Johor	Padi, gandum, kacang hijau dan kacang soya
Melaka	Padi, gandum, jagung, kacang hijau dan kacang soya
Pahang	Padi
Selangor	Padi
Kedah	Padi
Perlis	Padi

Sumber: Enakmen Negeri

3) Kadar, Nisab dan Kaedah Taksiran Zakat Tanaman

Peruntukan undang-undang berkenaan kadar, nisab dan kaedah taksiran zakat tanaman hanya terdapat di negeri Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perlis, Perak, Johor, Melaka, Pahang dan Terengganu. Manakala Kelantan dan Negeri Sembilan tidak memperuntukkan undang-undang berkenaan perkara tersebut. Di Pulau Pinang, enakmen hanya memperuntukkan berkenaan nisab zakat tanaman sahaja dan di Selangor pula, enakmen yang diperuntukkan hanya menyebut kadar zakat tanaman dan kaedah taksiran zakat tanaman sahaja. Manakala di negeri Kedah, Perlis, Perak, Johor, Melaka, Pahang dan Terengganu memperuntukkan enakmen tertentu untuk menghuraikan kadar dan nisab zakat tanaman. Selain itu, jika dilihat peruntukan undang-undang berkenaan kaedah taksiran zakat tanaman pula, semua negeri kecuali Pulau Pinang tidak menyebut berkenaan perkara tersebut.

Seperti mana pendefinisian yang luas di dalam enakmen berkaitan jenis tanaman yang dikenakan zakat, maka begitulah perincian yang dibuat di dalam enakmen untuk menghuraikan nisab bagi jenis tanaman yang dikenakan zakat. Misalnya di Pulau Pinang, seksyen 10 menyebut:

“The nisab for padi and maize shall be three hundred and sixty three (363) gantang” (Zakat and Fitrah Rules (Pulau Pinang), 1979).

Manakala di Selangor, enakmen yang diperuntukkan tidak menjelaskan nisab zakat padi menyebut:

- 1) *‘Harga zakat padi ialah 5% daripada hasil pendapatan kasar tanpa menolak kos pengeluaran.*
- 2) *Ini kerana dalam penanaman padi para petani perlu mengeluarkan kos yang tinggi termasuk perkhidmatan air dan jentera untuk mendapatkan hasil yang baik dan lumayan.” (Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor), 1989, Pindaan 9/2001).*

Seksyen 47 (1) pula menyebut:

“Zakat padi wajib dikeluarkan mengikut kadar hasil yang diperolehi dengan kadar zakat sebanyak 5% tanpa menolak apa-apa kos yang ditanggung oleh pengusaha tanaman padi”(Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003, Pindaan 7/2005)

Di Kedah, Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang zakat menyebut:

“Tiap-tiap penanam padi atau pemilik padi hendaklah membayar zakat atas kadar 10% daripada perolehan kasar padinya bagi satu musim kecuali jika perolehan kasar bagi sesuatu musim yang didapati oleh seorang itu kurang daripada 1300.449 kilogram @ 2 kunca.2 nalih.6 gantang.1 cupak.2 kepul” (Undang-undang Zakat (Kedah), 1374 (1955), Pindaan 6/1983)

Peraturan 13 di dalam undang-undang lain menyebut hal yang sama:

“Tiap-tiap penanam padi atau pemilik padi hendaklah mem-bayar zakat atas kadar 10% daripada perolehan kasar padinya bagi satu musim kecuali jika jumlah perolehan kasar bagi sesuatu musim yang didapati oleh seseorang itu kurang daripada 1,300.449 kilogram atau 2 kunca, 2 nalih, 6 gantang, 1 cupak, 2 kepul” (Peraturan-peraturan Zakat (Kedah), 1982).

Di Perlis, Seksyen 5 menyebut:

“Barang siapa yang membuat bendang atau huma padi satu musim tidak kurang daripada empat ratus lapan puluh gantang hendaklah membayar zakatnya sebanyak sepuluh peratus daripada jumlah padi yang diperolehi” (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan), 1966)

Manakala undang-undang di Perak, dalam Fasal 4 (1), 4 (2) dan 4 (3) menyebut:

Fasa 4 (1):

- 1) *“Seorang Islam yang menanam padi atau gandum atau sekoi dalam masa dua belas bulan Kamariah samada sekali tanam atau beberapa kali tanam dan mendapat sebanyak tiga ratus enam puluh tiga (363) gantang Malaysia”*; atau

Fasal 4 (2):

- 1) *“Seorang Islam yang menanam jagung dalam masa dua belas bulan Kamariah samada sekali tanam atau beberapa kali tanam dan mendapat sebanyak satu ratus lapan puluh tiga (183) gantang Malaysia yang telah dibersihkan daripada tungkulnya hendaklah membayar zakat kepada Amil yang bertauliah sebanyak sepuluh peratus (10%) sila lihat JADUAL 1. Dengan syarat adalah zakat daripada wakil itu samalah seperti bayaran tuan tanah dan begitu juga bayaran oleh tuan tanah ialah seperti bayaran daripada wakil iaitu tujuannya bahawa zakat itu tiadalah dikutip lebih daripada satu kali pada mana-mana satu bendang atau ladang yang ditanam”*

Fasal 4 (3):

“Bayaran itu hendaklah dibayar tiada lewat daripada akhir bulan yang selepas sahaja masa mengetam” (Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak), 1975)

Jadual 1: Zakat tanaman atau biji-bijian

183 gantang	Zakatnya 18 gantang
363 gantang	Zakatnya 36 gantang
400 gantang	Zakatnya 40 gantang
500 gantang	Zakatnya 50 gantang
600 gantang	Zakatnya 60 gantang
700 gantang	Zakatnya 70 gantang
800 gantang	Zakatnya 80 gantang
900 gantang	Zakatnya 90 gantang
1 000 gantang	Zakatnya 100 gantang
2 000 gantang	Zakatnya 200 gantang
4 000 gantang	Zakatnya 400 gantang
8 000 gantang	Zakatnya 800 gantang
10 000 gantang	Zakatnya 1 000 gantang
20 000 gantang	Zakatnya 2 000 gantang

Undang-undang di Perak ini satu-satunya negeri melampirkan jadual jumlah zakat yang perlu dibayar berdasarkan jumlah hasil tanaman atau biji-bijian yang diperolehi dalam gantang.

Di Johor, Peraturan 6 (3) mengenai tumbuh-tumbuhan menyebutkan:

“Dalam perkara padi dan gandum yang berjumlah $358 \frac{1}{3}$ gantang atau lebih dan dalam perkara jagung, kacang hijau dan kacang soya yang berjumlah $179 \frac{1}{6}$ gantang atau lebih zakatnya 10 peratus daripada jumlahnya atau harganya” (Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Johor), 1962).

Di Melaka, Seksyen 15 memperuntukkan nisab zakat hasil tanaman adalah seperti di bawah:

- a) Padi 400 gantang negeri ini, zakatnya 1/10 iaitu 40 gantang.
- b) Beras 200 gantang negeri ini, zakatnya 1/10 iaitu 20 gantang.
- c) Jagung, kacang hijau dan kacang soya seperti beras (Peraturan Zakat dan Fitrah (Melaka), 1960).

Di Pahang, Kaedah 3 menyebut:

“Tiap-tiap orang Islam yang menanam padi dan hasil pendapatan dari pekerjaan-nya dalam sa-suatu musim ia-lah sa-banyak tidak kurang daripada empat ratus gantang, hendak-lah membayar zakat berjumlah sa-banyak sa-puluh peratus dari hasil pendapatan itu”. (Kaedah-kaedah Zakat dan Fitrah (Pahang), 1970)

Di Terengganu, enakmen yang diperuntukkan di bawah seksyen 74 (1) menyebut:

“Zakat hendaklah dikeluarkan oleh setiap orang Islam yang menghasilkan padi, jagung, atau lain-lain makanan asas yang ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa mengikut Hukum Syara’, yang penghasilannya tidak kurang daripada 5 ausuq (600 gantang Baghdad) atau yang bersamaan dengannya dalam mana-mana satu tahun, pada kadar yang tidak lebih daripada sepuluh peratus jumlah penghasilannya itu.” (Enakmen No. 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwat Agama Islam (Terengganu), 2001).

Jika diteliti peruntukan undang-undang tersebut, setiap negeri menyebut nisab yang berbeza mengikut jenis tanaman yang dikenakan zakat. Nisab bagi tanaman yang sama juga berbeza antara negeri-negeri disebabkan penilaian 5 *ausuq* itu berbeza antara negeri-negeri tersebut. Di samping itu, kadar zakat tanaman juga berbeza antara negeri-negeri itu. Jadual 3.2 menyenaraikan nisab dan kadar zakat tanaman negeri-negeri tersebut.

Jadual 3.2: Nisab dan Kadar Zakat Tanaman dalam Enakmen

Negeri	Nisab zakat	Kadar zakat (%)	Kaedah taksiran
Pulau Pinang	363 gantang (padi, jagung)	Tidak disebut	Tidak disebut
Selangor	Tidak disebut	5 %	Hasil kasar
Kedah	1300.449 kg/ 2 kunca, 2 nalih, 6 gantang, 1 cupak, 2 kepul (padi)	10 %	Hasil kasar
Perlis	480 gantang (padi)	10 %	Jumlah padi
Perak	363 gantang Malaysia (padi, gandum, sekoi)	10 %	Hasil kasar
Johor	183 gantang Malaysia setelah dibersihkan dari tungkul (jagung) 358 1/3 gantang (padi, gandum) 179 1/6 gantang (jagung, kacang hijau & kacang soya)	10 %	Jumlah padi
Melaka	400 gantang negeri Melaka (padi) 200 gantang negeri Melaka (beras, jagung, kacang hijau, kacang soya)	10 %	Hasil kasar
Pahang	400 gantang (padi)	10 %	Jumlah padi
Terengganu	600 gantang Baghdad (padi, jagung, makanan asas yang lain)	10 %	Jumlah padi

Sumber: Enakmen negeri

Jika diteliti enakmen tersebut, jumlah nisab zakat tanaman berbeza mengikut jenis sukatan yang digunakan sama ada gantang atau kilogram. Semua negeri menggunakan sukatan gantang untuk penentuan nisab kecuali Kedah yang menyenaraikan dua jenis sukatan. Jika mengikut gantang, jumlah nisab zakat padi adalah antara 358 1/3 gantang hingga 600 gantang Baghdad. Gantang yang digunakan berbeza-beza iaitu gantang Malaysia, gantang Melaka dan gantang Baghdad. Penentuan nisab zakat tanaman antara negeri-negeri sepatutnya diselaraskan supaya memudahkan taksiran zakat oleh petani sepertimana yang ditentukan dalam fatwa kebangsaan iaitu nisab tanaman yang bersukat termasuk padi adalah 363 gantang (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.h).

Berdasarkan Jadual 3.2, jika dilihat kepada kadar zakat tanaman pula, semua negeri mengenakan kadar zakat tanaman sebanyak 10 peratus kecuali Selangor sebanyak 5 peratus sahaja. Penentuan kadar zakat tanaman oleh negeri-negeri tersebut tidak mengambil kira jenis pengairan yang digunakan oleh petani. Contohnya Selangor yang meletakkan kadar 5 peratus kerana mengambilkira kos yang tinggi diperuntukkan untuk

penanaman padi termasuk kos pengairan (Seksyen 31 (1) & Seksyen 31 (2), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor), 1989, Pindaan 9/2001). Penentuan kadar zakat tanaman sepatutnya bukan mengambilkira kos lain yang dilibatkan dalam penanaman padi, tetapi hanya kos pengairan. Sepatutnya dalam enakmen diletakkan kadar zakat sama ada 5 peratus, 7.5 peratus dan 10 peratus seperti mana yang telah dijelaskan dalam bab sebelum ini (lihat penjelasan dalam 2.3.2). Jadi, petani boleh memilih untuk menggunakan kadar zakat tanaman mengikut jenis pengairan yang mereka gunakan. Di samping itu, jika dilihat enakmen berkenaan kaedah taksiran zakat tanaman yang digunakan dalam enakmen adalah berdasarkan hasil kasar atau jumlah padi.

4) Waktu Pembayaran Zakat Tanaman

Tidak banyak enakmen negeri yang memperuntukkan waktu kewajipan zakat tanaman kecuali Kedah,⁴¹ Pulau Pinang,⁴² Perak,⁴³ Kelantan⁴⁴ dan Terengganu.⁴⁵ Ringkasan waktu kutipan zakat tanaman di dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3: Waktu Pembayaran Zakat Tanaman dalam Enakmen

Negeri	Waktu Pembayaran Zakat Tanaman
Kedah	Tiap-tiap satu musim
Pulau Pinang	Tiap-tiap musim
Perak	Tidak lewat daripada akhir bulan selepas masa mengetam
Kelantan	Selesai dituai
Terengganu	Setiap tahun

Sumber: Enakmen Negeri

⁴¹ Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) (1955) (Pindaan 6/1983).

⁴² Seksyen 2, Zakat and Rules (Pulau Pinang) (1979).

⁴³ Fasal 4 (3), Peraturan-peraturan Zakat dan Fitrah (Perak) (1975).

⁴⁴ Seksyen 2, Enakmen 4, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (1994).

⁴⁵ Seksyen 74 (1), Enakmen 2, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) (2001).

Berdasarkan Jadual 3.3, dalam enakmen negeri-negeri tersebut, waktu pembayaran zakat tanaman adalah sama ada tiap-tiap musim, setiap tahun, selesai dituai atau tidak lewat daripada akhir bulan selepas masa mengetam.

5) Subsidi Harga Padi

Hanya undang-undang di Selangor sahaja yang memperuntukkan enakmen berkenaan subsidi harga padi di mana subsidi harga padi dianggap sebagai *māl al-mustafād* dan dikenakan zakat sebanyak 2.5 peratus.

Di bawah seksyen 47 menyebut:

“Wang kupon padi adalah dikira sebagai subsidi iaitu sebagai penggalak dari kerajaan dan wajib dikeluarkan zakat sebanyak 2.5% sekiranya mencukupi nisab”(Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003, Pindaan 7/2005).

3.3 FATWA MENGENAI ZAKAT TANAMAN

Di Malaysia, semua undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran fatwa digubal oleh kerajaan-kerajaan negeri. Ini termasuklah pelantikan mufti, penubuhan Jabatan Mufti dan acara untuk mengeluarkan sesuatu fatwa. Majlis Agama Islam yang ditubuhkan di negeri-negeri bagi pihak kerajaan negeri masing-masing diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa. Sehubungan dengan itu, masyarakat Islam di dalam negeri perlu mematuhi sesuatu fatwa yang diwartakan. Undang-undang yang digubal bagi mendakwa seseorang yang melanggar fatwa dibuat

adalah bagi memastikan kesucian agama Islam terpelihara di negara ini sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang tertinggi negara.⁴⁶

Dalam konteks mengeluarkan fatwa, menurut pendapat Sheikh Mohamed Abdel Aziz, Ahli Majlis Fatwa Mesir (Dalia Ismail, 2008: 74):

“Fatwa perlu berubah mengikut keadaan, orang, masa dan tempat. Ia akan menjadikan Islam itu cemerlang. Fatwa bukan semata-mata mengeluarkan hukum”

Dalam konteks pengeluaran fatwa, fatwa perlu berubah mengikut zaman. Fatwa yang tidak berubah akan hanya menunjukkan kepada masyarakat bukan Islam bahawa Islam itu agama yang sempit. Menurut beliau lagi, mufti perlu melibatkan diri dalam pelbagai bidang seperti sains dan teknologi, budaya, alam sekitar, politik dan ekonomi selain berpengetahuan meluas dalam hal keagamaan.

“Seorang mufti wajib menurunkan hukum atas realiti yang bersangkutan paut dengan faktor tempat, masa, orang dan keadaan tertentu. Mereka juga perlu berpengetahuan luas dalam bidang-bidang lain”

Beliau menjelaskan bahawa mufti tidak seharusnya berpegang hanya kepada satu mazhab terutamanya sewaktu mengeluarkan hukum atau fatwa dalam sesuatu isu yang diperdebatkan. Hal ini penting difikirkan bersama di kalangan mufti. Jika melihat dari sudut satu mazhab sahaja, kemungkinan timbul persoalan atau permasalahan yang sukar diselesaikan. Menurut beliau:

“Saya berpegang kepada mazhab syafi‘i tetapi saya juga mempelajari lapan mazhab lain. Saya tidak semestinya menjawab dalam mazhab syafi‘i saja apabila timbul sesuatu isu yang diperdebatkan”

⁴⁶ Dari segi penguatkuasaan, bukanlah menjadi tanggungjawab Mufti atau Jabatan Mufti negeri-negeri untuk menguatkuasakan sesuatu fatwa. Tugas jabatan ini hanyalah menyelesaikan sesuatu persoalan hukum semasa yang diperlukan oleh masyarakat atau kerajaan negeri.

“Mungkin soalan yang ditanya itu sukar dirungkaikan jika melihat dari sudut mazhab syafi’i saja. Kita dibolehkan merujuk kepada mazhab lain untuk penyesuaian yang bersangkutan paut dengan masa, tempat dan seseorang individu”

Fatwa yang wujud di Malaysia berkenaan dengan zakat tanaman memperincikan tentang kadar zakat tanaman, nisab zakat tanaman, kaedah taksiran zakat tanaman, waktu pembayaran zakat tanaman, cara pembayaran zakat tanaman dan zakat subsidi harga padi. Hanya Selangor, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan Melaka sahaja mempunyai fatwa berkenaan zakat tanaman. Fatwa ini terbahagi kepada dua iaitu fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Hanya Selangor sahaja yang mewartakan fatwa mengenai zakat tanaman pada tahun 2001. Manakala negeri-negeri lain tidak mewartakan fatwa berkenaan zakat tanaman.⁴⁷ Fatwa yang ada di negeri-negeri tersebut hanya sebagai rujukan sahaja.

1) Fatwa Zakat Tanaman (Perseorangan)

Jika dilihat fatwa berkenaan zakat tanaman bagi projek penanaman padi secara perseorangan, hanya Selangor, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Melaka sahaja yang mempunyai fatwa berkenaan perkara tersebut. Fatwa tersebut merangkumi aspek berkaitan kadar zakat tanaman, nisab zakat tanaman, kaedah taksiran zakat tanaman dan cara pembayaran zakat serta bidang kuasa pungutan zakat tanaman. Berdasarkan kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan, maka dapat diringkaskan seperti dalam Jadual 3.4.

⁴⁷ Fatwa yang diwartakan akan menjadi hujah undang-undang dan akan mengikat masyarakat Islam yang bermastautin di dalam negeri masing-masing sebagai ajaran agamanya manakala fatwa yang tidak diwartakan hanya sebagai rujukan sahaja (Ahmad Hidayat Buang, 2000: 26).

Jadual 3.4: Fatwa Berkaitan Zakat Tanaman (Perseorangan)

Negeri	Kadar Zakat	Nisab Zakat	Kaedah Taksiran Zakat	Cara Bayaran Zakat
Selangor	5 %	Tiada	Hasil kasar	Tiada
Perlis	5 %	986.7 kilogram/ 2 kunca 7 nalih	Hasil bersih (tolak kos tanaman dan kos sara hidup)	Padi/ harga padi
Kedah	5%, 7.5%, 10%	Tiada	Tiada	Tiada
Kelantan	10% (air hujan)	Tiada	Hasil kasar	Tiada
Terengganu	10%	Tiada	Tiada	Tiada
Melaka	5%, 7.5%, 10%	363 gantang/1300 kilogram padi	Tiada	Padi/ nilai padi

Sumber: Fatwa Negeri

Sebagai contoh, terdapat fatwa di Selangor yang mewajibkan zakat padi dibayar pada kadar 5 peratus di atas pendapatan kasar (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.b). Fatwa ini telah diwartakan pada tahun 2001.

Manakala terdapat dua fatwa di Kedah berkenaan zakat tanaman. Fatwa pertama hanya menyebut kadar zakat tanaman adalah 10 peratus manakala fatwa kedua menyebut kadar zakat tanaman adalah 5 peratus, 7.5 peratus dan 10 peratus dengan menjelaskan jenis pengairan yang digunakan sama ada air hujan, pam atau kedua-duanyan. Petikan fatwa tersebut seperti berikut:

“Kadar zakat yang wajib di atas petani-petani yang menggunakan air terusan yang kena dibayar seperti kadar yang ditetapkan oleh kerajaan sekarang ini ialah satu persepuluh (1/10).” (Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, t.t.a)

Terdapat fatwa lagi iaitu:

1. *“Hukum mengeluarkan zakat padi yang subur hidup dengan air hujan semata-mata adalah zakatnya satu persepuluh.*

2. *Jika pokok padi itu hidup dengan diairi (dijirus) seperti menggunakan pam dengan perbelanjaan yang banyak, maka adalah zakatnya setengah daripada se per sepuluh (nisab Al-Asir).*
3. *Jika tanaman itu hidup dengan kedua-duanya maka diiktibarkan masa hidup tanaman itu dan suburinya, sekiranya adalah masa hidup tanaman itu dan suburinya, sekiranya adalah masa bertanam padi itu hingga mendapat perolehan selama selama lapan bulan, empat bulan daripadanya menggunakan air hujan dan empat bulan pula dimasukkan air dua kali dengan menggunakan pam dan sebagainya, maka wajiblah dikeluarkan zakat 3/4 daripada 1/10.” (Ibid)*

Fatwa zakat padi di negeri Melaka juga menjelaskan tiga kadar zakat tanaman seperti fatwa di Kedah yang berbunyi:

“Kadar nisab zakat pertanian (padi) ialah lima aswuq (أوسق) bersamaan dengan 363 gantang atau 1,300 kg padi.

Kadar dan kaedah pengiraan zakat pertanian (padi) adalah berdasarkan cara-cara penghasilannya iaitu seperti berikut:

- (a) *Bagi tanaman yang dijaga dengan sumber percuma (seperti air hujan), maka kadarnya ialah 10 peratus atau satu persepuluh (1/10).*
- (b) *Bagi tanaman yang dijaga dengan sumber yang dibeli, maka kadar zakatnya ialah 5 peratus atau satu perdua puluh (1/20).*
- (c) *Bagi tanaman yang dijaga dengan menggunakan kedua-dua sumber diatas, maka kadarnya ialah 7.5 peratus.*

Zakat pertanian wajib dikeluarkan ke atas padi yang cukup nisab pada setiap kali tuaian sama ada dalam bentuk padi atau dibayar nilainya (qimah).” (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.c)

Fatwa Zakat padi di Kelantan menyebut:

“Wajib atas tuan sawah mengeluarkan zakat daripada seberapa banyak padi yang dapat itu, dan tiada boleh ditolak apa-apa perbelanjaan dahulu daripada dikeluarkan zakatnya. Seperti dapat 600 gantang maka wajib keluar zakatnya 60 gantang. Jika diperbuat dengan (menggunakan) air hujan. Dan wajib dahulukan zakat dan tiada wajib zakat atas orang-orang yang berusaha sama ada muslim atau kafir melainkan jika benih padi itu daripadanya, maka zakat kesemua padi itu atas orang yang berusaha jika ia (seorang) Islam, maka tiadalah wajib zakat atas tuan sawah.” (Muhamad Syukri Muhamad (Ed.), 1993, jil. 2: 64-65).

Manakala fatwa zakat tanaman di Terengganu berbunyi:

“Tanah-tanah yang mendapat siraman air daripada parit-parit dan tali air maka kadar zakatnya adalah 1/10 (satu persepuluh) kerana orang yang menanam di atas tanah itu tidak mesti bersusah payah dan tidak pula berhajat kepada apa-apa tenaga untuk mendapatkan air. Tentang bayaran yang dibayar kepada kerajaan sebagai cukai yang dinamakan cukai tali air maka kadarnya tidak membebankan dan dengan itu tidak mengubah kadar zakat yang ditetapkan itu”⁴⁸ (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.d).

Fatwa yang terdapat di Kelantan dan Terengganu menetapkan kadar zakat padi sebanyak 10 peratus. Fatwa ini bersamaan dengan enakmen yang telah dibincangkan sebelum ini yang juga menetapkan kadar zakat padi sebanyak 10 peratus. Berlainan dengan fatwa di negeri Melaka dan Kedah menetapkan tiga kadar zakat padi iaitu 10 peratus, 7.5 peratus atau 5 peratus. Fatwa ini tidak menyamai enakmen negeri-negeri tersebut yang menetapkan kadar zakat tanaman ialah 10 peratus yang telah dibincangkan sebelum ini.

Fatwa zakat tanaman di negeri Perlis pula membincangkan kaedah taksiran yang terperinci mengenai zakat padi. Dalam konteks Perlis, apabila membuat keputusan, Jabatan Mufti akan melihat kepada keadaan semasa masyarakat di negeri tersebut dan berpegang kepada amalan Rasulullah dan para sahabat SAW.

Di Perlis, terdapat fatwa berkenaan kaedah taksiran zakat padi di mana taksiran zakat padi di negeri tersebut tergolong dalam kategori zakat gaji. Jawatankuasa fatwa telah bersetuju untuk mengemukakan fatwa taksiran zakat padi seperti berikut:

Kadar nisab zakat pertanian (padi) ialah sebanyak 986.7 Kilogram = 2 kunca 7 nalih.

⁴⁸ Perkara ini diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa kali ke-7 Penggal Pertama mengenai hal-hal zakat pertanian (tanaman padi) pada 2 Jun 1990.

Kadar zakat padi ialah 5% setelah ditolak:

i. Kos pengeluaran yang meliputi sewa tanah, upah memajak, upah menanam, harga baja, racun serangga, upah menuai (termasuk upah mengisi padi dalam guni) dan upah pengangkutan;⁴⁹

ii. Nafkah/keperluan asasi dan hutang dharuriyyat.

Dalam membincangkan masalah ini, Ahli Jawatankuasa Fatwa mempunyai dua pendapat iaitu:

a. Ditolak hutang dharuriyyat sahaja.

Menurut pendapat yang pertama ini, kos sara hidup tidak ditolak dalam pengiraan zakat padi tetapi hanya menolak kos pengeluaran sahaja.

b. Ditolak nafkah keperluan asasi dan perbelanjaan dharuriyyat.

Menurut pendapat kedua ini, kos pengeluaran dan sara hidup akan ditolak terlebih dahulu sebelum taksiran zakat padi dilakukan.⁵⁰ Dalam hal ini, jawatankuasa juga menetapkan kos keperluan asasi maksimum yang boleh ditolak iaitu:

i) RM5 000 setahun untuk diri sendiri;

ii) RM3 000 setahun untuk isteri; dan

iii) RM1 200 setahun untuk seorang anak

iv) Pemberian kepada ibu bapa (jumlah sebenar)

v) Perubatan (perbelanjaan sebenar)

vi) Hutang dharuriat⁵¹ (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001: 17-22)

Fatwa di Perlis ini membolehkan petani mengeluarkan zakat padi berdasarkan hasil bersih padi setelah ditolak kos pengeluaran dan kos sara hidup. Fatwa ini menjelaskan kaedah taksiran zakat padi yang telah disebut di dalam enakmen undang-undang negeri tersebut. Walaupun begitu, fatwa berkenaan kadar zakat padi tidak selari dengan enakmen yang telah disebut sebelum ini yang menyebut kadar zakat padi sebanyak 10 peratus berbanding fatwa zakat hanya menetapkan kadar zakat padi sebanyak 5 peratus.

⁴⁹ Senarai kos-kos pengeluaran ini hanya akan ditolak apabila ia dikeluarkan oleh petani. Jadi, tidak semestinya setiap jenis kos tersebut dikeluarkan oleh petani.

⁵⁰ Walaupun begitu, kos sara hidup ini hanya akan ditolak apabila sumber pendapatan petani hanya semata-mata daripada hasil padi sahaja (Temu bual dengan Ustaz Hashim bin Taib, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis melalui perbualan telefon pada 19 Oktober 2012).

⁵¹ Hutang dharuriat yang boleh ditolak adalah ansuran bagi sebuah rumah dan sebuah kenderaan seperti kereta (*Ibid*).

Hanya Melaka sahaja yang menjelaskan dalam fatwa berkenaan waktu pembayaran zakat padi iaitu setiap kali dituai. Manakala fatwa berkenaan cara pembayaran zakat tanaman hanya terdapat di Perlis dan Melaka sahaja iaitu zakat boleh dibayar dalam bentuk padi atau nilai padi. Fatwa berkenaan cara pembayaran zakat padi di negeri Perlis adalah berbunyi seperti berikut:

“Zakat biji-bijian (padi) eloklah dikeluarkan dalam bentuk biji-bijian (padi) itu juga bukan dengan harganya berpandukan kepada amalan yang telah dibuat di zaman Rasulullah S.A.W. dan para sahabat. Akan tetapi sekiranya melakukan yang sedemikian akan menimbulkan masyaqqah kesusahan kepada pengeluar dan penerimanya, ditambah pula kemudaratan yang mungkin berlaku seperti basahnya padi yang tidak dapat dikeringkan sekiranya dikumpulkan atau kerana terpaksa membayar habuan amil jika dibandingkan dengan pembayaran terus kepada Pejabat Zakat tanpa melalui amil, maka bolehlah dibayar zakat itu dengan harganya mengikut akad zakat biji-bijian dan bukannya wang zakat.” (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.e)

2) Fatwa Zakat Tanaman (Berkelompok)

Di Kedah, Terengganu dan Kelantan, terdapat fatwa khusus berkenaan projek penanaman padi secara berkelompok atau mini estet atau ladang. Di Kedah, fatwa berkenaan penanaman padi secara kelompok membolehkan petani mentaksir zakat padi setelah ditolak kos tanaman. Manakala di Terengganu, petani yang menanam padi secara mini estet diberi pilihan sama ada membayar zakat pada kadar 5 peratus atau 10 peratus bergantung kepada kos yang dikeluarkan oleh petani. Di Kelantan pula, petani membayar zakat padi daripada pendapatan bersih setelah ditolak kos pengurusan projek yang dikeluarkan oleh agensi pelaksana.⁵² Jadual 3.5 meringkaskan penerangan tentang fatwa zakat tanaman padi secara berkelompok.

⁵² Ladang Merdeka merupakan projek tanaman padi secara berkelompok di Kelantan.

Jadual 3.5: Fatwa Berkaitan Zakat Tanaman (Berkelompok)

Negeri	Kadar Zakat	Nisab Zakat	Kaedah Taksiran
Kedah	Tiada	Tiada	Hasil bersih (tolak kos tanaman)
Kelantan	Tiada	Tiada	Hasil bersih (tolak kos pengurusan projek)
Terengganu	5% (belanja besar) 10% (belanja kecil)	600 gantang Madinah	Tiada

Sumber: Fatwa Negeri

Di Kedah, fatwa projek pertanian secara berkelompok menyebut:

“Zakat dikira berdasarkan perolehan bersih padi setelah ditolak segala hutang perbelanjaan yang ditanggung oleh petani semasa mengusahakan pertanian pada tiap-tiap musim. Kaedah ini dilakukan dengan bertaklid kepada mazhab Abi Hanifah yang mensyaratkan harta yang wajib dizakatkan itu iaitu harta yang bersih dari hutang dan dari keperluan asas pemilikinya umpama nafkah, rumah kediaman dan pakaian dan umpama alat perkakas kerja dan kenderaan. Ini akan meringankan beban yang dipikul oleh petani dan mereka akan mengeluarkan zakat dengan penuh kerelaan dan kutipan zakat akan menjadi bertambah mudah”⁵³ (Jabatan Mufti Kedah, t.t.: 8-9; Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, t.t.a)

Di Terengganu, fatwa berkenaan kaedah taksiran zakat padi yang dikendalikan secara mini estet oleh Pertubuhan Peladang berbunyi:

“Apabila padi dituai dan jika cukup nisabnya iaitu 600 gantang Madinah atau yang bersamaan dengannya hendaklah dikeluarkan zakatnya di atas kadar 1/20, sekiranya usaha penanaman tersebut menelan belanja yang besar, sebaliknya jika usaha-usaha penanaman itu tidak menelan belanja yang besar kadarnya ialah 1/10.” (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.f)

Fatwa ini menjelaskan bahawa kadar zakat yang dikenakan ke atas petani yang menjalankan projek tanaman padi secara mini estet dibahagikan kepada dua iaitu:

- 1) 5 % - jika kos yang dikeluarkan oleh petani adalah besar
- 2) 10% - jika kos yang dikeluarkan oleh petani adalah kecil

⁵³ Perkara ini diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa pada 13 Oktober 1996.

Di Kelantan, terdapat fatwa zakat padi yang diusahakan secara ladang iaitu:

“1) Bahawa padi yang dihasilkan dari projek penanaman padi secara estet diwajibkan zakat ke atas pemilik-pemilik tanah apabila cukup nisobnya berdasarkan atas pendapatan bersih masing-masing setelah ditolak kos pengurusan projek yang dikeluarkan oleh agensi pelaksana.

2) Bagi tujuan menyelaraskan serta memudahkan urusan pengeluaran zakat tersebut, agensi pelaksana boleh mengeluarkan zakat bagi pihak pemilik-pemilik tanah setelah mendapat persetujuan masing-masing.” (Jabatan Mufti Negeri Kelantan, t.t.)

3) Fatwa Zakat Subsidi Harga Padi

Hanya Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu sahaja yang mempunyai fatwa berkenaan subsidi harga padi. Selangor dan Pulau Pinang menganggap subsidi padi sebagai *māl al-mustafād* manakala Kedah memasukkan subsidi padi dalam pengiraan zakat tanaman. Di samping itu, Terengganu tidak mengenakan zakat terhadap subsidi harga padi.

Fatwa di Selangor di bawah Seksyen 47 (2) menyebut:

“Wang kupon padi adalah dikira sebagai subsidi iaitu sebagai penggalak dari kerajaan dan wajib dikeluarkan zakat sebanyak 2.5% sekiranya mencukupi nisab.” (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.b)

Fatwa di Pulau Pinang menyebut:

“Subsidi padi bukan harga padi dan tidak boleh dicampur subsidi padi dengan harga padi untuk kiraan pungutan/kutipan zakat biji-bijian.” (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.g)

Manakala fatwa Kedah mengenai subsidi harga padi menyebut:

“Wang subsidi padi adalah harga padi dan dengan itu ia hendaklah dicampur kepada harga padi dan dizakatkan.” (Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, t.t.a)

Fatwa di Terengganu pula menyebut:

*“Bayaran subsidi yang dikeluarkan oleh LPN semasa penjualan padi itu tidak termasuk dalam tafsiran zakat.”*⁵⁴ (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, t.t.d)

Jadual 3.6 meringkaskan perbincangan berkenaan fatwa subsidi harga padi di atas.

Jadual 3.6: Fatwa Berkaitan Zakat Subsidi Harga Padi

Negeri	Kadar zakat
Selangor	2.5 %
Kedah	10%
Pulau Pinang	Tidak boleh dicampur dengan harga padi ⁵⁵
Terengganu	Tidak dikenakan zakat

Sumber: Fatwa Negeri

4) Fatwa Berkaitan Bidang Kuasa Pungutan Zakat Tanaman

Fatwa berkaitan bidang kuasa pungutan zakat tanaman hanya terdapat di Kedah sahaja. Negeri-negeri lain memperuntukkan enakmen tertentu seperti yang telah diterangkan dalam 3.1 sebelum ini. Fatwa tersebut mewajibkan zakat padi dibayar kepada pemerintah. Fatwa tersebut berbunyi:

⁵⁴ Perkara ini diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa kali ke-7 Penggal Pertama mengenai hal-hal zakat pertanian (tanaman padi) pada 2 Jun 1990.

⁵⁵ Kadar zakat subsidi harga padi adalah 2.5%, lihat Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (t.t.).

“Kutipan dan bayaran zakat harta zahir seperti padi dan lain-lain bijian umpamanya terdapat 2 qhul, bagi Al-Imam Al-Shafie Rodiallah An-Hu iaitu Al-Qhul Al-Jadid yang mengharuskan dibayar kepada lain daripada imam (sultan) dan Al-Qhul Al-Qodim yang mewajibkan dibayar kepada imam atau naibnya yang mana menurut qhul ini jikalau seseorang itu membayar zakat harta zahirnya kepada lain daripada imam tiada sah zakatnya dan wajib di atasnya membayar ganti kepada imam atau naibnya. Perselisihan (Qolaf) tentang sama ada wajib atau tiada wajib dibayar zakat harta zahir kepada imam itu selama tiada ada diperintah daripadanya supaya dibayar kepadanya akan tetapi apabila ada perintahnya maka ketika itu wajib dibayar kepadanya dengan tiada ada qolaf lagi sekalipun ia membelanjakan kepada bukan tempatnya dan menjadi tiada sah zakat itu jika dibayar kepada orang lainnya dan wajib dibayar ganti.”(Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, t.t.a)

3.4 KESIMPULAN

Di Malaysia, pentadbiran zakat di bawah urusan negeri masing-masing. Dengan itu, undang-undang dan fatwa zakat yang terdapat berkaitan zakat tanaman ini di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam negeri. Terdapat negeri yang menggubal undang-undang khusus berkaitan zakat tanaman dan terdapat juga negeri yang tidak menggubal undang-undang khusus bagi zakat tanaman. Sabah, Sarawak dan Negeri Sembilan tidak memperuntukkan undang-undang khusus berkenaan zakat tanaman manakala Kelantan, Terengganu, Pahang, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Johor dan Melaka memperuntukkan undang-undang khusus berkenaan zakat tanaman. Undang-undang tersebut terbahagi kepada dua iaitu undang-undang induk dan undang-undang subsidiari. Undang-undang induk biasanya menghuraikan jenis tanaman yang dikenakan zakat, manakala undang-undang subsidiari yang digubal menghuraikan lebih lanjut bagaimana mengira zakat tanaman dengan menjelaskan aspek berkaitan kadar zakat tanaman, nisab zakat tanaman, kaedah taksiran zakat tanaman, waktu pembayaran zakat tanaman dan cara pembayaran zakat tanaman serta bidang kuasa pungutan zakat tanaman. Manakala fatwa yang wujud berkaitan zakat tanaman pula biasanya lahir

daripada isu yang timbul dalam kalangan petani dan dipanjangkan kepada ahli jawatankuasa fatwa negeri. Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Melaka sahaja yang mempunyai fatwa berkaitan zakat tanaman. Hanya Selangor menguatkuasakan fatwa berkaitan zakat tanaman, manakala negeri-negeri lain tidakewartakan fatwa tersebut dan hanya menjadi rujukan sahaja. Fatwa yang tidak diwartakan tidak akan mengikat untuk dipatuhi oleh petani atau majlis agama Islam negeri. Apabila fatwa tidak diwartakan, maka tindakan undang-undang tidak dapat dilaksanakan kepada petani yang tidak membayar zakat padi.

BAB EMPAT

METODOLOGI KAJIAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Ia meliputi lima perkara utama. Pertama, reka bentuk kajian termasuk lokasi kajian. Kedua, kaedah pengumpulan data yang dilakukan dalam kajian. Ketiga, teknik persampelan yang digunakan dalam kajian. Keempat, tatacara kajian ini dijalankan. Kelima, kaedah penganalisaan data yang dijalankan.

4.1 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular, yang digunakan dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang sains sosial. Ia sering digunakan oleh pelbagai bidang, terutamanya dalam pelbagai bentuk media seperti majalah, akhbar dan televisyen untuk mendapat pandangan orang ramai mengenai sesuatu isu semasa (Piaw, 2006a: 107). Lazimnya, kajian ini berdasarkan pada suatu sampel rawak yang dicabut daripada populasi (Rohana Yusof, 2003:27). Kajian tinjauan dijalankan untuk mendapat maklumat dan data berkaitan amalan taksiran zakat padi dalam kalangan petani. Ia juga dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkenaan amalan taksiran zakat tanaman dalam kalangan institusi zakat. Pemilihan kajian berbentuk tinjauan dibuat atas beberapa pertimbangan berikut. Pertama, kajian tinjauan ini membolehkan pelbagai isu dan persoalan dikupas dari banyak aspek terutamanya menghuraikan sikap, pandangan,

kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan personaliti (Sabitha Marican, 2005: 149; Piaw, 2006a: 107).

Kedua, kajian tinjauan boleh melibatkan pelbagai kaedah pengumpulan data termasuklah soal selidik, temu bual atau kedua-duanya sekali (Azhar Harun & Nawawi Abdullah, 2004: 45; Sabitha Marican, 2005: 149; Piaw, 2006a: 107). Kepelbagaian jenis data dan sumber maklumat ini membolehkan penyelidik melakukan penyemakan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpulkan.

Ketiga, kajian tinjauan boleh dilakukan dengan saiz sampel yang besar, yang tidak dapat dilaksanakan oleh kajian eksperimental (Sabitha Marican, 2005: 151; Piaw, 2006a: 108). Menurut Dane (1990), saiz sampel kajian tinjauan mungkin seramai 100 orang atau seramai 250 juta orang (dalam nukilan Piaw, 2006a: 109).

Keempat, kajian tinjauan membolehkan maklumat dikumpul secara terus daripada responden dalam masa yang singkat (Piaw, 2006a: 108). Oleh sebab itu, data boleh terus diproses dan keputusan analisis boleh diperolehi dalam masa yang singkat.

Kelima, pemilihan kaedah persampelan yang tepat membolehkan hasil kajian tinjauan dapat digeneralisasikan kepada populasi dengan tepat dan berkesan. Ini membolehkan kesimpulan yang tepat dibuat walaupun kajian ini tidak dijalankan kepada seluruh populasi kajian (Piaw, 2006a: 108).

4.1.1 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan bertujuan untuk mendapatkan data sekunder yang diperlukan. Data sekunder ini diperolehi daripada bahan-bahan yang telah diterbitkan dan tidak diterbitkan dan terdapat di perpustakaan, institusi pengajian tinggi, agensi dan institusi berkaitan seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Sesetengah bahan diperolehi melalui capaian internet.

Kajian perpustakaan ini amat penting bagi memenuhi objektif pertama dan kedua iaitu untuk meneliti pemikiran sarjana Islam serta undang-undang dan fatwa berkenaan zakat tanaman. Pemahaman yang teliti dan menyeluruh menjadi asas kepada pembentukan soal selidik yang komprehensif dan relevan dengan topik kajian. Atas kepentingan tersebut, kajian perpustakaan ini mengambil masa lebih daripada enam bulan.

4.1.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan dijalankan di negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Selangor. Pemilihan negeri tersebut sebagai sampel kajian berdasarkan kepada kaedah taksiran zakat padi yang dilakukan oleh petani di mana sampel negeri dilakukan secara bertujuan. Justifikasi pemilihan negeri-negeri tersebut adalah seperti berikut:

1) Negeri Perlis dipilih kerana kaedah taksiran zakat padi yang digunakan berbeza dengan kaedah taksiran zakat padi di negeri-negeri lain. Formula yang digunakan bagi mengira jumlah zakat padi adalah seperti berikut:

i) Jumlah zakat padi = $10\% \times (\text{hasil kasar padi} - \text{kos tanaman})$ ⁵⁶

ii) Jumlah zakat padi = $10\% \times (\text{hasil kasar padi} - \text{kos tanaman} - \text{kos sara hidup})$ ⁵⁷

2) Negeri Kedah dipilih kerana kaedah taksiran zakat padi yang digunakan adalah kaedah hasil kasar atau kaedah hasil bersih. Formula yang digunakan bagi mengira jumlah zakat padi adalah seperti berikut:

i) Jumlah zakat padi = $10\% \times \text{hasil kasar padi}$ ⁵⁸

ii) Jumlah zakat padi = $10\% \times (\text{hasil kasar padi} - \text{kos tanaman})$ ⁵⁹

3) Negeri Selangor dipilih kerana kaedah taksiran zakat padi yang digunakan adalah kaedah hasil kasar tetapi kadar zakat padi yang dikenakan adalah 5 peratus. Formula yang digunakan bagi mengira jumlah zakat padi adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah zakat padi} = 5\% \times \text{hasil kasar padi}$$

⁵⁶ Formula ini digunakan bagi petani yang mengusahakan sawah sebagai pekerjaan sampingan (Temu bual dengan Ustaz Hashim bin Taib, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis melalui perbualan telefon, 19 Oktober 2012).

⁵⁷ Formula ini digunakan bagi petani yang hanya bekerja bersawah padi (*Ibid*).

⁵⁸ Formula ini digunakan bagi petani yang tidak mengusahakan sawah secara berkelompok (Temu bual dengan Encik Mohd Sani Harun, Eksekutif Zakat, Jabatan Zakat Kedah di Jabatan Zakat Kedah, 16 Ogos 2010).

⁵⁹ Formula ini digunakan bagi petani yang mengusahakan sawah secara berkelompok (*Ibid*).

- 4) Negeri Kelantan dipilih kerana kaedah taksiran zakat padi yang digunakan menggunakan hasil kasar tetapi kadar zakat padi yang digunakan adalah 10 peratus. Formula yang digunakan bagi mengira jumlah zakat padi adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah zakat padi} = 10\% \times \text{hasil kasar padi}^{60}$$

4.2 PENGUMPULAN DATA

Dalam kajian ini, sumber-sumber penyelidikan Islam terutamanya al-Quran dan hadis merupakan sumber utama. Penelitian terhadap kedua-dua sumber ini menjamin ketepatan hasil penemuan kajian. Dalil-dalil *naqli* dari al-Quran dan hadis dijadikan sebagai asas dan sandaran kepada dalil *'aqli* yang diperolehi dari sumber-sumber yang lain.

Sumber-sumber yang dimaksudkan ialah sumber-sumber bagi memperoleh data sekunder dan data primer kajian. Kedua-dua jenis data ini dikumpulkan bagi memenuhi objektif kajian.

4.2.1 Pengumpulan Data Sekunder

Data sekunder yang dijadikan rujukan utama ialah:

- 1) Bahan-bahan yang diterbitkan dan bahan-bahan yang tidak diterbitkan. Bahan-bahan yang diterbitkan meliputi kitab-kitab silam mazhab yang empat, buku-buku

⁶⁰ Formula ini digunakan bagi petani yang tidak mengusahakan sawah secara ladang. Bagi petani yang mengusahakan sawah secara ladang, boleh menolak kos pengurusan dalam pengiraan zakat padi. Walaupun begitu, kajian ini tidak akan membincangkan secara terperinci berkenaan topik ini (Temu bual dengan Ustaz Murtadha Hj. Abdullah, Pegawai Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 8 Ogos 2010).

kontemporari, artikel-artikel jurnal, enakmen zakat negeri dan fatwa. Bahan yang tidak diterbitkan meliputi kertas kerja seminar dan bengkel, tesis, disertasi dan laporan penyelidikan. Penelitian terhadap bahan-bahan ini memberi maklumat berkaitan zakat tanaman dari segi teori dan praktis.

- 2) Dokumen-dokumen terbitan institusi zakat seperti laporan tahunan, buletin, risalah dan brosur serta bahan yang termuat dalam laman web rasmi institusi zakat berkaitan. Penelitian terhadap dokumen-dokumen ini memberi maklumat terperinci mengenai institusi zakat di Malaysia.
- 3) Dokumen terbitan Jabatan Pertanian Malaysia seperti laporan, buletin dan sebagainya. Penelitian terhadap dokumen-dokumen ini memberi maklumat terperinci mengenai pertanian di Malaysia dan agensi yang terlibat.

Rujukan ke atas ketiga-tiga kategori bahan ini menyumbang kepada pencapaian objektif pertama dan kedua kajian iaitu meneliti pemikiran sarjana Islam tentang zakat tanaman dan meninjau fatwa dan undang-undang berkaitan zakat tanaman di Malaysia.

4.2.2 Pengumpulan Data Primer

Data primer dikumpul melalui kaedah soal selidik dan temu bual. Kaedah soal selidik dijalankan kepada pembayar zakat padi manakala temu bual dijalankan kepada pembuat dasar terutama Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Zakat Kedah (JZK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) serta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

4.2.2.1 Soal selidik

Borang soal selidik dibentuk secara khusus bagi mencapai objektif ketiga kajian ini iaitu mengkaji amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis.⁶¹

Penggunaan soal selidik mempunyai faedah tertentu iaitu data yang dipungut merupakan data kini dan fleksibel yang membolehkan data digunakan terus untuk masalah yang dikaji. Selain itu, soal selidik juga lebih murah dari segi kos, masa dan tenaga jika dibandingkan dengan banci kerana jika sampel yang digunakan didapati dengan teratur mengikut teori persampelan adalah memadai untuk mewakili keseluruhan populasi (Mohd Sheffie Abu Bakar, 1995: 50).

Satu set soal selidik dibentuk untuk diedarkan kepada pembayar zakat padi sama ada pembayar zakat padi kepada institusi zakat atau kepada asnaf di negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis secara temu bual bersemuka. Kaedah ini dipilih bagi mendapatkan data secara tepat disebabkan kebanyakan petani terdiri daripada golongan yang agak berumur. Kaedah ini juga digunakan bagi mengurangkan soalan-soalan yang tiada maklum balas seperti tidak tahu dan tiada komen kerana jawapan yang diberi oleh responden dapat dikawal oleh penemu bual (Rohana Yusof, 2003: 29). Kaedah ini juga dapat menangani masalah yang sensitif dan rumit dengan lebih efektif (*Ibid*: 31). Pembentukan soal selidik ini mengambil beberapa kajian terdahulu sebagai panduan. Antaranya soal selidik yang dibangunkan oleh Asmak Ab Rahman et al. (2010), Asmak Ab Rahman (2004) dan Mohammad Azam Hussain (2000).⁶² Meskipun subjek kajian

⁶¹ Selain memenuhi objektif ketiga kajian, hasil maklum balas daripada set soal selidik ini memberi input awal kepada pencapaian objektif yang keempat iaitu mengemukakan model perakaunan zakat padi yang praktikal untuk diamalkan di Malaysia.

⁶² Asmak Ab Rahman et al. (2010) mengkaji kaedah taksiran zakat padi di Malaysia: kesan sosioekonomi terhadap petani dan penyelesaiannya, Asmak Ab Rahman (2004) menganalisis pemikiran ekonomi Islam dalam bidang pertanian dan amalannya di Malaysia dan Mohammad Azam Hussain (2000) mengkaji pembayaran zakat padi di daerah Pendang, Kedah.

agak berbeza, set soal selidik tersebut dijadikan asas dan boleh diterima pakai dalam kajian ini dengan membuat beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan.

Soal selidik yang direkabentuk telah disemak oleh beberapa pakar termasuk ahli akademik dan pengamal dasar iaitu Profesor Dr Mujaini Tarimin, Profesor Dr Nik Hashim Nik Mustapha dan Encik Hisam Mohammed Yussoff.

Set soal selidik ini dibahagikan kepada tujuh bahagian. Bahagian A adalah berkaitan maklumat demografi responden yang meliputi umur, jantina, taraf perkahwinan, taraf pendidikan tertinggi dan bilangan tanggungan. Selain untuk mendapatkan maklumat berkaitan latar belakang responden, soalan-soalan ini juga ditanya bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang adakah terdapat hubungan antara kepelbagaian demografi responden dengan respon responden terhadap soalan-soalan di Bahagian G.

Bahagian B berkaitan maklumat penanaman padi responden. Soalan-soalan di bahagian ini meliputi soalan seperti status pekerjaan penanaman padi responden, keahlian Persatuan Peladang Kawasan (PPK) responden, jenis pemilikan tanah sawah responden, kekerapan penanaman padi responden, hasil pengeluaran padi responden termasuk subsidi harga padi, jenis bantuan yang diterima oleh responden dan jenis-jenis kos yang dikeluarkan bagi penanaman padi beserta jumlahnya. Soalan-soalan ini ditanya bagi mendapatkan maklumat yang terperinci berkenaan jenis pemilikan tanah dan aktiviti yang berkaitan dengan penanaman padi bertujuan untuk mendapatkan gambaran sebenar aktiviti penanaman padi responden.

Bahagian C pula terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh responden untuk sara hidup dan pendapatan responden dari sumber yang lain termasuk pekerjaan lain, pemberian anak serta pendapatan hasil sewa. Soalan-soalan ini ditanya bagi mendapatkan maklumat tentang jenis-jenis perbelanjaan kos sara hidup yang dikeluarkan oleh responden beserta jumlah. Maklumat berkenaan kos sara hidup yang dibelanjakan dan maklumat pendapatan dari sumber selain hasil padi akan dibandingkan dengan maklumat jumlah pendapatan yang diperolehi di Bahagian B. Kombinasi maklumat-maklumat yang diperolehi ini akan memberikan input berkenaan pendapatan bersih responden.

Bahagian D meliputi soalan-soalan bagi mendapatkan maklumat berkenaan pembayaran zakat padi oleh responden termasuklah saluran pembayaran zakat, masa, bentuk dan pengetahuan tentang fatwa zakat padi. Bahagian ini juga memuatkan soalan yang lebih terperinci berkenaan kaedah taksiran zakat padi mengikut jenis pemilikan sawah yang diamalkan oleh responden termasuklah jumlah nisab zakat padi, kadar zakat padi, jumlah zakat padi, jumlah tolakan kos tanaman dan jumlah tolakan kos sara hidup serta kadar dan jumlah zakat subsidi harga padi. Di bahagian ini juga responden ditanya tentang pembayaran zakat selain padi seperti zakat tanaman lain, pendapatan, perniagaan dan simpanan. Soalan berkenaan kaedah taksiran zakat padi dibuat dalam bentuk jadual bagi memudahkan responden mengisinya.

Bahagian E dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian ini adalah kesinambungan daripada Bahagian D berkaitan soalan mengenai saluran pembayaran zakat padi oleh responden di mana E1 merupakan soalan-soalan yang dibentuk bagi mendapatkan maklumat alasan kenapa responden membayar zakat padi hanya kepada asnaf zakat. Bahagian E1 menggunakan empat skala likert yang terdiri daripada jawapan “sangat

tidak setuju” (skala 1), “tidak setuju” (skala 2), “setuju” (skala 3) dan “sangat setuju” (skala 4). Responden diminta memberikan respon antara 1 hingga 4 terhadap 21 alasan yang disenaraikan berkenaan pembayaran zakat padi kepada asnaf zakat. E2 pula meminta responden menyenaraikan alasan kenapa zakat padi dibayar kepada institusi zakat dan asnaf zakat dalam bentuk soalan terbuka. Responden juga diminta untuk menyatakan nisbah pembayaran zakat kepada kedua-dua pihak tersebut. Maklumat ini diperlukan bagi mengetahui berapakah bocoran yang berlaku dalam ekonomi disebabkan oleh petani membayar zakat kepada asnaf zakat. Ini kerana undang-undang negeri-negeri yang dikaji mensyaratkan zakat dibayar kepada pemerintah kecuali Kedah (Seksyen 86, Enakmen 4 Tahun 2006, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis), 2006; Seksyen 86, Enakmen 1 Tahun 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003; Seksyen 5, Enakmen 4 Tahun 1994, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994). Walaupun tiada enakmen di negeri Kedah yang mewajibkan zakat padi dibayar kepada pemerintah, tetapi terdapat fatwa yang menjelaskan supaya zakat padi dibayar kepada pemerintah (Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, t.t.a). Bagi tujuan analisis, penyelidik mengkodkan semula 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju) kepada 0 (tidak) manakala 3 (setuju) dan 4 (sangat setuju) dikodkan kepada 1 (ya) untuk memudahkan penyelidik menyenaraikan alasan kenapa responden membayar kepada asnaf.

Bahagian F pula terdiri daripada soalan-soalan berkenaan zakat atau bantuan lain selain zakat yang diterima oleh responden. Maklumat ini penting bagi memastikan bahawa petani yang membayar zakat padi adalah terdiri daripada mereka yang betul-betul layak sebagaimana yang disarankan dalam Islam.

Bahagian G meliputi dua bahagian iaitu G1 dan G2. G1 merupakan soalan-soalan berkaitan pandangan responden tentang zakat padi termasuklah kaedah pengiraan zakat padi, kadar nisab zakat padi dan zakat subsidi harga padi serta pandangan responden berkenaan pernyataan tentang cadangan pengubahsuaian kaedah taksiran zakat padi yang sedia ada. Skala Likert 4 digunakan iaitu jawapan “sangat tidak setuju” (skala 1), “tidak setuju” (skala 2), “setuju” (skala 3) dan “sangat setuju” (skala 4). Respon responden berkenaan pernyataan yang disenaraikan memberikan petunjuk dan gambaran pandangan responden terhadap persetujuan tentang amalan pembayaran zakat padi yang diamalkan sekarang dan pandangan mereka berkenaan beberapa cadangan pengubahsuaian daripada kaedah taksiran zakat padi yang sedia ada. Bahagian G2 memberikan maklumat tentang pengetahuan responden terhadap fatwa zakat di negeri yang dipilih iaitu Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Penyelidik mengkodkan semula jawapan Skala Likert Bahagian G1 iaitu skala 1 (sangat tidak setuju), skala 2 (tidak setuju) kepada skala 0 (tidak setuju) manakala skala 3 (setuju) dan skala 4 (sangat setuju) dikodkan kepada skala 1 (setuju) bagi memudahkan analisis.

Di samping itu, soalan-soalan terbuka juga dikemukakan dalam soal selidik tersebut bagi mendapatkan maklum balas berbentuk cadangan dan komentar daripada responden.

Secara keseluruhannya, set soal selidik kajian ini menggunakan beberapa skala pengukuran. Skala nominal, ordinal dan sela digunakan bagi mengetahui maklumat demografi dan latar belakang responden seperti jantina, umur, tahap pendidikan tertinggi dan bilangan tanggungan. Skala yang sama juga digunakan untuk meneliti pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi.

Bagi mengukur pandangan pula, skala likert didapati amat sesuai. Skala jawapan bernombor ini dilihat lebih terarah, jelas dan memudahkan responden untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan (Zikmund, 2000: 300). Ia digunakan dalam kajian ini bagi mengukur pandangan responden terhadap beberapa pernyataan berkenaan taksiran zakat padi. Skala 1 hingga 4 diberikan bagi menggambarkan pandangan responden berhubung sesuatu pernyataan sama ada “tidak setuju” sehinggalah kepada “sangat setuju”.

Skala *4-point* ini merupakan skala yang progresif sifatnya. Ia digunakan atas dua alasan. Pertama, responden merupakan mereka yang terlibat secara langsung dengan subjek kajian iaitu pelaksanaan taksiran zakat padi. Oleh itu, mereka mampu memberikan maklum balas positif atau negatif terhadap soalan-soalan yang dikemukakan dan tiada sebab untuk mereka bersikap berkecuali. Atas dasar itu juga, tiada pilihan “tidak pasti” (neutral) diberikan dalam skala jawapan. Kedua, penggunaan skala *4-point* ini adalah bagi mengelak responden daripada terus bersikap berkecuali jika diberikan pilihan “tidak pasti” dalam skala jawapan. Maklum balas sedemikian akan mengganggu hasil penemuan kajian. Dengan menggunakan skala *4-point* ini, ia dapat memastikan maklum balas responden mencapai maksud kajian.

4.2.2.2 Temu bual

Temu bual dijalankan secara bersemuka dan berstruktur. Ia melibatkan informer dalam institusi zakat. Temu bual bersama pihak pengurusan institusi zakat memberikan maklumat mengenai perkara-perkara yang memerlukan penjelasan lanjut seperti garis panduan mengenai taksiran zakat tanaman, enakmen zakat tanaman dan amalan yang

berbeza antara institusi zakat dan petani. Dengan maklumat dari hasil temu bual, objektif kedua tercapai.

4.3 PERSAMPELAN

4.3.1 Unit Analisis

Unit analisis dalam kajian ini terdiri daripada kalangan petani yang membayar zakat padi sama ada mereka membayar zakat padi kepada institusi zakat atau terus kepada asnaf zakat. Negeri yang dipilih adalah Perlis, Kedah, Selangor dan Kelantan. Justifikasi negeri-negeri tersebut dipilih telah dijelaskan dalam 4.1.2.

4.3.2 Saiz Sampel

Jumlah saiz sampel yang ditetapkan dalam kajian adalah sebanyak 400 responden. Dari segi bilangan minimum sampel, ada beberapa pendapat.⁶³ Menurut Bailey (1987), kebanyakan ahli statistik bersetuju bahawa 30 adalah bilangan minimum sampel kajian (dalam nukilan Sabitha Marican, 2005: 112). Menurut Roscoe (1975) pula, saiz sampel antara 30-500 adalah mencukupi untuk sesuatu kajian (dalam nukilan Sekaran, 2003: 295). Menurut Krejcie dan Morgan (1970), jika saiz populasi adalah 15000 orang, maka jumlah sampel yang perlu digunakan adalah 375 orang (dalam nukilan Piaw, 2006a: 186). Jumlah populasi pembayar zakat padi di institusi zakat adalah seramai 6804

⁶³Ringkasnya, rata-rata berpendapat tiada jawapan yang benar-benar tepat dalam menentukan saiz dan bilangan sampel yang mencukupi bagi satu-satu kajian. Ini bergantung kepada faktor-faktor yang difikirkan relevan dengan kajian yang dijalankan (Blaikie, 2000: 208; Neuman, 2003: 231; Piaw, 2006a: 183).

orang.⁶⁴ Penyelidik menganggarkan jumlah pembayar zakat padi kepada asnaf zakat adalah sama dengan pembayar zakat di institusi zakat, maka jumlah keseluruhan populasi pembayar zakat adalah 13 608 orang. Oleh yang demikian, jumlah 400 responden yang dipilih lebih daripada mencukupi jika berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (1970) (*Ibid*). Selain itu, jumlah sampel yang digunakan mencukupi jika dibandingkan jumlah minimum yang diperlukan untuk membuat suatu pentafsiran statistik yang bermakna. Penentuan saiz sampel juga melibatkan pertimbangan antara ketepatan, kos, jenis ujian statistik, ciri-ciri variabel dan saiz populasi (Piaw, 2006a: 183).

4.3.3 Teknik Persampelan

Kaedah persampelan kelompok dan rawak mudah digunakan sebagai teknik persampelan. Prosedur persampelan bermula dengan mengenal pasti dan menyenaraikan ciri-ciri populasi negeri yang dikaji iaitu berdasarkan jumlah kutipan zakat tanaman sama ada tertinggi atau terendah. Kemudian, berdasarkan ciri-ciri tersebut, persampelan rawak mudah yang dilakukan ke atas senarai petani yang dipilih dan diedarkan soal selidik. Responden yang terpilih menerusi kedua-dua teknik persampelan ini didapati telah menepati ciri-ciri populasi pembayar zakat padi. Malah, Menurut Lazerwitz (1968), persampelan sebegini hanya memerlukan sekurang-kurangnya 100 responden untuk menghasilkan analisis yang bermakna (dalam nukilan Sabitha Marican, 2005: 112). Teknik persampelan berkelompok juga memberi kemudahan dalam pengendalian

⁶⁴Temu bual dengan Puan Nik Sabrina Nik Soh, Eksekutif Penyelidikan dan Pembangunan, Pejabat Urus Tadbir Korporat, Lembaga Zakat Selangor di Majlis Agama Islam Selangor, Klang, Selangor, 2 Ogos 2010; Temu bual dengan Encik Mohd Sani Harun, Eksekutif Zakat, Jabatan Zakat Kedah di Jabatan Zakat Kedah, 16 Ogos 2010; Temu bual dengan Ustaz Murtadha Hj. Abdullah, Pegawai Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 8 Ogos 2010; Temu bual Encik Suhaimi Nordin, Pegawai Bahagian Agihan Zakat Baitulmal Negeri Perlis di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 16 Ogos 2010.

penyelidikan ini serta menjimatkan masa dan kos, tanpa perlu pergi ke semua negeri (Levin & Rubin, 2000: 264).

Berdasarkan persampelan di atas, empat buah negeri dipilih bagi mewakili kaedah taksiran zakat padi yang diamalkan oleh petani iaitu Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Berikut merupakan langkah-langkah yang diambil oleh penyelidik dalam menentukan persampelan kelompok berdasarkan lokasi yang terlibat dalam kajian ini.

1. Mengkategorikan empat negeri tersebut kepada dua jenis kategori: kategori yang pertama ialah negeri yang menyumbang jumlah kutipan zakat tanaman tertinggi; dan kategori yang kedua ialah negeri yang menyumbang jumlah kutipan zakat tanaman terendah pada tahun 2007 hingga 2009. Negeri Kedah dan Selangor mewakili kategori pertama dan negeri Perlis dan Kelantan mewakili kategori yang kedua (rujuk Jadual 4.1).

Jadual 4.1: Kutipan Zakat Tanaman Tahun 2007-2009 di Kedah, Selangor, Perlis dan Kelantan

Negeri	2007	2008	2009
Kedah	2 056 718.69	2 669 226.75	3 774 885.79
Selangor	1 254 496.00	1 698 834.00	1 969 863.00
Perlis	578 863.00	802 458.00	907 756.90
Kelantan	426 547.50	3 770.00	661 101.71

Sumber: Temu bual dan Laporan Zakat 2008-2009⁶⁵

2. Menentukan bilangan sampel bagi setiap lokasi. Bagi kategori yang pertama, penyelidik mengambil sampel masing-masing sebanyak 30 peratus manakala bagi kategori yang kedua, penyelidik mengambil sampel masing-masing sebanyak 20 peratus. Jumlah sampel yang diambil dan pendetilannya adalah seperti Jadual 4.2.

⁶⁵ Data kutipan zakat tanaman negeri Kelantan pada tahun 2007 diperolehi hasil temu bual dengan Ustaz Murtadha Hj. Abdullah, Pegawai Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di MAIK, 8 Ogos 2010. Data-data lain diperolehi melalui laporan zakat. Lihat Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (t.t.a, t.t.b, t.t.c).

Jadual 4.2: Pembahagian Sampel Kawasan Kajian

Negeri	Peratus sampel	Bilangan sampel
Kedah	30%	120
Selangor	30%	120
Perlis	20%	80
Kelantan	20%	80
Jumlah	100 %	400

Sumber: Diubahsuai daripada Sekaran (2003): 273

4.3.4 Responden Soal Selidik

Set soal selidik yang dibentuk dalam kajian ini adalah untuk pembayar zakat padi sama ada kepada institusi atau kepada asnaf zakat. Responden dipilih menerusi teknik persampelan rawak mudah melalui senarai pembayar zakat padi. Ini bagi memberi peluang yang sama kepada para petani untuk dipilih sebagai sampel kajian ini.

Pelbagai inisiatif dan langkah dilakukan oleh penyelidik bagi memastikan kadar pengembalian borang soal selidik yang tinggi. Antaranya, termasuklah mengedarkan borang soal selidik dalam jumlah yang banyak, mengemukakan soalan dalam bentuk yang mudah dijawab oleh responden, melakukan tindakan susulan kepada pembantu penyelidik yang membantu menjalankan sesi temu bual kepada responden dan menyediakan insentif berbentuk cenderahati kepada responden.⁶⁶

Setelah pelbagai langkah dilakukan, kadar pengembalian borang soal selidik amat memuaskan iaitu 100 peratus. Antara faktor yang menyumbang kepada perkara ini berlaku adalah pengedaran soal selidik dilakukan secara sesi temu bual bersemuka kepada responden serta tindakan susulan yang diambil apabila borang soal selidik tidak lengkap. Daripada sebanyak 400 borang soal selidik yang dikembalikan kepada penyelidik, sejumlah 400 borang lengkap diisi dan layak untuk dianalisis.


⁶⁶ Kesemua ini merupakan antara teknik-teknik yang disarankan oleh NSC Pearson untuk meningkatkan peratusan pengembalian borang soal selidik kajian sebagaimana yang dibincangkan dalam Miller & Salkind (2002: 35).

4.3.5 Responden Temu Bual

Pemilihan responden temu bual dalam kajian ini adalah berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Teknik persampelan bertujuan digunakan kerana keperluan mendapatkan maklumat yang terperinci daripada kalangan pakar berhubung masalah yang dikaji (Zikmund, 2000: 351; Blaikie, 2000: 205; Rohana Yusof, 2003: 92, Sekaran, 2003: 277; Neuman, 2003: 213).

Menerusi temu bual ini, penyelidik ingin mengetahui secara mendalam berkenaan garis panduan taksiran zakat tanaman di negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Sehubungan itu, teknik persampelan bertujuan ini didapati amat sesuai kerana pegawai zakat adalah individu yang berautoriti, pakar dan berpengetahuan luas mengenainya. Seramai lima orang pegawai zakat dan seorang eksekutif penyelidikan dan pembangunan dipilih sebagai responden utama temu bual kajian.⁶⁷ Dengan menemu bual mereka ini, maklumat-maklumat penting mengenai perundangan dan fatwa berkaitan zakat tanaman, bilangan pembayar zakat tanaman serta garis panduan taksiran zakat tanaman dapat diperolehi secara lengkap, tepat dan terperinci.

⁶⁷ Ia terdiri daripada Pegawai Bahagian Agihan Zakat Baitulmal Negeri Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis; Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis; Eksekutif Zakat, Jabatan Zakat Kedah; Pegawai Zakat Dakwah (Pemasaran), Lembaga Zakat Selangor; Eksekutif Penyelidikan dan Pembangunan, Pejabat Urus Tadbir Korporat, Lembaga Zakat Selangor serta Pegawai Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.



Rajah 4.1: Tatacara Kajian

4.4 TATACARA KAJIAN

Sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, kajian ini melibatkan kajian perpustakaan dan kajian lapangan secara bersama. Bagi menjayakan kajian lapangan ini, kajian rintis dan ujian rintis dijalankan. Kemudian, barulah diikuti dengan kajian lapangan yang sebenar. Keseluruhan tatacara kajian digambarkan oleh Rajah 4.1.

4.4.1 Kajian Rintis

Penyelidik melakukan kajian rintis di peringkat awal kajian. Ia dilakukan untuk mengenal pasti tahap kebolehlaksanaan kajian yang bakal dijalankan (Piaw, 2006a: 257). Dalam kajian ini, kajian rintis dilakukan di institusi zakat. Langkah ini penting bagi meninjau kesesuaian lokasi yang dipilih dengan objektif kajian yang ingin dicapai dan kebolehdapatan data daripada lokasi yang bakal dijalankan. Gambaran dan maklumat awal mengenai lokasi kajian memudahkan penyelidik untuk merangka langkah-langkah penyelidikan yang selanjutnya.

4.4.2 Ujian Rintis

Sebelum penyelidik melakukan ujian rintis, penyelidik terlebih dahulu menghantar borang soal selidik kepada beberapa orang pakar dalam bidang zakat dan pembuat dasar bagi tujuan pengesahan instrumen kajian. Komen dan cadangan dari pakar digunakan bagi memperkemaskan borang soal selidik tersebut. Setelah berpuas hati dengan kesesuaian borang soal selidik tersebut, barulah penyelidik melakukan ujian rintis.

Penyelidik melakukan ujian rintis ke atas set borang soal selidik yang dibentuk sebelum menjalankan kajian sebenar di empat negeri yang telah dipilih. Ujian rintis ini dilakukan di Sungai Besar, Selangor kepada 30 orang pembayar zakat padi.

Pelaksanaan ujian rintis ini membolehkan penyelidik menghalusi proses pengumpulan data kajian (Yin, 1994: 74). Maklum balas daripada ujian rintis ini membolehkan penyelidik mengetahui tahap kebolehpayaan, keupayaan dan keberkaitan soalan-soalan yang dikemukakan dalam mengukur konsep kajian (Sekaran, 2003: 307; Piaw, 2006b: 84). Rentetan daripada ujian rintis, penyelidik dapat memperbaiki dan memperkemaskan lagi borang soal selidik tersebut agar soalan-soalan yang dikemukakan benar-benar jelas, tepat, mencapai maksud yang dikehendaki dan memberikan pengertian yang sama bagi semua responden. Dengan demikian, kesilapan dan masalah yang timbul semasa kajian sebenar dapat dikurangkan. Proses penganalisan data juga dapat dijalankan dengan lancar bagi menghasilkan dapatan yang bertepatan dengan objektif kajian.

4.4.3 Kajian Lapangan Sebenar

Penyelidik menjalankan kajian lapangan sebenar setelah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada institusi zakat.

Bagi pengedaran borang soal selidik dalam kalangan petani, penyelidik menggunakan khidmat pembantu penyelidik terlatih untuk mengedarkan borang soal selidik dan membantu responden menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Borang soal selidik perlu dikembalikan sejeurus selepas ianya diisi. Cara ini bukan sahaja menjimatkan

masa, malah dapat menjamin kadar pengembalian borang soal selidik yang tinggi daripada responden. Kaedah temu bual bersemuka dipilih untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Kaedah ini lebih sesuai dilaksanakan kerana kebanyakan petani adalah dalam kalangan individu yang agak berumur.

Bagi mendapatkan maklum balas yang tinggi daripada responden juga, penyelidik terlebih dahulu memberi arahan dan latihan kepada pembantu penyelidik dengan secukupnya supaya selaras dengan tempat lain (Mohd. Najib Abdul Ghafar, 2003: 94). Setiap pembantu penyelidik diminta untuk memastikan borang soal selidik yang diedarkan kepada petani adalah lengkap sebelum diserahkan kepada penyelidik. Di samping itu, penyelidik juga memantau pengutipan soal selidik tersebut supaya pembantu penyelidik yang ditugaskan untuk mengedarkan soal selidik mengutip data seperti yang telah diarahkan. Ini bagi mengelakkan bias dan set soal selidik yang tidak lengkap. Bagi set soal selidik yang tidak lengkap atau mengelirukan, penyelidik akan meminta pembantu penyelidik yang dilantik mengedarkan semula kepada responden tersebut atau digantikan dengan responden yang lain supaya jumlah saiz sampel masih dalam lingkungan yang boleh diterima oleh pakar statistik. Jangka masa yang diambil untuk sesi soal selidik adalah enam bulan bagi keempat-empat negeri yang dikaji.

Sesi temu bual pula dilaksanakan sendiri oleh penyelidik. Pelaksanaannya adalah lebih fleksibel mengikut kesesuaian masa responden dan keperluan kajian dari masa ke masa. Bagi melicinkan perjalanan sesi temu bual, alat perakam suara digunakan. Bantuan alat perakam ini memastikan ketepatan segala maklumat yang diberikan oleh responden bagi memudahkan kerja-kerja penganalisan data yang seterusnya.

4.4.4 Hipotesis Kajian

Terdapat lima hipotesis yang dibentuk dalam kajian iaitu:

1. Terdapat hubungan yang positif antara jumlah keluasan penanaman padi dengan jumlah zakat padi
2. Terdapat hubungan yang positif antara hasil padi dengan jumlah zakat padi
3. Terdapat hubungan yang positif antara kos input dengan jumlah zakat padi
4. Terdapat hubungan yang positif antara kos buruh dengan jumlah zakat padi
5. Terdapat hubungan yang positif antara kos lain dengan jumlah zakat padi

4.5 PENGANALISAAN DATA

Kaedah penganalisaan data kajian dilakukan bergantung kepada jenis data, sama ada data sekunder mahupun data primer.

4.5.1 Penganalisaan Data Sekunder

Data sekunder dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis ini berperanan untuk membandingkan pandangan sarjana Islam tentang zakat tanaman dengan amalan taksiran zakat tanaman yang diamalkan oleh institusi zakat. Analisis ini juga meneliti pengaruh pandangan sarjana Islam kontemporari dalam taksiran zakat tanaman di Malaysia. Analisis kandungan juga dilakukan terhadap maklumat undang-undang dan fatwa berkenaan zakat tanaman.

4.5.2 Penganalisaan Data Primer

Data primer yang diperolehi melalui kajian ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif.⁶⁸ Data yang diperolehi melalui temu bual berbentuk kualitatif. Manakala data yang diperolehi melalui soal selidik adalah berbentuk kuantitatif. Data temu bual ini akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan dipersembahkan dalam bentuk deskriptif. Maklumat temu bual dikumpul, dikategorikan, dikelaskan mengikut tema tertentu dan dibuat rumusan mengenainya. Tema-tema tersebut meliputi aspek undang-undang zakat tanaman, fatwa zakat tanaman, nisab zakat tanaman, kadar zakat tanaman dan kaedah taksiran zakat tanaman.

Hasil temu bual ini dijadikan semakan terhadap maklum balas yang diperolehi daripada para responden soal selidik. Keadaan timbal balik ini menyumbang kepada kebolehpercayaan data dan membolehkan penyelidik mengetahui gambaran sebenar dan maklumat yang tepat mengenai zakat tanaman.

Data yang diperolehi melalui soal selidik diproses dan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Analisis statistik deskriptif digunakan bagi membuat ringkasan data supaya mudah difahami (Zikmund, 2000: 436; Rohana Yusof, 2003: 186; Sabitha Marican, 2005: 244). Data dipersembahkan dalam bentuk jadual, graf, peratusan, kekerapan dan sebagainya. Selain itu, kecenderungan memusat dan ukuran serakan juga digunakan. Ukuran-ukuran statistis deskriptif ini digunakan bagi menganalisis sebahagian besar maklum balas daripada soal selidik kajian,

⁶⁸ Metode kualitatif adalah metode yang digunakan bagi mendapatkan data penyelidikan yang berbentuk kualitatif. Penyelidikan kualitatif digunakan untuk mengkaji suasana atau proses yang sukar diukur dengan nombor seperti imej, tingkah laku dan perasaan. Data yang dikumpul daripada penyelidikan kualitatif biasanya dari kaedah temu bual dan observasi. Manakala metode kuantitatif pula digunakan bagi mendapatkan data yang berbentuk numerik. Data yang dikumpul daripada penyelidikan kuantitatif adalah seperti soal selidik dan hasil kajian sesebuah penyelidikan kuantitatif adalah dalam bentuk jadual, gambar rajah dan perkiraan statistik. Untuk huraian lanjut, lihat Sabitha Marican (2005: 11-17).

khususnya berkaitan latar belakang responden, maklumat penanaman padi dan maklumat pembayaran zakat padi.

Di samping itu, jadual silang selang (*cross-tabulation*) merupakan salah satu teknik mudah yang digunakan bagi melihat melihat hubung kait yang wujud antara pemboleh ubah-pemboleh ubah (Zukarnain Zakaria, 2001: 43).⁶⁹ Teknik ini biasa digunakan dalam analisis perkaitan antara dua pemboleh ubah nominal. Jika terdapat satu pasangan pemboleh ubah adalah satu nominal dan satu lagi ordinal, maka pemboleh ubah ordinal tersebut boleh diolah atau diubahsuaikan kepada jenis nominal supaya perkaitan di antara kedua-dua pemboleh ubah nominal tersebut boleh dianalisis melalui khi kuasa dua (Azhar Harun & Nawi Abdullah, 2004: 88).⁷⁰ Menerusi teknik ini, dapat diketahui hubung kait antara maklumat demografi responden seperti jantina, taraf perkahwinan dan tahap pendidikan tertinggi dengan kaedah taksiran zakat tanaman dan sebagainya.

Bagi mengukuhkan lagi hasil analisis kajian ini, ujian statistik inferens dijalankan iaitu ujian khi kuasa dua (*chi square*)⁷¹ dan ujian korelasi dua pemboleh ubah turut dilakukan. Ujian khi kuasa dua bertujuan mengenal pasti sama ada wujud atau tidak hubung kait atau perbezaan yang signifikan antara dua pemboleh ubah yang berbentuk nominal atau kategori (Sekaran, 2003: 405; Piaw, 2006b: 42). Sebagai contoh, hubung kait antara jantina dengan kaedah pembayaran zakat padi. Ujian korelasi pula bertujuan untuk mengukur kekuatan hubung kait antara dua pemboleh ubah yang berbentuk ordinal atau selanjar (*Ibid*). Sebagai contoh, hubung kait antara hasil padi dengan

⁶⁹ *Cross-tabulation* merupakan satu teknik penyusunan data berdasarkan kumpulan dan kategori tertentu bagi memudahkan perbandingan dibuat di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah. Ia juga merupakan kombinasi taburan kekerapan bagi dua set pemboleh ubah atau lebih. Untuk huraian lanjut, lihat Zikmund (2000: 439-442).

⁷⁰ Skala nominal adalah skala yang mempunyai kategori data yang bebas antara satu sama lain seperti pemboleh ubah jantina yang mempunyai dua kategori iaitu lelaki dan perempuan. Manakala skala ordinal pula skala yang mempunyai kategori data yang bebas antara satu sama lain dan kategori data bersifat selanjar yang boleh disusun secara menaik atau menurun. Contohnya pemboleh ubah tahap kepuasan yang terdiri daripada lima kategori iaitu sangat tidak memuaskan, tidak memuaskan, tidak pasti, memuaskan dan sangat memuaskan, lihat Piaw (2008: 6).

⁷¹ Ujian *Chi Square* merupakan analisis yang digunakan untuk mencari perhubungan antara dua pemboleh ubah nominal atau kategori, lihat Palaniappan (2009: 159).

jumlah kutipan zakat padi. Berdasarkan nilai pekali korelasi *spearman rho*⁷² yang diperolehi, dapat diketahui sama ada wujud hubungan positif yang kuat, hubungan negatif yang kuat atau tiada hubungan di antara pemboleh ubah tersebut pada aras keertian 1 peratus, 5 peratus atau 10 peratus. Hasil analisis ini dapat dijadikan asas untuk membuat rumusan berkaitan taksiran zakat padi secara keseluruhannya.

4.6 KESIMPULAN

Dalam kajian ini, kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif digunakan. Kaedah penyelidikan kualitatif melibatkan metode kajian perpustakaan menerusi analisis kandungan dan metode temu bual. Manakala penyelidikan kuantitatif menggunakan metode soal selidik. Temu bual dijalankan untuk mendapatkan maklumat dari sudut pembuat dasar. Sedangkan, soal selidik dilakukan bagi memperolehi data dari perspektif pengamal iaitu pembayar zakat padi. Hasil penemuan kajian daripada kedua-dua metode dikumpulkan dan dianalisis. Data yang diperolehi daripada metode kajian perpustakaan dan temu bual dianalisis menggunakan analisis kandungan. Manakala data yang diperolehi daripada metode soal selidik dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferens. Penyelidik membuat perbandingan antara dapatan kedua-dua metode. Hasil penganalisan data kajian membawa kepada pencapaian objektif ketiga kajian ini.

⁷² Ujian korelasi *spearman rho* merupakan ujian bukan parametrik yang digunakan bagi menganalisis perhubungan antara data-data yang tidak bertaburan normal yang menggunakan skala ordinal sebagai skala pengukuran, lihat Piaw (2008: 244-245).

BAB LIMA

AMALAN TAKSIRAN ZAKAT PADI DI SELANGOR, KELANTAN, KEDAH DAN PERLIS

5.0 PENGENALAN


Bab ini akan menerangkan amalan taksiran zakat padi di empat buah negeri yang terpilih iaitu Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Ia didahului dengan demografi responden diikuti oleh maklumat berkaitan penanaman padi meliputi latar belakang penanaman padi, hasil padi, kos-kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi dan hasil bersih penanaman padi serta kos sara hidup responden. Seterusnya, maklumat berkaitan pembayaran zakat termasuklah kadar zakat padi, nisab zakat padi, kaedah pembayaran zakat padi, jumlah zakat padi dan zakat subsidi harga padi dibincangkan dalam bab ini. Ia kemudian diikuti oleh maklumat tentang pengetahuan responden berkaitan fatwa zakat padi dan pandangan responden berkaitan beberapa pernyataan berkenaan taksiran zakat padi serta hubung kait antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang berkaitan. Penganalisan dalam bab ini dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif berdasarkan maklum balas dari soal selidik dan temu bual kajian.⁷³

5.1 TABURAN DEMOGRAFI RESPONDEN

Responden kajian ini adalah petani yang membayar zakat padi. Mereka terdiri daripada pembayar zakat padi kepada sama ada institusi zakat atau kepada asnaf. Responden

⁷³ Semua jadual dalam bab ini dihasilkan oleh aplikasi SPSS menggunakan pembundaran kepada satu titik perpuluhan untuk mewakili peratusan. Justeru, ketepatan jumlah peratusan mungkin terkesan dengan pendekatan ini. Terdapat beberapa jadual yang jumlah keseluruhan melebihi 100 peratus. Rujuk sebagai contoh Jadual 5.1.

kajian diambil daripada empat negeri yang dipilih yang mewakili ketiga-tiga kaedah taksiran zakat padi seperti yang telah diterangkan dalam Bab Empat. Taburan responden mengikut negeri adalah seperti dalam Graf 5.1 di mana jumlah keseluruhan responden adalah 400 orang.



Graf 5.1: Taburan Responden Berdasarkan Negeri

Jadual 5.1: Taburan Responden Berdasarkan Jantina dan Negeri

Jantina	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Lelaki	110(27.5%)	110(27.5%)	65(16.3%)	70(17.5%)	355(88.8%)
Perempuan	10(2.5%)	10(2.5%)	15(3.8%)	10(2.5%)	45(11.3%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.2: Taburan Responden Berdasarkan Taraf Perkahwinan dan Negeri

Taraf Perkahwinan	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Bujang	7(1.8%)	2(0.5%)	4(1.0%)	1(0.3%)	14(3.5%)
Duda	3(0.8%)	2(0.5%)	1(0.3%)	5(1.3%)	11(2.8%)
Berkahwin	110(27.5%)	108(27.0%)	71(17.8%)	68(17.0%)	357(89.3%)
Janda	0(0.0%)	8(2.0%)	4(1.0%)	6(1.5%)	18(4.5%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.1 dan Jadual 5.2, majoriti responden adalah lelaki dan berkahwin. Kebanyakannya dari Selangor dan Kedah diikuti oleh Perlis dan Kelantan.

Berdasarkan Jadual 5.3 pula, kebanyakan responden berpendidikan sekurang-kurangnya sekolah rendah diikuti oleh berpendidikan SPM/MCE. Majoriti responden dari Selangor, Kelantan dan Perlis berpendidikan sekolah rendah manakala bagi responden di negeri Kedah, majoriti dalam kalangan mereka berpendidikan SPM/MCE. Terdapat juga responden yang mempunyai pendidikan ijazah menanam padi. Walaupun begitu, jumlahnya sangatlah kecil.

Jadual 5.3 : Taburan Responden Berdasarkan Taraf Pendidikan Tertinggi dan Negeri

Taraf Pendidikan Tertinggi	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Tiada Persekolahan	3 (0.80%)	4 (1.00%)	14 (3.50%)	1 (0.30%)	22 (5.50%)
Sekolah Rendah	45 (11.30%)	23 (5.80%)	29 (7.30%)	34 (8.50%)	131 (32.80%)
Sekolah Agama/Pondok	6 (1.50%)	10 (2.50%)	1 (0.30%)	0 (0.00%)	17 (4.30%)
SRP/PMR/LCE	19 (4.80%)	19 (4.80%)	15 (3.80%)	24 (6.00%)	77 (19.30%)
SPM/MCE	39 (9.80%)	46 (11.50%)	19 (4.80%)	17 (4.30%)	121 (30.30%)
STPM/Diploma	6 (1.50%)	14 (3.50%)	1 (0.30%)	3 (0.80%)	24 (6.00%)
Ijazah	2 (0.50%)	4 (1.00%)	1 (0.30%)	1 (0.30%)	8 (2.00%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.4: Taburan Responden Berdasarkan Umur dan Negeri

Umur	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
25–35 tahun	9 (2.3%)	7 (1.8%)	6 (1.5%)	0 (0.0%)	22 (5.5%)
36–45 tahun	29 (7.3%)	24 (6.0%)	11 (2.8%)	5 (1.3%)	69 (17.3%)
46–55 tahun	37 (9.3%)	37 (9.3%)	24 (6.0%)	28 (7.0%)	126 (31.5%)
56–65 tahun	29 (7.3%)	36 (9.0%)	27 (6.8%)	33 (8.3%)	125 (31.3%)
>65 tahun	16 (4.0%)	16 (4.0%)	12 (3.0%)	14 (3.5%)	58 (14.5%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Responden juga terdiri daripada pelbagai peringkat umur. Berdasarkan Jadual 5.4, sebahagian besar responden di keempat-empat negeri berumur antara 46 hingga 65 tahun. Terdapat juga 58 orang responden yang berumur lebih daripada 65 tahun. Hasil kajian ini konsisten dengan kajian Asmak Ab. Rahman et al. (2010) terhadap pesawah

di Semenanjung Malaysia. Kajian beliau mendapati kebanyakan responden yang bersawah adalah yang berumur 51 hingga 60 tahun diikuti oleh yang berumur 60 tahun dan ke atas.

Jadual 5.5 menunjukkan majoriti responden mempunyai tanggungan antara 3 hingga 4 orang, diikuti oleh responden yang mempunyai tanggungan 5 hingga 6 orang dan 1 hingga 2 orang. Majoriti responden di Selangor, Kedah dan Perlis mempunyai tanggungan antara 3 hingga 4 orang manakala majoriti responden di Kelantan mempunyai tanggungan 1 hingga 2 orang. Terdapat juga responden yang mempunyai tanggungan 9 orang atau lebih.

Jadual 5.5: Taburan Responden Berdasarkan Bilangan Tanggungan dan Negeri

Bilangan Tanggungan	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
1–2 orang	32 (8.0%)	22 (5.5%)	27 (6.8%)	25 (6.3%)	106 (26.5%)
3–4 orang	34 (8.5%)	43 (10.8%)	17 (4.3%)	26 (6.5%)	120 (30.0%)
5–6 orang	32 (8.0%)	41 (10.3%)	16 (4.0%)	21 (5.3%)	110 (27.5%)
7–8 orang	12 (3.0%)	12 (3.0%)	13 (3.3%)	6 (1.5%)	43 (10.8%)
9–10 orang	9 (2.3%)	2 (0.5%)	6 (1.5%)	1 (0.3%)	18 (4.5%)
>10 orang	1 (0.3%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	3 (0.8%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

5.2 MAKLUMAT PENANAMAN PADI

Maklumat penanaman padi meliputi latar belakang penanaman padi, hasil padi, kos-kos yang terlibat untuk penanaman padi dan pendapatan bersih dari hasil padi.

5.2.1 Latar Belakang Penanaman Padi

Latar belakang penanaman padi meliputi maklumat status bersawah padi, pemilikan sawah, jumlah keluasan penanaman padi, jenis pengairan sawah, keahlian Persatuan Peladang Kawasan (PPK) dan status penerimaan bantuan untuk penanaman padi.

Jadual 5.6: Taburan Responden Berdasarkan Status Bersawah Padi dan Negeri

Status Pekerjaan Bersawah Padi	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Pekerjaan utama	83 (20.8%)	75 (18.8%)	39 (9.8%)	47 (11.8%)	244 (61.0%)
Pekerjaan sampingan	37 (9.3%)	45 (11.3%)	41 (10.3%)	33 (8.3%)	156 (39.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Bagi melihat sejauh mana bertanam itu adalah pekerjaan utama atau sumber pendapatan utama petani, Jadual 5.6 menunjukkan 61 peratus responden menyatakan bahawa menanam padi itu adalah pekerjaan utama responden dan Selangor penyumbang utama kepada data ini diikuti oleh Kedah.

Jadual 5.7: Taburan Responden Berdasarkan Pemilikan Sawah dan Negeri

Jenis Pemilikan Sawah	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Sendiri	64 (16.0%)	44 (11.0%)	26 (6.5%)	51 (12.8%)	185 (46.3%)
Sendiri & pawah	3 (0.8%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	5 (1.3%)	10 (2.5%)
Sendiri & sewa	18 (4.5%)	32 (8.0%)	12 (3.0%)	9 (2.3%)	71 (17.8%)
Sewa	25 (6.3%)	42 (10.5%)	42 (10.5%)	8 (2.0%)	117 (29.3%)
Pawah	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	3 (0.8%)	3 (0.8%)
Upah	5 (1.3%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	5 (1.3%)
Sendiri, sewa & pawah	4 (1.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	2 (0.5%)	6 (1.5%)
Sewa & pawah	1 (0.3%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	2 (0.5%)
Sendiri & diupah	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.7 menunjukkan pemilikan tanah yang paling banyak dalam kalangan responden adalah sendiri, diikuti oleh pemilikan melalui sewaan. Kebanyakan responden mengusahakan tanah sendiri sahaja (46.3 peratus) dan terdapat juga responden yang

menyewa tanah orang lain di samping mengusahakan tanah sendiri. Majoriti responden di Selangor, Kedah dan Perlis memiliki sawah sendiri manakala majoriti responden di Kelantan menyewa tanah sawah milik orang lain.

Jadual 5.8: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Keluasan Penanaman Padi dan Negeri

Jumlah Keluasan Penanaman Padi	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
0.4–5 ekar	84 (21.0%)	101 (25.3%)	47 (11.8%)	77 (19.3%)	309 (77.3%)
5.1–10 ekar	22 (5.5%)	16 (4.0%)	11 (2.8%)	3 (0.8%)	52 (13.0%)
10.1–15 ekar	6 (1.5%)	1 (0.3%)	11 (2.8%)	0 (0.0%)	18 (4.5%)
15.1–20 ekar	5 (1.3%)	2 (0.5%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	11 (2.8%)
>20 ekar	3 (0.8%)	0 (0.0%)	7 (1.8%)	0 (0.0%)	10 (2.5%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.8, majoriti responden (77.3 peratus) menanam padi di tanah seluas 0.4 hingga 5 ekar dan penyumbang utama kepada jumlah ini adalah responden dari Kedah diikuti oleh Selangor, Perlis dan Kelantan.

Jadual 5.9: Taburan Responden Berdasarkan Jenis Pengairan Utama dan Negeri

Jenis Pengairan Utama	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Kerajaan	105 (26.3%)	89 (22.3%)	29 (7.3%)	79 (19.8%)	302 (75.5%)
Sendiri	15 (3.8%)	2 (0.5%)	16 (4.0%)	0 (0.0%)	33 (8.3%)
Sumber semulajadi	0 (0.0%)	29 (7.3%)	35 (8.8%)	1 (0.3%)	65 (16.3%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada Jadual 5.9, majoriti responden menggunakan pengairan yang digunakan oleh kerajaan dan kebanyakannya dari Selangor. Kementerian atau agensi yang membantu petani-petani dalam pembangunan tanaman padi termasuk menyediakan pengairan untuk sawah mereka adalah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)⁷⁴ di Kedah dan Perlis di bawah Rancangan Pengairan Muda, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia di bawah Projek Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu

⁷⁴ MADA ditubuhkan pada 30 Jun 1970 (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, 2007).

(IADA) Barat Laut Selangor⁷⁵ dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)⁷⁶ di Kelantan. Walaupun begitu, bukan semua petani mendapat kemudahan tersebut seperti petani yang mengusahakan tanah sawah bukan dalam kawasan MADA.

Jadual 5.10 menunjukkan bahawa sebahagian besar responden menjadi ahli PPK dan kebanyakannya adalah responden di Kedah diikuti oleh Selangor, Perlis dan Kelantan. Keistimewaan menjadi ahli PPK adalah mereka layak menerima bantuan kerajaan berbentuk bahan input seperti benih, baja dan racun selain mendapat kemudahan pinjaman serta khidmat nasihat daripada PPK sendiri atau Jabatan Pertanian atau institusi yang berkaitan.

Jadual 5.10: Taburan Responden Berdasarkan Keahlian Persatuan Peladang Kawasan (PPK) dan Negeri

Keahlian PPK	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Ahli	91 (22.8%)	100 (25.0%)	59 (14.8%)	76 (19.0%)	326 (81.5%)
Bukan ahli	29 (7.3%)	20 (5.0%)	21 (5.3%)	4 (1.0%)	74 (18.5%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.11: Taburan Responden Berdasarkan Status Penerimaan Bantuan dan Negeri

Status Bantuan	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Ya	117 (29.5%)	117 (29.5%)	80 (20.2%)	79 (19.9%)	393 (99.2%)
Tidak	0 (0.0%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	3 (0.8%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Pada tahun 2011, kerajaan memperuntukkan RM974 juta sebagai pemberian subsidi harga padi, baja dan benih padi serta 230 juta ringgit untuk insentif pengeluaran dan peningkatan hasil padi (Kementerian Kewangan Malaysia, 2011). Daripada Jadual

⁷⁵ Sebelum bulan Februari 2007, IADA dikenali sebagai Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Barat Laut Selangor (IADP BLS). Ia ditubuhkan pada 6 Jun 1978. Antara fungsinya adalah membina dan meningkatkan kemudahan infrastruktur pengairan dan saliran (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, t.t.a).

⁷⁶ KADA ditubuhkan pada 30 Mac 1972 (*Ibid*, t.t.b).

5.11, majoriti responden menerima bantuan dari pihak kerajaan atau pihak lain. Jenis bantuan yang diterima termasuklah baja, kapur, upah traktor dan sebagainya.

5.2.2 Hasil Padi

Hasil padi yang akan dibincangkan dalam subtopik ini termasuklah hasil padi bagi satu musim penanaman padi, jumlah subsidi harga padi yang diterima oleh responden dan jumlah keseluruhan pendapatan hasil padi.

Jadual 5.12: Taburan Responden Berdasarkan Hasil Padi Semusim (Tan) dan Negeri

Hasil Padi (tan)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
0.5–5 tan	52 (13.0%)	36 (9.0%)	35 (8.8%)	29 (7.3%)	152 (38.0%)
5.1–10 tan	29 (7.3%)	33 (8.3%)	19 (4.8%)	45 (11.3%)	126 (31.5%)
10.1–15 tan	7 (1.8%)	21 (5.3%)	9 (2.3%)	4 (1.0%)	41 (10.3%)
15.1–20 tan	9 (2.3%)	13 (3.3%)	6 (1.5%)	0 (0.0%)	28 (7.0%)
20.1–25 tan	9 (2.3%)	6 (1.5%)	3 (0.8%)	2 (0.5%)	20 (5.0%)
25.1–30 tan	7 (1.8%)	4 (1.0%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	13 (3.3%)
>30 tan	7 (1.8%)	7 (1.8%)	6 (1.5%)	0 (0.0%)	20 (5.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.12 menunjukkan majoriti responden (38 peratus) mendapat hasil padi antara 0.5 tan hingga 5 tan bagi semusim penanaman padi. Ini kerana kebanyakan responden mengusahakan sawah sawah antara 0.4 ekar hingga 5 ekar. Majoriti responden di Selangor, Kedah dan Kelantan mendapat hasil padi antara 0.5 tan hingga 5 tan manakala kebanyakan responden di Perlis mendapat hasil padi antara 5.1 tan hingga 10 tan bagi satu musim penanaman padi. Manakala purata hasil padi responden adalah 6.7 tan sehektar. Penemuan ini selari dengan kajian Asmak Ab. Rahman (2010). Hasil kajian beliau mendapati majoriti petani di Semenanjung Malaysia memperolehi hasil padi antara 0 hingga 10 tan semusim. Manakala Rospidah Ghazali dan Pazim@Fadzim Othman (2011) mendapati purata hasil pengeluaran petani pada musim penanaman

utama 2004/2005 adalah 6.6 tan/hektar. Hasil kajian ini tidak selari dengan kajian Amin Mahir Abdullah (2012) di mana beliau mendapati purata hasil padi Malaysia adalah 3.3 tan sehektar manakala Thailand adalah 2.9 tan sehektar dan Vietnam pula adalah 4.9 tan sehektar (dalam nukilan Melati Mohd Ariff, 2012). Hasil kajian ini juga tidak selari dengan kajian Nurul Asrin Roslan et al. (2012) di mana mereka mendapati purata hasil padi di Projek Pembangunan Pertanian Terengganu Utara (KETARA) adalah 3.34 sehektar.

Jadual 5.13 menunjukkan majoriti responden di Selangor, Kedah dan Kelantan memperolehi hasil padi antara RM400 hingga RM5000 bagi semusim penanaman padi. Manakala kebanyakan responden di Perlis memperolehi hasil padi antara RM5001 hingga RM10000. Terdapat juga sebilangan kecil responden memperolehi hasil padi lebih dari RM25000 bagi semusim penanaman padi. Hasil kajian ini tidak selari dengan kajian Nurul Asrin Roslan et al. (2012) kepada petani di KETARA yang memperolehi purata pendapatan RM15872.20 bagi satu musim penanaman padi.

Jadual 5.13: Taburan Responden Berdasarkan Hasil Padi Semusim (RM) dan Negeri

Hasil Padi (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
400–5000	45 (11.3%)	39 (9.8%)	43 (10.8%)	34 (8.5%)	161 (40.3%)
5001–10000	34 (8.5%)	37 (9.3%)	17 (4.3%)	43 (10.8%)	131 (32.8%)
10001–15000	8 (2.0%)	17 (4.3%)	10 (2.5%)	2 (0.5%)	37 (9.3%)
15001–20000	6 (1.5%)	13 (3.3%)	2 (0.5%)	1 (0.3%)	22 (5.5%)
20001–25000	10 (2.5%)	5 (1.3%)	3 (0.8%)	0 (0.0%)	18 (4.5%)
>25000	17 (4.3%)	9 (2.3%)	5 (1.3%)	0 (0.0%)	31 (7.8%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Kerajaan memperuntukkan sejumlah besar dalam setiap kali bajet tahunan untuk diberikan kepada petani. Bagi setiap 1 tan hasil padi yang dijual oleh pesawah sama ada kepada Bernas atau PPK atau syarikat swasta, pesawah mendapat subsidi harga padi daripada kerajaan sebanyak RM248.10 (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

Malaysia, t.t.c). Daripada Jadual 5.14, kebanyakan responden (67 peratus) mendapat subsidi harga padi antara RM80 hingga RM2000. Keempat-empat negeri menyumbang kepada data ini iaitu Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis masing-masing ialah 19.3 peratus, 16.1 peratus, 14 peratus dan 17.8 peratus.

Jadual 5.14: Taburan Responden Berdasarkan Subsidi Harga Padi Semusim (RM) dan Negeri

Subsidi Harga Padi (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
80–1000	48 (12.0%)	37 (9.3%)	42 (10.5%)	37 (9.3%)	164 (41.0%)
1001–2000	29 (7.3%)	27 (6.8%)	14 (3.5%)	34 (8.5%)	104 (26.0%)
2001–3000	13 (3.3%)	24 (6.0%)	9 (2.3%)	7 (1.8%)	53 (13.3%)
3001–4000	3 (0.8%)	16 (4.0%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	23 (5.8%)
4001–5000	7 (1.8%)	3 (0.8%)	3 (0.8%)	1 (0.3%)	14 (3.5%)
5001–6000	7 (1.8%)	5 (1.3%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	12 (3.0%)
6001–7000	4 (1.0%)	2 (0.5%)	4 (1.0%)	1 (0.3%)	11 (2.8%)
>7000	9 (2.3%)	6 (1.5%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	19 (4.8%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.15: Taburan Responden Berdasarkan Hasil Keseluruhan Padi Semusim (RM) dan Negeri

Hasil Keseluruhan Padi (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
500–5000	36 (9.0%)	31 (7.8%)	37 (9.3%)	22 (5.5%)	126 (31.5%)
5001–10000	39 (9.8%)	34 (8.5%)	17 (4.3%)	48 (12.0%)	138 (34.5%)
10001–15000	9 (2.3%)	20 (5.0%)	11 (2.8%)	8 (2.0%)	48 (12.0%)
15001–20000	4 (1.0%)	12 (3.0%)	6 (1.5%)	1 (0.3%)	23 (5.8%)
20001–25000	5 (1.3%)	10 (2.5%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	17 (4.3%)
25001–30000	9 (2.3%)	4 (1.0%)	3 (0.8%)	0 (0.0%)	16 (4.0%)
>30000	18 (4.5%)	9 (2.3%)	5 (1.3%)	0 (0.0%)	32 (8.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.15, Majoriti responden (34.5 peratus) memperolehi pendapatan keseluruhan hasil padi⁷⁷ antara RM5001 hingga RM10000 dan kebanyakannya responden di Perlis diikuti oleh responden di Selangor dan Kedah. Manakala majoriti responden di Kelantan memperolehi pendapatan keseluruhan hasil padi antara RM500 hingga RM5000. Terdapat juga responden yang memiliki pendapatan lebih dari RM30000 dan kebanyakannya dari Selangor.

⁷⁷ Pendapatan Keseluruhan Hasil Padi adalah Pendapatan Hasil Padi (RM) dicampur dengan Subsidi Harga Padi.

Jadual 5.16 : Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Hasil Padi Semusim (RM) dan Status Pekerjaan Bersawah

Σ Pendapatan Semusim (RM)	Status Pekerjaan Bersawah Padi		JUMLAH
	Pekerjaan utama	Pekerjaan sampingan	
400–5000	88 (22.0%)	73 (18.3%)	161 (40.3%)
5001–10000	75 (18.8%)	56 (14.0%)	131 (32.8%)
10001–15000	23 (5.8%)	14 (3.5%)	37 (9.3%)
15001–20000	16 (4.0%)	6 (1.5%)	22 (5.5%)
20001–25000	16 (4.0%)	2 (0.5%)	18 (4.5%)
>25000	26 (6.5%)	5 (1.3%)	31 (7.8%)
JUMLAH	244 (61.0%)	156 (39.0%)	400 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.16 menunjukkan bahawa majoriti responden (40.8 peratus) yang mana pekerjaan utamanya adalah bersawah mempunyai pendapatan antara RM400 hingga RM10000 bagi semusim penanaman padi. Begitu juga majoriti responden (32.3 peratus) yang mana pekerjaan bersawah sebagai pekerjaan sampingan juga mempunyai pendapatan antara RM400 hingga RM10000. Walaupun begitu, terdapat juga responden yang memiliki pendapatan yang lebih banyak sehingga lebih daripada RM25000 dan kebanyakannya adalah dalam kalangan responden yang bersawah sebagai pekerjaan utama.

5.2.3 Kos-kos Penanaman Padi

Jenis-jenis kos yang terlibat bagi penanaman padi adalah kos input, kos buruh dan kos-kos lain seperti sewa tanah, bayaran pawah tanah, cukai tanah, cukai tali air dan sebagainya. Daripada Jadual 5.17 hingga Jadual 5.19, jenis kos yang paling banyak dibelanjakan oleh responden bagi penanaman padi adalah kos buruh dan kos sewa.

Kos-kos input yang dibelanjakan oleh responden pula termasuklah benih, baja, kapur, racun kawalan serangga, racun kawalan penyakit, racun kawalan rumpai, racun kawalan

siput gondong emas dan racun kawalan tikus. Berdasarkan Jadual 5.17, kos input paling banyak dibelanjakan oleh responden ialah antara RM30 hingga RM1000 dan penyumbang utama kepada dapatan ini adalah responden di Kedah, diikuti oleh Perlis, Kelantan dan Selangor. Terdapat juga responden yang tidak mengeluarkan belanja untuk kos input. Ini berkemungkinan kerana bantuan input yang diberikan oleh kerajaan telah mencukupi.

Jadual 5.17: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Kos Input (RM) dan Negeri

Jumlah Kos Input (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
30–1000	44 (11.0%)	76 (19.0%)	54 (13.5%)	73 (18.3%)	247 (61.8%)
1001–2000	31 (7.8%)	23 (5.8%)	14 (3.5%)	7 (1.8%)	75 (18.8%)
2001–3000	17 (4.3%)	9 (2.3%)	9 (2.3%)	0 (0.0%)	35 (8.8%)
3001–4000	8 (2.0%)	2 (0.5%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	12 (3.0%)
4001–5000	6 (1.5%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	7 (1.8%)
5001–6000	6 (1.5%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	10 (2.5%)
>6000	7 (1.8%)	4 (1.0%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	12 (3.0%)
Tiada kos input	1 (0.3%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	2 (0.5%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.18: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Kos Buruh (RM) dan Negeri

Jumlah Kos Buruh (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
140–1000	28 (7.0%)	21 (5.3%)	40 (10.0%)	15 (3.8%)	104 (26.0%)
1001–2000	47 (11.8%)	33 (8.3%)	11 (2.8%)	29 (7.3%)	120 (30.0%)
2001–3000	10 (2.5%)	30 (7.5%)	7 (1.8%)	24 (6.0%)	71 (17.8%)
3001–4000	6 (1.5%)	9 (2.3%)	9 (2.3%)	9 (2.3%)	33 (8.3%)
4001–5000	5 (1.3%)	7 (1.8%)	2 (0.5%)	2 (0.5%)	16 (4.0%)
5001–6000	4 (1.0%)	4 (1.0%)	5 (1.3%)	0 (0.0%)	13 (3.3%)
6001–7000	7 (1.8%)	4 (1.0%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	13 (3.3%)
>7000	13 (3.3%)	8 (2.0%)	5 (1.3%)	0 (0.0%)	26 (6.5%)
Tiada kos buruh	0 (0.0%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4 (1.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Kos-kos buruh yang biasa dikeluarkan oleh responden adalah seperti upah merata tanah, membajak, upah mengangkut baja subsidi, upah mengepam air, upah menabur benih, upah membaja, upah menuai dan upah mengangkut padi. Berdasarkan Jadual 5.18, jumlah kos buruh yang paling banyak dibelanjakan oleh responden adalah antara

RM1001 hingga RM2000. Penyumbang utama kepada dapatan ini adalah responden di Selangor diikuti oleh Kedah, Perlis dan Kelantan. Terdapat juga sebilangan kecil responden yang tidak memerlukan buruh tambahan untuk mengerjakan sawah mereka kerana mereka mengusahakan sendiri.

Jadual 5.19: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Kos Lain (RM) dan Negeri

Jumlah Kos Lain (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
5–1000	4 (1.0%)	3 (0.8%)	24 (6.0%)	5 (1.3%)	36 (9.0%)
1001–2000	24 (6.0%)	22 (5.5%)	16 (4.0%)	16 (4.0%)	78 (19.5%)
2001–3000	19 (4.8%)	19 (4.8%)	6 (1.5%)	26 (6.5%)	70 (17.5%)
3001–4000	17 (4.3%)	20 (5.0%)	7 (1.8%)	17 (4.3%)	61 (15.3%)
4001–5000	4 (1.0%)	10 (2.5%)	6 (1.5%)	5 (1.3%)	25 (6.3%)
>5000	52 (13.0%)	46 (11.5%)	21 (5.3%)	11 (2.8%)	130 (32.5%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Kos-kos lain yang terlibat bagi penanaman padi adalah termasuk cukai tanah, cukai tali air, sewa tanah dan bayaran pawah tanah. Responden dikehendaki membayar cukai tali air kepada kerajaan sebanyak RM15 setahun bagi seekar tanah serta cukai tanah sebanyak RM7.30 setahun bagi seekar tanah selain sewa tanah dan pawah tanah. Berdasarkan Jadual 5.19, jumlah kos lain yang dibelanjakan oleh majoriti responden adalah lebih daripada RM5000. Selangor merupakan penyumbang utama kepada data ini (13 peratus) diikuti oleh Kedah, Kelantan dan Perlis. Responden membelanjakan antara RM25 hingga RM30000 untuk sewa tanah, RM200 hingga RM12000 untuk pawah tanah, RM5 hingga RM750 bagi bayaran cukai tanah dan RM5 hingga RM256 bagi cukai tali air. Ini menggambarkan selain kos input dan buruh, responden juga terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk sewa tanah, pawah tanah, cukai tanah dan cukai tali air.

Berdasarkan Jadual 5.20 pula, jumlah keseluruhan kos yang dikeluarkan oleh kebanyakan responden (67.5 peratus) adalah antara RM200 hingga RM5000.

Responden di Kedah merupakan penyumbang utama kepada dapatan ini diikuti oleh Perlis, Selangor dan Kelantan. Terdapat juga responden yang mengeluarkan jumlah kos yang lebih tinggi sehingga lebih dari RM25000.

Jadual 5.20: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Keseluruhan Kos (RM) dan Negeri

Jumlah Keseluruhan Kos (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
200–5000	68 (17.0%)	74 (18.5%)	59 (14.8%)	69 (17.3%)	270 (67.5%)
5001–10000	21 (5.3%)	29 (7.3%)	13 (3.3%)	9 (2.3%)	72 (18.0%)
10001–15000	14 (3.5%)	8 (2.0%)	5 (1.3%)	1 (0.3%)	28 (7.0%)
15001–20000	6 (1.5%)	6 (1.5%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	13 (3.3%)
20001–25000	7 (1.8%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	9 (2.3%)
>25000	4 (1.0%)	2 (0.5%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	8 (2.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada dapatan yang diperolehi menunjukkan semua responden mengeluarkan belanja bagi penanaman padi walaupun sedikit. Kos-kos yang dibelanjakan untuk tanaman padi agak tinggi disebabkan padi ditanam secara moden bukan lagi tradisi seperti dahulu yang tidak memerlukan peralatan seperti jentera dan memerlukan kos yang tinggi. Penemuan ini dibuktikan dengan kajian Amin Mahir Abdullah (2012), kos pengeluaran padi di Malaysia adalah yang tertinggi berbanding Filipina, Thailand dan Vietnam (dalam nukilan Melati Mohd Ariff, 2012).

Tambahan pula, terdapat juga seramai 130 orang responden berhutang untuk penanaman padi. Ini menunjukkan lebih kurang 1/3 daripada keseluruhan responden berhutang untuk penanaman padi. Hasil kajian ini menyamai kajian Asmak Ab Rahman (2004) yang mendapati 15.9 peratus responden di Selangor berhutang untuk penanaman padi dan 13.6 peratus tergolong dalam golongan miskin. Masalah hutang dalam kalangan petani telah wujud lama. Jika dibandingkan hutang pesawah dan penoreh

getah, hutang dalam kalangan pesawah lebih tinggi berbanding penoreh getah (Hamidah Abdul Wahab, 1988).

Terdapat sarjana Islam yang menyokong penolakan kos tanaman dalam pengiraan zakat tanaman seperti Yūsuf al-Qaraḏāwī (1994, jil. 1) dan Muḥammad Kamāl ‘Atiyah (1995). Walaupun begitu, tidak semua kos yang dikeluarkan untuk tanaman boleh ditolak dalam pengiraan zakat tanaman. Contohnya kos siraman. Ini kerana terdapat kadar zakat tanaman yang berbeza yang ditetapkan mengikut jenis pengairan yang berbeza (Muḥammad Kamāl ‘Atiyah, 1995: 28).

5.2.4 Pendapatan Bersih

Pendapatan bersih padi merujuk kepada pendapatan hasil kasar padi semusim ditolak dengan jumlah kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi termasuklah kos input, kos buruh dan kos lain seperti sewa tanah, pawah tanah, cukai tanah dan cukai tali air.

Jadual 5.21: Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Bersih Semusim (RM) dan Negeri

Pendapatan Bersih (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
(13 695)–(40)	15 (3.8%)	9 (2.3%)	0 (0.0%)	11 (2.8%)	35 (8.8%)
40–1000	23 (5.8%)	20 (5.0%)	23 (5.8%)	12 (3.0%)	78 (19.5%)
1001– 2000	15 (3.8%)	18 (4.5%)	15 (3.8%)	13 (3.3%)	61 (15.3%)
2001–3000	12 (3.0%)	13 (3.3%)	12 (3.0%)	14 (3.5%)	51 (12.8%)
3001–4000	9 (2.3%)	12 (3.0%)	8 (2.0%)	14 (3.5%)	43 (10.8%)
4001–5000	6 (1.5%)	10 (2.5%)	6 (1.5%)	6 (1.5%)	28 (7.0%)
> 5000	40 (10.0%)	38 (9.5%)	16 (4.0%)	10 (2.5%)	104 (26.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Merujuk kepada Jadual 5.21, terdapat 35 orang responden mempunyai pendapatan bersih defisit bagi semusim penanaman padi. Defisit yang terpaksa ditanggung oleh

responden sampai mencecah RM13695. Penyumbang utama kepada data ini adalah responden di Selangor diikuti oleh Perlis dan Kedah. Manakala tiada responden di Kelantan yang mempunyai pendapatan bersih defisit. Sebanyak 34.8 peratus responden pula memiliki pendapatan bersih kurang daripada RM2001. Jumlah pendapatan bersih ini bakal menampung kos sara hidup responden dan tanggungannya selama 6 bulan. Pendapatan bersih defisit juga dialami oleh petani di Indonesia (Hendri Metro Purba, 2005).

Berdasarkan Jadual 5.22, pendapatan hasil bersih padi kebanyakan responden (104 orang) adalah lebih daripada RM5000 bagi semusim penanaman padi. Selain pendapatan bersih mereka yang rendah, majoriti responden mempunyai tanggungan antara 5 orang hingga 6 orang, diikuti oleh tanggungan 3 orang hingga 4 orang, 1 orang hingga 2 orang dan 7 orang hingga 8 orang. Terdapat juga responden yang mempunyai tanggungan 9 orang atau lebih. Dalam kalangan responden yang memperolehi pendapatan defisit, terdapat 16 orang yang mempunyai tanggungan seramai 3 orang hingga 4 orang dan terdapat juga 10 orang responden yang mempunyai tanggungan 5 orang hingga 10 orang.

Jadual 5.22: Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Bersih Semusim (RM) dan Bilangan Tanggungan

Pendapatan Bersih (RM)	Bilangan Tanggungan						JUMLAH
	1-2	3-4	5-6	7-8	9-10	>10	
(13 695)-(40)	9 (2.3%)	16 (4.0%)	7 (1.8%)	1 (0.3%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	35 (8.8%)
40-1000	28 (7.0%)	25 (6.3%)	12 (3.0%)	9 (2.3%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	78 (19.5%)
1001- 2000	14 (3.5%)	21 (5.3%)	17 (4.3%)	7 (1.8%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	61 (15.3%)
2001-3000	14 (3.5%)	13 (3.3%)	17 (4.3%)	3 (0.8%)	3 (0.8%)	1 (0.3%)	51 (12.8%)
3001-4000	13 (3.3%)	12 (3.0%)	13 (3.3%)	4 (1.0%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	43 (10.8%)
4001-5000	6 (1.5%)	9 (2.3%)	11 (2.8%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	28 (7.0%)
>5000	22 (5.5%)	24 (6.0%)	33 (8.3%)	17 (4.3%)	7 (1.8%)	1 (0.3%)	104 (26.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

5.3 KOS SARA HIDUP

Kos sara hidup yang dibelanjakan oleh responden adalah untuk diri sendiri dan tanggungan termasuklah makanan, tempat tinggal, pendidikan, pakaian, perubatan, bil telefon, bil air, bil elektrik dan pengangkutan.

Berdasarkan Jadual 5.23, kos sara hidup majoriti responden adalah antara RM501 hingga RM1000 sebulan. Kebanyakan responden di Kelantan, Selangor dan Perlis membelanjakan antara RM501 hingga RM1000 sebulan untuk menampung kos hidup mereka manakala responden di Kedah membelanjakan RM1001 hingga RM1500 sebulan untuk kos sara hidup responden dan tanggungannya.

Jadual 5.23: Taburan Responden Berdasarkan Kos Sara Hidup Sebulan (RM) dan Negeri

Kos Sara Hidup Sebulan (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
155–500	19 (4.8%)	7 (1.8%)	19 (4.8%)	12 (3.0%)	57 (14.3%)
501–1000	38 (9.5%)	37 (9.3%)	45 (11.3%)	33 (8.3%)	153 (38.3%)
1001–1500	18 (4.5%)	40 (10.0%)	14 (3.5%)	22 (5.5%)	94 (23.5%)
1501–2000	13 (3.3%)	17 (4.3%)	2 (0.5%)	7 (1.8%)	39 (9.8%)
2001–2500	12 (3.0%)	9 (2.3%)	0 (0.0%)	5 (1.3%)	26 (6.5%)
2501–3000	6 (1.5%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	10 (2.5%)
>3000	14 (3.5%)	6 (1.5%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	21 (5.3%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.24, majoriti responden mempunyai pendapatan hasil padi⁷⁸ kurang daripada RM1001. Penyumbang kepada data ini adalah responden di Selangor dan Kedah diikuti oleh responden di Kelantan dan Perlis. Ini menunjukkan bahawa pendapatan hasil padi agak kecil dan tidak dapat menampung kos sara hidup responden dan tanggungannya. Kajian Nuruul Hidayah Mansor (2012: 86) mendapati bahawa

⁷⁸ Pendapatan hasil padi sebulan adalah pendapatan hasil padi semusim dibahagi dengan 6. Ini berdasarkan penanaman padi yang diusahakan sebanyak 2 kali setahun.

kadar cukup nisab zakat padi ialah 1.306 tan di Selangor dengan nilai purata pendapatan petani sebulan sebanyak RM206.39 dan 0.9867 tan di Perlis dengan nilai purata pendapatan sebulan petani adalah RM155.93. Nilai RM206.39 dan nilai RM155.93 sebulan menggambarkan bahawa petani adalah tergolong di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan tegar di Semenanjung Malaysia. Pendapatan Garis Kemiskinan Keseluruhan (PGK)⁷⁹ bagi tahun semasa Semenanjung Malaysia adalah RM720 dan Pendapatan Garis Kemiskinan Tegar di Semenanjung Malaysia adalah RM430 (Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (t.t.)).

Jadual 5.24: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Hasil Padi Sebulan (RM) dan Negeri

Jumlah Pendapatan Sebulan (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
<1001	53 (13.3%)	53 (13.3%)	47 (11.8%)	45 (11.3%)	198 (49.5%)
1001 – 1500	22 (5.5%)	18 (4.5%)	8 (2.0%)	28 (7.0%)	76 (19.0%)
1501 – 2000	8 (2.0%)	15 (3.8%)	8 (2.0%)	5 (1.3%)	36 (9.0%)
2001 – 2500	4 (1.0%)	7 (1.8%)	7 (1.8%)	1 (0.3%)	19 (4.8%)
2501 – 3000	3 (0.8%)	9 (2.3%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	13 (3.3%)
>3000	30 (7.5%)	18 (4.5%)	9 (2.3%)	1 (0.3%)	58 (14.5%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.25, seramai 127 orang responden yang memperolehi pendapatan hasil padi kurang daripada RM1001 sebulan mempunyai tanggungan antara 1 orang hingga 4 orang dan terdapat 71 orang responden mempunyai tanggungan 5 orang atau lebih.

⁷⁹ PGK ditakrifkan sebagai pendapatan yang hanya mencukupi untuk membeli keperluan minimum sekumpulan barangan makanan untuk mengekalkan ahli-ahli isi rumah dalam keadaan zat pemakanan yang baik dan keperluan asas yang lain seperti pakaian dan kasut, sewa rumah, bahan api dan tenaga, pengangkutan dan komunikasi, penjagaan kesihatan, pendidikan dan rekreasi. PGK dikemaskini setiap tahun berdasarkan Indeks Harga Pengguna (Unit Perancang Ekonomi, t.t.)

Jadual 5.25: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Hasil Padi Sebulan (RM) dan Bilangan Tanggungan

Pendapatan Sebulan (RM)	Bilangan Tanggungan						JUMLAH
	1-2	3-4	5-6	7-8	9-10	>10	
<1001	62 (15.5%)	65 (16.3%)	44 (11.0%)	20 (5.0%)	5 (1.3%)	2 (0.5%)	198 (49.5%)
1001-1500	19 (4.8%)	29 (7.3%)	20 (5.0%)	2 (0.5%)	6 (1.5%)	0 (0.0%)	76 (19.0%)
1501-2000	8 (2.0%)	9 (2.3%)	13 (3.3%)	6 (1.5%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	36 (9.0%)
2001-2500	4 (1.0%)	4 (1.0%)	5 (1.3%)	4 (1.0%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	19 (4.8%)
2501-3000	4 (1.0%)	3 (0.8%)	5 (1.3%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	13 (3.3%)
>3000	9 (2.3%)	10 (2.5%)	23 (5.8%)	10 (2.5%)	5 (1.3%)	1 (0.3%)	58 (14.5%)
JUMLAH	106 (26.5%)	120 (30.0%)	110 (27.5%)	43 (10.8%)	18 (4.5%)	3 (0.8%)	400 (100%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Merujuk kepada Jadual 5.26, sebahagian besar responden memperoleh pendapatan hasil padi kurang daripada RM1001 sebulan. Dalam kalangan responden yang mempunyai pendapatan hasil padi kurang daripada RM1001 sebulan, terdapat seramai 68 orang responden (17.1 peratus) membelanjakan kos sara hidup lebih daripada RM1000. Ini kerana kos sara hidup yang dibelanjakan termasuk juga kos sara hidup yang dikeluarkan untuk tanggungan. Ini menggambarkan hasil padi yang diperolehi oleh petani sebenarnya tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup responden dan tanggungannya.

Jadual 5.26: Taburan Responden Berdasarkan Kos Sara Hidup Sebulan (RM) dan Pendapatan Hasil Padi Sebulan (RM)

Kos Sara Hidup Sebulan (RM)	Pendapatan Sebulan (RM)						JUMLAH
	<1001	1001-1500	1501-2000	2001-2500	2501-3000	>3000	
155-500	41 (10.3%)	8 (2.0%)	3 (0.8%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	3 (0.8%)	56 (14.1%)
501-1000	87 (21.9%)	26 (6.5%)	12 (3.0%)	11 (2.8%)	4 (1.0%)	12 (3.0%)	152 (38.2%)
1001-1500	43 (10.8%)	24 (6.0%)	10 (2.5%)	1 (0.3%)	3 (0.8%)	13 (3.3%)	94 (23.6%)
1501-2000	12 (3.0%)	13 (3.3%)	4 (1.0%)	3 (0.8%)	1 (0.3%)	6 (1.5%)	39 (9.8%)
2001-2500	8 (2.0%)	2 (0.5%)	4 (1.0%)	1 (0.3%)	2 (0.5%)	9 (2.3%)	26 (6.5%)
2501-3000	3 (0.8%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	5 (1.3%)	10 (2.5%)
>3000	2 (0.5%)	2 (0.5%)	3 (0.8%)	1 (0.3%)	3 (0.8%)	10 (2.5%)	21 (5.3%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Dalam menentukan jumlah minimum kos sara hidup yang diperlukan oleh seseorang individu, Lembaga Zakat Selangor telah menetapkan enam aspek yang diambil kira dalam penilaian had kifayah iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan,

pendidikan dan pengangkutan. Berdasarkan enam aspek tersebut, had kifayah bagi seorang ketua keluarga adalah RM680 sebulan (Lembaga Zakat Selangor, t.t.d). Had kifayah untuk tanggungan ketua keluarga adalah seperti Jadual 5.27.

Jadual 5.27: Jumlah Had Kifayah Mengikut Kategori Tanggungan di Selangor

Kategori	Jumlah Had Kifayah
Dewasa Bekerja	420.00
Dewasa Tidak Bekerja (18 tahun ke atas)	240.00
Anak Berumur 7–17 tahun	180.00
Anak Berumur 1–6 tahun	130.00
Tanggungan/ Anak Cacat	200.00
Penjagaan Anak	190.00
Kos Perubatan Sakit Kronik	200.00

Sumber: Lembaga Zakat Selangor (t.t.d)

Daripada Jadual 5.27, bagi kes seorang suami yang mempunyai tanggungan seorang isteri yang tidak bekerja, had kifayahnya adalah RM920. Ini hanyalah kes yang paling minimum. Macam mana pula jika kes keluarga yang mempunyai 2 orang atau lebih tanggungan dan hanya memperolehi pendapatan kurang daripada RM1001 sebulan. Ini belum mengambilkira kos yang dikeluarkan untuk tanaman. Jadi, jika dibandingkan dengan jumlah pendapatan hasil padi sebulan, sebahagian besar responden tidak mencukupi had kifayah yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor dan tergolong dalam kalangan orang miskin. Dapatan ini menyokong hasil kajian Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980), Abdul Aziz Muhamad (1986) dan Asmak Ab Rahman (2004) yang mendapati bahawa petani yang membayar zakat padi tergolong dalam golongan miskin.

Pendapatan hasil padi yang tidak seberapa ini menyebabkan petani menjalankan pekerjaan lain. Berdasarkan Jadual 5.28, majoriti responden yang bersawah padi sebagai pekerjaan utama tidak mempunyai pekerjaan lain. Walaupun begitu, perbezaan jumlah

responden yang pekerjaan utamanya adalah bersawah mempunyai pekerjaan lain atau tidak adalah kecil iaitu 8 orang. Ini menunjukkan lebih kurang separuh daripada responden yang bersawah sebagai pekerjaan utama mempunyai pekerjaan lain. Selain bersawah padi, seramai 264 orang responden mempunyai pekerjaan lain seperti berkebun, berniaga, cikgu dan bertukang. Terdapat dapatan yang agak menarik apabila terdapat 10 orang responden yang pekerjaan sampingannya adalah bersawah tiada pekerjaan lain. Kajian Sadiya Sami Ismaila (2008) mendapati kemiskinan adalah satu masalah yang membelenggu petani padi di seluruh dunia, termasuklah Malaysia. Bagi mengatasi masalah ini, pekerjaan dalam bidang bukan pertanian adalah alternatif dan mempunyai potensi untuk meningkatkan pendapatan petani. Hasil kajian beliau mendapati hubungan yang signifikan antara pekerjaan petani di luar bidang pertanian dengan umur petani, jumlah tanggungan dan pendapatan lain. Hasil kajian beliau ini menunjukkan bahawa petani yang mempunyai pekerjaan lain selain bersawah adalah dipengaruhi oleh ketiga-tiga faktor tersebut.

Jadual 5.28: Taburan Responden Berdasarkan Status Pekerjaan Bersawah dan Status Pekerjaan Lain

Status Pekerjaan Lain	Status Pekerjaan Bersawah		JUMLAH
	Pekerjaan Utama	Pekerjaan Sampingan	
Ada Pekerjaan Lain	118 (29.5%)	146 (36.5%)	264 (66.0%)
Tiada Pekerjaan Lain	126 (31.5%)	10 (2.5%)	136 (34.0%)
JUMLAH	244 (61.0%)	156 (39.0%)	400 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada Jadual 5.29, hasil pendapatan dari sumber pekerjaan lain ini boleh mencecah sehingga melebihi RM3000. Majoriti responden (73.5 peratus) mempunyai pendapatan antara RM50 sehingga RM1500 sebulan. Ini menunjukkan pendapatan dari hasil padi tidak mencukupi menyebabkan responden menjalankan pekerjaan lain.

Jadual 5.29: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan dari Sumber Selain Hasil Padi Sebulan (RM) dan Negeri

Jumlah Pendapatan Lain (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
50–500	25 (9.5%)	25 (9.5%)	4 (1.5%)	20 (7.6%)	74 (28.0%)
501–1000	28 (10.6%)	15 (5.7%)	25 (9.5%)	22 (8.3%)	90 (34.1%)
1001–1500	8 (3.0%)	7 (2.7%)	13 (4.9%)	2 (0.8%)	30 (11.4%)
1501–2000	7 (2.7%)	13 (4.9%)	0 (0.0%)	3 (1.1%)	23 (8.7%)
2001–2500	2 (0.8%)	3 (1.1%)	2 (0.8%)	1 (0.4%)	8 (3.0%)
2501–3000	3 (1.1%)	8 (3.0%)	1 (0.4%)	0 (0.0%)	12 (4.5%)
>3000	8 (3.0%)	12 (4.5%)	2 (0.8%)	1 (0.4%)	23 (8.7%)
Tiada respon	2 (0.8%)	2 (0.8%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4 (1.5%)
JUMLAH	83 (31.4%)	85 (32.2%)	47 (17.8%)	49 (18.6%)	264 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.30 pula, kebanyakan responden yang menjalankan sawah sebagai pekerjaan utama memiliki pendapatan lain antara RM50 hingga RM500. Manakala responden yang bersawah sebagai pekerjaan sampingan memiliki pendapatan yang lebih tinggi iaitu antara RM501 hingga RM1000.

Jadual 5.30: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan dari Sumber Selain Hasil Padi Sebulan (RM) dan Status Pekerjaan Bersawah

Jumlah Pendapatan Sebulan (RM)	Status Pekerjaan Bersawah		JUMLAH
	Pekerjaan Utama	Pekerjaan Sampingan	
50–500	49 (18.6%)	25 (9.5%)	74 (28.0%)
501–1000	39 (14.8%)	51 (19.3%)	90 (34.1%)
1001–1500	9 (3.4%)	21 (8.0%)	30 (11.4%)
1501–2000	5 (1.9%)	18 (6.8%)	23 (8.7%)
2001–2500	3 (1.1%)	5 (1.9%)	8 (3.0%)
2501–3000	3 (1.1%)	9 (3.4%)	12 (4.5%)
>3000	8 (3.0%)	15 (5.7%)	23 (8.7%)
Tiada respon	2 (0.8%)	2 (0.8%)	4 (1.5%)
JUMLAH	118 (44.7%)	146 (55.3%)	264 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada Jadual 5.31 didapati bahawa jumlah pendapatan bulanan keseluruhan⁸⁰ kebanyakan responden adalah kurang daripada RM1001 di mana penyumbang tertinggi kepada dapatan ini adalah responden dari Selangor diikuti oleh Kedah, Perlis dan

⁸⁰ Jumlah pendapatan keseluruhan adalah jumlah pendapatan hasil padi dan jumlah pendapatan dari pekerjaan lain.

Kelantan. Walaupun begitu, responden yang memperoleh pendapatan bulanan yang tinggi juga datangnya dari Kedah dan Selangor.

Jadual 5.31: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Keseluruhan Sebulan (RM) dan Negeri

Jumlah Pendapatan Keseluruhan Sebulan (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
<1001	36 (9.0%)	27 (6.8%)	20 (5.0%)	26 (6.5%)	109 (27.3%)
1001–1500	16 (4.0%)	18 (4.5%)	23 (5.8%)	22 (5.5%)	79 (19.8%)
1501–2000	13 (3.3%)	8 (2.0%)	8 (2.0%)	21 (5.3%)	50 (12.5%)
2001–2500	8 (2.0%)	13 (3.3%)	5 (1.3%)	4 (1.0%)	30 (7.5%)
2501–3000	6 (1.5%)	10 (2.5%)	10 (2.5%)	1 (0.3%)	27 (6.8%)
>3000	41 (10.3%)	44 (11.0%)	14 (3.5%)	6 (1.5%)	105 (26.3 %)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.32: Taburan Responden Berdasarkan Kos Sara Hidup Sebulan (RM) dan Jumlah Pendapatan Keseluruhan Sebulan (RM)

Kos Sara Hidup Sebulan (RM)	Pendapatan Keseluruhan Sebulan (RM)						JUMLAH
	<1001	1001-1500	1501-2000	2001-2500	2501-3000	>3000	
155–500	30 (7.5%)	15 (3.8%)	5 (1.3%)	0 (0.0%)	3 (0.8%)	4 (1.1%)	57 (14.3%)
501–1000	54 (13.5%)	33 (8.3%)	18 (4.5%)	13 (3.3%)	11 (2.8%)	24 (6.1%)	153 (38.3%)
1001–1500	16 (4.0%)	21 (5.3%)	17 (4.3%)	10 (2.5%)	5 (1.3%)	25 (6.3%)	94 (23.5%)
1501–2000	5 (1.3%)	7 (1.8%)	8 (2.0%)	3 (0.8%)	5 (1.3%)	11 (2.8%)	39 (9.8%)
2001–2500	1 (0.3%)	3 (0.8%)	1 (0.3%)	2 (0.5%)	1 (0.3%)	18 (4.6%)	26 (6.5%)
2501–3000	1 (0.3%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	7 (1.8%)	10 (2.5%)
>3000	2 (0.5%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	2 (0.5%)	16 (4.0%)	21 (5.3%)
JUMLAH	109 (27.3%)	79 (19.8%)	50 (12.5%)	30 (7.5%)	27 (6.8%)	105 (26.3%)	400 (100%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada Jadual 5.32 didapati bahawa majoriti responden yang memperoleh pendapatan keseluruhan kurang daripada RM1001 membelanjakan antara RM501 hingga RM1000 sebulan untuk menampung kos sara hidup mereka dan tanggungannya. Terdapat juga 41 orang responden membelanjakan kos sara hidup lebih daripada pendapatan keseluruhan yang diperolehi. Ini menunjukkan bahawa responden sama ada membelanjakan keseluruhan pendapatan untuk perbelanjaan kos sara hidup atau pendapatannya tidak mencukupi bagi menampung kos sara hidup mereka.

Merujuk kepada Jadual 5.33, responden yang mempunyai pendapatan keseluruhan kurang daripada RM1001 kebanyakannya mempunyai 1 orang hingga 2 orang tanggungan, diikuti oleh responden yang mempunyai 3 orang hingga 4 orang tanggungan dan lebih daripada 4 orang tanggungan. Realiti yang berlaku menunjukkan bahawa walaupun responden melakukan pekerjaan lain, tetapi ia masih tidak mampu untuk menampung kos sara hidup mereka sepertimana jumlah had kifayah (rujuk Jadual 5.27) yang telah disebutkan sebelum ini.

Jadual 5.33: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Pendapatan Keseluruhan Sebulan (RM) dan Bilangan Tanggungan

Pendapatan Keseluruhan Sebulan (RM)	Bilangan Tanggungan						JUMLAH
	1-2	3-4	5-6	7-8	9-10	>10	
<1001	46 (11.5%)	31 (7.8%)	18 (4.5%)	11 (2.8%)	3 (0.8%)	0 (0.0%)	109 (27.3%)
1001-1500	20 (5.0%)	34 (8.5%)	18 (4.5%)	5 (1.3%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	79 (19.8%)
1501-2000	12 (3.0%)	20 (5.0%)	13 (3.3%)	3 (0.8%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	50 (12.5%)
2001-2500	5 (1.3%)	10 (2.5%)	9 (2.3%)	4 (1.0%)	1 (0.3%)	1 (0.3%)	30 (7.5%)
2501-3000	7 (1.8%)	6 (1.5%)	9 (2.3%)	3 (0.8%)	2 (0.5%)	0 (0.0%)	27 (6.8%)
>3000	16 (4.1%)	19 (4.8%)	43 (10.8%)	17 (4.3%)	9 (2.3%)	1 (0.3%)	105 (26.3%)
JUMLAH	106 (26.5%)	120 (30.0%)	110 (27.5%)	43 (10.8%)	18 (4.5%)	3 (0.8%)	400 (100%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

5.4 PEMBAYARAN ZAKAT PADI

Topik ini cuba meneliti amalan pembayaran zakat padi dalam kalangan responden di empat negeri yang terpilih. Ia dilakukan melalui maklum balas borang soal selidik yang diedarkan kepada petani yang menjadi responden kajian ini serta dibandingkan dengan garis panduan atau fatwa institusi zakat itu sendiri. Penelitian tertumpu kepada tiga perkara iaitu saluran bayaran zakat padi, kaedah taksiran zakat padi serta kaedah taksiran zakat subsidi harga padi dan jumlah zakat keseluruhan.

5.4.1 Saluran Pembayaran Zakat Padi

Subtopik ini cuba mengupas saluran pembayaran zakat padi oleh responden dan alasan mereka membayar mengikut saluran tersebut yang mungkin menyebabkan berlaku bocoran dalam kutipan zakat negeri.

Jadual 5.34: Taburan Responden Berdasarkan Saluran Pembayaran Zakat Padi dan Negeri

Saluran Bayaran Zakat	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Institusi zakat	47 (11.8%)	42 (10.5%)	6 (1.5%)	14 (3.5%)	109 (27.3%)
Asnaf zakat	28 (7.0%)	44 (11.0%)	0 (0.0%)	14 (3.5%)	86 (21.5%)
Institusi zakat dan asnaf zakat	45 (11.3%)	34 (8.5%)	74 (18.5%)	52 (13.0%)	205 (51.3%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.34 menunjukkan kebanyakan responden membayar zakat padi kepada institusi zakat dan asnaf zakat (51.3 peratus) secara bersama mengikut peratusan tertentu di antara kedua-duanya. Kebanyakan responden di Kelantan membayar zakat mengikut kedua-dua saluran ini diikuti responden di Perlis, Selangor dan Kedah. Pembayaran zakat kepada asnaf zakat secara terus menyebabkan bocoran berlaku dalam kutipan zakat negeri sedangkan dalam enakmen negeri yang dikaji atau fatwa zakat mewajibkan zakat dibayar kepada Majlis Agama Islam negeri masing-masing⁸¹ (Seksyen 86, Enakmen 4 Tahun 2006, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Perlis), 2006; Seksyen 86, Enakmen 1 Tahun 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003; Seksyen 5, Enakmen 4 Tahun 1994, Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994; Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, t.t.a). Kajian ini menyokong kajian Mohammad Azam Hussin (2000) yang mendapati responden di Kedah lebih cenderung untuk membayar kepada asnaf zakat. Walaupun begitu, dapatan

⁸¹ Bocoran adalah aliran keluar pendapatan daripada pusingan pendapatan.

kajian Mahyuddin Abu Bakar (2000) berbeza iaitu sebahagian besar responden di Kedah membayar zakat kepada institusi zakat.

Jika dibandingkan dengan jumlah zakat padi yang dibayar oleh keseluruhan responden dalam kajian ini iaitu RM297 193.51, sebanyak RM133 188.53 dibayar kepada asnaf zakat yang menyumbang bocoran dalam kutipan zakat negeri sebanyak 45 peratus. Kajian Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980) di Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu pula mendapati bocoran zakat yang lebih besar iaitu sebanyak 68 peratus.

Daripada Jadual 5.35, penyelidik dapat mengenalpasti alasan yang diberikan oleh responden yang membayar zakat terus kepada asnaf. Alasan yang diberikan oleh responden dipecahkan kepada dua iaitu alasan berkaitan institusi zakat dan alasan berkaitan asnaf. Alasan 1 hingga 18 adalah alasan berkaitan institusi zakat manakala alasan 19 hingga 21 adalah alasan berkaitan asnaf. Berdasarkan Jadual 5.34, hanya 86 orang responden sahaja yang membayar zakat padi terus hanya kepada asnaf sahaja. Kebanyakan responden menyatakan alasan mereka membayar zakat terus kepada asnaf adalah kerana lebih mudah berurusan dengan asnaf, sukar berjumpa amil dan lebih berpuashati mengagihkan sendiri zakat padi. Alasan yang diberikan oleh responden adalah dimonopoli oleh sebab asnaf sendiri. Lagipun, mereka merasakan mereka lebih mengenali dan mengetahui siapakah orang susah dan miskin di tempat mereka. Alasan ini menyamai kajian Nuruul Hidayah Mansor (2012: 125).

Jadual 5.35: Alasan Responden Membayar Zakat Padi Hanya Kepada Asnaf

Bil	Alasan	Bil. (%)
1	Sukar berjumpa amil	82 (95.3%)
2	Perbezaan fahaman politik	40 (47.1%)
3	Tidak ada kesefahaman dalam memahami mengenai zakat padi	7 (8.1%)
4	Terdapat fatwa di mana pemerintahan negeri ini bukanlah secara Islam	13 (15.1%)
5	Kaedah agihan institusi zakat yang kurang praktikal	3 (3.5%)
6	Kaedah agihan institusi zakat yang kurang adil	35 (40.7%)
7	Kemudahan kaunter pembayaran zakat padi terhad	31 (36.0%)
8	Kurang pendedahan mengenai program pengagihan zakat yang dijalankan oleh institusi zakat	39 (45.3%)
9	Lokasi institusi zakat jauh	54 (62.8%)
10	Kurang keyakinan terhadap pengagihan zakat oleh institusi zakat	51 (59.3%)
11	Bayaran agihan tidak mencukupi	37 (43.0%)
12	Kaedah agihan tidak jelas	33 (39.8%)
13	Agihan tidak menyeluruh mengikut asnaf	48 (56.5%)
14	Maklumat agihan tidak diketahui	44 (52.4%)
15	Maklumat agihan tidak diwarwarkan kepada masyarakat	62 (72.1%)
16	Maklumat agihan tidak telus	63 (73.3%)
17	Kurang mendapat kerjasama daripada amil	39 (45.3%)
18	Amil tidak menjalankan tugasnya mengutip zakat padi	40 (47.1%)
19	Lebih mudah berurusan terus dengan asnaf	85 (98.8%)
20	Lebih menjimatkan masa	35 (41.7%)
21	Lebih berpuashati jika mengagihkan sendiri zakat padi	81 (97.6%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Walaupun begitu, alasan ini tidak menyamai kajian Khairul Azman Azizan (2004) dan Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid (2005) di mana bocoran bayaran zakat berlaku disebabkan oleh agihan zakat yang dikatakan tidak memuaskan pembayar zakat serta asnaf yang terlibat di mana ketidakadilan berlaku dalam proses pengagihan tersebut. Berlainan dengan kajian Mahyuddin Abu Bakar (2000) yang mendapati responden di Kedah membayar zakat kepada asnaf kerana tidak yakin kemampuan institusi zakat mengagihkan zakat, pemilihan amil yang tidak menepati kriteria majoriti penduduk dan perbezaan politik dengan amil. Kajian Khairul Azman Azizan (2004) pula mendapati petani di Kedah yang cenderung untuk membayar zakat terus kepada asnaf adalah golongan yang mempunyai saiz keluasan tanah yang kecil dan mereka yang mengerjakan sawah lebih daripada 20 tahun. Manakala golongan yang cenderung untuk

membayar zakat kepada institusi zakat adalah petani yang mengusahakan tanaman padi secara berkelompok.

Berlainan pula alasan yang diberikan oleh responden yang membayar zakat kepada institusi zakat dan asnaf zakat secara bersama-sama dengan peratus tertentu antara kedua-duanya. Kebanyakan responden menyatakan mereka membayar kepada amil yang dilantik kerana arahan pemerintah dan pada masa yang sama mereka membayar kepada asnaf kerana mereka lebih mengenali orang susah di tempat mereka, cepat, senang dan lebih berpuashati apabila mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf yang layak.

5.4.2 Kaedah Taksiran Zakat Padi

Kaedah taksiran zakat padi yang akan dibincangkan dalam subtopik ini meliputi kadar zakat padi yang dibayar oleh responden mengikut jenis pemilikan sawah responden, nisab zakat padi, kaedah pengiraan zakat padi dan jumlah zakat padi yang dibayar oleh responden.

1. Kadar Zakat Padi

Berdasarkan Jadual 5.36, hanya LZS mengenakan kadar zakat padi sebanyak 5 peratus manakala JZK dan MAIK menetapkan kadar 10 peratus. MAIPs pula menetapkan dua kadar zakat padi iaitu 5 peratus atau 10 peratus. Walaupun penetapan ini dilakukan, dari segi amalan petani tidak semestinya sama. Jadual 5.37 hingga 5.44 di bawah

menerangkan tentang kadar zakat padi yang dibayar oleh responden berdasarkan pemilikan tanah sawah mereka.

Jadual 5.36: Kadar Zakat Padi di Negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis

Kadar Zakat Padi	Negeri
5 %	Selangor, Perlis ⁸²
10 %	Kedah, Kelantan, Perlis

Sumber: Enakmen negeri, fatwa negeri dan laman web institusi zakat⁸³

Kadar zakat padi yang dibayar mengikut pemilikan tanah sawah adalah seperti berikut:

i) Tanah Sendiri

Jadual 5.37: Taburan Responden yang Mengusahakan Sawah Sendiri Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Negeri

Kadar Zakat Padi	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
5 %	82 (30.4%)	2 (0.7%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	84 (31.1%)
7.5 %	0 (0.0%)	4 (1.5%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4 (1.5%)
10 %	1 (0.4%)	72 (26.7%)	38 (14.1%)	68 (25.2%)	179 (66.3%)
Tidak Tahu	3 (1.1%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	3 (1.1%)
JUMLAH	86 (31.9%)	78 (28.9%)	38 (14.1%)	68 (25.2%)	270 (100%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.37, majoriti responden yang mengusahakan tanah sawah sendiri membayar zakat padi pada kadar 10 peratus. Walaupun begitu, majoriti responden di Selangor membayar zakat pada kadar 5 peratus seperti yang termaktub dalam enakmen negeri tersebut. Manakala semua responden di Perlis membayar zakat padi pada kadar

⁸² Menurut fatwa di Perlis, kadar zakat padi adalah 5 peratus setelah ditolak kos tanaman dan kos sara hidup (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001: 17–22). Walaupun begitu, menurut amalan di MAIPs, petani boleh memilih kadar zakat padi sebanyak 5 peratus jika petani tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup atau kadar zakat padi sebanyak 10 peratus jika petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup (Temu bual dengan Ustaz Hashim bin Taib, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis melalui perbualan telefon, 19 Oktober 2012).

⁸³ Seksyen 31 (1) dan 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) (1989) (Pindaan 9/2001); Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) (1955) (Pindaan 6/1983); Seksyen 5, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) (1966); Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t.b).

10 peratus dan ianya selari dengan garis panduan MAIPs. Terdapat 6 orang responden di Kedah yang menggunakan kadar yang tidak sama dengan JZK mereka. Hasil kajian ini menyamai kajian Nuruul Hidayah Mansor (2012: 115) di mana sebahagian besar responden di Perlis membayar zakat tanaman pada kadar 10 peratus.

Berdasarkan Jadual 5.38, dalam kalangan responden yang menggunakan hasil kasar dalam pengiraan zakat, majoriti menggunakan kadar 10 peratus, diikuti oleh 5 peratus dan 7.5 peratus.

Jadual 5.38: Taburan Responden yang Mengusahakan Sawah Sendiri Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Kadar Zakat Padi	Kaedah Pengiraan Zakat Padi			JUMLAH
	Hasil Kasar	Hasil Bersih 1 ⁸⁴	Hasil Bersih 2 ⁸⁵	
5 %	83 (30.7%)	1 (0.4%)	0 (0.0%)	84 (31.1%)
7.5 %	3 (1.1%)	1 (0.4%)	0 (0.0%)	4 (1.5%)
10 %	129 (47.8%)	38 (14.1%)	12 (4.4%)	179 (66.3%)
Tidak Tahu	3 (1.1%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	3 (1.1%)
JUMLAH	218 (80.7%)	40 (14.8%)	12 (4.4%)	270 (100%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

ii) Tanah Yang Disewa

Jadual 5.39: Taburan Responden yang Menyewa Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Negeri

Kadar Zakat Padi	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
5 %	40 (22.3%)	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	41 (22.9%)
10 %	0 (0.0%)	67 (37.4%)	54 (30.2%)	16 (8.9%)	137 (76.5%)
Tidak Tahu	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)
JUMLAH	41 (22.9%)	68 (38%)	54 (30.2%)	16 (8.9%)	179 (100%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

⁸⁴ Hasil bersih 1 adalah hasil kasar padi ditolak dengan kos tanaman.

⁸⁵ Hasil bersih 2 adalah hasil kasar padi ditolak dengan kos tanaman dan kos sara hidup.

Berdasarkan Jadual 5.39, majoriti responden yang menyewa tanah orang lain untuk penanaman padi mempraktikkan kadar zakat yang disarankan oleh institusi zakat negeri masing-masing kecuali seorang responden di Kedah.

Jadual 5.40: Taburan Responden yang Menyewa Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Kadar Zakat Padi	Kaedah Pengiraan Zakat Padi			JUMLAH
	Hasil Kasar	Hasil Bersih 1	Hasil Bersih 2	
5 %	41 (22.9%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	41 (22.9%)
10 %	89 (49.7%)	40 (22.3%)	8 (4.5%)	137 (76.5%)
Tidak Tahu	1 (0.6%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.6%)
JUMLAH	131 (73.2%)	40 (22.3%)	8 (4.5%)	179 (100%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.40 menunjukkan bahawa majoriti responden yang menggunakan hasil kasar dalam pengiraan zakat padi membayar zakat pada kadar 10 peratus diikuti oleh 5 peratus.

iii) Tanah Yang Dipawah

Jadual 5.41: Taburan Responden yang Memawah Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Negeri

Kadar Zakat Padi	Negeri			JUMLAH
	Selangor	Kedah	Perlis	
5 %	6 (37.5%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	6 (37.5%)
10 %	0 (0.0%)	1 (6.3%)	9 (56.3%)	10 (62.5%)
JUMLAH	6 (37.5%)	1 (6.3%)	9 (56.3%)	16 (100%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.41, semua responden di Selangor dan Kedah yang memawah tanah orang lain untuk penanaman padi mempraktikkan pembayaran zakat padi pada kadar yang disarankan oleh institusi zakat negeri masing-masing iaitu 10 peratus.

Jadual 5.42: Taburan Responden yang Memawah Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Kadar Zakat Padi	Kaedah Pengiraan Zakat Padi			JUMLAH
	Hasil Kasar	Hasil Bersih 1	Hasil Bersih 2	
5 %	6 (37.5%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	6 (37.5%)
10 %	8 (50.0%)	1 (6.3%)	1 (6.3%)	10 (62.5%)
JUMLAH	14 (87.5%)	1 (6.3%)	1 (6.3%)	16 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.42, dalam kalangan responden yang membayar zakat mengikut kaedah hasil kasar, majoriti responden menggunakan kadar zakat 5 peratus diikuti oleh 10 peratus.

iv) Petani Diupah

Jadual 5.43: Taburan Responden Yang Diupah Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Negeri

Kadar Zakat Padi	Negeri		JUMLAH
	Selangor	Perlis	
5%	5 (83.3%)	0 (0.0%)	5 (83.3%)
10 %	0 (0.0%)	1 (16.7%)	1 (16.7%)
JUMLAH	5 (83.3%)	1 (16.7%)	6 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.43, responden yang diupah untuk penanaman padi menggunakan kadar zakat yang digariskan oleh institusi zakat negeri masing-masing.

Jadual 5.44: Taburan Responden yang Diupah untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Padi dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Kadar Zakat Padi	Kaedah Pengiraan Zakat Padi		JUMLAH
	Hasil Kasar		
5 %	5 (83.3%)		5 (83.3%)
10 %	1 (16.7%)		1 (16.7%)
JUMLAH	6 (100.0%)		6 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada Jadual 5.44, majoriti responden yang menggunakan hasil kasar dalam pengiraan zakat padi menggunakan kadar zakat sebanyak 5 peratus diikuti oleh 10 peratus.

Daripada dapatan sebelum ini, kadar zakat padi yang ditetapkan oleh LZS, JZK, MAIK dan MAIPs tidak mengambilkira kos siraman yang dikeluarkan oleh petani. Jadual 5.45 hingga 5.47 menerangkan tentang hal tersebut.

Jadual 5.45: Taburan Responden Berdasarkan Jenis Pengairan Utama dan Negeri

Jenis Pengairan Utama	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Kerajaan	105 (26.3%)	89 (22.3%)	29 (7.3%)	79 (19.8%)	302 (75.5%)
Sendiri	15 (3.8%)	2 (0.5%)	16 (4.0%)	0 (0.0%)	33 (8.3%)
Sumber Semulajadi	0 (0.0%)	29 (7.3%)	35 (8.8%)	1 (0.3%)	65 (16.3%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada Jadual 5.45, majoriti responden menggunakan pengairan yang digunakan oleh kerajaan dan kebanyakannya adalah responden di Selangor.

Jadual 5.46: Taburan Responden Berdasarkan Kos Mengepam Air (RM) dan Negeri

Kos Mengepam Air (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
10–100	25 (25.8%)	17 (17.5%)	0 (0.0%)	17 (17.5%)	59 (60.8%)
101–200	6 (6.2%)	4 (4.1%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	10 (10.3%)
201–300	4 (4.1%)	0 (0.0%)	1 (1.0%)	0 (0.0%)	5 (5.2%)
301–400	7 (7.2%)	3 (3.1%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	10 (10.3%)
401–500	8 (8.2%)	1 (1.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	9 (9.3%)
>500	3 (3.1%)	1 (1.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4 (4.1%)
JUMLAH	53 (54.6%)	26 (26.8%)	1 (1.0%)	17 (17.5%)	97 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada Jadual 5.46, terdapat 97 orang responden mengeluarkan belanja untuk kos pengairan dan kebanyakan responden yang mengeluarkan kos mengepam air adalah responden di Selangor. Mereka membelanjakan antara RM10 hingga lebih daripada RM500 untuk kos mengepam air bagi semusim penanaman padi. Kekerapan

mengepam air bergantung kepada kekerapan hujan turun. Jika hujan turun banyak kali, maka kuranglah kekerapan mengepam air. Majoriti responden di Selangor mengeluarkan kos mengepam air antara RM10 hingga RM100 diikuti bersama-sama oleh Kedah dan Perlis. Jadi, walaupun Selangor menetapkan kadar zakat sebanyak 5 peratus, hanya 53 orang sahaja yang mengeluarkan kos mengepam air yang termasuk dalam kos pengairan.

Jadual 5.47: Taburan Responden Berdasarkan Kos Mengepam Air (RM) dan Jenis Pengairan Utama

Kos Mengepam Air (RM)	Jenis Pengairan Utama			JUMLAH
	Kerajaan	Sendiri	Sumber Semulajadi	
10–100	53 (54.6%)	5 (5.2%)	1 (1.0%)	59 (60.8%)
101–200	8 (8.2%)	2 (2.1%)	0 (0.0%)	10 (10.3%)
201–300	4 (4.1%)	1 (1.0%)	0 (0.0%)	5 (5.2%)
301–400	8 (8.2%)	0 (0.0%)	2 (2.1%)	10 (10.3%)
401–500	8 (8.2%)	1 (1.0%)	0 (0.0%)	9 (9.3%)
>500	3 (3.1%)	0 (0.0%)	1 (1.0%)	4 (4.1%)
JUMLAH	84 (86.6%)	9 (9.3%)	4 (4.1%)	97 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada Jadual 5.47, sejumlah 84 orang responden mengeluarkan kos untuk mengepam air terdiri daripada responden yang menggunakan sistem pengairan yang disediakan oleh kerajaan. Majoriti responden juga mengeluarkan kos mengepam air antara RM10 hingga RM100. Daripada jumlah tersebut, kebanyakannya menggunakan sistem saliran yang disediakan oleh kerajaan. Dalam menetapkan kadar zakat tanaman, Mujaini Tarimin (1987) mencadangkan kadar zakat pertanian sebanyak 5 peratus kerana sekarang ini tanaman padi diusahakan secara moden.

2. Nisab Zakat Padi

Daripada kajian soal selidik yang dilakukan, kebanyakan responden tidak tahu jumlah nisab zakat padi dan mereka beranggapan jumlah nisab adalah jumlah hasil padi yang

layak zakat. Oleh sebab itu, terdapat dalam kalangan responden yang tidak mencukupi nisab zakat padi juga membayar zakat padi. Daripada Jadual 5.48, seramai 9 orang (2.3 peratus) responden yang tidak mencukupi nisab⁸⁶ telah membayar zakat padi.

Jadual 5.48: Taburan Responden Berdasarkan Kecukupan Nisab Zakat Padi dan Negeri

Status Kecukupan Nisab Zakat Padi	Negeri			
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis
Cukup Nisab	116 (29.0%)	120 (30.0%)	77 (19.3%)	78 (19.5%)
Tidak Cukup Nisab	4 (1.0%)	0 (0.0%)	3 (0.8%)	2 (0.5%)
JUMLAH	120 (30.0%)	120 (30.0%)	80 (20.0%)	80 (20.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Hasil kajian Abdul Aziz Muhamad (1986: 354 – 358) di Kedah dan Kelantan mendapati paten kutipan zakat padi yang dikenakan kepada petani yang berada di bawah garis kemiskinan adalah disebabkan oleh nisab zakat pertanian yang tidak mengikut nilai semasa dan pembayar zakat adalah petani yang bukan pemilik tanah dan memiliki purata tanah kurang daripada 1.3 hektar. Cadangan beliau supaya dibuat penilaian terhadap jumlah nisab dari masa ke semasa akan menjamin prinsip keadilan perlu diambilkira supaya hanya petani yang benar-benar mencukupi syarat sahaja yang membayar zakat. Manakala menurut Mek Wok Mahmud dan Sayed Sikandar Shah Haneef (2008: 135), petani yang menanam 5 *ausuq* gandum dan memerlukan jumlah tertentu untuk memenuhi keperluan lain adalah miskin. Jadi, mereka mencadangkan penilaian semula ke atas nisab dilakukan kerana rasional nisab menurut fiqh klasik adalah mengenakan zakat kepada yang kaya bukan kepada yang miskin.

⁸⁶ Jumlah nisab bagi negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis masing-masing adalah 1.306 tan, 1.30049 tan atau RM 1,102.94, 0.875 tan dan 0.9867 tan (Temu bual dengan Encik Hisam Mohammed Yusoff, Pegawai Zakat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor di Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor, 4 Ogos 2010; Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman, t.t.a; Temu bual dengan Ustaz Murtadha Hj. Abdullah, Pegawai Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di MAIK, 8 Ogos 2010; Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001).

Penentuan kadar nisab semasa boleh dilihat melalui harga padi semasa bagi setiap satu tan metrik. Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), harga minimum terjamin (HMT/GMP) padi adalah RM750 per tan bagi tahun semasa (Muna Khalid, 2008).

Jadual 5.49 menunjukkan perbandingan jumlah nisab dalam tan dan jumlah nisab semasa bagi negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis. Berdasarkan Jadual tersebut, jumlah nisab semasa bagi negeri Selangor adalah paling tinggi kerana purata harga 1 tan padi adalah RM1117.34 berbanding negeri lain yang kurang daripada RM1000 setan.

Jadual 5.49: Perbandingan Jumlah Nisab (Tan) dan Jumlah Nisab Semasa (RM) bagi Negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis

Negeri	Harga 1 tan padi	Nisab Zakat Padi	
		Tan	Nilaian Semasa (RM) ⁸⁷
Selangor	1117.34	1.306	1459.25
Kedah	929.51	1.30049	1208.82
Kelantan	810.18	0.875	708.91
Perlis	895.51	0.9867	883.60

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Penilaian jumlah nisab mengikut nilai semasa juga berlaku kepada zakat perniagaan dan pendapatan. Jumlah nisab bagi kedua-dua zakat adalah nilai semasa yang bersamaan dengan 85 gram emas. Sebagai contoh, jumlah nisab untuk zakat pendapatan mengikut nilai semasa 85 gram emas pada tahun 2011 ialah RM10 650 (Lembaga Zakat Selangor, t.t.b).

⁸⁷ Nilai nisab semasa dikira berdasarkan purata harga 1 tan padi setiap negeri didarab dengan jumlah nisab dalam tan setiap negeri.

3. Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Berdasarkan Jadual 5.50, jika dibandingkan antara keempat-empat negeri yang dikaji, hanya JZK dan MAIPs sahaja yang membenarkan penolakan kos tanaman dan atau kos sara hidup dalam taksiran zakat padi. LZS dan MAIK tidak membenarkan penolakan kos-kos tersebut.

Jadual 5.50: Kaedah Pengiraan Zakat Padi di Negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis

Kaedah Pengiraan Zakat Padi	Negeri
Hasil Kasar	Selangor, Kelantan, Kedah, Perlis
Hasil Bersih 1	Kedah, Perlis
Hasil Bersih 2	Perlis
Hasil Bersih 3 ⁸⁸	Kelantan

Sumber: Enakmen dan fatwa negeri⁸⁹

Jadual 5.51: Taburan Responden Berdasarkan Kaedah Pengiraan Zakat Padi dan Negeri

Kaedah Pengiraan Zakat Padi	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Hasil Kasar	119 (29.8%)	102 (25.5%)	33 (8.3%)	60 (15.0%)	314 (78.5%)
Hasil Bersih 1	1 (0.3%)	18 (4.5%)	36 (9.0%)	12 (3.0%)	67 (16.8%)
Hasil Bersih 2	0 (0.0%)	0 (0.0%)	11 (2.8%)	8 (2.0%)	19 (4.8%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.51, majoriti responden menggunakan hasil kasar dalam pengiraan zakat padi (78.5 peratus). Walaupun fatwa di negeri Perlis dan Kedah membolehkan petani membayar zakat padi menggunakan hasil bersih, tetapi hanya segelintir responden sahaja (38 orang) yang menggunakan kaedah tersebut. Berlainan daripada

⁸⁸ Hasil bersih 3 adalah hasil kasar padi ditolak dengan kos pengurusan.

⁸⁹ Menurut amalan di MAIPs, petani boleh memilih kadar zakat padi sebanyak 5 peratus jika petani tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup atau kadar zakat padi sebanyak 10 peratus jika petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup. Petani yang dibolehkan menolak kos tanaman adalah petani yang mengusahakan sawah padi sebagai pekerjaan sampingan manakala petani yang boleh menolak kos tanaman dan kos sara hidup adalah petani yang bersumberkan pendapatan dari hasil padi semata-mata (Temu bual dengan Ustaz Hashim bin Taib, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis melalui perbualan telefon, 19 Oktober 2012); Seksyen 5, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Perlis) (Pindaan) (1966); Muhamad Syukri Muhamad (Ed.) (1993), jil. 2; Seksyen 31 (1) dan 32, Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Selangor) (1989) (Pindaan 9/2001); Fasal 13, Seksyen 9, Undang-undang Zakat (Kedah) (1374) (1955) (Pindaan 6/1983); Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (t.t.a); Jabatan Mufti Negeri Kelantan (t.t.).

responden di negeri Kelantan yang kebanyakannya (47 orang) menggunakan kaedah hasil bersih dalam pengiraan zakat meskipun MAIK tidak menyarankan pelaksanaan kaedah tersebut. Kajian ini menyamai kajian Nuruul Hidayah Mansor (2012: 109) di mana majoriti responden di Selangor dan Perlis menggunakan kaedah hasil kasar dalam taksiran zakat tanaman.

Jadual 5.52: Taburan Responden Berdasarkan Jenis Pengairan Utama dan Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Jenis Pengairan Utama	Kaedah Pengiraan Zakat Padi			JUMLAH
	Hasil Kasar	Hasil Bersih 1	Hasil Bersih 2	
Kerajaan	245 (61.3%)	48 (12.0%)	9 (2.3%)	302 (75.5%)
Sendiri	25 (6.3%)	5 (1.3%)	3 (0.8%)	33 (8.3%)
Sumber Semulajadi	44 (11.0%)	14 (3.5%)	7 (1.8%)	65 (16.3%)
JUMLAH	314 (78.5)	67 (16.8)	19 (4.8%)	400 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.52, dalam kalangan responden yang menggunakan kaedah hasil kasar dalam pengiraan zakat padi, majoriti menggunakan sumber air dari kerajaan untuk mengairi sawah mereka. Walaupun begitu, terdapat juga responden yang mendapatkan sumber air sama ada yang mengusahakan sendiri atau sumber semulajadi (17.3 peratus).

4. Jumlah Zakat Padi

Berdasarkan Jadual 5.53, majoriti responden membayar zakat padi antara RM20 hingga RM1000. Penyumbang utama kepada data ini adalah responden di Selangor diikuti bersama-sama oleh responden di Kedah dan Perlis serta seterusnya responden di Kelantan. Ini bertepatan dengan keluasan bersawah kebanyakan responden yang mengusahakan tanah sawah padi antara 0.4 ekar hingga 5 ekar. Walaupun begitu, dapatan kajian tidak menyamai kajian M.Raquibuz Zaman (1980: 218) di Bangladesh yang menunjukkan petani yang memiliki tanah pertanian seluas 3 ekar tidak membayar

zakat kerana mereka miskin. Berdasarkan Jadual 5.54, jika dilihat situasi di Malaysia, sebahagian besar (60.3 peratus) petani tidak perlu membayar zakat padi kerana mengusahakan tanah bersawah seluas 3 ekar atau kurang.

Jadual 5.53: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Zakat Padi (RM) dan Negeri

Jumlah Zakat Padi (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
20–1000	97 (24.3%)	76 (19.0%)	68 (17.0%)	76 (19.0%)	317 (79.3%)
1000 –1500	11 (2.8%)	16 (4.0%)	4 (1.0%)	4 (1.0%)	35 (8.8%)
1501–2000	8 (2.0%)	10 (2.5%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	22 (5.5%)
2001–2500	2 (0.5%)	6 (1.5%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	9 (2.3%)
2501–3000	1 (0.3%)	6 (1.5%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	8 (2.0%)
3001–3500	0 (0.0%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4 (1.0%)
3501–4000	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	1 (0.3%)
>4000	1 (0.3%)	2 (0.5%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	4 (1.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.54: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Keluasan Penanaman Padi (Ekar) dan Negeri

Jumlah Keluasan Penanaman Padi	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
0.4–3 ekar	74 (18.5%)	76 (19.0%)	27 (6.8%)	64 (16.0%)	241 (60.3%)
3.1–10 ekar	32 (8.0%)	41 (10.3%)	31 (7.8%)	16 (4.0%)	120 (30.0%)
10.1–15 ekar	6 (1.5%)	1 (0.3%)	11 (2.8%)	0 (0.0%)	18 (4.5%)
15.1–20 ekar	5 (1.3%)	2 (0.5%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	11 (2.8%)
>20 ekar	3 (0.8%)	0 (0.0%)	7 (1.8%)	0 (0.0%)	10 (2.5%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

5.4.3 Kaedah Taksiran Zakat Subsidi Harga Padi

Kaedah taksiran zakat subsidi harga padi yang akan dibincangkan dalam subtopik ini meliputi kadar zakat subsidi harga padi yang dibayar oleh responden mengikut jenis pemilikan sawah dan jumlah zakat subsidi harga padi yang dibayar oleh mereka.

1. Kadar Zakat Subsidi Harga Padi

Jadual 5.55: Kadar Zakat Subsidi Harga Padi di Negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis

Kadar Zakat Subsidi Harga Padi	Negeri
2.5 %	Selangor
10 %	Kedah
Tiada zakat subsidi harga padi	Kelantan, Perlis

Sumber: Enakmen negeri⁹⁰

Berdasarkan Jadual 5.55, hanya Selangor dan Kedah sahaja yang mengenakan zakat pada subsidi harga padi manakala Kelantan dan Perlis tidak mengenakan zakat pada subsidi harga padi. Subsidi harga padi di Selangor dianggap sebagai *māl al-mustafad* manakala di Kedah dikira bersama-sama dengan hasil padi.

Daripada 123 orang responden yang cukup syarat kewajipan zakat subsidi harga padi iaitu di Selangor seramai 3 orang, manakala di Kedah 120 orang,⁹¹ seramai 75 orang responden (60.48 peratus) yang membayar zakat subsidi harga padi. Walaupun lebih daripada separuh responden yang layak membayar zakat telah membayar zakat, tetapi sebahagian besarnya adalah dari Selangor yang mana hakikat sebenar hanya 3 orang responden sahaja yang layak dikenakan zakat subsidi harga padi di Selangor.

Kadar zakat subsidi harga padi yang dibayar oleh responden mengikut jenis pemilikan tanah adalah seperti berikut:

⁹⁰ Seksyen 47 (2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (2003) (Pindaan 7/2005); Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, (t.t.a); Temu bual dengan Ustaz Murtadha Hj. Abdullah, Pegawai Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di MAIK, 8 Ogos 2010; Temu bual dengan Ustaz Hashim bin Taib, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis melalui perbualan telefon, 19 Oktober 2012.

⁹¹ Cukup syarat kewajipan zakat subsidi harga padi adalah cukup nisab semasa iaitu bagi Kedah 1300.449 kg manakala di Selangor nisab semasa bagi *māl al-mustafād* pada tahun 2011 ialah RM10 650 (Lembaga Zakat Selangor, t.t.b).

i) Tanah Sendiri

Berdasarkan Jadual 5.56, hanya 61 orang responden yang mengusahakan tanah sendiri membayar zakat subsidi harga padi. Majoriti responden yang mengusahakan tanah sendiri membayar zakat subsidi harga padi pada kadar 5 peratus. Walaupun enakmen di negeri Selangor bermula tahun 2005 menetapkan kadar zakat subsidi harga padi pada kadar 2.5 peratus, tetapi majoriti responden masih membayar zakat subsidi harga padi pada kadar yang lama iaitu 5 peratus (Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, Pindaan 7/2005). Hasil kajian ini menyamai kajian Nuruul Hidayah Mansor (2012: 113) di mana majoriti responden di Selangor membayar zakat subsidi harga padi pada kadar 5 peratus. Terdapat juga seorang responden di negeri Kedah yang membayar zakat subsidi harga padi pada kadar yang tidak sama dengan penetapan JZK manakala seorang responden di Perlis membayar zakat subsidi harga padi walaupun tidak wajib baginya. Berlainan dengan hasil kajian Nuruul Hidayah Mansor (2012: 113) di mana majoriti responden di Perlis membayar zakat subsidi harga padi.

Jadual 5.56: Taburan Responden Yang Mengusahakan Sawah Sendiri Berdasarkan Kadar Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri

Kadar Zakat Subsidi Harga Padi	Negeri			JUMLAH
	Selangor	Kedah	Perlis	
2.5 %	17 (27.9%)	1 (1.6%)	0 (0.0%)	18 (29.5%)
5%	32 (52.5%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	32 (52.5%)
10 %	1 (1.6%)	9 (14.8%)	1 (1.6%)	11 (18.0%)
JUMLAH	50 (82%)	10 (16.4%)	1 (1.6%)	61 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

ii) Tanah Yang Disewa

Berdasarkan Jadual 5.57, majoriti responden yang menyewa tanah orang lain bagi penanaman padi membayar zakat subsidi harga padi pada kadar 2.5 peratus. Walaupun begitu, masih terdapat responden di Selangor yang membayar zakat subsidi harga padi pada kadar yang lama iaitu 5 peratus.

Jadual 5.57: Taburan Responden Yang Menyewa Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri

Kadar Zakat Subsidi Harga Padi	Negeri		JUMLAH
	Selangor	Kedah	
2.5 %	9 (37.5%)	1 (4.2%)	10 (41.7%)
5%	8 (33.3%)	0 (0.0%)	8 (33.3%)
10 %	0 (0.0%)	6 (25.0%)	6 (25.0%)
JUMLAH	17 (70.8%)	7 (29.2%)	24 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

iii) Tanah Yang Dipawah

Jadual 5.58: Taburan Responden yang Memawah Tanah Orang Lain Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri

Kadar Zakat Subsidi Harga Padi	Negeri	JUMLAH
	Selangor	
5%	2 (100.0%)	2 (100.0%)
JUMLAH	2 (100.0%)	2 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.58, semua responden di Selangor yang memawah tanah orang lain untuk penanaman padi membayar zakat subsidi harga padi pada kadar yang lama iaitu 5 peratus.

iv) Petani Diupah

Berdasarkan Jadual 5.59, majoriti responden di Selangor yang diupah untuk penanaman padi membayar zakat subsidi harga padi pada kadar 5 peratus yang tidak menyamai enakmen negeri tersebut.

Jadual 5.59: Taburan Responden Yang Diupah Untuk Penanaman Padi Berdasarkan Kadar Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri

Kadar Zakat Subsidi Harga Padi	Negeri	JUMLAH
	Selangor	
2.5%	1 (20.0%)	1 (20.0%)
5%	4 (80.0%)	4 (80.0%)
JUMLAH	5 (100.0%)	5 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

2. Jumlah Zakat Subsidi Harga Padi

Berdasarkan Jadual 5.60, majoriti responden membayar zakat subsidi harga padi antara RM10 hingga RM100 dan kebanyakannya dari Selangor. Di samping itu, terdapat juga responden yang tidak memberitahu jumlah zakat subsidi yang dibayar kerana mereka membayar zakat tersebut bersekali dengan zakat padi. Maka, tidak hairanlah, responden di Selangor masih lagi membayar zakat subsidi harga padi pada kadar yang lama kerana kadar zakat padi di Selangor adalah 5 peratus.

Jadual 5.60: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Zakat Subsidi Harga Padi (RM) dan Negeri

Jumlah Zakat Subsidi Harga Padi (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
10–100	33 (44.0%)	1 (1.3%)	0 (0.0%)	1 (1.3%)	35 (46.6%)
101–150	4 (5.3%)	2 (2.7%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	6 (8.0%)
151–200	0 (0.0%)	1 (1.3%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	1 (1.3%)
201–250	1 (1.3%)	2 (2.7%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	3 (4.0%)
>250	3 (4.0%)	2 (2.7%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	5 (6.7%)
Sekali dengan Zakat Padi	19 (25.3%)	6 (8.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	25 (33.3%)
JUMLAH	60 (80.0%)	14 (18.7%)	0 (0.0%)	1 (1.3%)	75 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

5.4.4 Jumlah Keseluruhan Zakat

Subtopik ini cuba menganalisis jumlah keseluruhan zakat yang dibayar oleh responden meliputi zakat padi dan zakat subsidi harga padi.

Jadual 5.61: Taburan Responden Berdasarkan Jumlah Keseluruhan Zakat (RM) dan Negeri

Jumlah Keseluruhan Zakat (RM)	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
24–500	78 (19.5%)	34 (8.5%)	55 (13.8%)	35 (8.8%)	202 (50.5%)
501–1000	17 (4.3%)	40 (10.0%)	13 (3.3%)	41 (10.3%)	111 (27.8%)
1001–1500	11 (2.8%)	16 (4.0%)	4 (1.0%)	4 (1.0%)	35 (8.8%)
1501–2000	9 (2.3%)	12 (3.0%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	25 (6.3%)
>2000	5 (1.3%)	18 (4.5%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	27 (6.8%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.61, jumlah keseluruhan zakat⁹² yang dibayar oleh majoriti responden adalah antara RM24 hingga RM500. Responden di Selangor merupakan penyumbang terbesar kepada data ini diikuti oleh Kelantan, Perlis dan Kedah. Terdapat juga responden yang membayar keseluruhan zakat lebih daripada RM2000 dan responden di Kedah merupakan penyumbang utama diikuti oleh Selangor dan Kelantan.

⁹²Jumlah keseluruhan zakat adalah jumlah zakat padi dan jumlah zakat subsidi harga padi yang dibayar oleh responden.

5.5 PENERIMAAN BANTUAN

Daripada maklum balas soal selidik yang dijalankan, terdapat juga responden yang menerima bantuan zakat atau bukan zakat daripada institusi zakat, agensi berkaitan atau individu. Jadual 5.62 menerangkan tentang perkara itu.

Daripada Jadual 5.62, hanya sebilangan kecil sahaja responden (26 orang) yang menerima bantuan zakat atau bantuan lain dan kebanyakan mereka menerima bantuan tahunan atau sekali terima. Bantuan yang diterima daripada bukan zakat adalah daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Hanya 2 orang sahaja yang menerima bantuan zakat dan bantuan bukan zakat secara bersama. Dalam kalangan penerima zakat, seramai 12 orang mengusahakan sawah secara sewaan dan mengusahakan sawah sendiri di samping menyewa atau memawah tanah orang lain. Hasil kajian ini menyokong kajian Norazlina Abd Wahab et al. (2003) di Kedah yang mendapati seramai 16 orang penerima zakat adalah dalam kalangan penyewa tanah sawah.

Jadual 5.62: Taburan Responden Berdasarkan Bantuan Yang Diterima

Pemboleh Ubah	Jenis Bantuan	
	Bantuan Zakat	Bantuan Bukan Zakat
Sumber Bantuan		
Institusi	15 (88.2%)	9 (100.0%)
Individu	2 (11.8%)	0 (0.0%)
Bentuk Bantuan		
Kewangan	17 (100.0%)	7 (77.8%)
Bukan Kewangan	0 (0.0%)	2 (22.2%)
Jumlah/ Jenis Bantuan		
RM50–RM500	11 (68.9%)	7 (77.8%)
RM501–RM1000	5 (29.0%)	0 (0.0%)
>RM1000	1 (6.3%)	0 (0.0%)
Peralatan	0 (0.0%)	2 (22.2%)
Kekerapan Penerimaan		
Bulanan	0 (0.0%)	5 (55.5%)
Tahunan	9 (52.9%)	4 (44.5%)
Sekali Terima	8 (47.1%)	0 (0.0%)
JUMLAH	17 (100.0)	9 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

5.6 PENGETAHUAN TENTANG FATWA ZAKAT PADI

Topik ini cuba meneliti pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di empat negeri yang dikaji. Fatwa ini dikeluarkan oleh Jabatan Mufti dan dipanjangkan kepada institusi zakat bagi tujuan dihebahkan kepada petani.

Jadual 5.63: Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan Tentang Fatwa Zakat Padi di Negeri Kedah dan Negeri

Pengetahuan Fatwa Zakat Padi di Kedah	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Tahu	11 (2.8%)	58 (14.5%)	0 (0.0%)	40 (10.0%)	109 (27.3%)
Tidak Tahu	109 (27.3%)	61 (15.3%)	80 (20.1%)	40 (10.0%)	290 (72.7%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.63, apabila responden ditanya berkenaan pengetahuan responden berkenaan fatwa di negeri Kedah yang membolehkan petani menolak kos tanaman dalam pengiraan zakat padi apabila tanaman padi dilaksanakan secara perladangan/berkelompok, majoriti responden tidak mengetahui fatwa tersebut dan dalam kalangan mereka terdapat seramai 61 orang dari Kedah sendiri.

Daripada Jadual 5.64, apabila ditanya responden berkenaan pengetahuan fatwa di negeri Perlis yang membolehkan petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi, kebanyakan responden tidak mengetahui fatwa tersebut dan sebahagian kecil yang tidak mengetahuinya adalah responden dari Perlis sendiri.

Jadual 5.64: Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan Tentang Fatwa Zakat Padi di Negeri Perlis dan Negeri

Pengetahuan Fatwa Zakat Padi di Perlis	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Tahu	7 (1.8%)	25 (6.3%)	0 (0.0%)	59 (14.8%)	91 (22.8%)
Tidak Tahu	113 (28.3%)	95 (23.8%)	80 (20.0%)	21 (5.3%)	309 (77.3%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.65: Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan Tentang Fatwa Zakat Padi di Negeri Selangor dan Negeri

Pengetahuan Fatwa Zakat Padi di Selangor	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Tahu	95 (23.9%)	8 (2.0%)	0 (0.0%)	10 (2.5%)	113 (28.4%)
Tidak Tahu	25 (6.3%)	112 (28.1%)	80 (20.1%)	68 (17.1%)	285 (71.6%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.65, kebanyakan responden juga tidak mengetahui fatwa di Selangor yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi. Walaupun begitu, majoriti responden di Selangor mengetahui tentang fatwa tersebut.

Jadual 5.66: Taburan Responden Berdasarkan Pengetahuan Tentang Fatwa Zakat Padi di Negeri Kelantan dan Negeri

Pengetahuan Fatwa Zakat Padi di Kelantan	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Tahu	9 (2.3%)	6 (1.5%)	0 (0.0%)	12 (3.0%)	27 (6.8%)
Tidak Tahu	111 (27.9%)	114 (28.6%)	80 (20.1%)	66 (16.6%)	371 (93.2%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 5.66, majoriti responden tidak mengetahui fatwa di negeri Kelantan yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi. Kesemua responden di negeri Kelantan tidak mengetahui fatwa tersebut. Jadi, bertepatanlah dengan dapatan sebelum ini di mana kebanyakan responden di negeri Kelantan menggunakan kaedah hasil bersih dalam pengiraan zakat padi (rujuk Jadual 5.51).

Hebahan maklumat oleh institusi zakat termasuk fatwa zakat tanaman amat penting bagi menjamin kebolegunaan maklumat tersebut terutama dalam aspek taksiran zakat tanaman. Maklumat tersebut boleh disalurkan melalui pelbagai cara dan kaedah seperti papan notis dan amil. Hasil soal selidik kepada responden menunjukkan bahawa

responden mengetahui berkenaan fatwa atau panduan taksiran zakat padi sama ada melalui imam, institusi zakat, guru agama atau pamflet daripada institusi zakat. Hasil kajian Nuruul Hidayah Mansor (2012: 131) pula mendapati petani memperoleh maklumat berkenaan zakat tanaman melalui amil dan notis di masjid-masjid. Oleh sebab itu, peranan amil amat penting untuk menghebahkan maklumat berkenaan zakat tanaman termasuk fatwa berkenaan zakat tanaman. Amil yang dilantik mempunyai peranan yang cukup besar dalam memastikan semua maklumat terkini diketahui oleh petani.

5.7 PANDANGAN RESPONDEN TERHADAP PERNYATAAN BERKAITAN TAKSIRAN ZAKAT PADI

Topik ini cuba menganalisis pandangan responden terhadap pernyataan berkaitan taksiran zakat padi termasuklah pernyataan berkenaan amalan pembayaran zakat padi yang diamalkan sekarang serta pandangan responden terhadap beberapa cadangan pengubahsuaian dalam taksiran zakat padi.

Jadual 5.67 menunjukkan pandangan responden berkenaan pernyataan-pernyataan berkaitan kaedah taksiran zakat padi yang diamalkan sekarang dan pandangan responden terhadap beberapa cadangan perubahan taksiran zakat padi. Hasil analisis menunjukkan kebanyakan responden bersetuju dengan item G101, G111, G116 berkaitan dengan pernyataan-pernyataan berkenaan kaedah pengiraan zakat padi yang sedia terpakai sekarang manakala kebanyakan responden tidak bersetuju dengan item G112 dan G117 berkenaan pernyataan kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos sara hidup dan pernyataan pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang kurang

adil kepada petani. Antara item-item tersebut, item G117 memberikan nilai min yang paling tinggi.

Jadual 5.67: Taburan Responden Berdasarkan Pandangan Responden Terhadap Pernyataan Berkaitan Zakat Padi, Min dan Sisihan Piawai

Pemboleh Ubah	Respon		Min	Sisihan Piawai
	Setuju	Tidak Setuju		
G101	343 (85.8%)	57 (14.3%)	1.86	0.350
G102	240 (60.0%)	160 (40.0%)	1.60	0.491
G103	220 (55.0%)	180 (45.0%)	1.55	0.498
G104	211 (53.0%)	187 (47.0%)	1.53	0.500
G105	130 (32.5%)	270 (67.5%)	1.33	0.469
G106	129 (32.5%)	268 (67.5%)	1.32	0.469
G107	341 (85.3%)	59 (14.8%)	1.85	0.355
G108	142 (35.7%)	256 (64.3%)	1.36	0.480
G109	79 (19.8%)	320 (80.2%)	1.20	0.399
G110	61 (15.3%)	338 (84.7%)	1.15	0.360
G111	235 (58.9%)	164 (41.1%)	1.59	0.493
G112	118 (29.6%)	280 (70.4%)	1.30	0.457
G113	181 (45.4%)	218 (54.6%)	1.45	0.498
G114	334 (83.7%)	65 (16.3%)	1.84	0.370
G115	120 (30.2%)	278 (69.8%)	1.30	0.459
G116	357 (89.7%)	41 (10.3%)	1.90	0.304
G117*	54 (13.6%)	343 (86.4%)	1.86	0.343
G118*	57 (14.3%)	341 (85.7%)	1.86	0.351
G119*	54 (13.6%)	343 (86.4%)	1.86	0.343
G120	66 (16.5%)	333 (83.5%)	1.17	0.372
G121	66 (16.5%)	333 (83.5%)	1.17	0.372
G122	298 (74.7%)	101 (25.3%)	1.75	0.435

* Item dalam bentuk pernyataan negatif yang telah diterbalikkan nilainya

Nota:

No.	Pemboleh Ubah
G101	Tuan/puan tidak mengalami masalah dalam mengira zakat padi untuk diri sendiri.
G102	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga.
G103	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk modal penanaman padi musim akan datang.
G104	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk menampung kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi pada musim ini.
G105	Tuan/puan mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti menanam padi.
G106	Pendapatan pesawah adalah lebih kurang sama dengan taraf hidup orang miskin dan fakir.
G107	Tuan/puan berpuashati dengan kadar nisab padi di negeri tuan/puan.
G108	Tuan/puan mengetahui kadar nisab padi berbeza antara negeri-negeri di Malaysia.
G109	Sepanjang penglibatan tuan/puan dalam aktiviti sawah padi, kadar nisab wajib zakat padi didapati sentiasa berubah-ubah di negeri tuan/puan.
G110	Kadar nisab zakat padi perlu ditingkatkan dengan kadar yang lebih tinggi di negeri tuan/puan.
G111	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos-kos tanaman/pengeluaran.
G112	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos sara hidup.
G113	Subsidi harga padi yang diterima perlu dikenakan zakat.
G114	Tuan/puan lebih berpuashati jika mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf yang layak.
G115	Pembayaran zakat padi tuan/puan mengambil tempat upah.
G117	Pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang kurang adil kepada petani.
G118	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana padi bukan dimakan sendiri.
G119	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana hasil padi dijual.
G120	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat perniagaan (2.5%).
G121	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat pendapatan (2.5%).
G122	Sepanjang pengetahuan tuan/puan, ada petani yang membayar zakat padi juga menerima zakat.

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Item-item G116, G117, G118 dan G119 pula berkaitan pernyataan cadangan kaedah pengiraan zakat padi baru. Kebanyakan responden tidak bersetuju dengan pernyataan item-item tersebut. Min yang paling tinggi diperolehi oleh item G118 dan G119 iaitu 1.86 di mana kebanyakan responden bersetuju untuk mengekalkan hasil tanaman padi di bawah taksiran zakat tanaman. Mereka juga tidak setuju hasil padi dikenakan zakat perniagaan atau zakat pendapatan. Min yang tinggi diperolehi oleh item-item tersebut antara 1.86 hingga 1.90.

Manakala item-item G102, G103, G104, G105 dan G106 mengukur pernyataan berkaitan hasil dan belanja tanaman padi. Majoriti responden bersetuju dengan item G102, G103 dan G104 berkaitan pernyataan hasil padi yang mereka perolehi sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga, modal penanaman musim akan datang dan untuk

menampung kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi pada musim ini. Manakala kebanyakan responden tidak bersetuju dengan item G105 dan G106 iaitu petani mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti penanaman padi dan menyamakan pendapatan pesawah dengan taraf hidup orang miskin dan fakir. Min yang paling tinggi diperolehi oleh item G102.

Item G107, G108, G109 dan G110 berkaitan pernyataan tentang nisab. Kebanyakan responden bersetuju dengan item G107 berkaitan pernyataan bahawa responden berpuashati dengan kadar nisab padi di negeri masing-masing. Manakala majoriti responden tidak bersetuju dengan pernyataan item G108, G109 dan G110. Majoriti responden tidak mengetahui kadar nisab padi berbeza antara negeri-negeri. Kebanyakan responden juga tidak bersetuju dengan pernyataan kadar nisab wajib zakat padi sentiasa berubah-ubah dan perlu ditingkatkan di negeri masing-masing. Min yang paling tinggi diperolehi oleh item G107 iaitu 1.85.

Item G114, G115 dan G122 pula berkaitan pembayaran zakat padi. Majoriti responden bersetuju bahawa mereka lebih berpuashati jika dapat mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf yang layak. Walaupun begitu, mereka tidak bersetuju zakat padi yang dibayar oleh mereka mengambil tempat upah. Tetapi, mereka bersetuju terdapat petani yang membayar zakat padi juga menerima zakat. Ini dibuktikan lagi dengan Jadual 5.62 yang telah diterangkan sebelum ini.

Item G113 berkaitan subsidi harga padi. Kebanyakan responden tidak bersetuju subsidi harga padi dikenakan zakat. Berdasarkan Jadual 5.68, kebanyakan responden yang tidak setuju berkenaan pernyataan tersebut adalah responden di Perlis dan semua

responden di Kelantan. Manakala terdapat 79 orang responden di Selangor dan Kedah tidak setuju subsidi harga padi dikenakan zakat. Bertepatan dengan analisis Jadual 5.60 sebelum ini di mana bilangan responden yang membayar zakat subsidi harga padi hanya 75 orang sahaja berbanding 123 orang yang layak.

Jadual 5.68: Taburan Responden Berdasarkan Pandangan Berkenaan Zakat Subsidi Harga Padi dan Negeri

Pandangan Berkenaan Item G113	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Tidak Setuju	46 (11.5%)	33 (8.3%)	80 (20.1%)	59 (14.8%)	218 (54.6%)
Setuju	74 (18.5%)	86 (21.6%)	0 (0.0%)	21 (5.3%)	181 (45.4%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

5.8 HUBUNG KAIT ANTARA PEMBOLEH UBAH-PEMBOLEH UBAH

Kajian terdahulu telah membuktikan hubung kait antara zakat padi dengan faktor jantina, umur, taraf perkahwinan, taraf pendidikan tertinggi dan bilangan tanggungan. Misalnya kajian Sanep Ahmad dan Hairunnizan Wahid (2008) mendapati bahawa umur dan bilangan tanggungan mempengaruhi pembayaran zakat pertanian. Menerusi kajian ini, faktor-faktor tersebut akan dilihat hubung kaitnya dengan zakat padi. Ia dibahagikan kepada dua iaitu hubung kait antara faktor demografi dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah lain serta hubung kait antara pemboleh ubah selain faktor demografi dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah lain. Untuk tujuan tersebut, ujian Khi Kuasa Dua dan ujian korelasi *spearman rho* dijalankan. Ujian Khi Kuasa Dua dilakukan ke atas dua pemboleh ubah yang berbentuk kategori seperti jantina dan pandangan responden terhadap pernyataan berkaitan taksiran zakat padi. Ujian korelasi *spearman rho* pula dijalankan ke atas pemboleh ubah yang berbentuk selanjar (Pallant, 2001: 106) seperti hubungan antara jumlah hasil padi dengan jumlah zakat padi.

5.8.1 Hubung Kait Faktor Demografi dengan Pemboleh Ubah Lain

Faktor demografi yang dimaksudkan di sini adalah jantina, taraf perkahwinan, taraf pendidikan tertinggi, umur dan bilangan tanggungan responden. Hasil ujian Khi Kuasa Dua ditunjukkan oleh Jadual 5.69 hingga 5.78 manakala ujian korelasi ditunjukkan oleh Jadual 5.79 hingga 5.84 di bawah ini.

1) Hubung Kait Faktor Demografi dengan Status Pekerjaan Bersawah

Jadual 5.69: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Status Pekerjaan Bersawah dengan Jantina, Taraf Perkahwinan dan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden

Pemboleh Ubah	Status Pekerjaan Bersawah		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
Jantina	3.242	1	.072***
Taraf Perkahwinan	5.289	3	.152
Taraf Pendidikan Tertinggi	26.181	6	.000*

Signifikan pada aras keertian *1%,***10%

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 5.69 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelbagai taraf pendidikan tertinggi dan kategori jantina dengan status pekerjaan bersawah pada aras keertian 1 peratus dan 10 peratus. Nilai-p yang dicatatkan adalah sebanyak .000 dan .072 iaitu lebih kecil daripada aras keertian yang ditetapkan. Walaupun begitu, tidak terdapat perbezaan antara kategori taraf perkahwinan dengan status pekerjaan bersawah.

2) Hubung Kait Faktor Demografi dengan Negeri

Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 5.70 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelbagai taraf pendidikan tertinggi, kategori taraf

perkahwinan dan kategori jantina dengan negeri pada aras keertian masing-masing 1 peratus, 5 peratus dan 10 peratus. Nilai-p yang dicatatkan adalah sebanyak .000, .035 dan .083 iaitu jauh lebih kecil daripada aras keertian yang ditetapkan.

Jadual 5.70: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Negeri dengan Jantina, Taraf Perkahwinan dan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden

Pemboleh Ubah	Negeri		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
Jantina	6.677	3	.083***
Taraf Perkahwinan	17.995	9	.035**
Taraf Pendidikan Tertinggi	70.940	18	.000*

Signifikan pada aras keertian *1%, **5%, ***10%

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

3) Hubung Kait Faktor Demografi dengan Saluran Pembayaran Zakat

Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 5.71 menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori jantina, kategori taraf perkahwinan dan pelbagai taraf pendidikan tertinggi dengan saluran pembayaran zakat dengan nilai-p masing-masing .625, .670 dan .490.

Jadual 5.71: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Saluran Pembayaran Zakat dengan Jantina, Taraf Perkahwinan dan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden

Pemboleh Ubah	Saluran Pembayaran Zakat		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
Jantina	.940	2	.625
Taraf Perkahwinan	4.048	6	.670
Taraf Pendidikan Tertinggi	11.455	12	.490

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

4) Hubung Kait Faktor Demografi dengan Kaedah Pengiraan Zakat Padi

Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 5.72 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori taraf perkahwinan dengan kaedah pengiraan

zakat padi pada aras keertian 10 peratus dengan nilai-p .092. Tetapi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori jantina dan pelbagai taraf pendidikan tertinggi dengan kaedah pengiraan zakat padi dengan nilai-p ialah .266 dan .717.

Jadual 5.72: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Kaedah Pengiraan Zakat Padi dengan Jantina, Taraf Perkahwinan dan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden

Pemboleh Ubah	Kaedah Pembayaran Zakat		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
Jantina	2.647	2	.266
Taraf Perkahwinan	10.884	6	.092***
Taraf Pendidikan Tertinggi	8.837	12	.717

Signifikan pada aras keertian ***10%

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

5) Hubung Kait Faktor Demografi dengan Pandangan Tentang Pernyataan Berkaitan Zakat Padi

Ujian Khi Kuasa Dua yang dilakukan dalam topik ini adalah antara faktor demografi responden iaitu jantina, taraf perkahwinan dan taraf pendidikan tertinggi dengan pandangan responden tentang pernyataan berkaitan taksiran zakat padi.

Hasil analisis ujian khi kuasa dua dalam Jadual 5.73 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori jantina dengan pandangan responden terhadap pernyataan tentang penolakan kos sara hidup dalam taksiran zakat padi (G112) dan pandangan responden terhadap pernyataan pembayaran zakat padi responden mengambil tempat upah (G115) pada aras keertian masing-masing 5 peratus dan 1 peratus. Nilai-p yang dicatatkan lebih rendah daripada aras keertian yang ditetapkan.

Di samping itu, terdapat juga perbezaan antara kategori jantina dengan pandangan responden terhadap pernyataan responden mempunyai bebanan hutang untuk

perbelanjaan aktiviti penanaman padi (G105), pandangan responden terhadap pernyataan responden mengetahui kadar nisab padi berbeza antara negeri-negeri di Malaysia (G108), pandangan responden terhadap pernyataan responden lebih berpuashati jika mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf yang layak (G114), pandangan responden terhadap pernyataan responden berpuashati dengan kaedah pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang (G116), pandangan responden terhadap pernyataan pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang kurang adil kepada petani (G117) dan pandangan responden terhadap pernyataan zakat padi lebih sesuai dikenakan zakat perniagaan (G120) pada aras keertian 10 peratus. Nilai-p yang dicatatkan lebih rendah daripada aras keertian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan antara kategori jantina dengan pandangan responden terhadap lain-lain pernyataan.

Jadual 5.73: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pandangan Tentang Pernyataan Berkaitan Taksiran Zakat Padi dengan Jantina Responden

Pemboleh Ubah	Jantina		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
G101	.409	1	.523
G102	.000	1	1.000
G103	1.827	1	.176
G104	.181	1	.671
G105	3.298	1	.069***
G106	.217	1	.641
G107	.534	1	.465
G108	2.790	1	.095***
G109	2.411	1	.120
G110	.150	1	.699
G111	.645	1	.422
G112	4.344	1	.037**
G113	.589	1	.443
G114	3.445	1	.063***
G115	8.459	1	.004*
G116	3.584	1	.058***
G117	3.622	1	.057***
G118	2.581	1	.108
G119	1.016	1	.797
G120	3.767	1	.052***
G121	1.186	1	.276
G122	.049	1	.825

Signifikan pada aras keertian *1%, ** 5%, ***10%

Nota:

No.	Pemboleh Ubah
G101	Tuan/puan tidak mengalami masalah dalam mengira zakat padi untuk diri sendiri.
G102	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga.
G103	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk modal penanaman padi musim akan datang.
G104	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk menampung kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi pada musim ini.
G105	Tuan/puan mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti menanam padi.
G106	Pendapatan pesawah adalah lebih kurang sama dengan taraf hidup orang miskin dan fakir.
G107	Tuan/puan berpuashati dengan kadar nisab padi di negeri tuan/puan.
G108	Tuan/puan mengetahui kadar nisab padi berbeza antara negeri-negeri di Malaysia.
G109	Sepanjang penglibatan tuan/puan dalam aktiviti sawah padi, kadar nisab wajib zakat padi didapati sentiasa berubah-ubah di negeri tuan/puan.
G110	Kadar nisab zakat padi perlu ditingkatkan dengan kadar yang lebih tinggi di negeri tuan/puan.
G111	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos-kos tanaman/pengeluaran.
G112	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos sara hidup.
G113	Subsidi harga padi yang diterima perlu dikenakan zakat.
G114	Tuan/puan lebih berpuashati jika mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf yang layak.
G115	Pembayaran zakat padi tuan/puan mengambil tempat upah.
G116	Tuan/puan berpuashati dengan kaedah pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang.
G117	Pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang kurang adil kepada petani.
G118	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana padi bukan dimakan sendiri.
G119	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana hasil padi dijual.
G120	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat perniagaan (2.5%).
G121	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat pendapatan (2.5%).
G122	Sepanjang pengetahuan tuan/puan, ada petani yang membayar zakat padi juga menerima zakat.

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 5.74 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori taraf perkahwinan dengan pandangan responden terhadap pernyataan mereka tidak mengalami masalah dalam mengira zakat padi sendiri (G101), pandangan responden terhadap pernyataan responden mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti menanam padi (G105) dan pandangan responden terhadap pernyataan penolakan kos sara hidup dalam taksiran zakat padi (G112) pada aras keertian masing-masing 5 peratus, 1 peratus dan 5 peratus. Nilai-p yang dicatatkan lebih rendah daripada aras keertian yang ditetapkan.

Jadual 5.74: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pandangan Tentang Pernyataan Berkaitan Taksiran Zakat Padi dengan Taraf Perkahwinan Responden

Pemboleh Ubah	Taraf Perkahwinan		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
G101	11.258	3	.010**
G102	1.263	3	.738
G103	3.049	3	.384
G104	.349	3	.951
G105	14.341	3	.002*
G106	6.430	3	.092***
G107	2.606	3	.456
G108	.404	3	.939
G109	5.003	3	.172
G110	3.781	3	.286
G111	1.616	3	.656
G112	11.249	3	.010**
G113	1.585	3	.663
G114	2.167	3	.539
G115	7.697	3	.053***
G116	2.244	3	.523
G117	3.587	3	.310
G118	.877	3	.831
G119	1.016	3	.797
G120	6.401	3	.094***
G121	6.401	3	.094***
G122	.477	3	.924

Signifikan pada aras keertian *1%, ** 5%, *** 10%

Nota:

No.	Pemboleh Ubah
G101	Tuan/puan tidak mengalami masalah dalam mengira zakat padi untuk diri sendiri.
G102	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga.
G103	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk modal penanaman padi musim akan datang.
G104	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk menampung kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi pada musim ini.
G105	Tuan/puan mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti menanam padi.
G106	Pendapatan pesawah adalah lebih kurang sama dengan taraf hidup orang miskin dan fakir.
G107	Tuan/puan berpuashati dengan kadar nisab padi di negeri tuan/puan.
G108	Tuan/puan mengetahui kadar nisab padi berbeza antara negeri-negeri di Malaysia.
G109	Sepanjang penglibatan tuan/puan dalam aktiviti sawah padi, kadar nisab wajib zakat padi didapati sentiasa berubah-ubah di negeri tuan/puan.
G110	Kadar nisab zakat padi perlu ditingkatkan dengan kadar yang lebih tinggi di negeri tuan/puan.
G111	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos-kos tanaman/pengeluaran.
G112	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos sara hidup.
G113	Subsidi harga padi yang diterima perlu dikenakan zakat.
G114	Tuan/puan lebih berpuashati jika mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf yang layak.
G115	Pembayaran zakat padi tuan/puan mengambil tempat upah.
G116	Tuan/puan berpuashati dengan kaedah pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang.
G117	Pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang kurang adil kepada petani.
G118	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana padi bukan dimakan sendiri.
G119	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana hasil padi dijual.
G120	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat perniagaan (2.5%).
G121	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat pendapatan (2.5%).
G122	Sepanjang pengetahuan tuan/puan, ada petani yang membayar zakat padi juga menerima zakat.

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Selain itu, terdapat juga perbezaan antara kategori taraf perkahwinan dengan pandangan responden terhadap pernyataan pendapatan pesawah adalah lebih kurang sama dengan taraf hidup orang miskin dan fakir (G106), pandangan responden terhadap pernyataan pembayaran zakat padi responden mengambil tempat upah (G115), pandangan responden terhadap pernyataan zakat padi lebih sesuai dikenakan zakat perniagaan (G120) dan pandangan responden terhadap pernyataan zakat padi lebih sesuai dikenakan zakat pendapatan (G121). Nilai-p yang dicatatkan lebih rendah dari aras keertian 10 peratus. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan antara kategori taraf perkahwinan dengan pandangan responden terhadap lain-lain pernyataan.

Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 5.75 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelbagai taraf pendidikan tertinggi dengan pandangan responden terhadap pernyataan responden mengetahui kadar nisab padi berbeza antara negeri-negeri di Malaysia (G108) dan pandangan responden terhadap pernyataan pembayaran zakat padi responden mengambil tempat upah (G115) pada aras keertian 1 peratus.

Selain itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara kategori taraf perkahwinan dengan pandangan responden terhadap pernyataan hasil padi responden sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga (G102), pandangan responden terhadap pernyataan responden mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti menanam padi (G105), pandangan responden terhadap pernyataan subsidi harga padi yang diterima perlu dikenakan zakat (G113) serta pandangan responden tentang pernyataan zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana padi bukan dimakan sendiri dan kerana hasil padi dijual (G118 dan G119) pada aras keertian 5 peratus.

Jadual 5.75: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pandangan Tentang Pernyataan Berkaitan Taksiran Zakat Padi dengan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden

Pemboleh Ubah	Taraf Pendidikan Tertinggi		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
G101	6.024	6	.421
G102	13.663	6	.034**
G103	7.209	6	.302
G104	4.900	6	.557
G105	13.387	6	.037**
G106	8.633	6	.195
G107	9.005	6	.173
G108	20.649	6	.002*
G109	8.335	6	.215
G110	4.367	6	.627
G111	.958	6	.987
G112	4.178	6	.653
G113	16.272	6	.012**
G114	5.650	6	.464
G115	25.620	6	.000*
G116	10.544	6	.103
G117	7.879	6	.247
G118	16.354	6	.012**
G119	14.941	6	.021**
G120	16.192	6	.013**
G121	15.896	6	.014**
G122	10.186	6	.117

Signifikan pada aras keertian *1%, ** 5%

Nota:

No.	Pemboleh Ubah
G101	Tuan/puan tidak mengalami masalah dalam mengira zakat padi untuk diri sendiri.
G102	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga.
G103	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk modal penanaman padi musim akan datang.
G104	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk menampung kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi pada musim ini.
G105	Tuan/puan mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti menanam padi.
G106	Pendapatan pesawah adalah lebih kurang sama dengan taraf hidup orang miskin dan fakir.
G107	Tuan/puan berpuashati dengan kadar nisab padi di negeri tuan/puan.
G108	Tuan/puan mengetahui kadar nisab padi berbeza antara negeri-negeri di Malaysia.
G109	Sepanjang penglibatan tuan/puan dalam aktiviti sawah padi, kadar nisab wajib zakat padi didapati sentiasa berubah-ubah di negeri tuan/puan.
G110	Kadar nisab zakat padi perlu ditingkatkan dengan kadar yang lebih tinggi di negeri tuan/puan.
G111	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos-kos tanaman/pengeluaran.
G112	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos sara hidup.
G113	Subsidi harga padi yang diterima perlu dikenakan zakat.
G114	Tuan/puan lebih berpuashati jika mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf yang layak.
G115	Pembayaran zakat padi tuan/puan mengambil tempat upah.
G116	Tuan/puan berpuashati dengan kaedah pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang.
G117	Pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang kurang adil kepada petani.
G118	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana padi bukan dimakan sendiri.
G119	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana hasil padi dijual.
G120	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat perniagaan (2.5%).
G121	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat pendapatan (2.5%).
G122	Sepanjang pengetahuan tuan/puan, ada petani yang membayar zakat padi juga menerima zakat.

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Di samping itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara kategori taraf perkahwinan dengan pandangan responden terhadap pernyataan hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat perniagaan (G120) dan pandangan responden terhadap pernyataan hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat pendapatan (G121) pada aras keertian 5 peratus. Nilai-p yang dicatatkan lebih rendah daripada aras keertian yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan antara pelbagai taraf pendidikan tertinggi dengan pandangan responden terhadap lain-lain pernyataan.

6) Hubung Kait Faktor Demografi dengan Pengetahuan Berkenaan Fatwa Zakat Padi

Jadual 5.76: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pengetahuan Berkenaan Fatwa Zakat Padi dengan Jantina Responden

Pemboleh Ubah	Jantina		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
G201	8.676	1	.003*
G202	1.493	1	.222
G203	7.452	1	.006*
G204	3.692	1	.055***

Signifikan pada aras keertian *1%, ***10%

Nota:

No.	Pemboleh Ubah
G201	Tuan/puan mengetahui fatwa di negeri Kedah yang membolehkan petani menolak kos tanaman dalam pengiraan zakat padi apabila tanaman padi dilaksanakan secara perladangan/ berkelompok.
G202	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Perlis membolehkan petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi.
G203	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Selangor yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam dalam pengiraan zakat padi.
G204	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Kelantan yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam dalam pengiraan zakat padi.

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 5.76 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori jantina dengan pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di negeri Kedah yang membolehkan petani menolak kos tanaman dalam pengiraan zakat padi apabila tanaman padi dilaksanakan secara perladangan/ berkelompok (G201) pada aras keertian 1 peratus. Selain itu, terdapat juga

perbezaan yang signifikan antara kategori jantina dengan pengetahuan berkenaan fatwa zakat padi di negeri Selangor yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi (G203) pada aras keertian 1 peratus. Nilai-p yang dicatatkan oleh kedua-dua pembolehubah adalah lebih rendah dari aras keertian yang ditetapkan. Di samping itu, terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori jantina dengan pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di negeri Kelantan yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi pada aras keertian 10 peratus. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan antara kategori jantina dengan pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di negeri Perlis.

Jadual 5.77: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pengetahuan Berkenaan Fatwa Zakat Padi dengan Taraf Perkahwinan Responden

Pemboleh Ubah	Taraf Perkahwinan		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
G201	4.217	3	.239
G202	2.337	3	.505
G203	7.993	3	.046**
G204	2.585	3	.460

Signifikan pada aras keertian **5%

Nota:

No.	Pemboleh Ubah
G201	Tuan/puan mengetahui fatwa di negeri Kedah yang membolehkan petani menolak kos tanaman dalam pengiraan zakat padi apabila tanaman padi dilaksanakan secara perladangan/ berkelompok.
G202	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Perlis membolehkan petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi.
G203	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Selangor yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam dalam pengiraan zakat padi.
G204	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Kelantan yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam dalam pengiraan zakat padi.

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 5.77 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kategori taraf perkahwinan dengan pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di negeri Selangor yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi (G203) pada aras keertian 5

peratus. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan antara kategori taraf perkahwinan dengan pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di negeri Kedah, Perlis dan Kelantan.

Hasil analisis ujian Khi Kuasa Dua dalam Jadual 5.78 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara pelbagai taraf pendidikan tertinggi dengan pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di negeri Kedah yang membolehkan petani menolak kos tanaman dalam pengiraan zakat padi apabila tanaman padi dilaksanakan secara perladangan/ berkelompok (G201) dan pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di negeri Perlis yang membolehkan petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi (G202) pada aras keertian 1 peratus. Selain itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara pelbagai taraf pendidikan tertinggi dengan pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di negeri Kelantan yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi (G204) pada aras keertian yang sama. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan antara pelbagai taraf pendidikan tertinggi dengan pengetahuan responden berkenaan fatwa zakat padi di negeri Selangor.

Jadual 5.78: Hasil Ujian Khi Kuasa Dua Pemboleh Ubah Pengetahuan Berkenaan Fatwa Zakat Padi dengan Taraf Pendidikan Tertinggi Responden

Pemboleh Ubah	Tahap Pendidikan Tertinggi		
	Nilai Khi Kuasa Dua	df	Nilai-p
G201	26.099	6	.000*
G202	27.745	6	.000*
G203	9.841	6	.132
G204	21.321	6	.002*

Signifikan pada aras keertian *1%

Nota:

No.	Pemboleh Ubah
G201	Tuan/puan mengetahui fatwa di negeri Kedah yang membolehkan petani menolak kos tanaman dalam pengiraan zakat padi apabila tanaman padi dilaksanakan secara perladangan/ berkelompok.
G202	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Perlis membolehkan petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi.
G203	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Selangor yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam dalam pengiraan zakat padi.
G204	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Kelantan yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam dalam pengiraan zakat padi.

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

7) Hubung Kait Faktor Demografi dengan Hasil Padi (Tan)

Faktor demografi merujuk kepada umur dan bilangan tanggungan responden. Bagi melihat hubung kait antara faktor demografi ini dengan pemboleh ubah hasil padi (tan), ujian korelasi dijalankan. Kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah diklasifikasikan sebagai sangat kuat, kuat, sederhana, lemah dan sangat lemah (Chua Yan Piaw (2008: 246)).⁹³ Hasil analisis ujian korelasi ini dipamerkan dalam Jadual 5.79.

Hasil ujian dalam Jadual 5.79 menunjukkan terdapat hubungan yang negatif dan signifikan antara faktor umur dengan pemboleh ubah hasil padi (tan) pada aras keertian 5 peratus. Nilai-p yang diperolehi adalah lebih kecil daripada aras keertian yang ditetapkan. Walaupun terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah, namun hubungan antara kedua-duanya diklasifikasikan sebagai sangat lemah iaitu nilai pekali korelasi *spearman rho* adalah sebanyak -.101. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah sekadar 10.1 peratus sahaja. Hal

⁹³ Klasifikasi kekuatan hubungan korelasi ini adalah berdasarkan klasifikasi yang telah dikemukakan dalam Piaw (2008: 246)

Saiz Pekali Korelasi (r)	Kekuatan Korelasi
± .91 – 1.00	Sangat Kuat
± .71 – .90	Kuat
± .51 – .70	Sederhana
± .31 – .50	Lemah
± .01 – .30	Sangat Lemah
.00	Tiada Korelasi

ini berlaku kerana majoriti petani yang mengusahakan sawah adalah dalam lingkungan umur 46 hingga 65 tahun (rujuk Jadual 5.4). Hubungan antara umur dengan hasil padi (tan) boleh dilihat menerusi Jadual 5.80. Berdasarkan Jadual 5.80, hasil padi yang rendah iaitu antara 0.5 tan hingga 10 tan dihasilkan oleh responden yang berumur antara 46 hingga 65 tahun. Ini dibuktikan dengan kajian Rospidah Ghazali dan Pazim@Fadzim Othman (2011) dan Amin Mahir Abdullah (2012) bahawa umur pesawah adalah dalam lingkungan 55 tahun ke atas (dalam nukilan Melati Mohd Ariff, 2012). Manakala menurut Jalizah Abdul Jalil, Pengurus MADA Wilayah III Pendang, rata-rata petani yang mengusahakan sawah di Kedah berumur antara 60 hingga 70 tahun dan mereka tidak mampu mengerjakan sawah dengan baik seperti mana yang disyorkan oleh MADA. Bagi mengatasinya, petani disyorkan untuk menyertai projek estet padi⁹⁴ (T. P., 2012).

Jadual 5.79: Hasil Ujian Korelasi *Spearman Rho* Pemboleh Ubah Hasil Padi (Tan) dengan Umur dan Bilangan Tanggungan

Pemboleh Ubah	Hasil Padi (tan)	
	Nilai Pekali Korelasi <i>Spearman Rho</i>	Nilai-p
Umur	-.101	.043**
Bilangan Tanggungan	.196	.000*

Signifikan pada aras keertian *1%, ** 5%

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Jadual 5.80: Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Hasil Padi Semusim (Tan) dan Umur Responden

Pendapatan Semusim (tan)	Umur					JUMLAH
	25-35	36-45	46-55	56-65	>65	
0.5-5 tan	8 (2.0%)	25 (6.3%)	40 (10.0%)	53 (13.3%)	26 (6.5%)	152 (38.0%)
5.1-10 tan	8 (2.0%)	17 (4.3%)	43 (10.8%)	39 (9.8%)	19 (4.8%)	126 (31.5%)
10.1-15 tan	2 (0.5%)	12 (3.0%)	10 (2.5%)	12 (3.0%)	5 (1.3%)	41 (10.3%)
15.1-20 tan	2 (0.5%)	7 (1.8%)	9 (2.3%)	8 (2.0%)	2 (0.5%)	28 (7.0%)
20.1-25 tan	0 (0.0%)	4 (1.0%)	9 (2.3%)	2 (0.5%)	5 (1.3%)	20 (5.0%)
25.1-30 tan	0 (0.0%)	2 (0.5%)	6 (1.5%)	5 (1.3%)	0 (0.0%)	13 (3.3%)
>30 tan	2 (0.5%)	2 (0.5%)	9 (2.3%)	6 (1.5%)	1 (0.3%)	20 (5.0%)
JUMLAH	22 (5.5%)	69 (17.3%)	126 (31.5%)	125 (31.3%)	58 (14.5%)	400 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

⁹⁴ Projek estet padi akan diuruskan oleh PPK. Petani diberi pilihan sama ada menyerahkan keseluruhan pengurusan sawah padi kepada PPK atau mengusahakan sawah seperti biasa dan mereka dibayar upah. Untuk huraian lanjut rujuk T. P. (2012).

Hasil ujian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara faktor bilangan tanggungan dan pemboleh ubah hasil padi (tan) pada aras keertian 1 peratus. Nilai-p yang diperolehi adalah lebih kecil sehingga menghampiri sifar. Biarpun terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah, namun hubungan antara kedua-duanya diklasifikasikan sebagai sangat lemah iaitu nilai pekali korelasi *spearman rho* adalah sebanyak .196. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah sekadar 19.6 peratus sahaja. Kewujudan hubungan kait antara bilangan tanggungan dengan hasil padi (tan) boleh dilihat dalam Jadual 5.81. Daripada Jadual 5.81, pendapatan hasil padi yang tinggi iaitu antara 10.1 tan dan ke atas dimiliki oleh responden yang memiliki tanggungan antara 5 hingga 6 orang, diikuti oleh responden yang memiliki tanggungan 3 hingga 4 orang dan 1 hingga 2 orang.

Jadual 5.81: Taburan Responden Berdasarkan Pendapatan Hasil Padi Semusim (Tan) dan Bilangan Tanggungan

Pendapatan Semusim (tan)	Bilangan Tanggungan						JUMLAH
	1-2	3-4	5-6	7-8	9-10	>10	
0.5-5 tan	48 (12.0%)	53 (13.3%)	32 (8.0%)	15 (3.8%)	4 (1.0%)	0 (0.0%)	152 (38.0%)
5.1-10 tan	33 (8.3%)	41 (10.3%)	36 (9.0%)	8 (2.0%)	6 (1.5%)	2 (0.5%)	126 (31.5%)
10.1-15 tan	9 (2.3%)	11 (2.8%)	12 (3.0%)	6 (1.5%)	3 (0.8%)	0 (0.0%)	41 (10.3%)
15.1-20 tan	7 (1.8%)	6 (1.5%)	12 (3.0%)	3 (0.8%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	28 (7.0%)
20.1-25 tan	5 (1.3%)	3 (0.8%)	6 (1.5%)	5 (1.3%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	20 (5.0%)
25.1-30 tan	1 (0.3%)	3 (0.8%)	4 (1.0%)	4 (1.0%)	1 (0.3%)	0 (0.0%)	13 (3.3%)
>30 tan	3 (0.8%)	3 (0.8%)	8 (2.0%)	2 (0.5%)	3 (0.8%)	1 (0.3%)	20 (5.0%)
JUMLAH	106 (26.5%)	120 (30.0%)	110 (27.5%)	43 (10.8%)	18 (4.5%)	3 (0.8%)	400 (100%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

8) Hubung Kait Faktor Demografi dengan Hasil Padi (RM)

Faktor demografi merujuk kepada umur dan bilangan tanggungan responden. Bagi melihat hubung kait antara faktor demografi ini dengan pemboleh ubah hasil padi (RM), ujian korelasi dijalankan. Hasil analisis ujian korelasi ini dipamerkan dalam Jadual 5.82.

Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang negatif dan signifikan antara faktor umur dan pemboleh ubah hasil padi (RM) pada aras keertian 1 peratus. Nilai-p yang diperolehi adalah lebih kecil daripada aras keertian yang ditetapkan. Walaupun terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah, namun hubungan antara kedua-duanya diklasifikasikan sebagai sangat lemah iaitu nilai pekali korelasi *spearman rho* adalah sebanyak -.158. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah sekadar 15.8 peratus sahaja.

Jadual 5.82: Hasil Ujian Korelasi *Spearman Rho* Pemboleh Ubah Hasil Padi (RM) dengan Umur dan Bilangan Tanggungan

Pemboleh Ubah	Hasil Padi (RM)	
	Nilai Pekali Korelasi <i>Spearman Rho</i>	Nilai-p
Umur	-.158	.002*
Bilangan Tanggungan	.188	.000*

Signifikan pada aras keertian *1%

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Hasil ujian juga menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara faktor bilangan tanggungan dan pemboleh ubah hasil padi (RM) pada aras keertian 1 peratus. Nilai-p yang diperolehi adalah lebih kecil sehingga menghampiri sifar. Biarpun terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah, namun hubungan antara kedua-duanya diklasifikasikan sebagai sangat lemah iaitu nilai pekali korelasi *spearman rho* adalah sebanyak .188. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah sekadar 18.8 peratus sahaja.

9) Hubung Kait Faktor Demografi dengan Jumlah Zakat Padi

Faktor demografi merujuk kepada umur dan bilangan tanggungan responden. Bagi melihat hubung kait antara faktor demografi ini dengan pemboleh ubah jumlah zakat

padi, ujian korelasi dijalankan. Hasil analisis ujian korelasi ini dipamerkan dalam Jadual 5.83.

Jadual 5.83: Hasil Ujian Korelasi *Spearman Rho* Pemboleh Ubah Jumlah Zakat Padi (RM) dengan Umur dan Bilangan Tanggungan

Pemboleh Ubah	Hasil Padi (RM)	
	Nilai Pekali Korelasi <i>Spearman Rho</i>	Nilai-p
Umur	-.071	.154
Bilangan Tanggungan	.148	.003*

Signifikan pada aras keertian *1%

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Hasil ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara faktor bilangan tanggungan dan pemboleh ubah jumlah zakat padi pada aras keertian 1 peratus. Nilai-p yang diperolehi adalah lebih kecil daripada aras keertian yang ditetapkan. Biarpun terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah, namun hubungan antara kedua-duanya diklasifikasikan sebagai sangat lemah iaitu nilai pekali korelasi *spearman rho* adalah sebanyak .148. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah ini adalah sekadar 14.8 peratus sahaja. Hasil kajian ini konsisten dengan penemuan Nur Azura Sanusi, Norazlina Abd. Wahab dan Nor Fadzlin Mohammad Bahar (2005) di mana bilangan tanggungan mempunyai hubungan positif dengan gelagat kepatuhan individu mengeluarkan zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan Universiti Utara Malaysia. Selain itu, hasil ujian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan antara faktor umur dan pemboleh ubah jumlah zakat padi. Nilai-p yang diperolehi adalah lebih besar daripada aras keertian yang ditetapkan. Penemuan ini tidak selari dengan hasil kajian Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor dan Sanep Ahmad (2005) di mana faktor umur mempengaruhi kepatuhan membayar zakat. Kajian ini juga tidak konsisten dengan penemuan Niken Fidyah Ramadhani (2011) yang mendapati faktor yang mempengaruhi pengumpulan zakat, infaq dan sedekah di Indonesia adalah umur pembayar zakat.

Jadual 5.84: Hasil Ujian Korelasi Antara Pemboleh Ubah

Pemboleh Ubah		Jumlah Keluasan (ekar)	Hasil Padi (tan)	Hasil Padi (RM)	Subsidi Harga Padi (RM)	Kos Input (RM)	Kos Buruh (RM)	Kos Lain (RM)	Zakat Padi (RM)	Zakat Subsidi Harga Padi (RM)
Jumlah Keluasan (ekar)	Korelasi	1.000	.627*	.631*	.586*	.565*	.544*	.530*	.511*	-.002
	Signifikan (2 hujung)	.	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.970
	N	400	400	400	400	400	400	400	400	400
Hasil Padi (tan)	Korelasi		1.000	.885*	.839*	.551*	.725*	.751*	.647*	-.078
	Signifikan (2 hujung)		.	.000	.000	.000	.000	.000	.000	.120
	N		400	400	400	400	400	400	400	400
Hasil Padi (RM)	Korelasi			1.000	.866*	.612*	.736*	.778*	.654*	.002
	Signifikan (2 hujung)			.	.000	.000	.000	.000	.000	.967
	N			400	400	400	400	400	400	400
Subsidi Harga Padi (RM)	Korelasi				1.000	.573*	.704*	.716*	.625*	-.011
	Signifikan (2 hujung)				.	.000	.000	.000	.000	.831
	N				400	400	400	400	400	400
Kos Input (RM)	Korelasi					1.000	.545*	.649*	.491*	.260*
	Signifikan (2 hujung)					.	.000	.000	.000	.000
	N					400	400	400	400	400
Kos Buruh (RM)	Korelasi						1.000	.830*	.570*	.007
	Signifikan (2 hujung)						.	.000	.000	.881
	N						400	400	400	400
Kos Lain (RM)	Korelasi							1.000	.542*	.084***
	Signifikan (2 hujung)							.	.000	.093
	N							400	400	400
Zakat Padi (RM)	Korelasi								1.000	-.016
	Signifikan (2 hujung)								.	.756
	N								400	400
Zakat Subsidi Harga Padi (RM)	Korelasi									1.000
	Signifikan (2 hujung)									.
	N									400

Signifikan pada aras keertian *1%, ** 5%, *** 10%

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

5.8.2 Hubung Kait Pemboleh Ubah dengan Pemboleh Ubah-pemboleh ubah Lain

Bagi melihat hubung kait antara pemboleh ubah-pemboleh ubah, maka ujian korelasi *spearman rho* dijalankan. Hasil ujian korelasi ditunjukkan dalam Jadual 5.84.

- 1) Hubung Kait Antara Pemboleh Ubah Hasil Padi (Tan) dan Pemboleh Ubah Hasil Padi (RM) dengan Pemboleh Ubah Jumlah Keluasan Penanaman Padi

Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pemboleh ubah hasil padi (tan) dan pemboleh ubah hasil padi (RM) dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi. Hubungan antara pemboleh ubah hasil padi (tan) dan pemboleh ubah hasil padi (RM) dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi adalah sederhana. Nilai korelasi *spearman rho* adalah .627 dan .631. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah 62.7 peratus dan 63.1 peratus.

Di samping itu, terdapat hubungan positif yang signifikan antara pemboleh ubah hasil padi (tan) dengan pemboleh ubah hasil padi (RM). Hubungan antara kedua-duanya adalah kuat dengan nilai korelasi *spearman rho* adalah .885. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah 88.5 peratus.

Penemuan ini secara jelas menunjukkan bahawa responden yang mengusahakan tanah sawah yang lebih luas akan memperolehi hasil padi yang lebih banyak. Dapatan ini menyokong hasil kajian A. Husni Malian, Sudi Mardianto dan Mewa Ariani (2004),

Mohamad Maulana (2004), Joko Triyanto (2006), Thohir Basuki (2008), Nani Sunani (2009) dan Bayu Murdiantoro (2011), Tunde, Usman dan Olawepo (2011).

2) Hubung Kait Antara Pemboleh Ubah Subsidi Harga Padi dengan Pemboleh Ubah Lain

Pemboleh ubah-pemboleh ubah lain merujuk kepada pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan) dan pemboleh ubah hasil padi (RM). Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah subsidi harga padi dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan) dan pemboleh ubah hasil padi (RM). Semua pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan positif dengan pemboleh ubah subsidi harga padi. Hubungan antara pemboleh ubah subsidi harga padi dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi adalah sederhana dengan nilai korelasi *spearman rho* adalah .586.

Manakala hubungan antara pemboleh ubah subsidi harga padi dengan pemboleh ubah hasil padi (tan) dan pemboleh ubah hasil padi (RM) adalah kuat dengan nilai korelasi *spearman rho* adalah .839 dan .866. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah antara 83.9 peratus dan 86.6 peratus.

Penemuan ini secara jelas menunjukkan bahawa responden yang memperolehi subsidi harga padi yang tinggi akan memperolehi hasil padi yang lebih tinggi. Begitu juga, responden yang mengusahakan tanah sawah yang lebih luas akan memperolehi subsidi harga padi yang lebih tinggi. Ini kerana subsidi harga padi yang diberikan oleh kerajaan

bergantung kepada hasil padi yang diperolehi oleh pesawah seperti mana yang telah diterangkan dalam 5.2.2.

3) Hubung Kait Antara Pemboleh Ubah Kos Input dengan Pemboleh Ubah Lain

Pemboleh ubah-pemboleh ubah lain merujuk kepada pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM) dan pemboleh ubah subsidi harga padi.

Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kos input dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM) dan pemboleh ubah subsidi harga padi. Semua pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan positif dengan pemboleh ubah kos input. Hubungan antara pemboleh ubah kos input dengan semua pemboleh ubah tersebut adalah sederhana. Nilai korelasi *spearman rho* adalah antara .551 hingga .612. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah antara 55.1 peratus hingga 61.2 peratus.

Penemuan ini secara jelas menunjukkan bahawa responden yang mengusahakan tanah sawah yang lebih luas akan memperolehi hasil padi yang lebih tinggi dan akan membelanjakan kos input yang lebih banyak serta memperolehi subsidi harga padi yang lebih tinggi. Dapatan ini menyokong hasil kajian Hermawan Wana (2000), A. Husni Malian, Sudi Mardianto dan Mewa Ariani (2004), Joko Triyanto (2006), Jeffry E. Sianipar (2009) dan Tunde, Usman dan Olawepo (2011). Hasil kajian mereka

mendapati hasil padi dipengaruhi oleh sama ada baja, benih atau perlindungan daripada serangga dan penyakit yang merupakan antara jenis kos input pertanian.

4) Hubung Kait Antara Pemboleh Ubah Kos Buruh dengan Pemboleh Ubah Lain

Pemboleh ubah-pemboleh ubah lain merujuk kepada pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM), pemboleh ubah subsidi harga padi dan pemboleh ubah kos input.

Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kos buruh dengan semua pemboleh ubah tersebut. Semua pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan positif dengan pemboleh ubah kos buruh. Hubungan antara pemboleh ubah kos buruh dengan pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM) dan pemboleh ubah subsidi harga padi adalah kuat. Nilai korelasi *spearman rho* adalah antara .704 hingga .736. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah antara 70.4 peratus hingga 73.6 peratus.

Manakala hubungan antara pemboleh ubah kos buruh dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi dan pemboleh ubah kos input adalah sederhana dengan nilai korelasi *spearman rho* adalah .544 dan .545. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah 54.4 peratus dan 54.5 peratus.

Penemuan ini secara jelas menunjukkan bahawa responden yang mengeluarkan kos buruh yang lebih tinggi mengusahakan tanah sawah yang lebih luas, memperolehi hasil padi yang lebih tinggi dan memperolehi subsidi harga padi yang lebih banyak. Dapatan

ini menyokong hasil kajian Hendri Metro Purba (2005), Joko Triyanto (2006), Jeffrey E. Sianipar et al. (2009) dan Bayu Murdiantoro (2011) yang mendapati hasil padi dipengaruhi oleh tenaga kerja sama ada ada tenaga kerja luar keluarga atau tenaga kerja dalam keluarga.

5) Hubung Kait Antara Pemboleh Ubah Kos Lain dengan Pemboleh Ubah Lain

Pemboleh ubah-pemboleh ubah lain merujuk kepada pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM), pemboleh ubah subsidi harga padi, pemboleh ubah kos input dan pemboleh ubah kos buruh.

Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah kos lain seperti sewa, cukai tanah dan cukai tali air dengan semua pemboleh ubah tersebut. Semua pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan positif dengan pemboleh ubah kos lain. Hubungan antara pemboleh ubah kos lain dengan pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM), pemboleh ubah subsidi harga padi dan pemboleh ubah kos buruh adalah kuat. Nilai korelasi *spearman rho* adalah antara .716 hingga .830. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah antara 71.6 peratus hingga 83.0 peratus.

Manakala hubungan antara pemboleh ubah kos lain dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi dan pemboleh ubah kos input adalah sederhana dengan nilai korelasi *spearman rho* adalah .530 dan .649. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah 53.0 peratus dan 64.9 peratus.

Dapatan ini secara jelas menunjukkan bahawa responden yang mengeluarkan kos lain yang lebih tinggi mengusahakan tanah sawah yang lebih luas, memperolehi hasil padi yang tinggi, mengeluarkan kos input yang tinggi dan memperolehi subsidi harga padi yang lebih tinggi.

6) Hubung Kait Antara Pemboleh Ubah Zakat Padi dengan Pemboleh Ubah Lain

Pemboleh ubah-pemboleh ubah lain merujuk kepada pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM), pemboleh ubah subsidi harga padi, pemboleh ubah kos input, pemboleh ubah kos buruh, pemboleh ubah kos lain dan pemboleh ubah zakat subsidi harga padi.

Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah zakat padi dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM), pemboleh ubah subsidi harga padi, pemboleh ubah kos input, pemboleh ubah kos buruh dan pemboleh ubah kos lain. Semua pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan positif dengan pemboleh ubah zakat padi. Hubungan antara pemboleh ubah zakat padi dengan semua pemboleh ubah tersebut adalah sederhana kecuali hubungan antara pemboleh ubah zakat padi dengan pemboleh ubah kos input. Nilai korelasi *spearman rho* adalah antara .511 hingga .654. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah antara 51.1 peratus hingga 65.4 peratus. Hubungan antara pemboleh ubah zakat padi dengan pemboleh ubah kos input adalah lemah tetapi menghampiri sederhana dengan nilai korelasi *spearman rho* adalah .491. Pemboleh ubah kos input mempunyai hubungan positif dengan zakat padi kerana majoriti responden menggunakan kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar. Oleh sebab itu, walaupun kos input yang

dikeluarkan oleh petani tinggi, ia tidak akan mengurangkan jumlah zakat padi yang dibayar oleh petani. Ini kerana kos input tidak ditolak dalam pengiraan zakat padi yang dibayar oleh mereka. Dapatan ini menyokong semua hipotesis yang digariskan dalam kajian ini (rujuk subtopik 4.4.4). Hasil kajian ini juga menyokong hipotesis 3, 4, dan 5 di mana ianya tidak selari dengan penetapan kadar zakat tanaman iaitu 5 peratus dan 10 peratus berdasarkan jenis pengairan yang digunakan oleh petani. Petani yang menggunakan pengairan semulajadi seperti air hujan akan menggunakan kadar zakat sebanyak 10 peratus manakala petani yang menggunakan pengairan buatan seperti air paip menggunakan kadar zakat sebanyak 5 peratus. Dalam hal ini, penetapan kadar zakat tanaman sebanyak 10 peratus dan 5 peratus disebabkan oleh besar atau kecilnya kos pengairan untuk tanaman. Walaupun begitu, hal ini tidak berlaku apabila petani mengira zakat padi berdasarkan hasil kasar. Penggunaan kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar menyebabkan jumlah zakat padi yang dibayar oleh petani tidak berkurang walaupun kos yang dibelanjakan untuk tanaman padi adalah besar.

Hasil kajian ini jelas menggambarkan bahawa semakin tinggi jumlah keluasan penanaman padi, semakin tinggi zakat padi yang dibayar oleh responden. Begitu juga, semakin tinggi hasil padi, maka semakin tinggi zakat padi yang dibayar oleh responden. Penemuan ini konsisten dengan kajian Niken Fidyah Ramadhani (2011) mendapati faktor yang mempengaruhi pengumpulan zakat, infaq dan sedekah di Indonesia ialah pendapatan pembayar zakat. Selain itu, semakin tinggi kos yang dibelanjakan oleh responden, maka semakin tinggi zakat padi yang dibayar. Hal ini berlaku kerana kebanyakan responden membayar zakat padi berdasarkan hasil kasar (rujuk Jadual 5.51). Jadi, walaupun kos yang dibelanjakan untuk penanaman padi tinggi, zakat padi tetap dibayar tanpa mengambilkira kos tersebut. Dapatan ini tidak selari dengan realiti semasa iaitu apabila kos input, kos buruh dan kos lain tinggi, maka sudah pasti jumlah

zakat padi yang dibayar oleh petani akan berkurangan. Namun begitu, apabila petani menggunakan kaedah hasil kasar dalam taksiran zakat padi, maka kos-kos tersebut tidak diambilkira dalam pengiraan zakat padi yang dibayar oleh mereka. Oleh sebab itu, kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar yang digunakan oleh kebanyakan petani tidak akan mengurangkan jumlah zakat padi yang dibayar oleh mereka. Walaupun begitu, apabila kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil bersih digunakan, maka sudah pasti jumlah zakat padi yang dibayar oleh petani akan berkurang dan ini akan menjamin kemaslahatan petani. Ini kerana apabila kaedah taksiran ini diaplikasikan, maka hanya petani yang benar-benar layak sahaja membayar zakat padi.

Di samping itu, semakin tinggi subsidi harga padi yang diperolehi oleh responden, maka semakin tinggi juga zakat padi yang dibayar oleh responden. Ini kerana di Kedah, petani membayar zakat padi berdasarkan jumlah hasil padi dicampur dengan jumlah subsidi harga padi yang diterima oleh mereka. Begitu juga di Selangor di mana petani membayar zakat subsidi harga padi pada kadar yang sama dengan kadar zakat padi (rujuk Jadual 5.56 hingga Jadual 5.59).

Banyak kajian mendapati bahawa faktor sikap mempengaruhi pembayaran zakat (Kamil Md. Idris dan Ahmad Mahdzan Ayob, 2002; Zainol Bidin dan Kamil Md. Idris, 2008; Ram Al Jaffri Saad, Kamil Md. Idris dan Zainol Bidin, 2009). Hasil kajian ini menyamai kajian Ida Husna Hedzir (2009) di mana sikap dan kawalan gelagat ditanggap mempengaruhi niat kepatuhan zakat pendapatan, Selain sikap, kepercayaan normatif juga mempengaruhi pembayaran zakat (Zainol Bidin dan Kamil Md. Idris, 2009). Manakala Nur Barizah Abu Bakar dan Hafiz Majdi Abdul Rashid (2010) mendapati faktor sosial, keagamaan dan ekonomi mempengaruhi pembayaran zakat

pendapatan. Selain itu, Niken Fidyah Ramadhani (2011) mendapati faktor yang mempengaruhi pengumpulan zakat, infaq dan sedekah di Indonesia ialah saat bulan keagamaan. Manakala hasil kajian Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor dan Sanep Ahmad (2005) mendapati pembayaran zakat dipengaruhi oleh faktor kepuashatian agihan zakat oleh institusi zakat.

7) Hubung Kait Antara Pemboleh Ubah Zakat Subsidi Harga Padi dengan Pemboleh Ubah Lain

Pemboleh ubah-pemboleh ubah lain merujuk kepada pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM), pemboleh ubah subsidi harga padi, pemboleh ubah kos input, pemboleh ubah kos buruh, pemboleh ubah kos lain dan pemboleh ubah zakat padi.

Hasil ujian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah zakat subsidi harga padi dengan pemboleh ubah kos input dan pemboleh ubah kos lain. Semua pemboleh ubah tersebut mempunyai hubungan positif dengan pemboleh ubah zakat subsidi harga padi. Hubungan antara pemboleh ubah zakat subsidi harga padi dengan pemboleh ubah kos input dan pemboleh ubah kos lain adalah sangat lemah. Nilai korelasi *spearman rho* adalah .260 dan .084. Dengan kata lain, kekuatan hubungan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah tersebut adalah 26.0 peratus dan 8.4 peratus. Walaupun begitu, tidak terdapat hubungan antara pemboleh ubah zakat subsidi harga padi dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi (tan), pemboleh ubah hasil padi (RM), pemboleh ubah subsidi harga padi, pemboleh ubah kos buruh dan pemboleh ubah zakat padi.

Penemuan ini menunjukkan bahawa zakat subsidi harga padi hanya dipengaruhi oleh kos input dan kos lain. Walaupun begitu, kekuatan hubungan antara kedua-duanya adalah kecil.

5.9 KESIMPULAN

Analisis taksiran zakat padi dalam bab ini menghasilkan empat penemuan utama. Pertama, kebanyakan responden di Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis mengusahakan tanah sawah yang kurang luas menyebabkan hasil yang diperolehi kurang tetapi mereka terpaksa mengeluarkan belanja yang tinggi bagi kos input, buruh, sewa tanah, cukai tanah dan cukai tali air. Situasi ini menyebabkan responden memperolehi pendapatan bersih yang sedikit atau defisit.

Kedua, amalan pembayaran zakat padi yang dilaksanakan oleh responden di Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis tidak sepenuhnya mengikut fatwa atau garis panduan yang dikeluarkan oleh institusi zakat negeri masing-masing. Hasil penemuan kajian membuktikan bahawa sebahagian besar responden di negeri Kedah tidak mengetahui tentang fatwa atau garis panduan tersebut dan semua responden di negeri Kelantan tidak mengetahui tentang fatwa atau garis panduan tersebut.

Ketiga, responden di Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis bersetuju dengan beberapa cadangan pengubahsuaian kaedah taksiran zakat padi sedia ada terutama dalam aspek penolakan kos tanaman dalam taksiran zakat padi. Walaupun begitu, responden tidak bersetuju dengan idea penolakan kos sara hidup dalam taksiran zakat padi.

Keempat, hasil maklum balas responden tentang hubung kait antara pemboleh ubah hasil padi dengan beberapa pemboleh ubah lain membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif antara pemboleh ubah hasil padi dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah subsidi harga padi, pemboleh ubah kos input, pemboleh ubah kos buruh, pemboleh ubah kos lain seperti sewa tanah, cukai tanah, cukai tali air dan pemboleh ubah zakat padi. Ini menunjukkan semakin tinggi hasil padi, maka semakin tinggi belanja yang dikeluarkan untuk kos-kos tanaman. Begitu juga, semakin tinggi hasil padi, semakin tinggi jumlah zakat yang dibayar oleh responden. Ini terpakai apabila responden menggunakan kaedah hasil kasar dalam taksiran zakat padi. Apabila cadangan pengubahsuaian kaedah taksiran zakat padi yang menggunakan hasil bersih dilakukan, ia akan memberikan implikasi yang berbeza kepada jumlah zakat padi yang dibayar oleh petani.

Berdasarkan penemuan-penemuan tersebut, amalan taksiran zakat padi yang diamalkan oleh responden tidak sepenuhnya selari dengan fatwa atau garis panduan LZS, JZK, MAIK dan MAIPs. Walaupun JZK dan MAIPs yang membenarkan penolakan kos tanaman dan atau kos sara hidup dalam taksiran zakat padi, responden masih lagi menggunakan taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar. Oleh itu, wajarlah institusi zakat mempertingkatkan hebahan kepada petani berkenaan garis panduan berkenaan taksiran zakat padi dan maklumat lain yang terkini berkenaan zakat tanaman. Manakala bagi LZS dan MAIK yang masih menggunakan taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar perlu mempertimbangkan untuk mengambilkira kos tanaman yang banyak dikeluarkan oleh petani yang bukan hanya kos pengairan semata-mata. Begitu juga penolakan kos sara hidup dalam taksiran zakat bagi petani yang bergantung sepenuhnya kepada pendapatan hasil padi semata-mata. Ini bagi menjamin petani yang benar-benar layak dan mampu sahaja dikenakan zakat padi.

BAB ENAM

MODEL PERAKAUNAN ZAKAT PADI DI MALAYSIA

6.0 PENGENALAN

Bab ini akan menerangkan model perakaunan zakat padi yang sedia ada terpakai sekarang di Malaysia dan model perakaunan zakat padi yang dicadangkan oleh penyelidik.

6.1 MODEL PERAKAUNAN ZAKAT PADI SEDIA ADA

Model perakaunan zakat padi yang terpakai sekarang di Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis adalah terbahagi kepada tiga iaitu taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar padi, taksiran zakat padi berdasarkan hasil bersih padi iaitu petani menolak kos tanaman sahaja dalam pengiraan zakat padi dan taksiran zakat padi berdasarkan hasil bersih padi iaitu petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi. Kadar zakat yang digunakan adalah 5 peratus atau 10 peratus.

6.1.1 Hasil Kasar Padi

Model perakaunan zakat padi menggunakan hasil kasar ialah kaedah taksiran zakat padi yang mengira zakat padi berdasarkan hasil kasar padi tanpa menolak kos tanaman atau kos sara hidup terlebih dahulu. Model ini terpakai kepada petani di negeri Kedah yang tidak mengusahakan tanaman padi secara separa peladang, petani di Kelantan yang tidak mengusahakan padi secara mini estet dan petani di Selangor. Kadar zakat padi

yang dikenakan di Kedah dan Kelantan adalah sebanyak 10 peratus. Manakala kadar zakat padi di Selangor adalah sebanyak 5 peratus tanpa mengambilkira kategori penanaman padi sama ada secara separa peladang atau tidak.

i) Formula pengiraan zakat padi di negeri Selangor adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 5 \% \times \text{Hasil Kasar Padi}$$

Jadual 6.1: Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Kasar pada Kadar Zakat Padi Sebanyak 5 Peratus

	Perkara	RM
A)	Pendapatan Hasil Padi	30000.00
B)	Jumlah Zakat Padi (5% × RM30000.00)	1500.00

Berdasarkan Jadual 6.1, jumlah zakat padi yang perlu dibayar adalah RM1500.00.

ii) Formula pengiraan zakat padi di negeri Kedah dan Kelantan⁹⁵ adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 10 \% \times \text{Hasil Kasar Padi}$$

⁹⁵ Formula ini digunapakai untuk petani di Kedah dan Kelantan yang tidak mengusahakan sawah secara separa peladang atau mini estet.

Jadual 6.2: Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Kasar pada Kadar Zakat Sebanyak 10 Peratus

	Perkara	RM
A)	Pendapatan Hasil Padi	30000.00
B)	Jumlah Zakat Padi (10% × RM30000.00)	3000.00

Merujuk kepada Jadual 6.2, jumlah zakat padi yang perlu dibayar adalah sebanyak RM3000.00

6.1.2 Hasil Bersih Padi (menolak kos tanaman sahaja)⁹⁶

Hasil bersih yang dimaksudkan adalah petani menolak kos tanaman yang dikeluarkan untuk penanaman padi sahaja dalam pengiraan zakat padi. Kaedah ini digunakan di negeri Kedah apabila petani menanam padi dalam bentuk projek pertanian secara berkelompok⁹⁷ dan juga terpakai di negeri Perlis kepada petani yang mempunyai pekerjaan utama lain dan menanam padi adalah pekerjaan sampingan mereka.

Bagi negeri Kedah, kos tanaman yang biasa dikeluarkan oleh petani adalah terbahagi kepada tiga iaitu kos input, kos buruh dan kos-kos lain seperti sewa tanah, cukai tanah, cukai tali air dan sebagainya. Kos input yang biasa dikeluarkan oleh petani adalah benih, baja, kapur, racun kawalan serangga, racun kawalan penyakit, racun kawalan rumpai, racun kawalan tikus dan racun kawalan siput gondong.

⁹⁶ Selepas ini kaedah taksiran ini akan disebut sebagai Hasil Bersih 1.

⁹⁷ Ia juga dikenali sebagai projek separa peladang atau projek estet padi. Projek ini diuruskan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Petani diberi pilihan sama ada menyerahkan keseluruhan pengurusan sawah padi kepada PPK atau mengusahakan sawah padi seperti biasa dan mereka dibayar upah (T. P., 2012).

Manakala kos buruh yang dikeluarkan oleh petani termasuklah upah memotong tunggul jerami, upah membakar jerami, upah merata tanah, upah mengangkut atau menghantar baja subsidi, upah membajak, upah menyediakan lorong kerja, upah mengepam air, upah merendam atau menyejat atau merawat benih, upah meracun rumpai sebelum putaran tanah, upah menabur benih, upah mencedung, upah menabur kapur, upah menyulam, upah mencuci batas, upah membadai, upah membaja, upah kawalan perosak padi, upah mencabut padi angin, upah menuai, upah mengangkut padi, upah membaiki parit atau membina parit dan upah menyemai semailan benih. Hasil penelitian penyelidik mendapati bahawa apabila petani menyewa tanah, maka kos yang dibelanjakan akan meningkat.

Walaupun begitu, bagi negeri Perlis, jenis-jenis kos tanaman yang boleh ditolak telah ditetapkan iaitu meliputi sewa tanah, upah memajak, upah menanam, harga baja, racun serangga, upah menuai (termasuk upah mengisi padi dalam guni) dan upah pengangkutan⁹⁸ (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001: 17-22).

i) Formula pengiraan zakat padi di negeri Kedah adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 10 \% \times (\text{Hasil Kasar Padi} - \text{Kos Tanaman})$$

⁹⁸ Senarai kos-kos pengeluaran ini hanya akan ditolak apabila ia dikeluarkan oleh petani. Jadi, tidak semestinya setiap jenis kos tersebut dikeluarkan oleh petani.

Jadual 6.3: Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1
pada Kadar Zakat Sebanyak 10 Peratus (Kes di Kedah)

	Perkara	RM	RM
A)	Pendapatan		
	Hasil Padi		36000.00
B)	Kos Tanaman		
	Benih	2500.00	
	Racun kawalan serangga	2000.00	
	Racun kawalan penyakit	2000.00	
	Racun kawalan rumpai	1000.00	
	Racun kawalan tikus	500.00	
	Racun kawalan siput gondong	510.00	
	Upah membajak	3355.00	
	Upah menabur benih	549.00	
	Upah membadai	915.00	
	Upah membaja	1649.00	
	Upah kawalan perosak padi	1649.00	
	Upah menuai	3355.00	
	Upah mengangkut padi	915.00	
	Sewa tanah	<u>12000.00</u>	
	Jumlah Kos Tanaman	32897.00	
C)	Baki		3103.00
D)	Jumlah Zakat Padi		310.30
	(10% × RM RM3103.00)		

Merujuk kepada Jadual 6.3, maka jumlah zakat padi yang perlu dibayar adalah RM310.30

Dengan menggunakan contoh yang sama dalam Jadual 6.3, jika dikira zakat padi menggunakan hasil kasar tetapi kadar zakat padi adalah sebanyak 5 peratus, maka jumlah zakat yang perlu dibayar adalah RM1800.00. Ini menunjukkan bahawa penolakan kos tanaman memberikan kesan yang besar kepada jumlah zakat yang perlu dibayar oleh petani. Jadi, kaedah pengiraan zakat padi berdasarkan hasil kasar dan kadar zakat padi sebanyak 5 peratus yang ditetapkan oleh LZS adalah tidak sesuai diaplikasikan kerana perbezaan kadar zakat padi sebanyak 5 peratus atau 10 peratus tidak boleh menampung kos yang tinggi yang dikeluarkan oleh petani.

ii) Formula pengiraan zakat padi di negeri Perlis adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 10 \% \times (\text{Hasil Kasar Padi} - \text{Kos Tanaman})$$

Jadual 6.4: Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1 pada Kadar Zakat Sebanyak 10 Peratus (Kes di Perlis)

	Perkara	RM
A)	Pendapatan	
	Hasil Padi	26000.00
B)	Kos Tanaman	
	Baja	1500.00
	Racun serangga	1000.00
	Upah membajak	2300.00
	Upah menanam	3000.00
	Upah menuai	2300.00
	Upah mengangkut padi	800.00
	Sewa tanah	<u>8000.00</u>
	Jumlah Kos Tanaman	18900.00
C)	Baki	7100.00
D)	Jumlah Zakat Padi	710.00
	(10% × RM7100.00)	

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Zakat Padi} &= 10 \% \times (\text{Hasil Kasar Padi} - \text{Kos Tanaman}) \\ &= 10 \% \times (\text{RM}26000.00 - \text{RM}18900.00) \\ &= 10 \% \times \text{RM}7100.00 \\ &= \text{RM}710.00 \end{aligned}$$

Merujuk kepada Jadual 6.4, jumlah zakat padi yang perlu dibayar adalah sebanyak RM710.00.

6.1.3 Hasil Bersih Padi (menolak kos tanaman dan kos sara hidup)⁹⁹

Dengan menggunakan kaedah ini, petani boleh menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi. Kaedah ini terpakai di negeri Perlis bagi petani yang bergantung kepada pendapatan daripada hasil padi semata-mata. Kos tanaman yang boleh ditolak adalah seperti yang telah disebutkan dalam 6.1.2 sebelum ini. Manakala bagi kos sara hidup pula, nilai maksimum yang boleh ditolak telah ditetapkan iaitu:

- i) RM5000.00 setahun untuk diri sendiri;
- ii) RM3000.00 setahun untuk isteri; dan
- iii) RM1200.00 setahun untuk seorang anak
- iv) Pemberian kepada ibu bapa (jumlah sebenar)
- v) Perubatan (perbelanjaan sebenar)
- vi) Hutang dharuriat¹⁰⁰ (Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001: 17-22)

Formula pengiraan zakat padi di negeri Perlis adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 10 \% \times (\text{Hasil Padi} - \text{Kos Tanaman} - \text{Kos Sara Hidup})$$

⁹⁹ Selepas ini akan disebut sebagai Hasil Bersih 2.

¹⁰⁰ Hutang dharuriat yang boleh ditolak adalah ansuran bagi sebuah rumah dan sebuah kenderaan seperti kereta (Temu bual dengan Ustaz Hashim bin Taib, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis melalui perbualan telefon pada 19 Oktober 2012).

Jadual 6.5: Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2

	Perkara	RM	RM
A)	Pendapatan Hasil Padi		7000.00
B)	Kos Tanaman		
	Baja	150.00	
	Racun kawalan serangga	85.00	
	Upah membajak	130.00	
	Upah menuai	100.00	
	Upah mengangkut padi	36.00	
	Sewa tanah	<u>100.00</u>	
	Jumlah Kos Tanaman	<u>601.00</u>	
C)	Kos Sara Hidup		
	Bil air	60.00	
	Bil elektrik	60.00	
	Bil telefon	120.00	
	Perbelanjaan anak-anak	500.00	
	Makanan	3500.00	
	Pakaian	50.00	
	Buku dan pakaian anak	700.00	
	Jumlah Kos Sara Hidup	<u>4990.00</u>	
D)	Baki		1409.00
E)	Jumlah Zakat Padi (10% × RM1409.00)		140.90

$$\begin{aligned}
 \text{Jumlah Zakat Padi} &= 10 \% \times (\text{Hasil Padi} - \text{Kos Tanaman} - \text{Kos Sara Hidup}) \\
 &= 10 \% \times (\text{RM}7000.00 - \text{RM}601.00 - \text{RM}4990.00) \\
 &= 10 \% \times \text{RM}1409.00 \\
 &= \text{RM}140.90
 \end{aligned}$$

Berdasarkan Jadual 6.5, jumlah zakat padi yang perlu dibayar adalah sebanyak RM140.90.

Daripada ketiga-tiga kaedah perakaunan zakat padi yang sedia ada, penyelidik mendapati bahawa hakikat sebenar yang berlaku dalam taksiran zakat padi di Lembaga Zakat Selangor (LZS), Jabatan Zakat Kedah (JZK), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) adalah institusi zakat negeri-negeri tersebut tidak mengambilkira besar atau kecilnya belanja pengairan yang dikeluarkan oleh petani dalam menentukan kadar zakat padi. Penetapan telah dilakukan tanpa mengambilkira jenis pengairan yang digunakan oleh petani terutamanya Selangor yang telah mewartakan undang-undang berkenaan kadar zakat padi sebanyak 5 peratus (Seksyen 47 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor), 2003, Pindaan 7/2005).

Ini dibuktikan lagi dengan penemuan dalam Jadual 5.46 sebelum ini di mana hanya 97 orang responden sahaja yang mengeluarkan kos untuk mengepam air. Sebanyak 27 orang daripada responden tersebut adalah dari Kedah dan Kelantan yang membayar zakat padi pada kadar 10 peratus. Sepatutnya kadar zakat padi yang dikenakan adalah 5 peratus. Manakala bagi responden lain yang tidak mengeluarkan kos untuk pengairan, maka sepatutnya kadar zakat padi yang dikenakan adalah 10 peratus. Kajian terdahulu juga membuktikan bahawa sistem pengairan yang digunakan oleh petani tidak mempengaruhi kadar zakat padi yang dibayar. Sebagai contoh, kajian Mohammad Azam Hussin (2000) mendapati bahawa responden di Kedah membayar zakat pada kadar 10 peratus walaupun menggunakan sistem pengairan yang berbeza. Ini kerana mereka merujuk kepada penetapan kadar zakat padi sebanyak 10 peratus oleh JZK .

6.2 MODEL PERAKAUNAN ZAKAT PADI YANG BARU

Hasil analisis penyelidik terhadap penulisan sarjana-sarjana Islam tentang zakat tanaman, penyelidik mencadangkan beberapa model perakaunan zakat padi yang sesuai digunakan di Malaysia. Model perakaunan zakat padi baru ini sebenarnya adalah pengubahsuaian model yang telah sedia ada. Model ini menggunakan pendekatan hasil bersih padi. Ia berdasarkan pandangan Ibn ‘Abbās dan Ibn ‘Umar (Abū ‘Ubayd, 1988: 611) dan Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 446) dan Muḥammad Kamāl ‘Atiyah (1995: 28). Ia juga menyokong pandangan Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980), Abdul Aziz Muhamad (1986), Mujaini Tarimin (1987), Muhammad Akram Khan (2000), Didin Hafidhuddin (2001), Mohammad Azam Hussin (2004), Asmak Ab Rahman et al. (2006), Asmak Ab Rahman et al. (2010) dan Nuruul Hidayah Mansor (2012). Walaupun kajian mereka tidak mengemukakan contoh model perakaunan zakat padi, tetapi mereka bersetuju pendekatan hasil bersih digunakan untuk taksiran zakat padi.

Tambahan pula, kajian Mohammad Azam Hussin (2004) mendapati kaedah pengiraan zakat padi berdasarkan hasil bersih bersesuaian dengan kos sara hidup masyarakat kini yang semakin meningkat dan mampu meringankan beban perbelanjaan yang ditanggung oleh petani. Monzer Kahf (1999) pula mencadangkan pengiraan zakat mesti daripada baki selepas penggunaan dan perbelanjaan lain. Kajian Hamdi Rahman Mohd Yaacob (2006) juga membuktikan petani di Perak merungut dengan kaedah pembayaran zakat padi sebanyak 10 peratus di negeri tersebut. Petani memang tidak menanggung kos pengairan yang besar, tetapi kos input seperti racun dan baja yang dikeluarkan sebanyak 28 hingga 49 peratus bagi sehektar tanah. Jadi, kos-kos tersebut perlu diambilkira dalam pengiraan zakat padi.

Jika taksiran zakat padi masih menggunakan pendekatan hasil kasar padi, maka dibimbangi petani miskin juga dikenakan zakat. Bersesuaian dengan dapatan Fujimoto (1976) mendapati petani di Kelantan memperolehi keuntungan yang negatif daripada hasil padi kerana produktiviti yang rendah dan kos yang tinggi. Hasil kajian ini menyamai kajian Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980). Oleh itu, pendekatan hasil bersih dalam taksiran zakat padi amat sesuai digunakan sekarang memandangkan bukan sedikit kos tanaman yang dilibatkan dalam penanaman padi dan bukan sedikit kos sara sara hidup yang dibelanjakan untuk keperluan harian. Penggunaan hasil bersih ini bertepatan kerana perbelanjaan untuk penyediaan sawah sehingga ke peringkat penuaian memakan belanja yang cukup banyak yang kadang-kadang melebihi separuh daripada pendapatan kasar petani (Mohd Liki Hamid, 2006). Kos-kos yang dibelanjakan untuk tanaman padi agak tinggi disebabkan padi ditanam secara moden bukan lagi tradisi seperti dahulu yang tidak memerlukan peralatan seperti jentera dan memerlukan kos yang tinggi. Penemuan ini dibuktikan dengan kajian Amin Mahir Abdullah (2012), kos pengeluaran padi di Malaysia adalah yang tertinggi berbanding Filipina, Thailand dan Vietnam (dalam nukilan Melati Mohd Ariff, 2012).

Walaupun model perakaunan zakat padi berdasarkan hasil bersih bukanlah merupakan pegangan mazhab Syāfi'ī, tetapi pegangan mazhab Ḥanafī juga boleh digunapakai dalam sesetengah isu yang berlaku di Malaysia untuk menjamin masalah umat. Ini berdasarkan cadangan Mujaini Tarimin (1987) kepada ulama Malaysia (Jabatan Agama Islam) supaya mengubah sikap dari hanya berpegang kepada satu mazhab kepada sikap yang lebih terbuka dalam menyelesaikan persoalan zakat pertanian. Bersesuaian juga dengan pandangan Sheikh Mohamed Abdel Aziz, Ahli Majlis Fatwa Mesir (Dalia Ismail, 2008: 74) di mana beliau menjelaskan bahawa mufti tidak seharusnya berpegang hanya kepada satu mazhab terutamanya sewaktu mengeluarkan hukum atau fatwa dalam

sesuatu isu yang diperdebatkan. Hal ini penting difikirkan bersama dalam kalangan mufti. Jika melihat dari sudut satu mazhab sahaja, kemungkinan timbul persoalan atau permasalahan yang sukar diselesaikan. Berdasarkan petikan kata-kata beliau:

“Saya berpegang kepada mazhab syafi’i tetapi saya juga mempelajari lapan mazhab lain. Saya tidak semestinya menjawab dalam mazhab syafi’i saja apabila timbul sesuatu isu yang diperdebatkan”

“Mungkin soalan yang ditanya itu sukar dirungkaikan jika melihat dari sudut mazhab syafi’i saja. Kita dibolehkan merujuk kepada mazhab lain untuk penyesuaian yang bersangkutan paut dengan masa, tempat dan seseorang individu”

Oleh itu, amat wajarlah model perakaunan zakat padi berdasarkan hasil bersih dilaksanakan bagi menjamin kemaslahatan petani dan umat keseluruhannya. Nisab zakat padi dan kadar zakat padi berdasarkan penggunaan model perakaunan zakat padi hasil bersih yang baru adalah seperti berikut:

1) Nisab Zakat Padi

Zakat padi akan dikeluarkan apabila terdapat lebih hasil padi yang mencukupi nisab iaitu hasil kasar padi ditolak dengan kos tanaman yang biasa bagi penggunaan model perakaunan hasil bersih 1. Bagi penggunaan model perakaunan hasil bersih 2 pula, zakat padi dikeluarkan apabila terdapat lebih hasil padi yang mencukupi nisab iaitu hasil kasar padi ditolak dengan kos tanaman yang biasa dan kos sara hidup yang telah ditetapkan. Jumlah nisab pula adalah seperti yang telah diterangkan dalam Jadual 5.49 sebelum ini. Walaupun begitu, adalah disarankan kepada institusi zakat supaya menyeragamkan jumlah nisab zakat padi supaya petani yang benar-benar layak membayar zakat. Ia dibuktikan dengan penemuan Mek Wok Mahmud dan Sayed Sikandar Shah Haneef (2008: 135), petani yang menanam 5 *ausuq* gandum dan

memerlukan jumlah tertentu untuk memenuhi keperluan lain adalah miskin. Jadi, mereka mencadangkan penilaian semula ke atas nisab dilakukan kerana rasional nisab menurut fiqh klasik adalah mengenakan zakat kepada yang kaya bukan kepada yang miskin.

2) Kadar Zakat Padi

Kadar zakat padi yang dikenakan pula sama ada 5 peratus, 7.5 peratus atau 10 peratus bergantung kepada jenis pengairan yang digunakan oleh petani. Jika petani menggunakan air hujan semata-mata untuk mengairi tanah sawah, maka petani menggunakan kadar zakat sebanyak 10 peratus dan jika petani mengepam air atau petani mengeluarkan kos yang banyak untuk pengairan, maka petani menggunakan kadar zakat sebanyak 5 peratus. Jika petani menggunakan kombinasi antara keduanya, maka kadar zakat padi adalah 7.5 peratus. Manakala dalam kes hutang pula, jika petani berhutang untuk aktiviti penanaman padi, maka hutang tersebut boleh ditolak dalam pengiraan zakat padi. Ini berdasarkan pandangan Aḥmad, ‘Aṭā’, al-Ḥasan, Sulaimān, Maimūn bin Mihrān, al-Nakha‘ī, al-Thaurī, al-Laith dan Ishāq (Ibn Qudāmah, 1984, jil. 2: 634). Manakala Ibn ‘Abbās, Ibn ‘Umar (Abū ‘Ubayd, 1988: 611), Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 446) dan Muḥammad Kamāl ‘Atiyah (1995: 28), fatwa di Mesir (al-Sālūs, 2006: 559) sependapat bahawa hutang yang boleh ditolak adalah hutang bagi tujuan tanaman manakala bagi hutang untuk perbelanjaan keluarga, hanya Ibn ‘Umar sahaja membenarkan penolakan kos tersebut (Abū ‘Ubayd, 1988: 611).

Terdapat dua situasi yang berlaku kepada petani di Malaysia iaitu petani yang mengusahakan sawah padi sebagai pekerjaan sampingan dan petani yang bersawah padi sebagai pekerjaan utama atau bersumberkan pendapatan daripada hasil padi semata-mata.

6.2.1 Pekerjaan Sampingan Petani adalah Bersawah Padi

Dalam kes ini, petani boleh menolak kos-kos tanaman yang biasa dikeluarkan oleh petani seperti yang telah disebutkan sebelum ini dan jika petani berhutang untuk penanaman padi, maka hutang tersebut boleh ditolak dalam pengiraan zakat padi.

Formula pengiraan zakat padi yang digunakan adalah:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 5\% @ 7.5\% @ 10\% \times (\text{Hasil Kasar Padi} - \text{Kos Tanaman})$$

Terdapat dua situasi yang mungkin berlaku:

- 1) Petani tidak berhutang untuk penanaman padi

Dalam kes ini, formula yang digunakan adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 5\% @ 7.5\% @ 10\% \times (\text{Hasil Kasar Padi} - \text{Kos Tanaman})$$

Jadual 6.6: Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1
(Petani Tidak Berhutang)

	Perkara	RM	RM
A)	Pendapatan Hasil padi		17250.00
B)	Kos Tanaman		
	Benih	1500.00	
	Baja	200.00	
	Racun kawalan serangga	200.00	
	Racun kawalan penyakit	150.00	
	Racun kawalan siput gondong emas	200.00	
	Racun kawalan tikus	200.00	
	Upah membajak	3800.00	
	Upah menabur benih	360.00	
	Upah menuai	2000.00	
	Upah membaja	360.00	
	Upah mengangkut padi	200.00	
	Cukai tanah	<u>100.00</u>	
	Jumlah Kos Tanaman	<u>9270.00</u>	
C)	Baki		7980.00
D)	Jumlah Zakat Padi (10% × RM7980.00)		798.00

Merujuk kepada Jadual 6.6, jumlah zakat padi yang perlu dibayar adalah sebanyak RM798.00

2) Petani berhutang untuk penanaman padi

Dalam kes ini, formula pengiraan zakat padi digunakan adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 5\% @ 7.5\% @ 10\% \times (\text{Hasil Kasar Padi} - \text{Hutang} - \text{Kos Tanaman})$$

Jadual 6.7: Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1
(Petani Berhutang)

	Perkara	RM	RM
A)	Pendapatan Hasil padi		11800.00
B)	Hutang Kos Tanaman		2000.00
C)	Kos Tanaman		
	Benih	1440.00	
	Baja	100.00	
	Racun kawalan serangga	100.00	
	Racun kawalan penyakit	150.00	
	Racun kawalan tikus	100.00	
	Upah merata tanah	1000.00	
	Upah mengangkut baja	75.00	
	Upah membajak	2000.00	
	Upah menabur benih	225.00	
	Upah menuai	1800.00	
	Upah membaja	450.00	
	Upah mengangkut padi	625.00	
	Cukai tanah	<u>100.00</u>	
	Jumlah Kos Tanaman	<u>7985.00</u>	
D)	Baki		1815.00
E)	Jumlah Zakat Padi (10% × RM1815.00)		181.50

Merujuk kepada Jadual 6.7, jumlah zakat padi yang perlu dibayar adalah RM181.50.

6.2.2 Pekerjaan Utama Petani adalah Bersawah Padi atau Pekerjaan Petani Hanya Bersawah Padi¹⁰¹

Dalam kes ini, petani boleh menolak kos-kos tanaman yang biasa dikeluarkan oleh petani seperti di bawah serta boleh menolak kos sara hidup yang dibelanjakan untuk dirinya dan tanggungannya. Jumlah maksimum kos sara hidup yang boleh ditolak adalah seperti Jadual 6.8. Kos sara hidup ini diambil dari kalkulator untuk mengira zakat pendapatan mengikut negeri Selangor, Kedah, Kelantan dan Perlis.

¹⁰¹ Petani yang termasuk dalam kategori ini juga adalah petani yang belum menolak kos sara hidup dalam taksiran zakat harta yang lain. Jadi, mereka boleh menolak kos tanaman dan kos sara dalam pengiraan zakat padi mereka.

Kos-kos tanaman yang biasa¹⁰² dikeluarkan oleh petani adalah seperti berikut:

- 1) Kos input iaitu benih, baja, racun-racun seperti racun kawalan serangga, racun kawalan penyakit, racun kawalan rumpai, racun kawalan siput gondong emas dan racun-racun lain yang dikeluarkan oleh petani;
- 2) Kos buruh iaitu upah merata tanah, upah meracun, upah pengangkutan termasuk pengangkutan untuk baja subsidi atau bukan baja subsidi dan mengangkut padi, upah membajak, upah menabur benih, upah membaja dan upah menuai; dan
- 3) Kos lain seperti sewa tanah

Jadual 6.8: Jadual Silang Jumlah Kos Sara Hidup Setahun dan Negeri¹⁰³

Negeri	Kos Sara Hidup	RM
Selangor	Diri Sendiri	8200.00
	Isteri	5000.00
	Tanggungan Tidak Bekerja (18 tahun ke atas)	2900.00
	Anak Berumur 7–17 tahun	2200.00
	Anak Berumur 0–6 tahun	1500.00
Kelantan	Diri sendiri	9000.00
	Isteri Tidak Bekerja	3000.00
	Anak Menengah/Rendah	1000.00
	Anak Universiti/Kolej	4000.00
Kedah	Diri sendiri	8000.00
	Isteri (seorang)	3000.00
	Anak (seorang)	800.00
Perlis	Diri sendiri	5000.00
	Isteri (seorang)	3000.00
	Anak (seorang)	1000.00

Sumber: Laman Web institusi zakat;¹⁰⁴ Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 2001

¹⁰² Kos-kos tanaman yang biasa adalah kos-kos tanaman yang dikeluarkan oleh kebanyakan petani berdasarkan soal selidik yang dijalankan.

¹⁰³ Kos sara hidup ini diambil daripada kos sara hidup yang boleh ditolak dalam taksiran zakat pendapatan bagi negeri Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Walaupun begitu, penyelidik mencadangkan supaya kos sara hidup bagi diri sendiri di negeri Perlis perlu dinilai semula kerana terlalu rendah sedangkan ia berjiran dengan negeri Kedah. Kos sara hidup yang perlu diambilkira adalah perbelanjaan untuk perlindungan (tempat tinggal), makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan.

¹⁰⁴ Lembaga Zakat Selangor (t.t.c), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t.c), Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (t.t.b).

Formula pengiraan zakat padi yang digunakan adalah:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 5\% @ 7.5\% @ 10\% \times (\text{Hasil Kasar Padi} - \text{Kos Tanaman} - \text{Kos Sara Hidup})$$

Terdapat dua situasi yang mungkin berlaku iaitu:

- 1) Petani tidak berhutang untuk penanaman padi

Bagi situasi petani yang tidak berhutang untuk penanaman padi, formula yang digunakan adalah:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 5\% @ 7.5\% @ 10\% \times (\text{Hasil Kasar Padi} - \text{Kos Tanaman} - \text{Kos Sara Hidup})$$

Jadual 6.9: Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2 (Kes di Selangor)

	Perkara	RM	RM
A)	Pendapatan Hasil padi		56925.00
B)	Kos Tanaman		
	Benih	1960.00	
	Baja	1120.00	
	Racun kawalan serangga	700.00	
	Racun kawalan penyakit	700.00	
	Upah merata tanah	1400.00	
	Upah meracun	2800.00	
	Upah membajak	1400.00	
	Upah menabur benih	1400.00	
	Upah mengangkut baja	240.00	
	Upah membaja	1400.00	
	Upah menuai	2450.00	
	Upah mengangkut padi	980.00	
	Sewa tanah	<u>20000.00</u>	
	Jumlah Kos Tanaman	<u>36550.00</u>	
C)	Kos Sara Hidup (6 bulan)		
	Sendiri	4100.00	
	Isteri	2500.00	
	Anak Berumur 19 tahun	1450.00	
	Anak Berumur 15 tahun	<u>1100.00</u>	
	Jumlah Kos Sara Hidup	<u>9150.00</u>	
D)	Baki		11225.00
E)	Jumlah Zakat Padi (10% × RM11225.00)		1122.50

Merujuk kepada Jadual 6.9, jumlah zakat padi yang perlu dibayar adalah RM1122.50.

2) Petani berhutang untuk penanaman padi

Bagi kes petani yang berhutang, formula pengiraan zakat padi adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Zakat Padi} = 5\% @ 7.5\% @ 10\% \times (\text{Hasil Kasar Padi} - \text{Hutang} - \text{Kos Tanaman} - \text{Kos Sara Hidup})$$

Jadual 6.10: Contoh Pengiraan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2 (Kes di Kelantan)

	Perkara	RM	RM
A)	Pendapatan Hasil padi		32895.00
B)	Hutang Kos Tanaman		6000.00
C)	Kos Tanaman		
	Benih	330.00	
	Baja	100.00	
	Racun kawalan serangga	200.00	
	Racun kawalan penyakit	100.00	
	Racun kawalan siput gondong emas	200.00	
	Racun kawalan tikus	200.00	
	Upah membajak	3000.00	
	Upah menuai	2500.00	
	Upah mengangkut padi	500.00	
	Sewa tanah	<u>4000.00</u>	
	Jumlah Kos Tanaman	<u>11130.00</u>	
C)	Kos Sara Hidup (6 bulan)		
	Sendiri	4500.00	
	Isteri	1500.00	
	Anak (3 orang × RM500.00)	<u>1500.00</u>	
	Jumlah Kos Sara Hidup	<u>7500.00</u>	
D)	Baki		8265.00
E)	Jumlah Zakat Padi (10% × RM8265.00)		826.50

Merujuk kepada Jadual 6.10, jumlah zakat padi yang perlu dibayar adalah sebanyak RM826.50.

6.3 IMPLIKASI PENGGUNAAN MODEL PERAKAUNAN ZAKAT PADI BARU

Setelah dibandingkan antara model perakaunan zakat sedia ada dengan model perakaunan zakat baru, penyelidik menemui beberapa penemuan. Antaranya kesan penggunaan model baru akan mengurangkan jumlah pembayar zakat padi dan seterusnya mengurangkan jumlah kutipan zakat padi.

6.3.1 Implikasi Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1

Berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan, maka beberapa penemuan dijumpai jika penggunaan model perakaunan zakat padi berdasarkan hasil bersih 1 dilaksanakan iaitu:

- 1) Bilangan responden yang tidak perlu membayar zakat padi akan bertambah

Jadual 6.11: Taburan Responden Berdasarkan Kecukupan Nisab Zakat Padi dengan Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1 dan Negeri

Kecukupan Nisab Zakat Padi	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Cukup Nisab	24 (14.4%)	39 (25.0%)	27 (17.3%)	25 (16.0%)	115 (73.7%)
Tidak Cukup Nisab	13 (8.3%)	6 (3.8%)	14 (9.0%)	8 (5.1%)	41 (26.3%)
JUMLAH	37 (23.7%)	45 (28.8%)	41 (26.3%)	33 (21.2%)	156 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Berdasarkan Jadual 6.11, jumlah responden yang bersawah sebagai pekerjaan sampingan adalah seramai 156 orang. Daripada jumlah tersebut, jumlah responden yang tidak cukup nisab akan bertambah kepada 41 orang dan majoritinya adalah responden di Kelantan diikuti oleh responden di Selangor, responden di Perlis dan responden di Kedah. Hasil kajian ini menyokong hasil kajian Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980) di mana petani yang tidak perlu membayar zakat padi meningkat apabila menggunakan kaedah hasil bersih dalam pengiraan zakat padi.

2) Pengenaan zakat padi kepada individu yang benar-benar layak

Jadual 6.12: Kos Sara Hidup Sebulan (RM) dan Jumlah Pendapatan Keseluruhan Bersih Sebulan (RM) Responden Yang Layak Zakat dengan Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 1

Kos Sara Hidup Sebulan (RM)	Pendapatan Keseluruhan Bersih Sebulan (RM)				JUMLAH
	<2001	2001-4000	4001-6000	>6000	
155-500	13 (11.3%)	1 (0.9%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	14 (12.2%)
501-1000	18 (15.7%)	10 (8.7%)	2 (1.7%)	0 (0.0%)	30 (26.1%)
1001-1500	17 (14.8%)	9 (7.8%)	5 (4.3%)	0 (0.0%)	31 (27.0%)
1501-2000	12 (10.4%)	1 (0.9%)	1 (0.9%)	1 (0.9%)	15 (13.0%)
2001-2500	3 (2.6%)	5 (4.3%)	2 (1.7%)	1 (0.9%)	11 (9.6%)
2501-3000	0 (0.0%)	1 (0.9%)	0 (0.0%)	3 (2.6%)	4 (3.5%)
>3000	3 (2.6%)	4 (3.5%)	1 (0.9%)	2 (1.7%)	10 (8.7%)
JUMLAH	66 (57.4%)	31 (27.0%)	11 (9.6%)	7 (6.1%)	115 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Daripada Jadual 6.12 menunjukkan bahawa pendapatan keseluruhan bersih majoriti responden yang layak dikenakan zakat berdasarkan taksiran zakat dengan menggunakan hasil bersih 1 adalah antara kurang daripada RM2001 dan kos sara hidup majoriti daripada mereka adalah RM501 hingga RM1500. Ini menunjukkan responden yang dikenakan zakat adalah yang layak kerana berdasarkan Jadual 5.27 (rujuk Bab Lima), had kifayah bagi seorang ketua keluarga adalah RM680.00. Pendapatan keseluruhan bersih yang diperolehi oleh responden mampu menampung kos sara hidup responden dan tanggungannya.

3) Jumlah zakat padi yang dikutip akan berkurang

Apabila model perakaunan hasil bersih 1 diaplikasikan, maka jumlah zakat padi yang dibayar oleh petani akan berkurang disebabkan jumlah pembayar zakat padi berkurang. Walaupun begitu, jumlah zakat boleh ditingkatkan dengan perluasan pengenaan zakat tanaman kepada hasil tanaman selain padi seperti kelapa sawit, getah dan koko (Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Wiyadi, 2008).

6.3.2 Implikasi Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2

Berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan, maka beberapa penemuan dijumpai jika penggunaan model perakaunan zakat padi berdasarkan hasil bersih 2 diaplikasikan iaitu:

- 1) Bilangan responden yang tidak perlu membayar zakat padi akan bertambah

Jadual 6.13: Taburan Responden Berdasarkan Kecukupan Nisab Zakat Padi dengan Penggunaan Model Perakaunan Zakat Padi Berdasarkan Hasil Bersih 2 dan Negeri

Kecukupan Nisab Zakat Padi	Negeri				JUMLAH
	Selangor	Kedah	Kelantan	Perlis	
Cukup Nisab	17 (7.0%)	16 (6.6%)	9 (3.7%)	4 (1.6%)	46 (18.9%)
Tidak Cukup Nisab	66 (27.0%)	59 (24.2%)	30 (12.3%)	43 (17.6%)	198 (81.1%)
JUMLAH	83 (34.0%)	75 (30.7%)	39 (16.0%)	47 (19.3%)	244 (100.0%)

Sumber: Kajian Sampel, April – September 2011

Merujuk kepada Jadual 6.13, seramai 244 orang responden bersawah padi sebagai pekerjaan utama. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 198 orang responden tidak perlu membayar zakat padi kerana tidak cukup nisab. Data tersebut disumbangkan oleh responden di Selangor diikuti oleh responden di Kedah, di Perlis dan di Kelantan.

- 2) Pengenaan zakat padi kepada individu yang benar-benar layak

Penemuan dalam Bab Lima menunjukkan sebahagian besar responden memperolehi pendapatan hasil padi kurang daripada RM1001 sebulan. Dalam kalangan responden yang mempunyai pendapatan hasil padi kurang daripada RM1001 sebulan, terdapat seramai 68 orang responden (17.1 peratus) membelanjakan kos sara hidup lebih daripada RM1000. Kekurangan tersebut ditampung oleh pendapatan responden dari

sumber pekerjaan lain. Daripada 244 orang responden tersebut, seramai 118 orang responden mempunyai pekerjaan lain selain bersawah. Pendapatan dari sumber pekerjaan lain ini boleh mencecah sehingga melebihi RM3000.

Jadi, dengan penggunaan taksiran zakat padi berdasarkan hasil bersih 2 sesuai diaplikasikan kerana hanya individu yang benar-benar layak perlu membayar zakat padi. Ulama Ḥanafī memberikan definisi keperluan asas iaitu sesuatu yang betul-betul diperlukan untuk kelestarian hidup seperti belanja sehari-hari, rumah kediaman, senjata untuk mempertahankan diri atau pakaian yang diperlukan untuk melindungi tubuh dari panas dan dingin atau keperluan utama seperti hutang (al-Kāsānī, 1986, jil.2: 11; al-Marghīnānī, t.t., jil. 1: 97). Dewasa ini, kos sara hidup yang dikeluarkan oleh ketua keluarga adalah RM680 sebulan (Lembaga Zakat Selangor, t.t.d).

6.4 KESIMPULAN

Institusi zakat di Malaysia menggunakan model perakaunan zakat padi sedia ada berdasarkan hasil kasar atau hasil bersih. Walaupun begitu, dari sudut praktiknya dalam kalangan petani adalah berbeza. Petani lebih suka menggunakan model perakaunan zakat padi berdasarkan hasil kasar. Ini dibuktikan dengan hasil penemuan dalam Bab Lima. Oleh itu, institusi zakat perlu meningkatkan hebahan kepada petani berkenaan model perakaunan zakat tersebut supaya petani mendapat maklumat yang tepat dan selari dengan garis panduan institusi zakat. Model perakaunan zakat padi yang baru yang dikemukakan oleh penyelidik adalah pengubahsuaian model perakaunan zakat padi yang sedia ada. Model ini telah mengambilkira semua kos-kos tanaman yang penting dalam penanaman padi dan kos sara hidup yang perlu dibelanjakan untuk petani dan tanggungannya.

BAB TUJUH

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI DASAR

7.0 PENGENALAN

Enam bab terdahulu dalam tesis ini telah membincangkan secara terperinci berkenaan permasalahan dan objektif kajian, sorotan karya dan perundangan zakat yang mendasari kerangka kajian, metodologi yang digunakan dalam kajian, hasil penemuan kajian berkenaan amalan taksiran zakat padi serta cadangan model perakaunan zakat padi di Malaysia. Bab ketujuh ini pula merupakan rumusan kepada keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Ia menyentuh empat perkara iaitu hasil penemuan utama kajian, implikasi dasar kepada kajian yang dijalankan, cadangan terhadap institusi zakat serta cadangan untuk kajian-kajian pada masa hadapan.

7.1 HASIL PENEMUAN UTAMA KAJIAN

Kajian ini bertitik tolak daripada kaedah taksiran zakat padi yang menyumbang kepada hasil kutipan zakat padi. Kaedah taksiran zakat padi yang berbeza antara negeri-negeri di Malaysia akan memberikan implikasi yang berbeza terhadap hasil kutipan zakat tanaman. Di Malaysia, terdapat tiga kaedah taksiran zakat padi iaitu hasil kasar, hasil bersih dengan tolakan kos tanaman serta hasil bersih dengan tolakan kos tanaman dan kos sara hidup. Jadi, kajian ini telah memilih Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis sebagai sampel bagi mewakili ketiga-tiga kaedah taksiran tersebut.

Institusi zakat memberikan garis panduan bagi pelaksanaan ketiga-tiga kaedah tersebut. Walaupun begitu, garis panduan tersebut tidak semestinya diikuti atau digunapakai dalam kalangan petani. Senario ini menarik perhatian penyelidik untuk mengkaji dengan lebih terperinci berkaitan perkara tersebut. Kajian ini secara keseluruhannya mempunyai empat objektif. Setiap objektif disertai beberapa persoalan yang perlu dijawab menerusi kajian ini.

Objektif pertama adalah berkaitan dengan perbincangan terhadap pemikiran sarjana Islam tentang zakat tanaman. Objektif ini membawa kepada pembentukan kerangka asas zakat tanaman. Bagi mencapai objektif ini, dua persoalan kajian ditimbulkan. Persoalan pertama adalah apakah pandangan sarjana Islam tentang zakat tanaman? Kedua, apakah pandangan sarjana Islam tentang penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat tanaman? Persoalan-persoalan ini terjawab menerusi sorotan terhadap karya-karya terdahulu yang telah dilakukan dalam bab kedua kajian ini. Hasil penelitian bab kedua kajian menemukan perluasan terhadap tanaman-tanaman yang dikenakan zakat tanaman bukan hanya kepada tanaman padi semata-mata tetapi tanaman lain seperti kelapa sawit, getah dan koko sepertimana pandangan Abū Hanīfah. Hasil penemuan dalam bab kedua ini juga mendapati bahawa terdapat pandangan sarjana Islam yang membolehkan penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam taksiran zakat tanaman. Ibn ‘Abbās membenarkan penolakan untuk hutang kos tanaman sahaja dalam taksiran zakat tanaman manakala Ibn ‘Umar membenarkan penolakan hutang kos tanaman dan hutang kos sara hidup dalam taksiran zakat tanaman (Abu ‘Ubāyd, 1988: 611). Begitu juga pandangan sarjana Islam kontemporari seperti Yūsuf al-Qaraḍāwī (1994, jil. 1: 446) dan Muḥammad Kamāl ‘Atiyah (1995: 28) yang juga menyokong pandangan yang membolehkan penolakan kos tanaman dalam taksiran zakat tanaman.

Objektif kedua kajian pula adalah berhubung penelitian terhadap fatwa dan undang-undang berkaitan zakat tanaman di Malaysia. Bagi mencapai objektif ini, dua persoalan kajian dikemukakan iaitu persoalan pertama adalah apakah undang-undang berkaitan zakat tanaman di Malaysia? Kedua, apakah fatwa yang berkaitan zakat tanaman di Malaysia? Kedua-dua persoalan ini terjawab menerusi analisis yang telah dijalankan dalam bab ketiga kajian ini.

Hasil analisis terhadap undang-undang yang wujud di Malaysia menunjukkan negeri Sabah, Sarawak dan Negeri Sembilan tidak memperuntukkan seksyen khusus dalam enakmen berkenaan zakat tanaman. Manakala terdapat undang-undang khusus di negeri-negeri lain berkaitan zakat tanaman. Undang-undang khusus tersebut sama ada memperincikan jenis harta yang diwajibkan zakat, jenis tanaman yang dikenakan zakat, kadar zakat tanaman, nisab zakat tanaman, waktu kewajipan zakat tanaman, kaedah taksiran zakat tanaman, cara pembayaran zakat tanaman serta status subsidi harga padi dalam taksiran zakat. Penemuan lain juga menunjukkan bahawa selain padi, terdapat tanaman lain yang boleh dikenakan zakat tanaman seperti jagung, kismis, kurma, gandum, sekoi, kacang soya, kacang hijau, makanan asas lain serta tanaman lain. Undang-undang berkaitan kadar zakat tanaman mempamerkan semua negeri yang mempunyai enakmen khusus berkaitan zakat tanaman mengenakan zakat tanaman pada kadar 10 peratus kecuali Selangor iaitu 5 peratus. Manakala jumlah nisab zakat tanaman pula berbeza-beza antara negeri-negeri sama ada menggunakan gantang atau kilogram. Dalam sukatan gantang, nisab zakat padi adalah antara $358 \frac{1}{3}$ gantang hingga 600 gantang Baghdad manakala dalam sukatan kilogram pula adalah 1300.449 kilogram sahaja. Selain itu, nisab tanaman-tanaman lain selain padi seperti jagung, gandum, sekoi, kacang soya dan kacang tanah adalah antara $179 \frac{1}{6}$ gantang hingga 600 gantang Baghdad. Dari sudut kaedah taksiran zakat padi pula, enakmen di negeri Perak,

Selangor, Kedah, Perlis, Johor, Melaka, Pahang dan Terengganu menghuraikan kaedah taksiran zakat tanaman berdasarkan hasil kasar atau jumlah padi.

Hasil penemuan juga menunjukkan hanya 5 negeri sahaja iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan Terengganu mempunyai enakmen berkaitan waktu kewajipan zakat tanaman iaitu sama ada setiap musim, tidak lewat daripada akhir bulan selepas masa mengetam, selesai dituai atau setiap tahun.

Enakmen berkaitan zakat subsidi harga padi hanya terdapat di Selangor sahaja di mana Selangor mengenakan zakat subsidi harga padi pada kadar 2.5 peratus. Negeri-negeri lain tidak mempunyai enakmen berkaitan subsidi harga padi.

Hasil penelitian terhadap fatwa yang wujud di Malaysia berkenaan dengan zakat tanaman pula memperincikan tentang kadar zakat tanaman, nisab zakat tanaman, kaedah taksiran zakat tanaman, waktu pembayaran zakat tanaman, cara pembayaran zakat tanaman dan zakat subsidi harga padi. Hanya Selangor, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan Melaka sahaja mempunyai fatwa berkenaan zakat tanaman. Fatwa ini terbahagi kepada dua iaitu fatwa yang diwartakan dan fatwa yang tidak diwartakan. Hanya Selangor sahaja yang mewartakan fatwa mengenai zakat tanaman pada tahun 2001. Manakala negeri-negeri lain tidak mewartakan fatwa berkenaan zakat tanaman. Fatwa yang ada di negeri-negeri tersebut hanya sebagai rujukan sahaja.

Hasil penemuan juga mendapati terdapat fatwa yang berbeza mengenai projek penanaman padi secara perseorangan dan secara berkelompok. Hanya Selangor, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Melaka sahaja yang mempunyai fatwa berkenaan zakat tanaman bagi projek penanaman padi secara perseorangan, Fatwa tersebut merangkumi aspek berkaitan kadar zakat tanaman, nisab zakat tanaman, kaedah taksiran zakat tanaman dan cara pembayaran zakat serta bidang kuasa pungutan zakat tanaman.

Fatwa berkenaan kadar zakat tanaman di Selangor dan Perlis menetapkan kadar zakat tanaman adalah sebanyak 5 peratus manakala fatwa di Kelantan dan Terengganu menetapkan kadar zakat tanaman adalah 10 peratus. Selain itu, fatwa berkenaan zakat tanaman di Kedah dan Melaka menetapkan tiga kadar zakat tanaman iaitu 5 peratus, 7.5 peratus dan 10 peratus berdasarkan jenis pengairan yang digunakan oleh petani.

Dalam fatwa berkaitan zakat tanaman juga memperincikan kaedah taksiran zakat padi iaitu berdasarkan hasil kasar atau hasil bersih yang boleh menolak kos tanaman sahaja dalam pengiraan zakat padi atau hasil bersih yang boleh menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi.

Hanya fatwa di Perlis sahaja membolehkan petani mengeluarkan zakat padi berdasarkan hasil bersih padi setelah ditolak kos tanaman dan kos sara hidup. Fatwa ini menjelaskan kaedah taksiran zakat padi yang telah disebut di dalam enakmen undang-undang negeri tersebut. Walaupun begitu, fatwa berkenaan kadar zakat padi tidak selari dengan enakmen yang telah disebut sebelum ini yang menyebut kadar zakat padi sebanyak 10 peratus berbanding fatwa zakat hanya menetapkan kadar zakat padi sebanyak 5 peratus.

Manakala fatwa di negeri-negeri lain menetapkan kaedah taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar.

Di Kedah, Terengganu dan Kelantan, terdapat fatwa khusus berkenaan projek penanaman padi secara berkelompok atau mini estet atau ladang. Di Kedah, fatwa berkenaan penanaman padi membolehkan petani mentaksir zakat padi setelah ditolak kos tanaman. Manakala di Terengganu, petani yang menanam padi secara mini estet diberi pilihan sama ada membayar zakat pada kadar 5 peratus atau 10 peratus bergantung kepada besar atau kecil kos yang dikeluarkan oleh petani. Di Kelantan pula, petani membayar zakat padi daripada pendapatan bersih setelah ditolak kos pengurusan projek yang dikeluarkan oleh agensi pelaksana.

Manakala dari aspek fatwa berkenaan subsidi harga padi pula, hanya Selangor, Pulau Pinang, Kedah dan Terengganu sahaja yang mempunyai fatwa berkenaan subsidi harga padi. Selangor dan Pulau Pinang menganggap subsidi harga padi sebagai *māl al-mustafād* manakala Kedah memasukkan subsidi harga padi dalam pengiraan zakat tanaman. Manakala Terengganu tidak mengenakan zakat terhadap subsidi harga padi.

Objektif ketiga pula berkaitan analisis amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Bagi mencapai objektif ini, empat persoalan kajian perlu dirungkaikan. Persoalan Pertama adalah apakah bentuk penanaman padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis? Kedua, bagaimanakah amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis? Ketiga, apakah pandangan responden berkaitan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis? Keempat, apakah wujud perbezaan antara amalan taksiran zakat padi di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis?

Keempat-empat persoalan kajian ini terjawab menerusi analisis yang telah dijalankan dalam bab kelima kajian ini.

Hasil penemuan kajian mendapati bahawa bersawah padi di keempat-empat negeri merupakan pekerjaan utama atau sampingan. Petani mengusahakan sawah padi atas tanah sendiri, sewa, pawah atau petani diupah. Majoriti petani mengusahakan tanah antara 0.4 ekar hingga 5 ekar. Oleh kerana keluasan tanah sawah yang tidak seberapa, hasil yang diperolehi oleh mereka bagi semusim penanaman padi adalah antara 0.5 tan hingga 10 tan sedangkan kos yang dikeluarkan oleh majoriti mereka sekitar RM200 hingga lebih daripada RM5000. Kos-kos yang dibelanjakan termasuklah kos input seperti baja, benih dan racun; kos buruh seperti upah membajak, upah menuai, upah merata tanah, upah menabur benih dan upah mengangkut padi dan kos lain termasuklah kos sewa, cukai tanah dan cukai tali air. Rentetan daripada kos tanaman yang tinggi, terdapat petani yang memperolehi pendapatan bersih defisit. Manakala kos sara hidup yang perlu dibelanjakan oleh majoriti petani untuk dirinya dan tanggungannya sekitar RM501 hingga RM1500 sebulan.

Hasil penemuan kedua mendapati kebanyakan petani membayar zakat padi kepada institusi zakat dan asnaf zakat secara bersama. Pembayaran zakat terus kepada asnaf menyebabkan bocoran dalam kutipan zakat negeri sebanyak 45 peratus daripada keseluruhan zakat iaitu RM297193.41. Antara alasan yang diberikan oleh responden yang membayar zakat kepada asnaf zakat ialah lebih mudah berurusan dengan asnaf, sukar berjumpa amil dan lebih berpuashati apabila mengagihkan sendiri zakat. Dari aspek kadar pembayaran zakat, petani di Kedah, Perlis dan Kelantan membayar zakat padi pada kadar 10 peratus manakala petani di Selangor membayar zakat padi pada kadar 5 peratus. Kadar yang dibayar oleh mereka selari dengan kadar yang ditetapkan

oleh JZK, MAIPs, MAIK dan LZS. Walaupun begitu, kadar zakat ini tidak selari dengan jenis pengairan yang digunakan oleh petani. Terdapat petani yang tidak mengeluarkan kos untuk pengairan juga membayar zakat padi pada kadar 5 peratus. Dari sudut nisab pula, kebanyakan responden tidak tahu jumlah nisab zakat padi dan mereka beranggapan jumlah nisab adalah jumlah hasil padi yang layak zakat. Oleh sebab itu, terdapat sebilangan kecil responden yang tidak cukup nisab juga membayar zakat padi. Dari aspek kaedah pengiraan zakat padi pula, kebanyakan responden menggunakan kaedah hasil kasar dalam taksiran zakat padi. Walaupun begitu, majoriti responden di Kelantan menggunakan kaedah hasil bersih dan ini tidak selaras dengan penetapan MAIK. Dari aspek kadar zakat subsidi harga padi pula, majoriti responden di Kedah membayar zakat subsidi harga padi sebanyak 10 peratus iaitu selari dengan penetapan JZK manakala kebanyakan responden di Selangor membayar zakat subsidi harga padi pada kadar yang lama iaitu 5 peratus dan ia tidak selari dengan penetapan LZS.

Hasil penemuan ketiga berkaitan pandangan responden berkenaan taksiran zakat padi. Kebanyakan responden bersetuju dengan penolakan kos tanaman dalam taksiran zakat padi tetapi tidak bersetuju penolakan kos sara hidup dalam taksiran zakat padi. Kebanyakan mereka juga bersetuju berkaitan pernyataan hasil padi yang mereka perolehi sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga, menampung kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi pada musim ini dan modal penanaman padi pada musim akan datang. Tetapi, kebanyakan mereka tidak bersetuju petani mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti penanaman padi dan menyamakan pendapatan pesawah dengan taraf hidup orang miskin. Di samping itu, majoriti mereka juga tidak bersetuju dengan item berkaitan cadangan kaedah pengiraan zakat padi baru di bawah taksiran

zakat perniagaan atau zakat pendapatan. Kebanyakan mereka juga tidak bersetuju subsidi harga padi dikenakan zakat.

Hasil penemuan keempat berkaitan perbezaan amalan taksiran zakat di keempat-empat negeri. Memang wujud perbezaan amalan taksiran zakat di negeri-negeri tersebut dari aspek kadar zakat padi, kaedah pengiraan zakat padi dan kaedah pengiraan zakat subsidi harga padi. Walaupun begitu, jumlah zakat padi yang dibayar oleh kebanyakan mereka adalah dalam julat yang sama iaitu antara RM20 hingga RM1000.

Hasil penemuan berkaitan maklum balas responden tentang hubung kait antara pemboleh ubah zakat padi dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah berkaitan mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara pemboleh ubah zakat padi dengan pemboleh ubah jumlah keluasan penanaman padi, pemboleh ubah hasil padi, pemboleh ubah subsidi harga padi, pemboleh ubah kos input, pemboleh ubah kos buruh dan pemboleh ubah kos lain. Selain itu, terdapat hubungan positif yang signifikan antara pemboleh ubah zakat padi dengan bilangan tanggungan. Manakala pemboleh ubah hasil padi tidak mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah zakat subsidi harga padi. Dapatan ini menyokong semua hipotesis yang dikemukakan dalam kajian ini.

Objektif keempat kajian adalah berkaitan cadangan model perakaunan zakat padi yang praktikal untuk diamalkan di Malaysia. Bagi mencapai objektif ini, dua persoalan kajian dikemukakan. Persoalan Pertama adalah apakah model perakaunan zakat padi yang sedia ada terpakai di Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis? Kedua, apakah model perakaunan zakat padi yang sesuai dipraktikkan di Malaysia? Dua persoalan kajian ini terjawab dalam bab keenam kajian ini.

Menerusi sorotan karya kajian, enakmen dan garis panduan berkenaan zakat tanaman yang digunapakai di LZS, MAIK, JZK dan MAIPs telah digariskan secara teori. Dari segi pelaksanaan, terdapat petani yang mengikut garis panduan institusi zakat dan ada juga yang tidak mengikut garis panduan tersebut.

Model perakaunan zakat yang sedia ada di empat negeri yang dikaji berbeza. Model perakaunan zakat padi tersebut terbahagi kepada tiga iaitu taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar padi, taksiran zakat padi berdasarkan hasil bersih padi iaitu petani menolak kos tanaman sahaja dalam pengiraan zakat padi dan taksiran zakat padi berdasarkan hasil bersih padi iaitu petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi. Kadar zakat yang digunakan adalah 5 peratus atau 10 peratus.

Model perakaunan zakat padi yang sedia ada seperti di Kedah dan Perlis juga telah mengambilkira kos tanaman dan atau kos sara hidup dalam taksiran zakat padi. Walaupun begitu, didapati bahawa hasil penemuan daripada soal selidik kepada petani menunjukkan bahawa tidak ramai yang mempraktikkan model yang digariskan oleh JZK dan MAIPs. Ini bersesuaian dengan dapatan lain yang diperolehi yang menunjukkan terdapat petani di Kedah dan Perlis yang tidak mengetahui fatwa berkenaan taksiran zakat padi tersebut. Berlainan dengan responden di Kelantan yang majoriti daripada mereka menggunakan hasil bersih dalam taksiran zakat padi walaupun MAIK tidak menggariskan panduan berkenaan taksiran zakat padi tersebut. Ia bertepatan dengan hasil kajian yang mendapati semua responden di Kelantan tidak mengetahui fatwa yang mana petani tidak boleh menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi.

Model perakaunan zakat padi yang baru telah mengubahsuai model perakaunan zakat padi yang dilaksanakan oleh MAIPs. Model ini mengambilkira kos yang ditanggung oleh petani bagi penanaman padi sama ada kepada petani yang berhutang atau tidak berhutang untuk mengusahakan sawah mereka. Kos yang ditanggung oleh petani agak besar jika dibandingkan dengan pendapatan hasil padi yang diterima. Model ini juga mengambilkira kos-kos yang biasa ditanggung oleh petani dalam mengerjakan sawah mereka. Hasil penemuan soal selidik menunjukkan terdapat petani yang mempunyai pendapatan defisit dan tidak setimpal dengan apa yang dikerjakan. Hal ini berlaku kerana luas kawasan bertanam padi adalah kecil menyebabkan hasil yang didapati juga kurang. Walaupun begitu, jika petani mengusahakan sawah secara perladangan atau kelompok, maka hasil yang diperolehi akan meningkat atau dikerjakan secara pentadbiran pusat seperti Ladang Merdeka di Kelantan atau penanaman separa peladang di Kedah. Ini kerana pengurusan sawah dilakukan oleh PPK. Petani boleh mengerjakan sawah mereka sendiri dan mereka dibayar upah di samping pendapatan bersih yang diperolehi daripada hasil sawah padi mereka yang dibayar oleh PPK. Kaedah pembayaran zakat projek secara kelompok ini adalah berdasarkan hasil bersih.

Model perakaunan zakat padi yang baru juga mengambilkira petani yang mengusahakan sawah semata-mata sebagai sumber pendapatan. Dalam kes ini, petani boleh menolak kos sara hidup dalam pengiraan zakat tanaman dan jumlah kos sara hidup yang boleh ditolak adalah seperti mana kos sara hidup yang boleh ditolak dalam zakat penggajian.

7.2 IMPLIKASI DASAR

Berdasarkan penemuan-penemuan utama di atas, antara implikasi dasar daripada kajian ini adalah seperti berikut:

7.2.1 Zakat Tanaman

Sorotan karya terdahulu mengemukakan pelbagai tulisan berkenaan zakat tanaman yang merangkumi jenis-jenis tanaman yang dikenakan zakat tanaman, nisab zakat tanaman, kadar zakat tanaman dan kaedah taksiran zakat tanaman. Tulisan-tulisan tersebut hanya bersifat teoretikal sahaja. Karya-karya tersebut perlu diterjemahkan dalam bentuk yang lebih praktikal untuk diamalkan oleh institusi zakat dan petani. Oleh itu, kajian ini dilihat mampu merealisasikan perkara tersebut dengan mengambil kira sorotan karya terdahulu dan mengolahnya dalam bentuk yang lebih tersusun dengan mengemukakan contoh amalan taksiran zakat tanaman terkini di Malaysia. Dengan itu, maklumat yang diperolehi adalah terkini dan praktikal.

7.2.2 Undang-undang dan Fatwa berkenaan Zakat Tanaman

Dari aspek perundangan pula, didapati karya-karya lepas kurang menganalisis undang-undang yang wujud di Malaysia. Sebagai contoh Mujaini Tarimin (1990) hanya menyenaraikan undang-undang berkaitan zakat tanaman tetapi tidak membincangkan berkenaan fatwa zakat tanaman. Oleh itu, kajian ini mampu menonjolkan perkara-perkara baru yang patut diketengahkan seperti perluasan zakat tanaman kepada selain

padi seperti jagung, kurma, kismis, gandum, sekoi, kacang hijau, kacang soya dan tanaman lain.

7.2.3 Model Perakaunan Zakat Padi

Tidak dapat dinafikan banyak sorotan karya dan kajian-kajian lepas yang berbentuk teoretikal mahupun praktikal menyokong penggunaan hasil bersih dalam taksiran zakat padi. Sebagai contoh kajian Ismail Muhd Saleh dan Rogayah Ngah (1980), Abdul Aziz Muhamad (1986), Mujaini Tarimin (1987), Muhammad Akram Khan (2000), Didin Hafidhuddin (2001), Mohammad Azam Hussin (2004), Asmak Ab Rahman et al. (2006), Asmak Ab Rahman et al. (2010) dan Nuruul Hidayah Mansor (2012). Walaupun begitu, kajian mereka tidak mengemukakan model perakaunan zakat padi yang komprehensif dan sesuai diamalkan di Malaysia. Jadi, kajian ini mampu memberikan model perakaunan zakat padi yang praktikal dengan mengemukakan contoh amalan di beberapa negeri. Selain itu, kajian ini juga mengemukakan model perakaunan zakat padi yang sedia ada dan menjelaskan beberapa kelemahannya. Oleh itu, model ini boleh diaplikasikan kepada petani dan institusi zakat di Malaysia.

Secara ringkasnya, model perakaunan zakat padi yang baru telah mengambil kira kos tanaman dalam taksiran zakat padi dan telah mengambil kira kos sara hidup bagi petani yang mempunyai sumber pendapatan semata-mata dari hasil padi. Oleh itu, model ini telah mengambilkira hutang, kos tanaman dan kos sara hidup dalam taksiran zakat padi dengan menjelaskan beberapa situasi yang berlaku di Malaysia.

7.2.4 Bukti Empirikal Berkenaan Amalan Taksiran Zakat Padi

Kajian ini telah menghasilkan penemuan berbentuk empirikal tentang amalan taksiran zakat padi di Malaysia. Kajian ini mengambil empat negeri sebagai sampel kajian iaitu Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Ia mewakili tiga kaedah yang berbeza dalam taksiran zakat padi iaitu berdasarkan hasil kasar padi, hasil bersih padi dengan tolakan kos tanaman sahaja dan hasil bersih dengan tolakan kos tanaman dan kos sara hidup. Hasil kajian mendapati amalan taksiran zakat padi dalam kalangan petani tidak sepenuhnya selari dengan enakmen, fatwa atau garis panduan yang ditetapkan oleh LZS, MAIK, JZK dan MAIPs. Oleh itu, amalan dalam kalangan petani membuktikan bahawa institusi zakat kurang mewarwarkan maklumat berkenaan zakat tanaman kepada petani terutama berkenaan taksiran zakat tanaman. Ini dibuktikan dengan penemuan kajian dalam 5.6.

7.3 CADANGAN TERHADAP AMALAN INSTITUSI ZAKAT

7.3.1 Penggunaan Hasil Bersih dalam Taksiran Zakat Padi

Hasil penemuan membuktikan bahawa taksiran zakat padi berdasarkan hasil kasar menyebabkan petani yang tidak mampu juga membayar zakat. Jadi, wajarlah institusi zakat terutama LZS, MAIK dan JZK mengambilkira kos tanaman yang dikeluarkan oleh petani dalam taksiran zakat tanaman. Ini kerana penanaman padi sekarang dijalankan secara moden dan komersial dan memerlukan kos yang tinggi bagi mendapatkan hasil yang lumayan dan banyak. Institusi zakat juga tidak perlu membezakan taksiran zakat tanaman kepada petani yang mengusahakan tanaman secara

berkelompok atau separa peladang atau mini estet dengan petani yang mengusahakan tanah sawah secara perseorangan. Ini kerana semua petani mengeluarkan kos bagi penanaman padi sama ada secara individu atau kelompok. Jadi, penggunaan model perakaunan zakat padi berdasarkan hasil bersih dengan tolakan kos tanaman perlu diaplikasikan kepada petani yang menanam padi sebagai pekerjaan sampingan.

Penggunaan model perakaunan zakat padi berdasarkan hasil bersih dengan penolakan kos tanaman dan kos sara hidup dalam taksiran zakat padi pula boleh dilakukan apabila sumber pendapatan petani hanya daripada hasil pendapatan sawah padi semata-mata. Ini kerana bagi petani yang mempunyai pekerjaan utama lain, mereka dibenarkan menolak kos sara hidup dalam taksiran zakat pengajian mereka. Jadi, jika diberi tolakan kos sara hidup sekali lagi, maka berlaku dua kali penolakan kos sara hidup.

Dari aspek nisab zakat tanaman pula, ia perlu dinilai mengikut nilai semasa padi seperti mana penilaian nisab dilakukan kepada zakat perniagaan dan zakat pendapatan di mana nisabnya adalah nilai yang bersamaan dengan 85 gram emas.

Manakala kadar zakat tanaman pula perlu ditentukan mengikut jenis pengairan yang digunakan oleh petani. Realiti yang berlaku dalam amalan institusi zakat adalah kadar zakat tanaman telah ditentukan terlebih dahulu sebelum taksiran zakat tanaman dilakukan. Sebaik-baiknya, institusi zakat meletakkan tiga kadar zakat tanaman iaitu 5 peratus, 7.5 peratus dan 10 peratus. Jadi, petani boleh memilih mana-mana kadar zakat tanaman mengikut jenis pengairan yang digunakan oleh mereka.

7.3.2 Perluasan Hebahan Maklumat

Institusi zakat memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat kepada petani berkaitan zakat tanaman yang merangkumi nisab zakat tanaman, kadar zakat tanaman dan kaedah pengiraan zakat tanaman. Sumber maklumat tersebut diperolehi sama ada melalui fatwa atau brosur atau sebagainya perlu diwarwarkan kepada petani secara berkala dan konsisten supaya semua maklumat tersebut sampai kepada petani. Institusi zakat tidak harus memikirkan untuk meningkatkan kutipan zakat tanaman semata-mata tanpa mengambilkira kemaslahatan petani. Ini berikutan penemuan kajian bahawa terdapat petani yang tidak mengetahui fatwa berkaitan zakat tanaman di negeri mereka sendiri.

Selain itu, penemuan secara terbuka antara pegawai zakat, amil, petani dan pihak berkaitan seperti PPK mampu menyelesaikan masalah yang timbul dalam kalangan petani. Cadangan dan komen juga boleh dikemukakan oleh petani bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan tanaman dan zakat tanaman.

Di samping itu, petani juga harus melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh institusi zakat dan pihak berkaitan supaya penyebaran maklumat dapat dilakukan secara berkesan dan terus.

7.4 CADANGAN KAJIAN MASA HADAPAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memenuhi objektif dan menjawab persoalan-persoalan kajian. Sungguhpun demikian, bukan bermakna kajian lain tidak perlu dilakukan. Sebaliknya, masih ada kajian-kajian lain yang boleh dilakukan berkaitan lokasi kajian, skop kajian serta pengujian model perakaunan zakat padi yang baru dikemukakan.

7.4.1 Lokasi Kajian

Kajian ini mengambil empat negeri sebagai sampel kajian iaitu Selangor, Kelantan, Kedah dan Perlis. Dapatan kajian menunjukkan amalan taksiran zakat padi di negeri-negeri tersebut tidak sepenuhnya seiring dengan garis panduan institusi zakat.

Justeru itu, untuk kajian masa hadapan dicadangkan agar kajian yang sama dilakukan kepada petani di negeri-negeri lain terutama di Sabah dan Sarawak yang juga mengusahakan sawah padi. Hasil kajian itu nanti dapat memperkukuhkan hasil kajian ini. Hasil kajian itu juga mampu menambahkan khazanah ilmu yang berbentuk empirikal berkenaan amalan taksiran zakat tanaman.

Kajian perbandingan boleh juga dilaksanakan antara amalan taksiran zakat tanaman di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Kajian itu penting bagi memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang wujud di antara amalan petani di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak berkenaan taksiran zakat tanaman. Selain itu, kajian perbandingan juga boleh dilakukan antara amalan institusi zakat

dengan amalam petani dalam taksiran zakat tanaman meliputi kadar zakat tanaman, nisab zakat tanaman dan kaedah pengiraan zakat tanaman.

7.4.2 Skop Kajian

Tumpuan kajian ini adalah amalan taksiran zakat padi dalam kalangan petani. Kajian ini tidak memfokuskan kepada tanaman lain selain padi. Maka, kajian lain boleh dilakukan berkaitan tanaman lain seperti kelapa sawit, koko, getah dan jagung kerana tanaman-tanaman ini juga tertakluk kepada zakat tanaman berdasarkan kepada perluasan tanaman yang dikenakan zakat tanaman oleh Abū Ḥanīfah. Beliau menyatakan bahawa zakat tanaman dikenakan atas semua yang terhasil dari muka bumi sama ada yang sengaja diusahakan atau yang tumbuh sendiri kecuali kayu api, buluh dan ganja (Al-Marghīnānī, t.t., jil. 1: 109). Begitu juga dalam enakmen negeri-negeri di Malaysia menyebut zakat tanaman boleh juga dikenakan kepada tanaman lain seperti jagung, kurma, kismis, gandum, sekoi, kacang hijau, kacang soya dan tanaman lain.

7.4.3 Pengujian Model Perakaunan Zakat Padi Yang Baru

Kajian ini juga mengemukakan model perakaunan zakat padi yang baru dan sesuai diamalkan di Malaysia. Oleh itu, pengujian terhadap model perakaunan zakat padi yang baru boleh dilakukan di negeri lain seperti Pulau Pinang, Perak dan Terengganu untuk mengenalpasti kesesuaian penggunaan model tersebut. Pengujian model perakaunan zakat padi yang baru juga dapat mengenalpasti aspek-aspek yang boleh diubahsuai atau ditambah dalam model yang dikemukakan tersebut. Jika model itu sesuai diaplikasikan

kepada petani, maka model perakaunan zakat padi yang baru itu dapat meramal jumlah zakat padi yang bakal dikutip oleh institusi zakat.

7.5 KESIMPULAN

Perbincangan dalam bab ini menjelaskan bahawa kajian ini telah menjawab kesemua persoalan kajian dan mencapai semua empat objektif yang telah digariskan. Penemuan-penemuan kajian juga menyumbang kepada pengembangan ilmu berkenaan amalan taksiran zakat padi. Namun begitu, masih terdapat lagi ruang-ruang penyelidikan yang boleh dikaji bagi memantapkan lagi kajian yang dilakukan dalam usaha untuk mengembangkan ilmu berkaitan zakat tanaman sama ada secara teori atau praktikal.

BIBLIOGRAFI

- `Asqalanī , Aḥmad bin `Alī bin Ḥajar al-(t.t.). *Fath̃ al-bāri bi syarḥ saḥīḥ al-Bukhāri*, jil. 3. Beirut: Dār al-Ma`rifah.
- `Azīm Abadī, Muḥammad Syams al-Haq al- (1990). *`Awn al-ma`bud syarḥ sunan Abī Da`ūd*, jil. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- ‘Aṭiyah, Muḥammad Kamāl (1993). *Sistem perakaunan dalam Islam*. (Mohd. Nor Ngah, Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (Naskah asal diterbitkan 1988).
- A.Husni Malian, Sudi Mardianto & Mewa Ariani (2004). Faktor-faktor yang mempengaruhi produksi, konsumsi dan harga beras serta inflasi bahan makanan. *Jurnal Agro Ekonomi*, 22 (2), 119-146.
- Abd Halim Mohd Noor, Rozman Md Yusof & Ahmad Che Yaakob (2007). Performance indicator model for zakat institution. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1 (2), 71-84.
- Abd. Malik Ismail (1996). Pembasmian kemiskinan petani padi: kajian kes di kawasan bukan jelapang padi. Dalam Chamhuri Siwar & Nor Aini Hj. Idris (Eds.), *Kemiskinan dalam arus pembangunan ekonomi Malaysia* (hh. 221-237). Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Aziz bin Muhammad (1986). Zakat and rural development in Malaysia: an ethical analysis of the concepts of growth and redistribution of income and wealth in Islam and their practices in a contemporary muslim society. Tesis Ph.D, Temple University, USA.
- Abū ‘Ubayd, al-Qāsīm bin Salām (1988). *Kitāb al-amwāl*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Abū Yūsuf, Ya`qūb bin Ibrāhīm (t.t.). *Kitāb al-kharāj*. Beirut: Dār al-Ma`rifah.
- Adibah Abdul Wahab (2008). Peranan agihan zakat dalam mengurangkan masalah kemiskinan bandar: kajian kes di Lembaga Zakat Selangor. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Afzāl al-Raḥman (1980). *Economic doctrin of Islam*, vol. III. Pakistan: Islamic Publication.
- Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal (1995). *al-Musnad*. Kaherah: Dār al-Hadith.
- Ahmad Fauzee Abdullah (2004). Aplikasi pengurusan sumber aset: analisis terhadap harta zakat di negeri Perak. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Hidayat Buang (1998). Harta-harta yang dikenakan zakat: satu analisis hukum. *Jurnal Syariah*, 6, 23-36.

- Ahmad Hidayat Buang et al. (2000). Laporan projek penganalisaan fatwa-fatwa semasa di Malaysia. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim (1975). Islamic law in Malaya. *MSRI*.
- Armiadi Musa Basyah (2009). Pentadbiran zakat di Baitul Mal Aceh: kajian terhadap agihan zakat bagi permodalan masyarakat miskin. Tesis Ph.D, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmak Ab Rahman & Pazim@Fadzim Othman (2005). Kaedah taksiran zakat padi dan kesannya terhadap petani: kajian di Selangor. *Jurnal Syariah*, 13 (1), 37-64.
- Asmak Ab. Rahman (2004). Pemikiran ekonomi Islam dalam bidang pertanian dan amalannya di Malaysia. Tesis Ph.D, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmak Ab. Rahman et al. (2006). An analytical study on agricultural zakat accounting in Malaysia. *Proceeding of International Accounting Conference III (INTAC III)*. Kuala Lumpur: International Islamic University of Malaysia.
- Asmak Ab. Rahman et al. (2010). Laporan kajian kaedah taksiran zakat padi di Malaysia: kesan sosioekonomi terhadap petani dan penyelesaiannya. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Ekonomi.
- Azhar Harun & Nawī Abdullah (2004). Metodologi penyelidikan ekonomi dan sains sosial. Kuala Lumpur: Thomson Learning.
- Azizah Dolah & Abd Halim Mohd Noor. (2009). Kaitan zakat dan cukai di Malaysia. Dalam Abd Halim Mohd Noor et al. (Eds.), *Pengintegrasian zakat dan cukai di Malaysia; menerajui kecemerlangan zakat* (hh. 1-24). Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbit Universiti (UPENA).
- Bahūtī, Manṣūr bin Yūnus bin Idrīs al- (1999). *Kasyāf al-qinā'*, jil. 2. Lubnān: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- Bayu Murdiantoro (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi produksi padi di desa Pulorejo Kecamatan Winong Kabupaten Pati. Tesis Sarjana Muda, Universitas Negeri Semarang.
- Bitizela Mohd Bidin (2002). Zakat saham amanah: konsep dan pentadbirannya di Malaysia. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Bahagian Pengajian Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Blaikie, Norman (2000). *Designing social research*. United Kingdom: Polity Press.
- Buniamin Ramli (2007). Zakat pendapatan: kefahaman dan amalannya di kalangan guru-guru ijazah Simpang Lima, Sungai Besar, Selangor. Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Dalia Ismail (2008). Keterampilan Sheikh Mohamed Abdel Aziz. *Milenia Muslim*, Oktober 2008.
- Dāraqutnī al-Hāfiz, `Alī bin `Umar al- (Taḥqīq: Majdī Maṣūr Sayyid al-Syūrī) (2003). *Sunan al-Dāraqutnī*, jil. 2, cet. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Didin Hafidhuddin (2001). Zakat dalam Perekonomian Modern. Disertasi Doktor Bidang Ilmu Agama Islam (program pascasarjana), IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta, Jakarta, Indonesia.
- Dziauddin Sharif (2003). Sistem pungutan dan agihan zakat fitrah: kajian di Baitulmal Negeri Sembilan. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fuadah Johari (2004). Keberkesanan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan di negeri Melaka. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fujimoto, Akimi (1976). An economic analysis of peasant rice farming in Kelantan, Malaysia. *South East Asian Studies*, 14 (2), 159-176.
- Guermat, C., Al-Utaibi, A.T., & Tucker, J.P. (2003). The practice of zakat: an empirical examination of four gulf countries. Dalam <http://business-school.exeter.ac.uk/documents/papers/economics/2003/0302.pdf>, tarikh akses Jun 2009.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor & Sanep Ahmad (2005). Kesedaran membayar zakat: apakah faktor penentunya?. *International Journal of Management Studies*, 12 (2), 171-189.
- Hamdi Rahman Mohd Yaacob (2006). Pengaruh persekitaran ekonomi dalam menentukan kaedah pemungutan dan pengagihan zakat. Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hamidah Abdul Rahman (1988). Kemiskinan di kalangan pesawah padi dan penoreh getah di daerah Pekan, Pahang Darul Makmur. Disertasi Sarjana, Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hasan Bahrom & Shawal Kaslam (2007). Amalan 'corporate governance' dalam pengurusan institusi zakat di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1 (2), 53-70.
- Hendri Metro Purba (2005). Analisis pendapatan dan faktor-faktor yang mempengaruhi produksi cabang usahatani padi ladang di Kabupaten Karawang. Tesis Sarjana Pertanian, Fakultas Pertanian, Institut Pertanian Bogor, Indonesia.
- Hermawan Wana (2000). Analisis faktor-faktor produksi padi lahan kering di Indonesia. Tesis, Program Pascasarjana, Institut Pertanian Bogor, Indonesia.

- Humam Daud (2004). Kutipan zakat dan agihannya: suatu kajian di awal Islam. Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn al-Syahīr (1966). *Hāsyiyah radd al-muḥtār*, jil. 2. T.T.T: Dār al-Fikr.
- Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh bin Yazīd al-Qazwanī (t.t.). *Sunan Ibn Mājah*. Lubnān: Maktabah al-‘Ilamiyyah.
- Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram (1990). *Lisān al-‘Arab*, jil. 14. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibnu Qudāmah, Abū Muḥammad ‘Abd Allāh bin Aḥmad (1984). *al-Mughnī wa al-syarḥ al-kabīr*, jil. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ida Husna Hedzir (2009). Intention to pay zakah on employment income among manufacturing employees in Penang. Tesis Sarjana, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Ismail Muhd Salleh & Rogayah Ngah (1980). Distribution of zakat burden on padi producers in Malaysia. Dalam M. Raquibuz Zaman (Ed.), *Some aspects of the economics of zakat*. Indiana: American Trust Publications.
- Jaafar Mohd Noh (1980). *Masalah-masalah zakat padi di negeri Selangor dan cara mengatasinya*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Zakat, Petaling Jaya, Selangor.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (t.t.a). Fatwa tentang harga zakat padi. Dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-tentang-harga-zakat-padi>, tarikh akses Julai 2011.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (t.t.b). Kutipan zakat padi melalui pemotongan terus dari kupon subsidi padi di negeri Selangor. Dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kutipan-zakat-padi-melalui-pemotongan-terus-dari-kupon-subsidi-padi-di-negeri-selangor>, tarikh akses Julai 2011.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (t.t.c). Kaedah pengiraan zakat harta bagi negeri Melaka. Dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/kaedah-pengiraan-zakat-harta-bagi-negeri-melaka>, tarikh akses Julai 2011.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (t.t.d). Zakat pertanian (tanaman padi). Dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-pertanian-tanaman-padi-2>, tarikh akses Julai 2011.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (t.t.e). Bagaimanakah mengeluarkan zakat biji-bijian. Dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/bagaimanakah-mengeluarkan-zakat-biji-bijian>, tarikh akses Julai 2011.

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (t.t.f). Zakat padi yang dikendalikan secara mini estet oleh Pertubuhan Peladang. Dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-padi-yang-dikendalikan-secara-mini-estet-oleh-pertubuhan-peladang-0>, tarikh akses Julai 2011.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (t.t.g). Zakat padi. Dalam <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/zakat-padi-1>, tarikh akses Julai 2011)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (t.t.h). Sistem metrik dalam urusan zakat. Dalam http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=18, tarikh akses Ogos 2009.
- Jabatan Mufti Negeri Kelantan (t.t.). Fatwa berhubung dengan zakat padi dari projek penanaman padi yang diusahakan secara lading. Dalam http://www.mufti.kelantan.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=118:fatwa-berhubung-dengan-zakat-padi-dari-projek-penanaman-padi-yang-diusahakan-secara-ladang&catid=44:zakat&Itemid=37, tarikh akses Julai 2011.
- Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (t.t.a). Nisab zakat padi. Dalam <http://www.zakatkedah.com/index.php/padi>, tarikh akses Julai 2011.
- Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (t.t.b). Pendapatan. Dalam <http://www.zakatkedah.com/index.php/pendapatan>, tarikh akses Julai 2012.
- Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (t.t.a). Himpunan fatwa Kedah. Dalam http://www.jawhar.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=265%3Ahimpunan-fatwa-negeri-kedah&catid=45&Itemid=61&lang=ms, tarikh akses Julai 2011.
- Jabatan Mufti negeri Kedah (t.t.). *Himpunan Fatwa*, jil. II. Kedah: Jabatan Mufti negeri Kedah.
- Jeffry E. Sianipar et al. (2009). Analisis fungsi produksi intensifikasi usahatani padi di Kabupaten Manokwari. *Informatika Pertanian*, 18 (2), 107-118.
- Johnson, C. L. (2000). Government intervention in the muda irrigation scheme, Malaysia: 'actors', expectations and outcomes. *The Geographical Journal*, 166 (3), 192-214.
- Joko Triyanto (2006). Analisis produksi padi di Jawa Tengah. Tesis, Program Pasca Sarjana, Universitas Diponegoro Semarang, Indonesia.
- Kahf, Monzer (1999). The principle of socioeconomic justice in the contemporary fiqh of zakah. *IQTISAD Journal of Islamic Economics*, 1 (1), 24-44.
- Kamil Md. Idris (2002). Gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. Tesis Ph.D, Universiti Utara Malaysia.
- Kamil Md. Idris & Ahmad Mahdzan Ayob (2002). Peranan sikap dalam gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *Analisis*, 9 (1&2), 171-191.
- Kampe, J. E. & Winstedt, R. Q. (1948). A Malay legal digest. *JMBRAS*, XXI, part I.

- Kandahlawi, Muḥammad Zakariyya bin Muḥammad bin Yaḥyā al- (Taḥqiq: Ayman Ṣālih Sya' bān) (1999). *Awjāz al-masālik ilā muwaṭṭa' Mālik*, jil. 5. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kāsānī, 'Alā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd al-Ḥanafī al- (1986). *Kitāb badā'i' al-ṣanā'i' fī tartīb al-syarā'i'*, jil. 2, cet. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Kementerian Kewangan Malaysia (2012). Laporan Ekonomi 2012/2013. Dalam http://www.treasury.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=2281%3Alaporan-ekonomi-20122013&catid=73%3Asenarai-laporan-ekonomi&Itemid=174&lang=my, tarikh akses November 2012.
- Kementerian Kewangan Malaysia (2011). Bajet 2011. Dalam <http://www.treasury.gov.my>, tarikh akses Mei 2011.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (t.t.a). IADA Barat Laut Selangor. Dalam http://www.moa.gov.my/web/guest/iada_selangor, tarikh akses Mac 2012.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (t.t.b). Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Dalam http://www.moa.gov.my/web/guest/pengenalan_kada, tarikh akses Mac 2012.
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (t.t.c). Senarai bantuan, subsidi dan intensif industri padi dan beras tahun 2009. Dalam http://www.moa.gov.my/web/guest/intensif_padi_n_beras, tarikh akses Januari 2011.
- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (t.t.). Pendapatan garis kemiskinan (PGK). Dalam http://www.kpkt.gov.my/kpkt/fileupload/PENDAPATAN_GARIS_KEMISKINAN2007.pdf, tarikh akses Januari 2011.
- Khairul Azman Azizan (2004). Zakat padi: masalah pungutan dan penyelesaiannya di Jabatan Zakat Negeri Kedah. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Khan, Muhammad Akram (2000). Some accounting issues relating to zakah. *Islamic Studies*, 39 (1), 103-120.
- Khaṭīb al-Syarbīnī, Syams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad Al-Khaṭīb al- (1997). *Mughnī al-muḥtāj*, j. 1. Lubnān: Dār al-Ma'arifah.
- Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (2007). Laporan Tahunan 2007. Dalam <http://www.mada.gov.my/v1/laporan/2007.pdf>, tarikh akses Januari 2012.
- Lembaga Zakat Selangor (t.t.a). Zakat pertanian. Dalam <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-pertanian/>, tarikh akses Mei 2009.
- Lembaga Zakat Selangor (t.t.b). Kadar nisab terdahulu. Dalam <http://www.e-zakat.com.my/kadar-nisab/>, tarikh akses Januari 2012.

- Lembaga Zakat Selangor (t.t.c). Kalkulator zakat pendapatan. Dalam <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-pendapatan/>, tarikh akses Julai 2012.
- Lembaga Zakat Selangor (t.t.d). Kadar had kifayah. Dalam <http://www.e-zakat.com.my/had-kifayah/kadar-had-kifayah/>, tarikh akses Julai 2012.
- Levin, R. I. & Rubin, D. S. (2000). Statistik untuk pengurusan, edisi 7 (Susila Munisamy & Halimah Awang, Terj.). Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Mahayudin Ahmad (2001). Konsep dan amalan pentadbiran zakat di negeri Kedah: kajian mengikut Enakmen 1955. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2003). *Pengurusan zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyuddin Abu Bakar (2000). Taklid kepada mazhab Syafie dalam amalan berkaitan zakat padi menurut undang-undang zakat negeri Kedah. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t.a). Kadar nisab zakat tanaman(padi). Dalam http://www.e-maik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=237:info-zakat&catid=168:perkhidmatan&Itemid=1094, tarikh akses Mei 2009.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t.b). Kadar zakat tanaman. Dalam http://www.e-maik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=259:kadar-zakat&catid=168:perkhidmatan&Itemid=790, tarikh akses Mei 2009.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (t.t.c). Kira zakat pendapatan. Dalam http://www.e-maik.my/public_new/index.php?option=com_php&Itemid=1137, tarikh akses Julai 2012.
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (2001). *Panduan mengeluarkan zakat*. Perlis: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (2003). *Panduan taksiran zakat*. Perak: Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.
- Maliah Sulaiman (2003). The influence of riba and zakat on Islamic accounting. *Indonesian Management and Accounting Review*, 2 (2), 149-167.
- Mālik bin Anas (1989). *Al-Muwatta'*, cet. 1. Beirut: Dār al-Fikr.
- Mamat Said (2001). Zakat perniagaan: satu kajian di Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Marghīnānī, Burhān al-Dīn Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Abī Bakr bin ‘Abd al-Jalīl al-Rusydānī al- (t.t.). *al-Hidāyah syarḥ bidāyat al-mubtadā*, jil.1. al-Nāsyir: al-Maktabah al-Islāmiyah.
- Mek Wok Mahmud & Sayed Sikandar Shah Haneef (2008). Debatable issues in fiqh al-zakat; a jurisprudential appraisal. *Jurnal Fiqh*, 5, 117-141.
- Melati Mohd Ariff (2012). Industri padi dan beras negara perlu anjakan dan lonjakan. Dalam <http://web6.bernama.com/client/fama/newsbm.php?lang=&id=327069>, tarikh akses Ogos 2012.
- Miller, D.C. & Salkind, N.J. (2002). *Handbook of research design and social measurement*, 6th edition. California: Sage Publications Inc.
- Mohammad Azam Hussain (2000). Pembayaran zakat padi di daerah Pendang, Kedah Darulaman. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohammad Azam Hussain (2004). Pemakaian kaedah taqlid dalam pengiraan zakat padi. Dalam Irwan Mohd Subri et al. (Eds.). *Prosiding Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUFI 2004)*. Kuala Lumpur: Fakulti Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohd Anuar Md Amin (1991). *Ekonometrik; Teori dan Gunaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Liki Hamid (2006). Hubungan budaya dan hukum: tumpuan khusus terhadap perubahan amalan pertanian padi di Kedah dan kesannya kepada ibadat zakat padi. Dalam Md Salleh Md@Ahmad et al. (Eds.). *Hukum Islam dan budaya tempatan* (hh. 201-212). Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1995). *Metodologi penyelidikan*. Edisi Kedua. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zulkhairi Mustapha & Noor Sharoja Sapiei (2005). A comparative analysis on zakah and conventional taxation. *Jurnal Syariah*, 13 (1), 65-80.
- Mohd Zulkifli Ab Ghani (2003). Pengagihan zakat mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994: kajian terhadap asnaf fi sabilillah. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhamad Syukri Muhamad (Ed.). (1993). *Himpunan fatwa mufti kerajaan negeri Kelantan*, jil. 2. Kelantan: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

- Muḥammad bin `Īsa bin Sawrah (Taḥqīq: Muḥammad Fu`ād `Abd. al-Bāqī) (1976). *al-Jamī` al-ṣahīh wahuwa al-sunan al-Tirmidhī*, jil. 3, cet. 3. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Muhammad Yamin Ismail (2007). Pelaksanaan agihan zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 45-52.
- Mujaini Tarimin (1987). Zakat pertanian, sistem dan perlaksanaannya di Malaysia, dengan rujukan khas kepada mukim Tanjung Karang, Selangor. Disertasi Sarjana, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mujaini Tarimin (1990). *Zakat pertanian; sistem dan pelaksanaannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mujaini Tarimin (2005). *Zakat menuju pengurusan profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Muna Khalid (2008). Why the paddy yield fails to meet the target. Dalam <http://kpdnkk.bernama.com/news.php?id=335357&cat=fe>, tarikh akses Mac 2012.
- Nani Sunani (2009). Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi produksi dan konsumsi beras di Kabupaten Siak, Riau. Tesis Sarjana Ekonomi, Departemen Ekonomi Sumberdaya dan Lingkungan, Fakultas Ekonomi dan Manajemen, Institut Pertanian Bogor, Indonesia.
- Nasā`ī, Aḥmad bin Syu`ayb bin `Alī al- (2002). *Sunan al-Nasā`ī*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2004). Pengaruh pemikiran Yusuf al-Qaradawi dalam pentadbiran zakat di negeri Selangor. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nawawī, Imām Abī Zakariyā Muhyi al-Dīn bin Syarif al- (Taḥqīq: Muḥammad Najīb al-Muṭī`ī (1995). *Kitāb al-majmū` syarh al-mazhab li Syirāzī*, jil. 5. Beirut: Dār al-Ihyāi al-Turāth al-Arabī.
- Neuman, W. Lawrence (2003). *Social research methods: qualitative and quantitative approaches*, 5th ed. Boston: Allyn and Bacon.
- Niken Fidyah Ramadhani (2011). Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi pengumpulan zakat, infaq dan shoddaqoh pada Badan Amil Zakat Daerah Sumut. Tesis Sarjana Ekonomi, Fakultas Ekonomi, Universitas Sumatera Utara, Medan, Indonesia.
- Noorhaslinda Kulub Abdul Rashid (2004). Pelaksanaan agihan zakat terhadap asnaf fakir dan miskin dalam membasmi kemiskinan: kajian khusus di Pusat Zakat Selangor. Disertasi Sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Nor ‘Azzah Kamri dan Nor Aini Ali (2010). Issues in zakah management: the case in Malaysia. *Proceeding of the 4th ISDEV international Islamic development management conference*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nor Aini Ali (2003). Perakaunan zakat saham: kajian di Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam, Wilayah Persekutuan. *Jurnal Syariah*, 11 (1), 81-94.
- Nor Aini Ali (2006). Analisis perakaunan zakat di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 14 (2), 35-48.
- Norazah Kosim (2004). Zakat petroleum di Malaysia: kajian kes di Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS). Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norazlina Abd Wahab et al. (2003). Agricultural zakat: source for agricultural development in Kedah. Kertas Kerja Workshop in Islamic Economics, Universiti Kebangsaan Malaysia, 15 Januari 2003.
- Noresah Baharom et al. (Eds.) (2007). *Kamus dewan*, edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Azura Sanusi, Norazlina Abd. Wahab & Nor Fadzlin Mohammad Bahar (2005). Gelagat kepatuhan pembayaran zakat pendapatan: kajian kes UUM. Dalam Abu Sufian Abu Bakar dan Nur Azura Sanusi (Eds.), *Pengukuhan dan transformasi ekonomi dan kewangan Islam, Prosiding Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam* (hh. 275-287). Kuala Lumpur: Univisions Press Sdn. Bhd.
- Nur Barizah Abu Bakar & Abdul Rahim Abdul Rahman (2007). A comparative study of zakah and modern taxation. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economic*, 20 (1), 25-40.
- Nur Barizah Abu Bakar & Hafiz Majdi Abdul Rashid (2010). Motivations of paying zakat on income: evidence from Malaysia. *International Journal of Economics and Finance*, 2 (3), 76-84.
- Nurul Asrin Roslan et al. (2012). Determining risk attitudes of paddy farmers in KETARA granary, Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 2 (3), 225-231.
- Nurul Nazuha Hazizan (2007). Pembangunan sumber manusia melalui agihan zakat: kajian di Pusat Urus Zakat (PUZ) Pulau Pinang. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Nuruul Hidayah Mansor (2012). Analisis perbandingan amalan kaedah pembayaran zakat tanaman: kajian di negeri Selangor dan Perlis. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Palaniappan, A.K. (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.

- Patmawati Ibrahim (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah*, 16 (2), 223-244.
- Piaw, C. Y. (2006a). *Kaedah dan statistik penyelidikan (buku 1) – kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Piaw, C. Y. (2006b). *Kaedah dan statistik penyelidikan (buku 2) – asas statistik penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Piaw, C.Y. (2008). *Kaedah dan statistik penyelidikan (buku 3) – asas statistik penyelidikan; analisis data skala ordinal dan skala nominal*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (t.t.a). Laporan zakat 2007. Dalam <http://www.zakat.com.my/en/laporan/buku-laporan/67-buku-laporan-2007.html>, tarikh akses Julai 2008.
- Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (t.t.b). Laporan zakat 2008. Dalam <http://www.zakat.com.my/en/laporan/buku-laporan/68-buku-laporan-2008.html>, tarikh akses Julai 2009.
- Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (t.t.c). Laporan zakat 2009. Dalam <http://www.zakat.com.my/en/laporan/buku-laporan/69-buku-laporan-2009.html>, tarikh akses Ogos 2010.
- Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (t.t.). Zakat pertanian. Dalam <http://www.zakatpenang.com/index.php/info-zakat/jenis-zakat/zakat-pertanian>, tarikh akses Mei 2009.
- Pusat Zakat Negeri Sembilan (t.t.). Zakat pertanian (padi). Dalam <http://www.zakatns.com.my/ver4/info-zakat/jenis-zakat/zakat-pertanian-padi>, tarikh akses Mei 2009.
- Pusat Zakat Sabah (t.t.). Sejarah Penubuhan. Dalam <http://www.zakat.sabah.gov.my/profail%20pzs/sejarahpenubuhan.html>, tarikh akses 2 Januari 2012.
- Qaraḍāwī, Yūsuf al- (1994). *Fiqh al-zakāh*, jil. 1, cet. 21. Qāherah: Maktabah Wahbah.
- Qazwaynī al-Ma`rūf bi Ibn Mājah, Muḥammad bin Yazīd al- (Taḥqīq: Maḥmūd Muḥammad Maḥmud Ḥasan Nassar) (1998). *Sunan Ibn Mājah*. Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Qurasyī, Yaḥyā bin Ādam al- (Taḥqīq: Aḥmad Muḥammad Syākir) (t.t.). *Kitāb al-kharāj*. Beirut: Dār al-Ma`rifah.
- Ram Al Jaffri Saad, Kamil Md.Idris & Zainol Bidin (2009). Peraturan pembayaran zakat kepada institusi zakat: sikap peniaga dan kesannya terhadap gelagat pembayaran zakat perniagaan. *Jurnal Syariah*, 17 (3), 607-630.
- Rohana Yusof (2003). *Penyelidikan sains sosial*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Rospidah Ghazali & Pazim@Fadzim Othman (2011). Pembangunan indikator untuk penilaian kelestarian sektor padi. *Prosiding PERKEM VI*, jil. 1, 331-347.
- Ruziah Ghazali (2009). Implikasi zakat terhadap sistem percukaian negara. Dalam Abd Halim Mohd Noor et al. (Eds.), *Pengintegrasian zakat dan cukai di Malaysia; menerajui kecemerlangan zakat* (hh. 25-44). Shah Alam, Selangor: Pusat Penerbit Universiti (UPENA).
- Sabitha Marican (2005). *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Sadiya Sami Ismaila (2008). Off farm employment among paddy farmers in the Muda and Kemasin Semerak granary areas, Malaysia. Disertasi Sarjana, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Sālūs, ‘Alī Aḥmad al- (2006). *Mausū‘ah al-qaḍāyā al-fiqhiyah al-mu‘āṣirah wa al-iqtisād al-Islāmī*, cet. 10. Mesir: Dār al-Thaqāfah Qaṭar.
- Samsuri Jelani (1999). Masalah duplikasi antara zakat dan cukai pendapatan di Malaysia. Disertasi Sarjana, Bahagian Pengajian Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid (2005). Sumber zakat: perluasan terhadap harta yang diikhtilaf. *Jurnal Syariah*, 13 (1), 135-162.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Wiyadi (2008). Potensi dan cabaran terhadap perluasan sumber zakat sektor pertanian di Malaysia. *Jurnal Manajemen dan Bisnis*, 12 (1), 66-76.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business, a skill-building approach*, 4th edition. USA: John Wiley & Son, Inc.
- Siti Mashitoh Mahamood (2007). Sistem perundangan zakat di Malaysia: antara realiti dan harapan. Kertas kerja persidangan zakat dan cukai peringkat kebangsaan 2007 di Pusat Dagangan Dunia Putra, 22 Mei 2007.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis data dalam penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syafī‘ī, Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs al- (1993). *al-Umm*, jil. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Syawkānī, Muḥammad bin ‘Alī bin Muḥammad al- (1994). *Fath al-qadīr*, jil. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Tabung Baitumal, Majlis Agama Islam Sarawak (t.t.). Sejarah. Dalam <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/sejarah.html>, tarikh akses Januari 2012.
- Thohir Basuki (2008). Analisis pendapatan usahatani padi dan faktor-faktor yang mempengaruhi petani untuk menanam padi hibrida. Tesis, Program Studi Manajemen Agribisnis, Fakultas Pertanian, Institut Pertanian Bogor, Indonesia.

- T. P. (2012). MADA giat majukan estet padi tatkala PAS sibuk cetus kontroversi. Dalam *BorneoPost Online*, 16 Jun 2012, <http://www.theborneopost.com/2012/06/16/mada-giat-majukan-estet-padi-tatkala-pas-sibuk-cetus-kontroversi/>, tarikh akses Ogos 2012.
- Tunde, A.M., Usman, B.A. & Olawepo, V.O. (2011). Effects of climatic variables on crop production in Patigi L.G.A., Kwara State, Nigeria. *Journal of Geography and Regional Planning*, 4 (14), 695-700.
- Unit Perancang Ekonomi (t.t.). Bab IV. Dalam <http://www.epu.gov.my/chapter4>, tarikh akses Januari 2011.
- Wahairi Mahmud (2002). Kesan penubuhan pusat zakat ke atas pentadbiran zakat di negeri Pahang. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Bahagian Pengajian Syariah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Winstedt, R. Q. (1928). Kedah Law. *JMBRAS*, vol. VI.
- Yin, R. K. (1994). *Case study research-design and methods*, 2nd edition. California: Sage Publications Inc.
- Zainol Bidin & Kamil Md. Idris (2008). The role of attitude and subjective norm on intention to comply zakat on employment income. *IKAZ International Journal of Zakat*, 1, 113-134.
- Zainol Bidin & Kamil Md. Idris (2009). Sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggung terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *International Journal of Management Studies*, 16 (1), 31-55.
- Zaman, M. Raquibuz.(1980). Policy implications of introducing zakah into Bangladesh and into Saudi Arabia. Dalam Zaman, M. Raquibuz (Ed.), *Proceedings of the conference on the economics of zakah*. New York: American Trust Publications, 209-226.
- Zikmund, W. G. (2000). *Business research methods*, 6th edition. New York: The Dryden Press.
- Zuhayli, Wahbah al- (1989). *al-Fiqh al-Islāmī wa adillatuh*, jil. 2, cet. 3. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Zukarnain Zakaria & Hishamuddin Md Som (2001). *Analisis data menggunakan SPSS windows*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

SENARAI TEMU BUAL

- Temu bual dengan Encik Hisam Mohammed Yussoff, Pegawai Zakat Dakwah, Lembaga Zakat Selangor di Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor, 4 Ogos 2010, jam 11.00 pagi.
- Temu bual dengan Encik Mohd Sani Harun, Eksekutif Zakat, Jabatan Zakat Kedah di Jabatan Zakat Kedah, 16 Ogos 2010, jam 9.30 pagi.
- Temu bual dengan Encik Suhaimi Nordin, Pegawai Bahagian Agihan Zakat Baitulmal Negeri Perlis di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, 16 Ogos 2010, jam 2.30 petang.
- Temu bual dengan Puan Nik Sabrina Nik Soh, Eksekutif Penyelidikan dan Pembangunan, Pejabat Urus Tadbir Korporat, Lembaga Zakat Selangor di Majlis Agama Islam Selangor, Klang, Selangor, 2 Ogos 2010, jam 10.00 pagi.
- Temu bual dengan Ustaz Hashim bin Taib, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis melalui perbualan telefon, 19 Oktober 2012, jam 10.35 pagi.
- Temu bual dengan Ustaz Murtadha Hj. Abdullah, Pegawai Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 8 Ogos 2010, jam 10.00 pagi.

LAMPIRAN 1: SOAL SELIDIK

No. Siri: _____

Bahagian A: Maklumat Asas Petani

1. Umur Tahun
2. Jantina
 1 Lelaki
 2 Perempuan
3. Taraf Perkahwinan
 1 Bujang
 2 Duda
 3 Berkahwin
 4 Janda
4. Taraf Pendidikan Tertinggi
 1 Tiada Persekolahan
 2 Sekolah Rendah
 3 Sekolah Agama/Pondok
 4 SRP/PMR/LCE
 5 SPM/MCE
 6 STPM/Diploma
 7 Ijazah
 8 Lain-lain
(nyatakan).....
5. Bilangan Tanggungan Orang
(Termasuk Tuan/Puan sendiri & termasuk anak yang tinggal bersama walaupun telah bekerja)

Bahagian B: Pemilikan Sawah Dan Aktiviti Penanaman Padi

1. Apakah status pekerjaan bertanam tuan/puan?
 1 Pekerjaan utama
 2 Pekerjaan sampingan
2. Adakah tuan/puan merupakan ahli Persatuan Peladang Kawasan (PPK)?
 1 Ya
 2 Tidak
3. Apakah jenis pengairan yang tuan/puan gunakan dalam aktiviti bersawah padi pada musim yang lepas? **Tandakan mengikut keutamaan.**
 Contoh jika susunan adalah ACB, tandakan 1 di kotak A, 2 di kotak C dan 3 di kotak B. Tidak semestinya semua kotak perlu ditandakan.
 A Sistem saliran yang disediakan oleh Kerajaan
 B Sistem saliran yang diusahakan sendiri (pam)
 C Sumber alam semula jadi (hujan, sungai dan mata air)

4. Apakah jenis pemilikan sawah tuan/puan dan keluasannya?

(✓)	Jenis Pemilikan	Jumlah Keluasan		Kadar sewa (RM) / Pawah (nisbah) semusim	
		Ekar	Relung	Tuan Tanah	Pemawah
1	Milik sendiri				
2	Milik sendiri yang disewakan kepada orang lain				
3	Milik sendiri yang dipawah kepada orang lain				
4	Tanah yang disewa dari orang lain / institusi				
5	Tanah yang dipawah dari orang lain				
6	Tanah milik orang lain (pesawah diupah)				

* Tandakan dan nyatakan semua jenis pemilikan tanah sawah yang dimiliki oleh petani

5. Siapakah yang membantu tuan/puan mengerjakan sawah padi?

(Sekiranya mereka yang membantu dibayar upah, nyatakan jumlah upah (semusim) yang dibayar kepada mereka.)

Σ	Pembantu	Pemberian Upah		Jumlah Upah Semusim (RM)	Bentuk Pemberian Upah	
		Ya	Tidak		Per hasil	Per turun
1	Suami					
2	Isteri					
3	Anak-anak					
4	Bapa					
5	Ibu					

6. Jika ahli keluarga tidak dibayar upah, sila jelaskan mengapa? (boleh tanda lebih dari satu)

- 1 Mereka ahli keluarga dan tidak perlu diberi upah
- 2 Hasil jualan padi tidak cukup untuk memberi upah
- 3 Lain-lain (nyatakan).....

7. Biasanya, berapakah kekerapan tuan/puan menanam padi dalam setahun?

- 1 Semusim dalam setahun
- 2 Dua musim dalam setahun
- 3 Tiga musim dalam setahun
- 4 Lain-lain (nyatakan).....

8. Berapakah jumlah hasil pengeluaran padi tuan/puan dalam musim terakhir (dalam kg atau tan)?

Kg / Tan / Guni

9. Berapakah jumlah pendapatan (hasil jualan padi bersama subsidi harga padi) pada musim terakhir yang tuan/puan terima?

Jumlah hasil jualan padi	RM
Jumlah subsidi harga padi	RM
Jumlah keseluruhan pendapatan	RM

10. Kepada siapakah tuan/puan menjual hasil padi? (*boleh tanda lebih dari satu*)

1	<input type="checkbox"/>	Kilang BERNAS
2	<input type="checkbox"/>	Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)
3	<input type="checkbox"/>	Agensi Pembeli Swasta
4	<input type="checkbox"/>	Lain-lain (<i>nyatakan</i>).....

11. Adakah tuan/puan menerima sebarang bentuk bantuan daripada mana-mana pihak dalam aktiviti penanaman padi?

1	<input type="checkbox"/>	Ya – jawab soalan 12
2	<input type="checkbox"/>	Tidak – teruskan ke soalan 13

12. Apakah jenis bantuan yang tuan/puan terima dalam aktiviti penanaman padi? (*Boleh tanda lebih dari satu*)

Σ	Jenis bantuan	Nilai (RM)/ Jumlah Timbangan/ Kekurangan
1	Subsidi baja	
2	Subsidi racun	
3	Subsidi kapur	
4	Pinjaman kewangan	
5	Khidmat nasihat	
6	Kontrak tanah	
7	Lain-lain (<i>nyatakan</i>) :	

13. Nyatakan jumlah perbelanjaan sendiri yang dikeluarkan bagi kos-kos penanaman padi tuan/puan (semusim) (tidak termasuk subsidi dan bantuan yang diberikan oleh kerajaan)

KOS PENANAMAN PADI					
(A) KOS BAHAN INPUT		(B) KOS INPUT TENAGA KERJA		(C) KOS-KOS LAIN	
Perkara	Jumlah (RM)	Perkara	Jumlah (RM)	Perkara	Jumlah (RM)
1 Benih		1 Memotong tunggul jerami		1 Sewa tanah	
2 Baja		2 Membakar jerami		2 Bayaran pawah tanah	
3 Kapur		3 Merata tanah		3 Cukai tanah	
4 Bahan rawatan semaian benih		4 Pengangkutan/penghantaran baja subsidi		4 Cukai tali air	
5 Racun kawalan serangga		5 Membajak		5 Bayaran pinjaman Bank Pertanian	
6 Racun kawalan penyakit		6 Menyedia lorong kerja		6 Bayaran pinjaman PPK	
7 Racun kawalan rumpai		7 Pam air [Sendiri (bahan api)/ upah]		7 Bayaran pinjaman lain-lain (nyatakan)	
8 Racun kawalan siput gondang emas		8 Merendam/menyejat/merawat benih		(.....)	
9 Racun kawalan tikus		9 Meracun rumpai sebelum putaran tanah		*	
10 Pelbagai racun		10 Menabur benih		*	
*		11 Mencedung			
*		12 Menabur kapur			
		13 Menyulam			
		14 Cuci batas			
		15 Membedai			
		16 Membaja			
		17 Upah kawalan perosak padi			
		18 Mencabut padi angin			
		19 Menuai			
		20 Mengangkut padi [Sendiri (bahan api)/ upah]			
		21 Membaiki parit / membina parit			
		22 Menyemai semaian benih			
		23 Lain-lain upah			
JUMLAH KOS		JUMLAH KOS		JUMLAH KOS	
JUMLAH KESELURUHAN KOS (A) + (B) + (C) =					

Bahagian C: Perbelanjaan / Simpanan dan Pendapatan Lain (Bulanan)

1. Sila nyatakan perbelanjaan bulanan sara hidup tuan/puan selain perbelanjaan kos-kos penanaman padi? (* nyatakan sekiranya terdapat perbelanjaan-perbelanjaan lain)

	Jenis Perbelanjaan	RM
1	Bil air	
2	Bil Elektrik	
3	Bil Telefon / prabayar	
4	Sewa rumah	
5	Ansuran rumah	
6	Perbelanjaan anak-anak bersekolah (makanan, pengangkutan dsb)	
7	Perbelanjaan anak-anak belum bersekolah	
8	Makanan	
9	Pakaian	
10	Perubatan	
11	Ansuran Kereta	
12	Ansuran motosikal	
13	Ansuran lori	
14	Insurans/takaful	
15	Simpanan/tabungan	
16	Perbelanjaan anak - buku, pakaian, yuran dsb (tahunan)	
	*	
	*	
	Jumlah Keseluruhan	

2. Jika tuan/puan melakukan pekerjaan lain selain menanam padi, sila nyatakan:

	Jenis / Bidang pekerjaan	Bentuk Pekerjaan		Jumlah pendapatan sebulan (RM)
		tetap	bermusim	
1	Berkebun			
2	Berniaga			
3	Buruh			
4	Jurujual			
5	Siak masjid			
6	Cikgu			
7	Lain-lain (nyatakan).....			

3. Jika tuan/puan menerima pendapatan selain hasil padi dan pekerjaan di atas, sila nyatakan.

Jenis Sumber pendapatan	Kekerapan		Jumlah (RM)
	Tetap bulanan	Sekali sekala	
Pemberian anak			
Hasil sewa (rumah / tanah / mesin / kenderaan / lain-lain)			
*			
*			
*			
*			

Bahagian D: Pembayaran Zakat Padi

1. Di manakah tuan/puan membayar zakat padi?

- 1 Institusi zakat/amil yang dilantik oleh institusi zakat (sila jawab **Bahagian D, F, G1 & G2**)
- 2 Asnaf zakat (sila jawab **Bahagian D, E1, F, G1 & G2**)
- 3 Institusi zakat/amil yang dilantik oleh institusi zakat & asnaf zakat (sila jawab **Bahagian D, E2, F, G1 & G2**)

2. Bilakah tuan/puan membayar zakat padi?

- 1 Setiap kali selepas menuai
- 2 Setahun satu kali
- 3 Lain-lain (*nyatakan*).....

3. Tuan/puan membayar zakat padi dalam bentuk: (*boleh tanda lebih dari satu*)

- 1 Padi
- 2 Wang
- 3 Padi dan wang

4. Kaedah pembayaran zakat?

- 1 Hasil kasar
- 2 Hasil bersih (tolak kos tanaman)
- 3 Hasil bersih (tolak kos tanaman dan sara hidup)

5. Siapakah yang mengira zakat padi tuan/puan? (*boleh tanda lebih dari satu*)

- 1 Diri sendiri
- 2 Ahli Keluarga
- 3 Amil
- 4 Imam Kariah
- 5 Ustaz/guru agama
- 6 Kakitangan institusi zakat
- 7 Pihak Bernas
- 8 Lain-lain (*nyatakan*)

6. Adakah tuan/puan mengetahui fatwa/panduan berkenaan taksiran zakat padi

- 1 Ya (sila jawab soalan 7 dan seterusnya)
2 Tidak (terus ke soalan 10 dan seterusnya)

7. Sumber fatwa/panduan tersebut (*boleh tanda lebih lebih dari satu*)

- | | | | |
|----------------------------|----------------------------------|----------------------------|-------------------------------------|
| 1 <input type="checkbox"/> | Institusi zakat | 5 <input type="checkbox"/> | Ceramah institusi zakat |
| 2 <input type="checkbox"/> | Imam | 6 <input type="checkbox"/> | Internet |
| 3 <input type="checkbox"/> | Guru agama | 7 <input type="checkbox"/> | Mufti |
| 4 <input type="checkbox"/> | Risalah/pamphlet institusi zakat | 8 <input type="checkbox"/> | Lain-lain (<i>nyatakan</i>) |

8. Adakah tuan/puan mengira zakat padi berdasarkan fatwa/panduan tersebut

- 1 Ya (terus ke soalan 10 dan seterusnya)
2 Tidak (sila jawab soalan 9 dan seterusnya)

9. Jika tidak, kenapa? (*boleh tanda lebih lebih dari satu*)

- | | | | |
|----------------------------|-------------------|----------------------------|-------------------------------------|
| 1 <input type="checkbox"/> | Amalan tradisi | 4 <input type="checkbox"/> | Ikut kawan |
| 2 <input type="checkbox"/> | Saranan ustaz | 5 <input type="checkbox"/> | Ikut jiran |
| 3 <input type="checkbox"/> | Kefahaman sendiri | 6 <input type="checkbox"/> | Lain-lain (<i>nyatakan</i>) |

10. Sila tandakan jika tuan/puan ada membayar zakat selain zakat padi (*boleh tanda lebih dari satu*)

- 1 Zakat tanaman lain (*nyatakan*).....
2 Zakat Perniagaan
3 Zakat Gaji / Pendapatan / *Mal Mustafad*
4 Zakat Emas / Perak
5 Zakat Ternakan
6 Zakat Simpanan
7 Lain-lain (*nyatakan*)

8 Tidak membayar zakat

11. Kaedah taksiran zakat padi (pengusaha, pemilik/pengusaha, penyewa, pemawah)

✓	Status Responden	Pembayar Zakat					Kadar Nisab (RM / Timbangan)	Kadar Zakat (%)			Jumlah Zakat (RM)	Tolakan kos		Zakat subsidi harga padi (%)				Kaedah bayaran zakat tanah pawah	
		Tuan tanah sahaja	Penyewa sahaja	Pemawah sahaja	Tuan tanah dan penyewa / pemawah	Petani yang diupah		5	7.5	10		Jumlah Kos Tanaman	Jumlah Kos Sara hidup	2.5	5	7.5	10	Jumlah Zakat subsidi (RM)	Sebelum bahagi hasil
1	Tuan tanah yang mengusahakan sawah sendiri (pengusaha)																		
2	Tuan tanah yang menyewakan sawah kepada orang lain																		
3	Tuan tanah yang pawah sawah kepada orang lain																		
4	Petani yang menyewa sawah daripada orang lain																		
5	Petani yang memawah sawah daripada orang lain																		
6	Petani yang diupah mengusahakan tanah orang lain																		

*Sila selaraskan dengan bahagian B soalan nombor 3

Bahagian E1 (Pembayar zakat kepada asnaf zakat)

1. Apakah dengan membayar terus kepada golongan yang difikirkan layak itu berkesan?

- 1 Ya
2 Tidak

2. Berikan alasan kenapa tuan/puan membayar zakat terus kepada asnaf zakat

Bil	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1	Lebih mudah berurusan terus dengan asnaf	1	2	3	4
2	Lebih menjimatkan masa	1	2	3	4
3	Sukar berjumpa amil	1	2	3	4
4	Perbezaan fahaman politik	1	2	3	4
5	Tidak ada kesefahaman dalam memahami mengenai zakat padi	1	2	3	4
6	Terdapat fatwa di mana pemerintahan negeri ini bukanlah secara Islam	1	2	3	4
7	Kaedah agihan institusi zakat yang kurang praktikal	1	2	3	4
8	Kaedah agihan institusi zakat yang kurang adil	1	2	3	4
9	Kemudahan kaunter pembayaran zakat padi terhad	1	2	3	4
10	Kurang pendedahan mengenai program pengagihan zakat yang dijalankan oleh institusi zakat	1	2	3	4
11	Lokasi institusi zakat jauh	1	2	3	4
12	Kurang keyakinan terhadap pengagihan zakat oleh institusi zakat	1	2	3	4
13	Bayaran agihan tidak mencukupi	1	2	3	4
14	Kaedah agihan tidak jelas	1	2	3	4
15	Agihan tidak menyeluruh mengikut asnaf	1	2	3	4
16	Maklumat agihan tidak diketahui	1	2	3	4
17	Maklumat agihan tidak diwarwarkan kepada masyarakat	1	2	3	4

Bil	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
18	Maklumat agihan tidak telus	1	2	3	4
19	Kurang mendapat kerjasama daripada amil	1	2	3	4
20	Amil tidak menjalankan tugasnya mengutip zakat padi	1	2	3	4
21	Lebih berpuashati jika mengagihkan sendiri zakat padi	1	2	3	4

Bahagian E2 (Pembayar zakat kepada institusi zakat/amil yang dilantik oleh institusi zakat & asnaf zakat)

1. Berikan alasan kenapa tuan/puan membayar zakat kepada institusi zakat/amil yang dilantik oleh institusi zakat dan asnaf zakat.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

2. Nyatakan nisbah pembayaran zakat kepada institusi zakat/amil : asnaf zakat.

: dalam peratus.

Bahagian F

1. Adakah tuan/puan juga merupakan penerima zakat dalam tempoh 1 tahun kebelakangan?

	Tandakan (✓)	Bentuk Kekerapan Penerimaan				Jumlah (RM)
		Mingguan	Bulanan	Tahunan	Sekali Terima	
1	Ya (<i>nyatakan sumber spt individu yang membayar terus, Majlis Agama Islam dsb</i>) (.....)					
2	Tidak					

2. Adakah tuan/puan juga menerima bantuan sara hidup selain zakat?

	Tandakan (✓)	Jenis Bantuan		Kekerapan Penerimaan Bantuan		
		Kewangan (RM)	Bukan kewangan (<i>nyatakan bentuk bantuan</i>)	Mingguan	Bulanan	Tahunan
1	Jabatan Kebajikan Masyarakat					
2	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM)					
3	Lain-lain (<i>nyatakan</i>)					
4	Tidak					

Bahagian G1: Pandangan Tentang Zakat Padi

Bil	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
1	Tuan/puan tidak mengalami masalah dalam mengira zakat padi untuk diri sendiri.	1	2	3	4
2	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk perbelanjaan keluarga.	1	2	3	4
3	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk modal penanaman padi musim akan datang.	1	2	3	4
4	Hasil padi tuan/puan sekadar cukup untuk menampung kos yang dikeluarkan untuk penanaman padi pada musim ini.	1	2	3	4
5	Tuan/puan mempunyai bebanan hutang untuk perbelanjaan aktiviti menanam padi.	1	2	3	4
6	Pendapatan pesawah adalah lebih kurang sama dengan taraf hidup orang miskin dan fakir.	1	2	3	4
7	Tuan/puan berpuashati dengan kadar nisab padi di negeri tuan/puan.	1	2	3	4
8	Tuan/puan mengetahui kadar nisab padi berbeza antara negeri-negeri di Malaysia.	1	2	3	4
9	Sepanjang penglibatan tuan/puan dalam aktiviti sawah padi, kadar nisab wajib zakat padi didapati sentiasa berubah-ubah di negeri tuan/puan.	1	2	3	4
10	Kadar nisab zakat padi perlu ditingkatkan dengan kadar yang lebih tinggi di negeri tuan/puan.	1	2	3	4
11	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos-kos tanaman / pengeluaran.	1	2	3	4
12	Kutipan zakat padi perlu ditolak terlebih dahulu kos sara hidup.	1	2	3	4
13	Subsidi harga padi yang diterima perlu dikenakan zakat.	1	2	3	4
14	Tuan/puan lebih berpuashati jika mengagihkan sendiri zakat kepada asnaf yang layak.	1	2	3	4

Bil	Perkara	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
15	Pembayaran zakat padi tuan/puan mengambil tempat upah.	1	2	3	4
16	Tuan/puan berpuashati dengan kaedah pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang.	1	2	3	4
17	Pengiraan zakat padi yang diamalkan sekarang kurang adil kepada petani.	1	2	3	4
18	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana padi bukan dimakan sendiri.	1	2	3	4
19	Zakat padi tidak relevan untuk dikenakan zakat tanaman kerana hasil padi dijual.	1	2	3	4
20	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat perniagaan (2.5%).	1	2	3	4
21	Hasil padi lebih sesuai dikenakan zakat pendapatan (2.5%).	1	2	3	4
22	Sepanjang pengetahuan tuan/puan, ada petani yang membayar zakat padi juga menerima zakat.	1	2	3	4

Bahagian G2: Pengetahuan Tentang Fatwa Zakat Padi

Bil	Perkara	Tahu	Tidak Tahu
1	Tuan/puan mengetahui fatwa di negeri Kedah yang membolehkan petani menolak kos tanaman dalam pengiraan zakat padi apabila tanaman padi dilaksanakan secara perladangan/ berkelompok.	1	2
2	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Perlis membolehkan petani menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam pengiraan zakat padi.	1	2
3	Tuan/puan mengetahui bahawa fatwa di negeri Selangor yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam dalam pengiraan zakat padi.	1	2
4	Tuan/puan mengetahui bahawa amalan di negeri Kelantan yang tidak menolak kos tanaman dan kos sara hidup dalam dalam pengiraan zakat padi.	1	2

LAMPIRAN 2: SOALAN TEMU BUAL

1. Adakah undang-undang yang terpakai bagi perkara zakat di negeri ini khususnya berkaitan zakat tanaman?
2. Adakah wujud fatwa berkaitan zakat tanaman? Nyatakan fatwa tersebut jika ada.
3. Adakah fatwa tersebut telah digazetkan?
4. Adakah jenis tanaman yang tertakluk pada taksiran zakat tanaman?
5. Berapakah jumlah nisab zakat tanaman?
6. Berapakah kadar zakat tanaman yang diwajibkan?
7. Adakah wujud perbezaan antara kaedah pengiraan zakat tanaman yang diusahakan secara perseorangan dengan kaedah pengiraan zakat tanaman yang diusahakan secara berkelompok?
8. Bolehkah pihak tuan memberikan contoh pengiraan zakat tanaman bagi kedua-dua kaedah penanaman tersebut?
9. Berapakah jumlah pembayar zakat tanaman?
10. Berapakah jumlah kutipan zakat tanaman pada tahun 2007 hingga tahun 2009?
11. Jika petani diberi subsidi harga padi, adakah subsidi tersebut dikenakan zakat?
12. Berapakah kadar zakat subsidi harga padi?
13. Berapakah jumlah nisab zakat subsidi harga padi?
14. Adakah wujud fatwa berkaitan zakat subsidi harga padi? Nyatakan fatwa tersebut jika ada.
15. Adakah fatwa tersebut telah digazetkan?